

Sampai Kemuncak

Richard Wurmbrand

Jan 1

“Ajarlah kita mengira hari-hari kita.” (Mazmur 90:12)

* * *

Seorang Amerika memujuk rakannya yang baru sampai dari negeri Thai, “Cepatlah, kita lari dan menangkap bas itu!” Selepas mereka naiki, orang Amerika itu pun berkata dengan gembira, “Kita telah jimat lima minit!” Orang Thai itu pun tanya, “Apa yang kamu ingin buat dengan masa itu?”

Orang-orang di negara-negara Barat yang maju tiada jawapan untuk soalan ini. Keturunan kita telah lupa bagaimana untuk berjalan. Kita hanya tahu lari dan memandu.

Yesus tidak sekali-sekali berlari; Dia saja berjalan. Pada masa-Nya ada kuda, unta, dan kereta kuda, tetapi kita tidak pernah baca bahawa Dia gunakan mana-mana itu. Saja sekali Dia menunggang seekor haiwan, iaitu yang berjalan lebih lambat daripada manusia.

Kita buat baik untuk menjimat masa. Setiap minit adalah sebiji permata, tetapi kita biasa terlalu lambat menyedari harganya. Ada sebuah cerita yang kata, ada seorang berjalan pada waktu malam di tepi sungai. Dia

tersangkut di atas sesuatu beg yang mengandungi batu-batu kecil. Dia pun membawa sama dan membaling se-biji demi se-biji ke dalam sungai. Dia suka dengar bunyi terjatuh-nya ke dalam air itu. Apabila dia sampai rumah, saja dua biji yang tinggal. Dia nampak batu itu permata.

Kita lari untuk menjimat masa dan membelanja apa yang kita jimat ini dalam aktiviti-aktiviti yang sia-sia, atau bersebang-sembang, atau permainan. Seorang juru wang perlu menjawab setiap sen yang digunakannya. Seorang yang usir tujuh puluh tahun kena menjawab Tuhan untuk 37,000,000 minit yang dibelanjakannya.

Jan 2

“Tuhan ini kasih.” (1 Yohanes 4:8)

* * *

Seorang Kristian Soviet yang telah dilepaskan dari penjara menulis surat ini:

Rupa saya kurang menarik. Di sebuah kemahanan, saya bekerja di bawah tanah. Saya mengenai sesuatu kemalangan dan menjadi seorang bongkok. Ada sekali, seorang lelaki nampak saya dan tanya, “Pakcik, apanya di belakang kamu itu?” Saya pasti akan kena ejek semula, tetapi saya masih menjawab, “Bonggol belakang.”

“Bukan,” kata budak itu. “Tuhan ini kasih dan tidak memberi sesiapa pun rupa hodoh. Kamu bukan ada bonggol di belakang melainkan sejenis kotak di bawah bahu. Di dalam kotak ini tersimpan sayap-sayap malaikat. Pada suatu hari kotak ini akan terbuka dan kamu akan dapat terbang ke syurga.” Saya mulai menangis sebab gembira. Bahkan kini, bila saya tulis, saya pun menangis.

Setiap orang pun ada sesuatu “bonggol belakang,” sejenis kekurangan di dalam tubuh atau di dalam batin, ataupun di dalam rohani. Sesuatu yang menjadikan kita berbeza daripada orang lain. Hal ini hanya rupa demikian apabila kita nampak dari segi duniawi. Di sini kita saja “tahu sebahagian” (1 Korintus 13:12). Oleh kerana ini, kehidupan dan kesengsaraan kita rupanya tidak bererti.

Tuhan telah membiarkan seseorang bonggol, seseorang kesakitan, atau kemiskinan, atau dipenjarakan, atau diceraikan, atau kesedihan lain. Tetapi kita tidak terima ukuran manusia dan menganggap ini sebagai kemalangan. Kita guna ukuran budak Soviet yang dipenuhi Roh itu, dan nampak di dalam sengsara kita ada sayap malaikat, yang akan membawa kita ke syurga.

Jan 3

“Tetapi Tuhan ada di dalam bait-Nya yang kudus, berdiam dirilah di hadapan-Nya, ya segenap bumi!”
(Habakuk 2:20)

* * *

Dua ribu tahun dulu, seorang ahli politik Athen bernama Phocion sedang tunggu lama untuk rambutnya dikerat, sedangkan tukang gunting rambutnya memberitahu pelanggan yang sedang dilayaninya akan situasi politik Athen yang terbaru. Akhirnya giliran Phocion pun sampai. Juru gunting itu tanya, “Apakah gaya pangkas yang encik mahu?” Phocion menjawab, “Gaya sunyi.” Jawapan mudah ini kerap kali di dapati di buku-buku yang teragung di dunia.

Kita adalah mangsa kekurangan sunyi. Tiap-tiap hari kita dikelilingi bunyi: dari kereta, TV, kapal terbang, pencuci baju, penghisap debu vacuum, kipas – dan jangan kata akan kebisingan kanak-kanak dan banyak ucapan dewasa yang tidak berfaedah.

Saya mengenali Kristian-Kristian yang telah dipenjarakan di bilik perseorangan yang sunyi semua sekali. Apabila mereka mendengar cakapan manusia

lagi, mereka hairan begitu banyaknya yang hampa ertinya.

Jika kamu ingin sampai Tuhan, cipta kesunyian dikelilingi kamu. Tutup TV. Masuk ke dalam bilik-mu, atau mengajar kekasihmu berdiam beberapa jam sehari.

Tetapi kesunyian bukan semua sekali sunyi. Semua jeritan orang di dalam sengsara, semua tangisan mangsa, semua sorak gembira sejati, perbincaraan yang benar, banyak khutbah-khutbah, dan pendapat sains, semua terlindung di dalam kesunyian di keliling kamu. Di atas semua ini kamu akan mendengar suara Tuhan. Kamu akan diterangkan jika kamu dengar, sebagaimana Yesus apabila dia belanja seluruh malam di atas bukit yang sunyi.

Jan 4

“Malaikat itu berkata kepada Maria,
‘Bersukacitalah, kamu yang dikasihi, Tuhan
bersamamu; bahagialah kamu di antara wanita!’” (Lukas
1:28)

* * *

Di sebuah negeri komunis, seorang banduan muda telah dibawa dari bilik kurungannya ke mahkamah. Selepas dia kembali, mukanya bersinar. Banduan-banduan lain tanya apa apa yang terjadi. Dia menjawab, “Serupa hari Maria mendapat pengumuman. Betapa eloknya! Seorang dara yang suci berenung bersendirian. Tiba-tiba malaikat terang muncul di depannya. Malaikat itu berkata bahawa Maria akan dapat Pencipta sebagai bayinya, dan Maria sebagai seorang makhluk akan dapat mencuci Penciptanya. Dia akan membasuh Yang Esa itu, yang akan membersihkan dosa semua manusia. Dia akan mengajar yang Maha Tinggi itu bagaimana untuk berjalan. Dia akan mengajar Firman Tuhan ini bercakap. Dan Anak itu akan menjadi matahari dan keriangannya sekeluarganya.

“Ada juga masa yang susah. Ibu ini akan berdiri menangis di bawah salib, di mana Anaknya – Anak Tuhan – akan mati untuk keselamatan kita. Tetapi ini

akan terlepas. Anak ini akan bangkit dan naik ke syurga, dan tentu Dia akan membawa ibu-Nya bersama-sama. Di sana mereka akan bergembira semula, tanpa tamat.”

Para banduan mengucap terima kasih untuk khutbahnya yang elok ini, tetapi mereka terus tanya, “Kami tanya hal yang lain. Apakah yang terjadi di mahkamah?”

Banduan muda itu pun mengulang, “Saya telah beritahu. Serupa hari pengumuman Maria. Hakim-hakim telah menjatuhkan hukuman mati bagi saya. Bagus tak? Pintu pagar mutiara, jalan bandar emas, malaikat-malaikat yang memuliakan Tuhan, persamaan orang-orang saleh, dan lebih penting daripada segala ialah rehat di dalam pelukan Yesus.”

Setiap tahun kita pun berlangkah ke arah kematian. Biarlah kita mengambil langkah ini dengan gembira dan dengan harapan. Yesus telah hidup semula. Orang-orang yang percaya pada-Nya akan hidup lagi juga.

Jan 5

“Tuhan membuka mulut keldai itu.” (Bilangan 22:28)

* * *

Percayalah pada Alkitab. Ada sesetengah cerita di dalamnya yang sukar diterima, tetapi tiada pilihan lain. Jika kita tidak menerima yang sulit itu, kita pun kena menerima yang mustahil.

Orang-orang kufur mengejek: Alkitab berkata bahawa seekor keldai bercakap. Tetapi Alkitab tidak berkata demikian. Ia tertulis, “Tuhan membuka mulut keldai itu.” Dengan sesuatu Tuhan yang maha kuasa, seekor keldai dapat bercakap bila-bila pun.

Jika kita tidak percaya pada Tuhan, apa yang tertinggal? Orang ateis kata bahawa manusia berasal daripada orang utan. Ini bermakna pada sesuatu masa, seekor binatang mulai bertutur tanpa pertolongan sesuatu yang lebih tinggi dan lebih bijaksana. Tiada seseorang budak manusia dapat bertutur tanpa diajar seorang dewasa. Bagaimana dapat seekor orang utan membuat yang seorang kanak-kanak manusia gagal?

Kamu kena menerima hakikat bahawa seekor binatang berkata – tanpa pertolongan sesiapa (teori Darwin), atau dengan kurnia Tuhan.

Fikir juga kebenaran kata binatang itu: “Apakah yang aku lakukan kepadamu, sampai engkau memukul aku tiga kali?”

Pada suatu hari semua yang disalahkan kita akan tanya kita soalan ini. Bagaimana dapat kita berjawab? Bahkan jika mereka telah bersalah, perlukah mereka dipukul tiga kali? Kurang sedikit tidak boleh? Jangan dengar kata-kata orang yang mencari salah daripada Alkitab, melainkan renung akan firmanNya.

Jan 6

“Sebab jika kita sengaja berdosa sesudah memperoleh pengetahuan tentang kebenaran, maka tiada lagi korban untuk menghapus dosa itu.” (Ibrani 10:26)

* * *

Ada sebuah dongeng Kristian lama, yang mengatakan bahawa Tuhan telah mengumumkan cadangan-Nya untuk mencipta manusia kepada malaikat-malaikat-Nya, bahkan mengikut rupa Diri-Nya, Lucifer, yang masih belum terjatuh, pun jerit, “Tentu Dia tidak akan memberi manusia itu kuasa untuk memberontak.” Anak itu menjawab, “Kuasa jatuh adalah kuasa bangkit.” Iblis itu pun jatuh dengan sengaja, membawa malaikat-malaikat yang lain. Tetapi harapannya untuk bangkit tidak terjadi, sebab dia jatuh dengan sengaja.

Di cerita perempuan berdosa yang mencuci kaki Yesus dengan air matanya, Lucifer mulai faham bagaimana kuasa jatuh adalah kuasa bangkit. Dia faham ertinya Tuhan, “Kepada dia yang di-maaf sedikit, kasihnya pun sedikit,” dan, “Dosa yang banyak-nya itu

telah diampuni, jadi kasihnya pun banyak” (Lukas 7:47).

Jadi Iblis ini pun fikir dengan mengurangkan darjat kejatuhan, dia pun dapat mengurangkan darjat kesayangan. Jadi dia cuba memberi undang-undang Musa kepada Kristian-Kristian pertama. Dia berjaya memperdayakan orang-orang Galatia (Galatia 3:1) dan ramai lain. Dia juga cuba membawa Kristian hari ini supaya mengikut acara seperti “Jangan sentuh, jangan rasa, jangan pegang” (Kolose 2:21), dan mempermainkan perasaan ketakutan kita.

Tetapi kita ada perkataan ini, “Kristus telah membebaskan kita, berdirilah teguh dan jangan lagi dikenakan kuk perhambaan.” (Galatia 5:1). Kita tidak akan terus berdosa agar rahmat dapat bertambah (Roma 6:1). Dosa tidak akan menjadi rancangan kehidupan kita. Tetapi kita juga tidak berputus asa apabila kita terjatuh. Petrus dapat menguatkan saudara-saudaranya sebab dia pun pernah dosa hebat (Lukas 22:32).

Jan 7

“Anak-anak Tuhan nampak anak-anak perempuan manusia, bahawa mereka itu elok.” (Kejadian 6:2)

* * *

Di sebuah buku Yahudi lama, *Sepher Ierahmeel*, ada satu cerita mengenai Yusuf di Perjanjian Lama. Ia kata ramai wanita-wanita Mesir yang berpangkat tinggi datang ke rumah Potifar untuk nampak hamba Ibrannya yang kacak. Puan Potifar pun memberi setiap pelawat se-biji epal dan sebilah pisau untuk melepaskan kulit epal. Apabila Yusuf masuk untuk melayan, mereka semua terpotong jari masing-masing. Puan Potifar pun kata kepada mereka, “Kalian saja nampak dia untuk sekejap, dan semua pun terpesona. Kini kamu faham kenapa saya tidak dapat menahan nafsu itu.”

Puan Potifar mungkin cantik juga, tetapi Yusuf adalah suci dan enggan berdosa. Kita patut mengikut contohnya. Tetapi jika ada orang berdosa dalam hal ini, janganlah hinakan orang itu. Sebaliknya, biarlah kita menunjukkan ramah. Nafsu jantina adalah nafsu yang kuat sekali. Alkitab telah tulis, “Ini yang saya tulis kepada kamu, supaya kamu tidak berdosa. Tetapi jika

sesiapa berdosa, kita ada seorang perantara dengan Bapa, yaitu Yesus Kristus yang jujur” (1 Yohanes 2:1).

Kita juga jangan berputus asa dengan diri kita apabila kita digoda, melainkan memandang kepada Tuhan untuk kuasa penahanan. Sebab Alkitab telah berkata, “Pencubaan-pencubaan yang kamu alami ialah pencubaan-pencubaan biasa, yang tidak melebihi kekuatan manusia. Sebab Allah sedia, Dia tidak akan membiarkan kamu dicuba melampaui kekuatanmu. Pada waktu kamu dicuba Dia akan memberikan kepadamu jalan keluar, sehingga kamu dapat menanggungnya” (1 Korintus 10:13). Memang, “Tuhan tahu menyelamatkan orang-orang saleh daripada pencubaan” (2 Petrus 2:9).

Oleh sebab percubaan ini kuat, orang yang mengatasinya pun bertambah mulia.

Jan 8

“Pada waktu ia menabur, sebahagian jatuh di pinggir jalan, lalu datanglah burung dan makannya sampai habis.” (Matius 13:4)

* * *

Kenapa ada orang mendengar Firman Tuhan ini dengan gembira, sedangkan yang lain membiarkan Firman itu dimakan burung, iaitu roh jahat?

Yusuf dari Perjanjian Lama itu diberitahu sebuah mimpi, oleh tukang roti Firaun di penjara: “Dalam mimpi itu aku menjunjung tiga buah bakul roti. Di dalam bakul yang paling atas terdapat kuih-muih untuk raja, tetapi burung-burung datang dan makan kuih-muih itu” (Kejadian 40:16, 17). Yusuf menterjemah mimpi itu bermakna juru roti itu akan digantung mati.

Rabbi yang terkenal di Dubna pernah ditanya bagaimana Yusuf dapat tahu itu. Beliau menjawab, “Pernah ada seorang pelukis melukis seorang dengan sebakul roti di atas kepalanya. Burung-burung datang dan makan roti gambaran itu, menganggap itu roti benar. Seorang penuntun pun berseru, ‘Mahirnya pelukis gambir ini!’” Tetapi lukisan itu kurang mahir. Sebab gambar manusia yang dilukisnya itu kurang

mahir, sehingga burung-burung pun tidak takutnya (burung-burung pun tahu itu gambar saja.) Jadi, apabila Yusuf dengar bahawa burung berani datang dan makan roti di-atas kepala juru roti itu, dia pun faham bahawa tiga hari kemudian orang ini pun akan menjadi seorang mati. Masa itu burung tidak akan hiraukan juru ini. (tiga bakul ertinya tiga hari)

Roh jahat itu tidak dapat merampas benih-benih Firman Tuhan daripada seorang Kristian yang hidup, melainkan daripada seorang yang telah mati. Pastikanlah iman kamu itu hidup.

Jan 9

“Tanyalah untuk jalan-jalan purba, yang manakah jalan yang baik itu, dan ikutilah jalan itu.” (Yeremia 6:16)

* * *

Seorang pemburu jerit kepada anjingnya, “Nero, pergi cari!” Nero melihat kepada tuannya dan jawab, “Saya tidak hilang apa-apa pun?”

Kenapa orang-orang Kristian asyik mencari? Ada yang mencari kepercayaan baru dan terjatuh ke dalam kegiatan ghaib. Tetapi jalan lama tetap tunggu untuk kita. Agama yang telah menyelamatkan Habel yang jujur, Raja Daud, Maria Magdalen, dan Petrus, mesti baik juga bagi kita.

Bukannya agama Kristian telah di-cuba dan didapati kekurangan. Kita belum mencubanya. Kita tidak akan dapat cari jalan keselamatan yang lebih baik daripada darah Kristus. Dan kita tidak akan dapat ajaran yang lebih elok daripada ajaran kasihnya.

Seorang pelancong yang bosan berjalan melalui pameran seni Louvre dan memberitahu seorang penjaga, “Saya tidak mendapati apa-apa luar biasa dengan semua gambar itu.” Penjaga itu menjawab,

“Gambar-gambar ini tidak dapat diberi nilai oleh kita. Sebaliknya kitalah yang di-hakim mereka.”

Agama Kristian telah lama dibuktikan benar dan tidak dapat digoyangkan oleh pendapat-pendapat manusia. Salib yang menyampai syurga dari bumi ini adalah tandanya, dan adalah pengukur semua agama, semua ilmu falsafah dan ahli falsafah, dan semua orang yang mencari kebenaran. Tidak kira jika kita nampak keelokan agama Kristian dan mengikut ajarannya dan Pengasasnya, atau menyeleweng dan mengikut rekaan-rekaan bodoh orang jahat – sebagaimana pengasas ghaib yang dipanggil di Alkitab (Ulangan 13:13) – kita tidak dapat melarikan diri daripada diukur dan di-hakim.

Pilih dengan bijaksana – untuk abadi-mu.

Jan 10

“Maria ... nampak dua malaikat.” (Yohanes 20:11,12)

* * *

Ada dua cara untuk nampak sebuah kubur. Petrus dan Yohanes datang pada pagi Easter ke kubur Tuan mereka, dan mendapatinya kosong. Mereka saja nampak kain balutan Yesus. Maria Magdalene datang ke kubur yang sama itu dan nampak malaikat berada di tempat terletak tubuh Yesus.

Pada hari ini, ada orang saja nampak tamadun Kristian sedang terjatuh, manakala ada orang yang nampak melepasi tajuk-tajuk teruk dan mendapati malaikat-malaikat sedang bekerja untuk menyediakan kerajaan Tuhan yang bahagia itu.

Bagaimana untuk kita nampak malaikat dan merasai kehadiran mereka? Rasul-rasul pernah bergiat dalam pelayanan Tuan. Tetapi Maria duduk di kaki Yesus dengan diam dan dengar kata-kata-Nya (Lukas 10:39), yang mesti bermula daripada Musa dan nabi-nabi. Dia mungkin telah dengar daripada bibirnya cerita-cerita banyak orang saleh dan syahid keimanan, dan telah menjadi biasa dengan mereka.

Sebuah gereja yang tidak mengajar akan syahid telah kehilangan sesuatu unsur yang mustahak. Bacalah “Musa dan semua nabi” (Lukas 24:27), dan ingatlah “semua ini sebagai contoh dan dituliskan untuk menjadi peringatan bagi kita yang hidup pada waktu ini, di mana zaman akhir telah tiba.” (1 Korintus 10:11). Dan berhubunglah dengan orang-orang yang masih menderita untuk Kristus. Mata kamu pun akan terbuka.

Jan 11

“Jangan hakim, agar kamu tidak dihakimi.” (Lukas 6:37)

* * *

Dua orang sahabat berjalan di tepi sungai. Seorang tergelincir ke dalam air. Dia jerit, “Tolong! Tolong! Saya tak tahu berenang.” Rakannya menjawab, “Kamu tidak perlu berteriak sebegitu. Saya pun tidak tahu berenang, dan saya tidak jerit seperti kamu.”

Kadang-kadang kita hakim seseorang sebab perangnya yang buruk, atau kekurangan sopan-santun. Kita tidak seperti mereka. Tetapi adakah sebabnya kita belum mengalami sengsara mereka?

Tuan kita memanggil sesetengah orang sebagai bodoh (Lukas 11:40). Ada sekali, seorang Farisi menjemput-Nya ke rumahnya untuk makan malam. Alkitab tidak tulis apa-apa kata yang buruk yang diucapkan Farisi itu; dia saja berasa hairan sebab Yesus tidak membasuh tangan sebelum makan. Kita juga akan rasa hairan. Tanpa apa-apa alasan, Yesus mencela tuan rumah itu bersama para rakannya, memanggil mereka bodoh. Seorang ahli Taurat cuba menenangkan Yesus. Yesus pun berpusing kepadanya dan mencela ahli itu,

“Celakalah kamu, ahli-ahli Taurat!” (Lukas 11:37- 52).
Bukan banyak tuan rumah dapat menerima perangai
sebegitu dengan tenang.

Kita hakim dengan huru-hara akan kekurangan
sopan kawan kita. Kita mungkin akan hakim Yesus
juga. Adakah kita pernah mengalami sengsara-Nya
sebab berita keselamatan telah ditolak umat-Nya sebab
kebutaan pemimpin-pemimpin mereka? Sebelum kamu
berjalan satu batu dengan kasut rakan-mu, janganlah
menghakiminya.

Jan 12

“[Yesus Kristus] mengetepikan martabat diri-Nya, mengambil bentuk seorang hamba.” (Filipi 2;7)

* * *

Seorang raja mencari Tuhan tetapi tidak berjaya. Pada suatu malam dia terdengar bunyi berjalan dengan kasut berat di atas bumbung istananya. Raja itu pun naik ke atas, dia nampak rakan karibnya berjalan di sana. Raja pun tanya, “Apa itu? Berjalan di atas bumbung masa malam?”

“Mencari unta.”

“Apanya kamu itu! Mencari unta di atas bumbung istana?”

Rakannya pun menjawab, “Apanya raja itu! Mencari Tuhan sedangkan duduk di atas takhta!”

Tuhan memberi setiap orang sesuatu tugas, ada yang sebagai seorang raja, ada yang sebagai seorang pengurus perdagangan yang kaya, ada pula seorang suri rumah tangga sederhana, atau pun seorang pekerja yang bergaji rendah. Kita mesti memenuhi tugas kita dengan murah hati, dan juga dengan gembira dan kasih, tanpa ditarik oleh apa-apa situasi luar. Kedudukan tinggi,

kehormatan, kekayaan sentiasa membutakan kita, dan menjadikan segala pencarian Tuhan kita gagal. Seorang Kristian boleh menjadi raja saja dengan suatu syarat, iaitu dengan menganggap dirinya sebagai hamba rakyat.

Kedudukan tinggi di masyarakat dan kekayaan, dengan mudahnya akan hilang. Tuan Yesus telah memberi amaran lama dulu, “Jangan kumpulkan harta di dunia, kerana di situ gegat dan karat merosakkan dan pencuri datang mencuri. Kumpulkanlah hartamu di syurga, kerana di situ gegat dan karat tidak dapat merosakkan dan pencuri tidak datang mencuri. Sebab di mana hartamu, di situ juga hatimu” (Matius 6:19-21).

Yesus, yang berpangkat tertinggi, “mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba” (Filipi 2:7). Biar kita mengikut contohnya. Jika tidak, semua usaha kita untuk mendekati Tuhan akan menjadi sia-sia.

Jan 13

“Pada mulanya Tuhan menciptakan langit dan bumi.” (Kejadian 1:1)

* * *

Seorang tukang kasut yang tidak percaya Tuhan memberitahu anaknya bahawa alam semesta ini wujud dengan diri sendiri. Anaknya menjawab, “Jadi, dunia ini lebih mudah didapati daripada kasut. Untuk sepasang kasut bapa kena berusaha banyak.”

Jika semua dunia ini adalah hasil gerakkan bahan-bahan dengan diri sendiri, kenapa orang-orang ateis tidak membiarkan alam semesta menulis buku-buku ateis? Kenapa mereka berusaha kuat untuk menulis itu? Bahkan sebuah buku yang menafikan Tuhan juga sesuatu bukti bahawa di belakang setiap benda yang tersusun, mesti ada seorang yang berakal, atau sesuatu yang sanggup berfikir.

Mengakulah Pencipta itu, sayangkan-Nya, dan jangan membuang masa untuk tekaan yang tidak berguna. Luther pernah ditanya apa yang dilakukan Tuhan sebelum mencipta dunia dan alam semesta. Dia menjawab, “Masa itu Tuhan duduk di dalam hutan dan

memotong rotan, supaya dapat merotan sesiapa yang tanya soalan bodoh.”

Adanya sesuatu jawapan yang lebih baik daripada jawapan nakal itu. Yesus memberitahu kita apa yang Bapa-Nya lakukan sebelum penciptaan. Masa itu Bapa kasih Anak (baca Yohanes 17:24). Mengasihi Yesus adalah sesuatu pekerjaan penuh masa. Kerja ini boleh memenuhi abadi Tuhan. Bapa itu juga membuat sesuatu lain. Sebelum ciptanya dunia, Dia sedang menyediakan sebuah kerajaan untuk mereka yang memberi makan kepada yang lapar, yang memakai orang bogel, dan yang melawat orang sakit dan orang kurungan (bacalah Matius 25:34-36).

Mengakulah Tuhan sebagai Pencipta, dan lakukan hal-hal ini, seperti Yesus “pergi ke serata tempat untuk berbuat baik” (Rasul 10:38).

Jan 14

“Tuhan telah memberi, dan Tuhan telah mengambil; pujilah nama Tuhan.” (Ayub 1:21)

* * *

Ada sebuah cerita yang kata akan seorang malaikat tampil kepada seorang ibu yang menjaga bayinya dan minta mengambil anaknya. Wanita itu jerit, “Kematian, saya tidak akan melepaskan anakku!” Malaikat itu senyum dan kata, “Nama saya bukan kematian, melainkan kehidupan. Saya akan menggantikannya dengan seorang lain.” Dia pun mempertunjukkan seorang budak lelaki. Ibu itu menolak juga. Malaikat itu pun mempertunjukkan seorang pemuda yang gagah, ibu itu tidak mahu pula. Malaikat itu terus mempertunjukkan seorang lelaki dewasa yang pintar dalam pengurusan. Tetapi ibu itu saja mengulang, “Tidak mahu! Saya tidak akan menukarkan bayi saya dengan sesiapa pun.”

Malaikat itu pun meninggalkannya. Selepas beberapa masa, wanita itu hilang bayinya. Bayi itu telah tukar menjadi seorang budak. Kemudian wanita itu hilang budak itu pula, dia telah menjadi seorang pemuda, dan sebagainya.

Mengapa takut kematian? Kita mengalami pada masa kematian apa yang kita mengalami setiap hari. Kekasih-kekasih kita sentiasa menukar menjadi seseorang yang lain. Kematian yang ditakuti kita ini jugalah sejenis penukaran. Tunas tiada lagi, ia telah menjadi sekuntum bunga. Ulat tiada lagi, ia telah menjadi seekor rama-rama. Matahari yang telah tenggelam bagimu itu sedang memberi cahaya kepada orang di tempat lain.

Apabila malaikat mengambil kekasihmu, fikir perbuatan Tuhan.

Jan 15

“Musuhmu... akan... lari daripada-mu.” (Ulangan 28:7)

* * *

Seorang guru Kristian berjalan bersama seorang muridnya melalui sebuah hutan. Murid itu berjalan di depannya. Ada seekor rusa melarikan diri daripada mereka. Guru itu tanya, “Kenapa rusa itu lari?”

“Sebab ia takut saya,” kata murid itu dengan bangga.

“Bukannya,” jawab guru itu, “ia sedang takut nafsu pembunuhan di dalam kamu itu.”

Setiap pahlawan pun gembira apabila seterusnya melarikan diri di depannya, tetapi lebih baik jika musuh kita yang teruk sekali pun akan datang kepada kita dengan tenang, tahu mereka akan diterima dengan kekasihan.

Pada hujung Perang Dunia II, tentera Soviet telah menjajah Romania. Kebanyakan tentera Jerman ditangkap. Yang masih belum ditangkap boleh dibunuh oleh sesiapa yang terjumpa mereka. Pada suatu malam, apabila sekumpulan banduan Jerman sedang dihantar, dua orang melepaskan diri. Dengan seragam tentera masih dipakai mereka itu, bila-bila pun mereka akan ditembak mati. Kemudian mereka nampak sebuah

bangunan dengan nama “Gereja Evangelical Lutheran,” mereka pun ingat bahawa kebanyakan pemuja Lutheran di Romania berbangsa Jerman, mereka pun masuk.

Pendeta yang menerima mereka, berkata dengan sukacita: “Saya seorang Yahudi dan Kristian. Keluarga saya telah di bunuh oleh Jerman. Tetapi saya telah belajar daripada Kristus akan kasih dan maaf. Saya tidak menganggap kamu bersalah untuk apa yang dilakukan rakan-rakan kamu tentang orang Yahudi. Kini kalian sedang mencari perlindungan, kamu adalah tetamu kami yang amat dihormati.”

Seorang Jerman pun berkata, “Jika kamu seorang Kristian, kita pun tahu bahawa kita selamat.” Mereka telah mendapat perlindungan.

“Apabila kita masih musuh, kita telah disatukan kepada Tuhan dengan kematian Anak-Nya” (Roma 5:10). Biarlah kita pun demikian. Setiap seteru kita pun tidak perlu melarikan diri daripada kita.

Jan 16

“Kita kasihnya sebab Dia telah mengasihi kita.” (1 Yohanes 4:19)

* * *

Ada orang memberitahu cerita ini:

Apabila tentera Soviet telah masuk Eropah Timur, seorang pegawai Rusia pun tinggal di dalam rumah seorang pelukis(sebagai penjajah). Pelukis itu tertarik oleh wajah pegawai yang kacak itu, dan mintanya untuk menjadi model lukisannya. Sedangkan pegawai itu duduk untuk dilukis, dia nampak sebuah gambar Yesus yang sedang disalib dan tanya apa gambar itu. Pelukis itu jawab dengan ringkas, tetapi pegawai Rusia it terus tanya: “Jika Dia begitu baik, dan ingin keselamatan abadi untuk seluruh manusia, orang mesti menurunkannya secepat mungkin dan merawat lukanya.”

“Sila jangan kacau, saya sedang melukis,” datanglah jawapan. “Tidak, Dia tidak dilepaskan. Dia mati di atas salib. Inilah tujuan-Nya. Dia membayar hutang dosa kita. Tetapi biarlah kita teruskan kerja kita.”

Pegawai Rusia itu tidak berpuas hati. “Bagaimana-kah patutnya kamu mengasihi seseorang yang berkorban sebegitu besar untuk kamu!”

Pelukis itu terkejut. Dia meletakkan berusnya. Dia telah berulang kali melukis Yesus tersalib. Tetapi kini saja dia menyadari semua itu dilakukan tanpa kasih yang benar. Seorang yang bukan Kristian telah mengajarnya bagaimana untuk mengasihi Kristus.

Jan 17

“Di atas yang menyerupai takhta itu ada yang kelihatan seperti manusia.” (Yehezkiel 1:26)

* * *

Ayat yang mengikuti tersebut itu ialah, “Dari pinggangnya ke atas kelihatan bersinar-sinar seperti gangsa di tengah api, dan dari pinggangnya ke bawah kelihatan seperti api. Sinaran itu terang-benderang.”

Rashi, salah seorang pengulas Alkitab guru-guru Yahudi yang terkemuka, berkata, “Tidak sesiapa yang dibenarkan untuk mengulas ayat ini.” Kenapa tidak? Kita dapat teka dengan mudah. Itulah sebab ayat ini menunjuk dengan jelas bahawa Tuhan yang dinampak Yehezkiel ini bertubuh manusia. Ia menentapi ajaran Kristian bahawa Tuhan telah menjadi manusia dalam Yesus.

Berkenaan kata Zakharia, “Mereka akan memandang kepada dia yang telah mereka tikam” (Zakharia 12:10), Rashi menulis, “Walaupun ayat ini menunjukkan raja Mesiah, kita lebih suka mengambilnya sebagai raja Hezekhiah, supaya jangan memberi peluang kepada orang-orang Kristian.”

Kita boleh faham kenapa Yahudi begitu benci orang Kristian. Sebab orang yang memanggil dirinya Kristian telah berdosa mencurahkan darah berjuta-juta Yahudi. Tetapi ajaran Kristian akan Mesiah masih benar dan memenuhi ramalan nabi Yahudi. Biarlah kita mengemukakan nubuat-nubuat ini kepada Yahudi dan memanggil mereka kepada Kristus dengan kasih.

Jan 18

“Apabila dia nampak angin itu kencang, dia pun takut.” (Matius 14:30)

* * *

Sesuatu mukjizat telah berlaku. Dengan suruhan Yesus, Petrus dapat berjalan di atas air, yang menentangi undang-undang semula-jadi. Tetapi apabila Petrus sedang berjalan, kenapa dia takut angin kencang? Kristus saja dapat melakukan mukjizat dalam cuaca baik-kah?

Ada sekali lain, pengikut-pengikut Yesus amuk apabila perahu mereka “hampir dipenuhi air” dalam sesuatu ribut. (Markus 4:37). Yesus dengar seruan mereka dan menenangkan ribut dan laut itu. Kini pengikut-pengikutnya pun gembira. Tetapi jika sesebuah kapal dipenuhi air, kapal itu mesti tenggelam, tidak kira laut itu tenang atau beribut.

Mukjizat yang dahsyatnya bukanlah teguran Tuan Yesus yang menenangkan laut. Mukjizatnya ialah perahu yang di layar Yesus ini telah belayar untuk dua ribu tahun, pada masa yang baik dan buruk, walaupun di dalam perahu itu ada ajaran-ajaran sesat, pergaduhan, dosa-dosa, dan di luar kapal itu ada penganiayaan.

Tetapi sesudah dipenuhi “air-air” itu, kapal ini masih dapat belayar. Mengikuti undang semula-jadi, perahu itu patutnya telah tenggelam lama.

Kamu mungkin sedang melalui ramai kesulitan yang boleh menghancurkan-mu. Jangan takut jika ditambahkan satu lagi. Kamu dapat berdiri sampai hari ini sudahlah satu keajaiban Tuhan.

Batu yang menutupi kubur Yesus telah dibaling ke tepi oleh seorang malaikat, “sebab batu itu amat besar” (Markus 16:4). Walaupun bebanmu telah menjadi lebih besar, Tuhan dapat menghantar seorang malaikat untuk menolongmu.

Nasihat “jangan takut” muncul 366 kali di dalam Alkitab, setiap kali untuk setiap hari, termasuk hari tambahan untuk tahun yang ke empat (yang ada 366 hari).

Jan 19

“Seorang daripada penjahat yang di gantung itu... berkata kepada Yesus, ‘Tuan, ingatlah aku, apabila Engkau datang sebagai Raja.’” Kata Yesus kepadanya: “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya hari ini engkau akan bersama-sama Aku di dalam Firdaus.” (Lukas 23:39-43)

* * *

Sebelum kematiannya, Lenin berkata kepada seorang pendeta, “Saya telah salah. Walaupun ramai yang tertindas patut dilepaskan, tetapi cara kita telah mengakibatkan lebih pembunuhan dan kekejaman. Kesedihan hati baik saya (nota 1) adalah nampak diri saya berada di dalam lautan darah, yang darahnya datang daripada berjuta-juta orang mangsa. Untuk berpusing sudah lambat, jika nak menyelamatkan Rusia, kita perlu ada sepuluh orang St Francis dari Assisi.”

Lenin pernah dipengaruhi Kristian. Dia telah berjumpa dengan pendeta Ortodoks Gapon, yang akhirnya digantung komunis. *Nauka I Religia*, majalah ateis Soviet, telah mencetakkan laporan di bawah ini pada December 1973:

Lenin menunjukkan minat hebat dalam tulisan mazhab-mazhab Kristian yang dikumpulkan

seorang rakan komunis, terutama dalam tulisan-tulisan lama. Dia telah mengaji buku-buku itu dengan teliti... yang khas diminatinya ialah tulisan falsafah mereka. Ada sekali selepas membaca sebuah manuskrip dengan teliti, dia berseru, “Betapa eloknya! Semua ini dicipta oleh orang-orang biasa! Buku-buku yang sempurna!”

Majalah komunis itu berkata begitu banyak. Siapa tahu apa yang berlaku di belakang cerita itu? Mungkin perpusingan tokoh itu sebelum mati. Syurga adalah tempat yang menghairankan. Kita mungkin akan berjumpa di sana seorang pembunuh Kristian secara besar-besaran – Vladimir Lenin.

Kamu juga mungkin seorang jahat. Mungkin kamu membaca ayat ini pada hujung ajal-mu. Kamu masih ada peluang untuk masuk syurga.

Jan 20

“Seorang yang ikhlas akan menghargai nyawa haiwannya.” (Proverb 12:10)

* * *

Kita sentiasa nampak kuda berlompat di perlumbaan atau di sarkas, ataupun melalui video. Sebenarnya tulang kaki kuda adalah lemah. Haiwan yang beramah ini bukan dicipta untuk melompat. Ia diajar untuk lompat saja melalui pukulan hebat. Pada masa kini kuda-kuda juga dikenakan kekejutan elektrik. Pelatih-pelatih sarkas ada cemeti dengan bateri. Kuda-kuda juga dipukul dengan palang besi agar mereka melompat pagar-pagar. Kesakitan itu menyebabkan binatang itu meninggikan kaki.

Jangan sokong kekejaman ini; sebaliknya, mengasihi-lah binatang ini.

Saya tidak mengagumi piramid-piramid. Musa pun tidak menyebut bangunan-bangunan itu. Dia fikir akan kesengsaraan hamba-hamba yang terpaksa mendirikannya.

Di penjara-penjara komunis, banduan-banduan sangat lapar. Seminggu baru dapat sekeping roti. Tetapi Kristian-Kristian di sana biasa menjimat sedikit untuk

membela burung. Merpati dan pipit akan datang ke tingkap bilik yang mengandungi orang-orang Kristian. Burung-burung tahu yang mana tingkap itu ada orang Kristian. Di sini mereka akan dapat makanan.

Alkitab banyak kali kata akan binatang dan melarang kekejaman terhadap mereka (Ulangan 22:4). Yesus menunjukkan kesayangan-Nya kepada burung-burung dan binatang-binatang (Lukas 14:5). Dia tidak berasa ini merendahkan diri-Nya untuk dibandingkan dengan seekor domba atau seekor singa, ataupun seekor ayam betina yang membawa anak-anak ayamnya.

Biar kita mengikut Dia dalam semua hal. Sedangkan kita mengasihi sesama manusia, janganlah lupakan binatang.

Jan 21

“Berkatilah dan jangan mengutuk.” (Roma 12:14)

* * *

Bila Puan Gerda Forster menjaga bayi jirannya, dia tersilap, dan bayi itu terjatuh dari tangannya dan terkena sebuah pasu. Otaknya cedera dan ia akan menjadi lumpur seumur-nya.

Ibu bayi itu mengutuk puan Forster supaya jarinya rosak. Suami Forster rela membayar banyak duit untuk mengganti rugi. Emak itu enggan terima dan terus mengutuk-nya: agar jari-jarinya busuk.

Tiba-tiba puan Forster berasa jari-jarinya amat sakit. Hujung-hujung jarinya menjadi putih, kemudian biru. Inilah nikrosis, sejenis kesakitan yang dikenal sebagai “morbus Raynaud.” Kesengsaraan batin boleh menyebabkan ini, biasa berlaku di kalangan wanita yang lemah semangat. Jari-jari puan Forster kena dipotong.

Apabila saya berada di penjara asingan, seorang banduan di bilik sebelah memberitahu saya akan pengalamannya melalui kanun Morse (dengan ketukan di dinding): “Apabila saya berumur enam, saya memukul seorang murid di sekolah saja sebab dia

berbangsa Yahudi. Dia mengutuk saya agar emak saya tidak dapat nampak saya pada masa terakhirnya. Lima puluh tahun kemudian, bila saya dapati emak saya sudah hampir mati dan ingin pergi melawatnya, saya pun ditangkap.” Sesuatu kutuk telah terjadi. Saya tahu akan peristiwa-peristiwa lain pula.

Kutuk memang ada yang terjadi, tetapi demikian juga berkat. Jadi berkat, dan jangan kutuk.

Jan 22

“Orang-orang yang hidup tahu bahawa mereka akan mati...” (Pengkhotbah 9:5)

* * *

Perniagaan yang pasti ada pelayan ialah pengurusan mayat, sedangkan perdagangan-perdagangan lain mungkin makmur atau gugur. Kamu boleh mengelakkan kedai emas atau panggung wayang seumur hidup, tetapi kamu mesti akan mati. Bagaimana kamu bertemu dengan kematian?

Julius Kaisar mati sebagai seorang yang mimpian-nya hancur. Anaknya adalah salah seorang pembunuh-nya. Kaisar agung itu berkata pada akhirnya, “Brutus, kamu juga?” (Brutus adalah rakan rapatnya)

Goethe berkata, “Lebih cahaya, lebih cahaya!” Dia masih belum bermula untuk mencari Cahaya itu.

Permintaan Oscar Wilde terakhir ialah, “Arak lagi,” dan dia tambah, “Saya mati seperti saya hidup, melepasi kebolehan saya.”

Napoleon mati di racun. Dia jerit, “Mon Dieu, Perancis yang cemerlang, di depan tenteranya!”

Ahli Matematik terkenal Lagny berdiam di atas katilnya selama tiga puluh enam jam apabila ajalnya

telah hampir. Dia tidak membalas sebarang soalan kekasihnya. Tetapi apabila seorang sahabat tanya, “Kau masih ingat apa hasilnya enam puluh tujuh berkuasa dua?” Ahli matematik ini menjawab dengan senyum, “Empat ribu empat ratus dan lapan puluh sembilan,” lalu mati.

Carlyle berkata, “Inikah kematian? Eloknya.”

Penyajak Jerman Heine berkata terakhir, “Bunga, bunga. Betapa eloknya alam semesta!” Dia tidak ingat akan Pencipta bunga itu.

Penulis Perancis Rabelais berkata sebelum mati, “Turunkan-lah langsir. Lakun jenaka telah tamat.”

Kata Yesus terakhir ialah, “Bapa, ke dalam tangan-Mu saya menyerahkan jiwa-Ku” (Lukas 23:46).

Apabila berada di penjara, saya telah mengambil keputusan bahawa kata terakhir saya ialah “Yesus dan Binzea” (nama kecil isteriku).

Orang-orang Kristian tahu untuk apa kita mati, dan yakin bahawa kita akan disambut dengan kasih di sebelah itu.

Jan 23

“Jadilah pelaku firman dan bukan pendengar saja.”
(Yakubus 1:22)

* * *

Seorang ahli teksidermis berjaya menangkap seekor burung. Apabila dia angkat pisau untuk membunuhnya, burung itu berseru, “Tolong jangan bunuh aku! Aku masih ada anak-anak! Kalau kamu lepaskan saya, saya akan memberi kau tiga nasihat, yang mudah dan sangat berguna.” Teksidermis itu hairan sebab burung itu bercakap, dan berjanji melepaskan burung itu jika nasihatnya baik.

Burung itu pun berkata: “Yang pertama, jangan percaya sesuatu yang bodoh, tidak kira sesiapa pun yang katakan-nya. Yang kedua, jangan sesal hati setelah kamu melakukan sesuatu yang baik. Yang ketiga, jangan cuba mengambil barang yang terlalu tinggi bagimu.”

Teksidermis itu dapat nampak kebijaksanaan nasihat ini. Dia pun melepaskan burung itu. Tetapi burung itu singkap di dahan yang rendah sekali, lalu mengejek orang itu, “Si bodoh, kenapa kau lepaskan

aku? Di dalam perutku ada se-biji permata besar, jika kau belahkan aku, kau pun jadi kaya seumur hidup.”

Teksidermis itu amat sesal. Dia terus memanjat pokok itu. Tetapi apabila dia sampai ke dahan pertama, burung itu telah berada di dahan kedua. Bila dia sampai dahan kedua, burung telah di dahan ketiga. Akhirnya dia tersilap dan jatuh ke tanah, kedua-dua kakinya patah.

Apabila dia mengeluh di bawah pokok, burung itu pun turun ke dahan pertama dan kata, “Kau telah menerima nasihat ku dan puji kebijaksanaannya. Kenapa tidak memegangnya untuk lima minit? Aku telah pesan kau jangan percaya apa-apa yang bodoh, tak kira siapa yang bercakap. Bagaimana dapat kau percaya di dalam perut seekor burung kecil ada permata yang besar? Aku telah kata jangan sesal untuk sesuatu kebajikan, kenapa sesal melepaskan-ku? Dan bagaimana dapat seorang tangkap seekor burung dengan tangan kosong? Kau manusia telah cipta radio, dan dapat dengar ucapan luar negeri, tetapi ucapan mulutmu sendiri pun kau tidak dapat dengar. Apa yang diterima otak-mu sebagai benar, tidak dapat sampai ke hatimu.”

Jika otak kamu menerima Alkitab sebagai Firman Tuhan, janganlah jadi pendengar saja, lakukannya dari hatimu juga.

Jan 24

“Tuhan Allah mengambil manusia itu dan menempatkannya di dalam Taman Eden.” (Kejadian 2:15)

* * *

Lebih seronok untuk kita mengetahui bahawa datuk dan nenek kita hidup di sebuah firdaus dan bukan di dalam zoo, seperti kata Darwin.

“Tuhan Allah membentuk manusia itu daripada debu tanah” (Kejadian 2:7). Sains telah membuktikan bahawa tubuh kita terdiri daripada bahan yang sama dengan tanah.

Di buku Yahudi lama, Sepher Ierahmeel, ada sesuatu cerita yang menyokong tulisan Alkitab ini: “Tuhan menghantar malaikat Jibril pergi membawa tanah untuk membuat manusia, tetapi bumi enggan menyerah, sebab tahu ia akan dikutuk sebab kedegilan manusia.” Memang ada sebabnya bagi penolakan ini. Ingat saja kemusnahan bumi akibat letupan bom, atau bakaran hutan, atau pencemaran. Tetapi akhirnya Jibril berjaya memujuk bumi. Manusia pun dijadikan.

“Tuhan menciptakan manusia itu menurut gambar-Nya” (Kejadian 1:27). Teknologi moden telah mengubah gambar manusia mengikut gambar

mesin, secara buatan, menjadikan mereka merupai satu sama lain, bersifat nafsu jasmani, dirancangkan, semuanya dengan huru-hara. Perhubungan ramai-ramai (Multi-media communication) menukarkan orang ke darjah yang rendah, memenuhi dia dengan keganasan.

Universiti moden memujuk orang mengulang-kan dosa pertama, berhasrat mendapati pengetahuan dan bukan kehidupan sejati. Kita selalu cenderung kepada mazhab-mazhab rumit dan ideologi yang jahat.

Pengasas Quaker George Fox ingin kembali kepada gambar Tuhan, untuk mengalami Tuhan ... “melalui pedang berapi, masuk semula ke dalam Firdaus dan menjadi seperti Adam sebelum kejatuhannya.”

Kristus memanggil kita semua membuat demikian. Dia sebagai Tuhan, telah mengambil sifat manusia agar kita dapat semula sifat tuhan.

Jan 25

“Seorang hamba Tuhan tidak boleh bertengkar...”
(2 Timotius 2:24)

* * *

Soshi berjalan bersama seorang kawan di tepi sungai. Soshi berkata, “Berapa seronoknya ikan rasa di dalam air.”

Rakannya jawab, “Kau bukan ikan, bagaimana dapat tahu perasaan ikan itu?”

Soshi kata, “Kau bukan saya, bagaimana dapat tahu saya tidak mengerti perasaan ikan?”

Kita biasa bertengkar untuk hal-hal yang diluar pengalaman kita.

Dua orang peladang, duduk di atas sebatang kayu balak pada suatu senja dan bersembang. Seorang berkata, “Saya ingin dapat sebuah ladang sebesar langit di atas kita.” Yang lain kata, “Saya ingin dapat sebanyak kambing serupa bintang-bintang yang kita nampak itu.”

Yang pertama pun tanya, “Di manakah kamu akan membela kambing yang sebanyak itu?”

Yang kedua jawab, “Senang saja. Mereka boleh makan kenyang di ladangmu yang amat besar itu.”

Yang pertama membantah, “Mana boleh! Saya tidak benarkan itu.”

Yang pertama tiada ladang, yang kedua tiada kambing, tetapi mereka bertengkar untuk apa yang mereka tiada. Bukankah banyak pertengkaran kita pun serupa?

Dengan kasih yang sama, biarlah kita berhati sama dan berfikiran sama. Cadangan orang lain mungkin lebih baik daripada kita. Pengalaman rakan-mu yang kamu rasa aneh hari ini mungkin akan menjadi pengalaman kamu hari esok.

Tuan Yesus ingin kita bersatu, sebagaimana Dia dan Bapa adalah Satu.

Jan 26

Perempuan itu menjawab, "...hambamu Yoab yang memerintahkan hamba, dan dialah yang mengarahkan semua yang harus hamba katakan." (2 Samuel 14:19)

* * *

Saya mimpi suatu malam bahawa saya menghadiri sebuah jamuan di mana Solzhenitsyn, pemegang hadiah Nobel Rusia, sedang membaca lantang daripada bukunya Gulag Archipelago. Saya menangis pilu akan segala penderitaan yang disifatkan-nya itu.

Solzhenitsyn tanya saya, "Kamu tahu apa-apa penyelesaian bagi segala sengsara inikah?"

Saya jawab, "Saya kenal ramai jenayah. Setiap pun ada kelemahannya. Ada yang menyayangi isterinya, atau seorang anaknya; ada yang amat kasih akan seekor anjing."

Svetlana, anak perempuan Stalin, memberitahu bagaimana dia mendapat daripada bapanya kelepasan untuk seorang banduan. Sebenarnya dia boleh dapat lebih. Raja-raja masa dulu akan menyimpan seorang anak seterunya sebagai orang tahanan, sebab musuh itu tidak akan menyerang sedangkan anaknya berada di negara bertentangan. Ada orang jenayah tidak akan

melakukan kejahatan jika kamu mengecam akan membunuh anjing mereka. Pembunuh-pembunuh yang telah berhati batu dipenjara ada juga yang menyerahkan roti tunggal mereka untuk membela burung layang-layang.

Wanita yang mencuri suami kamu, mungkin ada seorang ibu yang amat dikasihinya, yang kamu boleh mempengaruhi untuk melepaskan suamimu.

Yoab, jeneral Daud itu, mengetahui bahawa raja ingin kekasihannya di seluruh negerinya. Dia pun mengajar seorang wanita untuk memberi sebuah cerita rekaannya agar seorang pembunuh dapat dimaafkan. Apabila Daud memberi keizinan seperti yang diduga, dia pun minta anak raja Absalom dimaafkan, yang berdosa amat sangat itu.

Jadikan orang yang menyalahkan kamu atau masyarakat-mu itu sasaran pengajian-mu. Carilah jalan ke dalam hatinya. Kasih semula-jadi seorang anak kepada ibu-bapa mereka boleh digunakan untuk mempengaruhi mereka kepada kepercayaan. Maharaja Constantine dipengaruhi oleh ibu Kristiannya, St Helen, dan memberi rahmat kepada gereja yang di-aniaya di Empayar Roma. Akhirnya raja itu memberi kebebasan kepada semua Kristian.

Jan 27

“Jika kamu mengampuni kesalahan orang, Bapamu yang di syurga pun akan mengampuni kamu.” (Matius 6: 14)

* * *

Saya mendapat surat di bawah ini dari Amerika Latin:

“Kini aku sedang menulis di sebuah kem gerila di Peru. Aku baring dengan awas. Aku tidak dapat tidur. Yang baru-baru ini aku cuba mendengar sebarang rancangan radio untuk sedikit semangat, sebab aku terlalu sedih dan takut. Rancangan rakan-rakan perjuangan itu semua kehilangan ertinya. Semua rancangan itu dipenuhi kebencian. Kemudian ku mendapati rancangan kamu “Berita Baik dalam bahasa Marxis”, yang berkata bahawa Yesus memaafkan seteru-Nya. Kata ini terus masuk ke dalam hatiku. Tiba-tiba aku mengalami keamanan, aku pun menangis seperti seorang budak. Aku tidak faham apa yang terjadi. Aku pernah membenci orang kaya. Ibu-bapa saya pernah tertindas oleh seorang pemilik tanah, tetapi

untuk sesuatu hal, aku tidak benci lagi. Aku tidak dapat menerangkannya. Adakah kemungkinan untuk aku tidak benci lagi?

“Itulah satu-satu kalinya aku dengar rancangan mu. Betapa gembiranya aku, Don Ricardo. Kini aku tidak akan melepaskan satu pun rancangan-mu. Aku hendak membaca Buku yang teragung itu.”

Kemudian orang ini pun tinggalkan gerila dan pergi ke gereja. Dua tahun kemudian dia kembali kepada rakan-rakan seperjuangannya di hutan, untuk memberitahu mereka akan Kristus. Kita tidak dapat dengar daripadanya lagi. Mungkin dia telah dibunuh.

Yesus telah merawat jiwa ini daripada penyakit yang bahaya sekali, iaitu kebencian. Adakah sesiapa telah menyalahkan kamu? Maafkannya. Terimalah dulu keampunan daripada Tuhan. Selepas itu barulah kamu bebas untuk menerima setiap orang.

Jan 28

“Sebab itu janganlah kamu khawatir akan hari esok, kerana hari esok ada kesusahannya sendiri, cukuplah kesusahan sehari untuk sehari.” (Matius 6:34)

* * *

Seorang Scot menaiki kereta api dari Glasgow ke London. Dia saja membeli tiket untuk sampai ke stesen pertama; selepas itu barulah membeli tiket ke stesen kedua, dan sebagainya. Ada orang tanyanya kenapa begitu, jawabnya, “Mungkin saya akan mati sakit jantung dan tidak akan sampai London. Kalau demikian, saya pun jimat duit tiket.”

Bagaimana dengan menjimat kekhuatiran? Mengapa risau akan hal-hal yang masih jauh di masa depan? Mungkin ancaman-ancaman itu sia-sia saja? Mungkin kamu telah mati sebelum masa kesusahan datang? Belilah tiket untuk hari ini sudah cukup.

Yesus adalah ketua jemaah-Nya. Sebagai ketua, Dia saja yang dapat hak untuk pening kepala. Bagi kamu berasa risau atau pening kepala adalah sesuatu dosa, sebab kamu telah merampas jawatan kepala, iaitu Yesus.

Luther ada satu tabiat. Setiap masa senja dia akan berdoa, “Tuhan, adakah ini duniaku atau dunia-Mu? Adakah ini Jemaah saya atau Jemaah-Mu? Jika ini dunia-Mu dan Jemaah-Mu, jagalah mereka. Saya telah letih. Saya akan tidur. Selamat malam, Tuhan-ku.”

Bersifat sama ini. Talmud berkata, “Sesudah matahari tenggelam, langit pun bersih.” Apabila senja datang, lepaskan kegagalan dan kesulitan hari itu kepada Yesus. Tidak payah berfikir akan esok. Tidur dengan nyenyak. Mungkin kerisauan esok tidak akan sampai kamu. Mungkin semua itu akan lenyap pada tengah malam. Mengendalikan sehari dengan baik, dan menikmati malam itu tanpa risau.

Jan 29

“Seperti bunga bakung di antara duri-duri, demikianlah manis-ku di antara gadis-gadis.” (Kidung Agung 2:2)

* * *

Di dalam buku Gulistan (Taman Mawar), yang ditulis oleh seorang pengarang Parsi yang mashyur, Muslih al-Din Saadi, ada sebuah cerita berkenaan Madshnun dan kekasihnya Leila. Inilah percintaan yang sedih, sebab bapa Leila telah memberi anak perempuannya kepada orang lain. Madshnun, yang gila dengan kasih (namanya pun bererti gila), pun melarikan diri ke dalam gurun dan hidup bersama binatang-binatang, tanpa tujuan, tanpa harapan.

Raja negeri itu pun menyuruhnya dibawa ke istana untuk menegur sifat bodohnya. Madshnun menjawab, “Jika raja tahu berapa cantiknya Leila, raja pun akan faham.” Raja pun menyuruh Leila dibawa.

Bila Leila sampai, raja rasa kagum. Rupa wanita itu hodoh saja, seperti mana-mana Bedouin yang biasa, bahkan lebih hodoh dan hitam kerana dijemur matahari, dan kurus sebab miskin. Pelayan-pelayan yang rendah sekali di istana pun lebih cantik daripadanya. Madshnun

dapat teka rasa raja itu, dia pun kata, “Baginda tidak dapat nampak keelokan Leila, sesiapa orang pun tidak dapat. Keelokan-nya saja boleh didapati melalui tingkap mata Madshnun. Kasih dan cantik adalah dua penapis yang dijadikan satu. Saja apa yang dilepaskan penapis ini, akan dilepaskan penapis itu.

Tuhan begitu sayang jiwa yang berdosa sehingga Dia memberi Anak-Nya. “Sebab Dia kasih kita dulu,” kita pun dapat kasih-Nya (1 Yohanes 4:19). Kekasihannya menyebabkan Dia nampak keelokan di dalam kita, sedangkan orang lain langsung tidak dapat nampak. Biar kita percaya dalam kemanisan cinta-Nya. Dia tahu kenapa Dia memilih kita. Kita bersukacita sebab kasih-Nya.

Jan 30

“Berfirmanlah Tuhan kepada Abram: ‘Pergilah dari negerimu.’” (Kejadian 12:1)

* * *

Di dalam bahasa Ibrani, kata yang diberi Tuhan kepada Abram ialah *Leh leha*, ertinya, “Pergilah untuk kebajikan dirimu” Atau “untuk dirimu sendiri.”

Rabbi Nachum Chernobler Zatzal menerangkan ayat itu sebagai demikian: Abram, datuk iman kita, adalah sumber kasih sayang dan rahmat. Kita membaca di Kejadian 18:1 bahawa selepas dia disunat dan masih kesakitan, “Ia duduk di pintu khemah-nya pada waktu hari panas terik” supaya jangan ada sesiapa gembala yang melalui tanpa menjadi tetamunya.

Tetapi rahmatnya tidak sempurna sebab dia tidak pernah menjadi seorang gembala. Abram kena sendiri menjadi seorang yang gembala, baru dapat rahmat yang sempurna.

Petrus kena melalui pengalaman menafikan Kristus. Tuan telah memberitahunya, “Selepas kamu insaf, kuatkanlah saudara-saudaramu” (Lukas 22:32). Kamu dapat membantu saudara-saudari sebab kamu pernah melalui kepahitan sebagai seorang yang gagal.

Tuhan telah tahu manusia sebagaimana dari segi ketuhanan. Tetapi Bapa menyuruh Anak-Nya *Leh leha* – “pergilah untuk kebaikan dirimu sebagai hakim yang akan datang dan mengambil bahagian dalam segala kesusahan dan kesukaan mereka. Kamu akan mengerti kehidupan manusia dari segi manusia.” Jadi Dia pun menjadi seorang imam besar dan “sama dengan kita, Ia telah di cuba, hanya tidak berbuat dosa.” Kini Dia dapat “merasakan kelemahan-kelemahan kita” (Ibrani 4:15).

Terimalah pengalaman hidup kamu, yang sedap dan yang pahit. Semua ini adalah untuk menyediakan kamu menjadi lebih berfaedah kepada rakan-rakan-mu.

Jan 31

“Kasihilah sesamamu manusia.” (Matius 22:39)

* * *

Orang yang membawa cahaya matahari kepada orang lain tidak akan kekurangan cahaya bagi dirinya.

Yesus ‘berjalan sekeliling sambil berbuat baik’ (Rasul 10:38). Oleh sebab ini dia dapat bernyanyi pada malam dia dikhianati (baca Matius 26:30).

Jangan minta senyuman daripada orang. Jika kamu nampak seseorang kekurangan senyum, berilah senyumanmu kepadanya. Ramai mengikut Yesus. Sebab Dia tidak minta pertolongan daripada mereka untuk meringankan kesedihan-Nya yang agung itu. Sebaliknya Dia menghiburkan hati mereka apabila mereka sedih.

Jangan marah seseorang yang bertindak kurang menyenangkan hatimu. Mungkin dia telah dengar daripada seorang pemain dram yang lain. Setiap orang berjalan mengikut muzik yang didengarnya. Biarlah dia dapat dengar sesuatu melodi yang lebih elok daripada kamu. Mungkin ini akan menukarkan langkahnya.

Di rumah saya ada sesuatu perhimpunan, dan beberapa Kristian pun membincang berkenaan rakan-

rakan mereka. Ada yang dianggap mereka sebagai Kristian baik, ada yang lemah, ada pula yang bukan Kristian semua sekali. Seorang mubaligh tua dari India pun bercampur kata: “Jangan mengelaskan orang. penghakiman kita itu mungkin salah. Apabila kita bercakap, istihar-lah kasih Kristus. Ini akan menyukakan pemuja yang kuat, dan menegurkan yang lemah, dan menukarkan yang tidak percaya. Jadi kita telah melakukan sesuatu yang baik. Dengan mengelaskan orang, kita sebenarnya tidak menolong sesiapa pun.”

Memberi cahaya kepada orang lain, dan bukan menghakimi betapa-nya cahaya berada di dalam jiran-mu.

Feb 1

“Kasih menanggung segala sesuatu.” (1 Korintus 13:7)

* * *

Orang Yahudi ada sebuah dongeng berkenal Abraham, bapa orang yang beriman.

Pada suatu petang, sedangkan datuk leluhur ini berenung akan Tuhan, seorang pemabuk pun mengetuk pintunya. Mula-mula Abraham ingin hendak menghalaukannya dan terus berhubungan kemanisan dengan Tuhan. Tetapi fikiran kedua muncul: “Apagunanya berenung sebegitu banyak? Saya telah tahu bahawa Tuhan menerima orang jahat, dan menyebabkan matahari-Nya bersinar di atas pemabuk ini dan memberinya rezeki harian. Kenapa saya menolak seorang yang diterima Tuhan? Saya dapat bersabar dengannya. Tuhan juga akan bersabar dengan dosaku.” Jadi datuk ini pun mencuci kaki pemabuk itu dan melayaninya dengan makanan, dan menyediakan sebuah katil untuknya.

Abraham ada cahaya rohani yang kurang daripada kita. Tidakkah boleh kita belajar daripadanya?

Orang-orang Kristian mendapati seorang saudara sedang berzina. Mereka memanggil Biskop Ammona datang bersama untuk menyaksikan kesalahan pendosa itu, supaya gereja dapat membuang keahliannya, supaya nama baik agama Kristian tidak tercemar. Tetapi apabila mereka sampai rumah itu, penzina itu sempat melindungi wanita itu di bawah sebuah kotak besar yang terbalik. Saja biskop itu yang mengesan itu. Dia pun duduk di atas kotak itu dan bertitah: “Pergi cari!” Semua orang pun berusaha dan tidak dapat wanita itu. Ammona pun berkata, “Semoga Tuhan maafkan kalian sebab curiga yang kurang sihat ini.” Apabila semua orang pun tinggalkan rumah itu, biskop pun berkata kepada saudara yang berdosa itu, “Berhati-hati akan hantu,” lalu pulang rumahnya.

Biskop Ammona boleh bersimpati dengan saudara itu, ingat bahawa dirinya juga bernafsu sama. Dia cuba memulihkan saudara ini melalui kasih dan pemahaman.

Apabila Yesus dibawa sebagai seekor domba untuk disembelih, Dia tidak kata bahawa dirinya sedang tanggung kesalahan orang lain (Yesaya 53:7). Dia sudi tanggung dosa kita. Kenapa kita nak hakim orang lain begitu cepat?

Feb 2

“Buah Roh adalah kasih... tiada apa-apa undang yang menentang ini.” (Galatia 5:22,23)

* * *

St. Mechtild dari Magdeburg pernah berkata, “Kasih tidak berakhlak.” Kasih tiada peraturan yang tertentu, atau kepentingan yang tetap. Kata Augustine yang terkenal ialah, “Kasih Tuhan dan lakukan sesuka hatimu.” Biasanya, seorang yang kasih memenuhi undang-undang, tetapi kita bebas untuk melakukan berlainan dalam masa kecemasan.

Di kem kematian Nazi di Aushwitz, wanita-wanita yang hamil akan dibunuh. Seorang doktor wanita Kristian, sendirinya juga banduan, membuat pengguguran untuk beratus perempuan supaya menyelamatkan mereka. Dia memang bunuh bayi mereka, jika tidak kedua-kedua ibu dan anak akan mati.

Seorang wanita Jerman telah ditangkap tentera Soviet dan dihantar ke kem buruh hamba di Siberia. Saja wanita yang sakit teruk atau yang hamil dapat kebenaran untuk kembali. Wanita itu tertinggal tiga anak-anak tanpa penjaga. Suaminya telah ditahan oleh askar-askar British. Jadi wanita ini pun minta penjaga

menghamilkannya. Jadi dia pun dapat pulang rumah. Apabila suaminya balik, dia pun bersetuju dengan hal itu.

Misi kepada negara-negara Komunis dan Muslim seludup bahan-bahan bacaan Kristian, dengan segala jenis cara. Tiada undang menentangi kasih, walaupun biasanya kasih berjalan sepanjang undang-undang.

Feb 3

“Pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku.”
(Matius 28:9)

* * *

Anak menandu Mohammed, Ali, yang patut jadi warisnya, telah dibunuh, demikian juga dengan anak Ali, yaitu Husain. Muslim Shiite yang berfahaman dekat sekali dengan agama Kristian, ada tulisan ini di dalam kitab suci mereka: “Menangis untuk Husain adalah makna hidup kita. Tanpa itu, kita akan menjadi orang yang lupa budi sekali. Bahkan di Firdaus kita akan terus meratap untuk Husain. Tidak mungkin bagi seorang Shiite tidak menangis... kematian Husain menyediakan jalan ke Firdaus.”

Di buku Kerbela yang dianggap suci oleh mereka, ada tertulis begini: “Kematian Husain adalah kemasukan nyawa bagi kita. Kasih kepada Ali menghapuskan segala dosa, sebagaimana api menghapuskan kayu kering.” Mereka juga menyucikan isteri Ali, Fatima. Mereka percaya bahawa Fatima adalah kejasmanian segala yang suci di dalam sifat wanita, sasaran mulia sekali yang dapat di capai manusia. Fatima adalah ratu Firdaus.” Mereka percaya

pada sesuatu Imam yang tidak ternampak, iaitu kejasmanian Tuhan, sedang memimpin mereka di semua keturunan.

Keturunan kedua belas Ali, Mohamed ibn al-Hasan, yang hilang pada usir empat, dipercayai telah di angkat ke syurga. Dia akan kembali pada hujung masa sebagai Mahdi, Juru-selamat sedunia.

Kita mendapati di Islam, seperti di banyak agama yang tersilap, mengandungi unsur-unsur yang serupa dengan iman Kristian. Jiwa mencari kebenaran yang mereka saja ada sedikit bayangan. Tetapi mereka tiada cahaya Kristus. Hampir semua negara Muslim menghalangkan misi Kristian. Biarlah kita berdoa untuk pemulihan di dunia Islam.

Feb 4

“Seperti orang yang membuat perhitungan dalam dirinya sendiri, demikianlah dia.” (Amsal 23:7)

* * *

Pakar kanser Amerika Eugene Pendergrass mendapati bahawa kebanyakan kanser tampil enam ke lapan belas bulan selepas sesuatu kemalangan hidup, mungkin itu kematian kekasih, ketidak-jujuran suami atau isteri, atau keruntuhan perniagaan dan sebagainya. Tetapi jika kesedihan jiwa akan menyebabkan kesakitan tubuh, keamanan dan harapan juga ada baiknya untuk kesihatan. Sel kanser boleh bertambah, tetapi sel darah putih pun boleh bertambah dan memusnahkan mereka. Ini bergantung kepada iman dan kebulatan hati kita.

Kadang-kadang kita sakit sebab kita ingin sakit supaya mendapat kekasih. Tetapi inilah salah untuk mendapat kasihan orang lain saja. Lebih baik untuk kita mengasihi orang lain. Orang yang menyebarkan kebencian, yang tidak dapat maaf, adalah lebih mudah mendapat kanser daripada seorang yang bersifat maaf.

Saya pernah sakit dengan tuberculosis di kedua-dua paru, di tulang, di usus, dan menghidap kencing manis, sakit kekuningan, dan sakit jantung. Saya berada di

dalam penjara, di mana “rawatan” mengandung kelaparan, kekurangan hawa dan matahari, dan pukulan. Tetapi saya bulat hati untuk hidup sebab ada sesuatu panggilan yang masih belum dicapai. Saya berdoa, dan ramai berdoa untuk saya. Saya mengaku kesalahan diriku dengan sekaligus, beban saya pun lepas. Tuhan pun memberi saya tenaga untuk mengatasi penyakit.

Ada suatu hari kamu akan mati. Mungkin penyakit ini adalah cara Tuhan untuk membawa kamu balik. Penyembuhan luar biasa adalah kecualian; jika tidak mereka tidak akan dipanggil mukjizat. Walaupun demikian, percaya juga akan mukjizat. Ini juga berkemungkinan. Saja beriman dengan damai.

Feb 5

“Tiap-tiap orang harus takluk kepada pemerintah yang di atasnya.” (Roma 13:1)

* * *

Di antara 23 ahli jawatan kuasa Komunis yang memulakan pemberontakan Rusia, 3 dibunuh musuh, dua membunuh diri, dan 15 dibunuh oleh rakan-rakan seperjuangan. Stalin juga dinafikan penyokong-penyokong dirinya selepas dia mati. Jika pengasas-pengasas itu dapat tahu akibat perjuangan mereka adalah mati di atas tangan rakan-rakan sendiri dan mendirikan sebuah kerajaan yang kejam bukan saja menentangi musuh, tetapi juga menentangi pembina-pembinanya, mereka masih nak mulai perjuangan mereka tidak?(Untuk meruntuhkan kerajaan masa mereka.)

Akan-kah Trotsky menjadi seorang pemberontak jika dia tahu bahawa Stalin akan berkuasa akibat itu? Stalin membunuh dua anak Trotsky dan ramai sanak saudaranya, setiap pewarisnya, dan pada akhirnya menghantar seorang ganas untuk menghabiskan Trotsky dengan sebilah kapak.

Kerajaan Czar yang tidak adil itu tidak akan melakukan sebegitu kepada si-pemberontak atau kepada para rakyatnya.

Kebanyakan pemberontakan tidak layak untuk jalankan. Pemberontakan adalah cara penyelesaian yang buruk sekali. Negara Yahudi tidak akan dimusnahkan Roma pada tahun 71 Masihi jika rakyat itu hirau akan nasihat Yesus: “Aku berkata kepadamu: Janganlah kamu melawan orang yang berbuat jahat kepadamu, melainkan siapa pun yang menampar pipi kananmu, berilah juga pipi kirimu kepadanya” (Matius 5:39).

Biarlah kita menjadikan para pemberontak dan pengganas sebagai sasaran doa kita, agar mereka dapat menggunakan tenaga mereka dalam penukaran yang aman.

Feb 6

“Ular itu berkata kepada perempuan itu, ‘Allah mengetahui, bahawa pada waktu kamu makannya, matamu akan terbuka.’” (Kejadian 3:5)

* * *

Rupanya tujuan Tuhan dan Setan adalah sama. Tuan Yesus berkata kepada Saul (seorang dari kota Tarsus), “Saya kini menghantar kamu [kepada orang-orang asing] untuk membuka mata mereka” (Rasul 26:17,18). Iblis juga janji serupa. Tetapi pembezaan di antara mereka masih besar.

Jika ular itu membuka mata kamu, mata kamu akan sentiasa terbuka. Sedangkan mata yang dibuka Tuhan itu dapat menutup sesuka hati. Mereka boleh tutup dan tidak tengok kesalahan saudara-saudara mereka, sebagaimana Sem dan Yafet melindungi kebogelan bapa mereka. Inilah yang dilakukan Kristian kepada setiap orang.

Tetapi mata orang yang dibuka ular itu akan tinggal terbuka. Mereka nampak segala risiko dan kesusahan. Mereka nampak semua kesulitan di dalam Alkitab dan kepada semua masalah yang belum diselesaikan iman.

Orang yang membiarkan Tuhan mengawal apa yang dilihat mereka boleh tutup mata mereka dalam iman, sedangkan mereka berada di keadaan kesusahan. Kenapa saya risau? “Sesungguhnya tidak terlelap dan tidak tertidur Penjaga Israel” (Mazmur 121:4).

Hari akan datang apabila kita akan nampak “muka ke muka” (1 Korintus 13:12).

Jangan membiarkan Iblis menjadi doktor matamu. Biarlah Tuhan saja yang mengendalikan segala yang kamu lihat.

Feb 7

“Namun seekor [burung pipit] pun tidak akan jatuh ke bumi di luar kehendak Bapamu.” (Matius 10:29)

* * *

Pendeta Cina Wang-Min-tao telah mengambil risiko nyawanya di bawah jajahan Jepun untuk menjaga ketulenan Injil. Dia enggan menggantung gambar maharaja Jepun di gerejanya. Dia juga enggan membuat demikian dengan gambar Mao Tse-tung. Alasannya ialah dia tidak mempamerkan gambar Yesus Kristus juga.

Pada tahun 1955 dia telah ditahan oleh sebab tidak bekerjasama dengan Komunis. Selama dua tahun dia dicuci otak dengan hebat. Selepas digilakan seksa, dia menandatangani sesuatu pengakuan akan dosanya bekerjasama dengan negara-negara Barat. Dia pun dilepaskan.

Tetapi hatinya tidak tenang dalam kebebasan. Dia berjalan sekeliling dan berkata, “Akulah Petrus; akulah Yudas,” sehingga sehari dia pergi kepada orang-orang Komunis dan kata bahawa dia telah menolak balik pengakuan dulunya. Oleh sebab ini, dia dan isterinya pun ditahan. Di dalam penjara dia menulis ayat Alkitab

ini: “Jangan risau untuk saya; saya lebih berharga daripada banyak pipit.” Dia mati di dalam penjara.

Kristian terkemuka ini pun boleh terjatuh dan menafikan imannya. Burung pipit tidak akan terjatuh dari pokok tanpa keizinan Bapa. Orang-orang Kristian juga tidak akan terjatuh tanpa pengetahuan-Nya.

Kenapa Tuhan membiarkan kita terjatuh ke dalam dosa? Daniel berkata, “Sebahagian daripada orang-orang bijaksana itu akan jatuh, supaya dengan demikian diadakan pengujian, penyaringan dan pemurnian” (Daniel 11:35). Kejatuhan yang dialami kita dan diatasi (iaitu dapat kembali sekali kepada Tuhan) itu adalah sumber kerendahan hati, cahaya, tenaga dan ketenangan hati bagi orang-orang lain.

“Segala sesuatu bekerjasama untuk kebajikan mereka yang sayang Tuhan” (Roma 8:28). Augustine menambah, “termasuk dosa mereka.”

Feb 8

“Lebih mudah bagi seekor unta masuk melalui lubang jarum daripada seorang kaya masuk ke dalam Kerajaan Allah.” (Lukas 18:25)

* * *

Menteri Luar Negara Komunis Cina dulu, Chou En-Lai, pernah menyatakan bahawa dia amat tertarik oleh ayat ini, tetapi Komunis ini menegur Yesus membiarkan pemuda kaya itu pulang dengan aman. Yesus patut menahannya dan mengambil semua harta daripadanya.

Orang-orang Kristian percaya bahawa mengambil semua harta orang kapitalis akan mencipta firdaus dengan segera. Bahkan ada pendeta fahaman kiri di Barat dan di Timur juga percaya demikian.

Kenapa Yesus mesti merampas kekayaan daripada pemuda itu? Seorang yang berharta biasanya juga seorang yang kedekut. Sesiapa merampas kekayaannya mungkin akan merampas sifat kedekut-nya juga, yang tanpa itu dia tidak akan jadi kaya di dunia yang lapar ini.

Melepaskan kekayaan, pemuda itu juga akan dilepaskan segala sengsara jiwanya yang

menyebabkannya mencari rabbi-rabbi untuk petunjuk jalan abadi.

Orang kaya mesti meninggalkan kekayaan mereka pada masa kematian, jika bukan sebelum itu.

“Kerajaan saya bukanlah kerajaan dunia ini,” kata Yesus (Yohanes 18:36). Kita patut mengumpulkan harta kita di syurga, “di mana ngengat dan karat tidak merosakkan dan pencuri tidak membongkar serta mencuri”(Matius 6:20).

Feb 9

“Tuhan memanggil manusia itu dan berfirman kepadanya: ‘Di manakah engkau?’” (Kejadian 3:9)

* * *

Seorang professor khutbah di sekolah ketuhanan tanya murid-muridnya membaca ayat ini dengan lantang. Kebanyakan mereka membaca ayat ini seolah-olah polis yang baru menangkap seorang pencuri. Tetapi seorang pengkhutbah yang baik akan membaca ayat ini seperti yang diucapkan seorang bapa yang sedih. Dunia ini akan jadi kurang sulit jika kita faham bahawa ia dicipta oleh Tuhan yang sedih, sedih sebab kejatuhan Lucifer.

Dan kini ada kesedihan baru. Adam juga terjatuh. Tuhan kehilangan sesuatu persahabatan yang amat dirindui-nya.

Kemudian Tuhan tanya sesuatu soalan yang lebih sedih kepada Kain: “Di manakah Habel saudaramu?” (Kejadian 4:9).

Ada sesiapa pengkhutbah yang dapat membaca ayat ini sebagaimana seorang Tuhan yang berada di dalam segala kesedihan-Nya itu?

Soalan ini mesti dibaca sehingga seorang yang dengar dapat mengatasi ketakutan yang menyebabkan Adam melindungi diri, bogel dan berdosa, di dalam rimba. Soalan ini datang daripada Tuhan yang telah mengambil keputusan untuk menghantar Juru-selamat melalui seorang anak perempuan, untuk di hancur oleh sebab dosa manusia; kata-kata ini datang daripada seorang Tuhan yang menjaga juga penjenayah Kain, dan memberinya perlindungan khas. Darah Kristus juga membersihkan kita. “Di mana dosa bertambah, di situlah rahmat bertambah” (Roma 5:20).

Yakin akan Tuhan untuk seumur hidupmu, dan percaya pada kasih-sayang-Nya.

Feb 10

“Jangan mabuk dengan arak, melainkan dipenuhi dengan Roh.” (Efesus 5:18)

* * *

Mungkin kamu minum banyak. Mungkin kamu derita kerana seorang kekasihmu berdosa ini. Jangan mengejek seorang kaki botol. Jangan mengejek dirimu jika kamu sendiri minum. Tetapi mengingati dirimu bahawa berapa duit kamu telah hilang kerana arak, berapa banyak senyum kehilangan daripada isteri atau emak-mu, dan kesukaan anak-anakmu, dan berapa kegemaran kehilangan di rumahmu sebab kejahatan yang dirancangkan perindustrian arak, yang mangsanya kamu.

Melawat sesebuah penjara dan rumah sakit jiwa. Kamu akan hairan betapa banyak di sana sebab arak. Tiada orang masuk penjara sebab dia enggan minum arak atau sebab dia minum sedikit saja.

Kamu suka perasaan muntah-kah? Kamu suka dipandang ringan oleh anak-anak dirimu? Kamu suka ditinggalkan kekasihmu? Apa keuntungan perniagaan yang kamu sedang pakai dengan memperkayakan tuan kedai minum dan memiskinkan dirimu? Arak dapat

menolong kamu mengelakkan kemalangan jalan raya-kah? Ia dapat tolong kamu berfikir lebih cekap-kah?

“Arak adalah seorang pengejek, minuman keras seorang yang terjerit-jerit, sesiapa yang dibawa sesat olehnya tidak bijaksana” (Amsal 20:1).

Jika kamu telah diatasi arak dan berasa hampa, fikir-lah bahawa mata Tuhan “mengalir air mata malam dan siang” oleh sebab dosamu (Yeremia 14:17). Dia mengambil perhatian. Dia ada cara penyelesaian.

Kamu tidak perlu arak. Kepenuhan Roh Kudus boleh didapati. Ia tidak seperti arak, yang memberi kamu amuk. Ia akan membawa perasaan kebangkitan yang bukan sementara. Rasul-rasul memberi orang perasaan bahawa mereka telah mabuk apabila mereka telah mendapat Roh itu (Rasul 2:13). Inilah keriaan hati yang membolehkan mereka mencapai hal-hal agung bagi Tuhan.

Feb 11

“Bahagialah yang miskin dalam jiwa, sebab kerajaan syurga adalah kepunyaan mereka.” (Matius 5:3)

* * *

Di panggung wayang Moscow ada sebuah pertunjukan baru, *Kristus yang Memakai Jubah Berbulu* sedang dijalankan. Dewan itu dipenuhi orang.

Pelakon Alexander Rostovtsev bertugas mempermainkan peranan utama. Dia datang dari kalangan tinggi di Soviet, yang tetap berfahaman Marx.

Di atas pentas ada sebuah mazbah ejekan. Salibnya dibuat dengan botol-botol arak dan bir. Di kelilingnya ada gelas-gelas yang dipenuhi arak. Pendeta-pendeta yang gemuk mengucapkan upacara sembahyang yang mengandungi kata-kata menghujat. Di gereja tiruan ini, “rahib-rahib perempuan” bermain kad, minum arak, dan bergurau lucu sedangkan upacara menyembah dijalankan.

Kemudian Rostovtsev tampil sebagai Kristus, memakai jubah bulu binatang. Dia memegang *Perjanjian Baru* di tangannya. Dia dirancang untuk membaca dua patah ayat daripada *Khutbah Di atas*

Gunung dan melemparkan kitab itu dengan bosan lalu jerit, “*Berilah saya topi dan baju bulu binatang! Saya lebih sudi menjadi seorang pekerja mudah.*” Tetapi sesuatu yang aneh telah berlaku. Si pelakon itu tidak berhenti, melainkan terus membaca, “*bahagiaalah mereka yang rendah hati, sebab mereka akan memperoleh tanah*” (Matius 5:5), sehingga kehujungan khutbah itu. Walaupun pengarah itu asyik membuat tanda untuk dia berhenti.

Apabila Rostovtsev habis baca kata Yesus, dia membuat satu tanda salib secara Kristian Orthodox dan kata, “*Tuhan Yesus, ingatlah saya bila Kau datang ke dalam kerajaan-Mu*” (Lukas 23:42), dan meninggalkan pentas itu. Tiada orang nampaknya lagi. Komunis telah menyelesaikannya.

Biar kita, seperti pelakon ini, melupakan peranan kotor yang diberikan dunia ini. Sebaliknya, biarkan kita dipenuhi oleh keelokan kata-kata Juru-selamat.

Feb 12

“Mereka mengatasi nya dengan darah Domba dan dengan kata-kata saksi mereka, dan mereka tidak kasih nyawa diri mereka sampai mati.” (Wahyu 12:11)

* * *

Kuasa-kuasa agung menganiayai gereja, seperti fahaman Komunis dan agama Islam. Agama-agama suku-bangsa yang lama membangkit semula di Afrika. Orang-orang Kristian selalu menderita penganiayaan di rumah-rumah mereka dan di tempat-tempat kerja mereka.

Bagaimana dapat naga penganiayaan ini dibunuh? Syahid adalah salah satu senjata.

Thomas Becket, ketua biskop di Canterbury pada kurun kedua belas, menunjukkan Raja Henry II dari England bahawa gereja ada kuasa yang lebih tinggi daripada manusia dan daripada segala yang sementara. Dia berhasrat dapat kemerdekaan gereja, dan tidak diganggu kerajaan. Oleh sebab ini dia dibunuh. Kata akhirnya ialah, “Saya mati dengan rela, untuk nama Yesus dan untuk penahanan gereja.” Berita pembunuhannya begitu mengagumkan Eropah sehingga

segala gerakan tentang kebebasan gereja pun henti. Semua pun mengaku bahawa dia seorang syahid.

Darahnya masih merah di batu-batu gereja besar apabila, pada 1174, Raja Henry II berjalan tanpa kasut ke Canterbury untuk dipukul rotan secara sukarela, sebagai taubat untuk jenayahnya, dan berjaga sepanjang malam di tepi kubur orang yang dibunuhnya. Darah syahid telah menukarkan pembunuh itu. Tidakkah boleh hal yang begitu diulangi?

Kristian pertama di aniaya oleh maharaja-maharaja Roma, akhirnya maharaja-maharaja Roma menjadi Kristian.

Salib di sebelah salib, kubur sebelah kubur – inilah caranya gereja menang. Menderita dengan sabar akan menjadikan kamu seorang pemenang juga.

Feb 13

“Jika sesiapa datang kepada kamu, dan tidak membawa ajaran ini, jangan menerimanya ke dalam rumahmu.” (2 Yohanes 10)

* * *

Semua guru Kristian akan digelar sebagai orang yang berfikiran sempit. Mereka saja tahu satu jalan ke syurga. Angkasawan-angkasawan yang kembali dari bulan ke bumi juga berfikiran sempit. Kapal angkasa mesti mengikut sesuatu lorong yang tidak membenarkan banyak sesalan. Jika mereka tersilap “pintu” masuk dengan satu darjah, mereka akan hilang di angkasa lepas atau dibakar habis di dalam lapisan atmosfera bumi.

Kita mesti tinggal di lorong itu dan memegang apa yang dipelajari kita daripada Kristus. Luther berbeza dengan Zwingli, pengubah Swiss itu, dalam maksud Jamuan Malam. Jadi Luther pun mengajar: “Sesiapa yang tahu bahawa pendetanya mengajar ajaran Zwingli, mestilah menolakkannya dan tanpa mengambil Jamuan itu seumur hidup, supaya tidak menerima roti and arak itu daripadanya. .. Adalah dahsyat bagi saya mendengar bahawa di gereja yang sama, dan di atas mazbah sama,

ada orang menerima Jamuan Suci dengan percaya bahwa mereka mendapat roti dan arak, sedangkan yang lain percaya mereka sedang mendapat daging dan darah Kristus.”

Jika kita mula memanggil orang-orang yang sesat ajaran sebagai “saudara-saudara yang terpisah,” kita mungkin akan memanggil setan-setan sebagai “malaikat-malaikat yang terpisah.”

Berawas dengan siapa kamu bercantum tangan. Berawas akan rancangan-rancangan untuk menyatukan gereja-gereja. Apabila kamu mencantum dua ekor burung, walaupun mereka ada empat sayap sekarang, mereka tidak akan terbang dengan lebih baik. Mereka akan susah terbang pun!

Ikhlas-lah kepada apa yang kamu telah belajar daripada Firman Tuhan.

Feb 14

“Bapa kita di syurga...” (Matius 6:9)

* * *

Sebuah risalah sedang disebarakan secara rahsia di Soviet Union yang mengatakan sekumpulan besar rahib perempuan yang enggan bekerja untuk penjajah mereka di kem buruh hamba. Mereka pun dihukum dan kelaparan. Semua tidak berkesan. Banduan-banduan biasa dipengaruhi mereka dan mengikuti ajaran Yesus. Kini mereka ada sebuah sekolah agama yang sejati di dalam kem. Apabila Irene, anak perempuan ketua kem itu, sudah sakit teruk, ketua itu tiada jalan lain. Dia minta doa rahib-rahib wanita itu, dan anak itu sembuh.

Isteri seorang pegawai Komunis Tcherednitchenko susah memberi kelahiran. Nyawanya dan nyawa bayinya ada bahaya. Ada orang bercadang kepadanya, “Janjilah jika semua elok, kamu akan membaptiskan anak ini.”

“Saya akan hilang semua dengan membuat begitu.”

“Pilihlah di antara ‘semua’ itu dan nyawa anak dan isteri-mu.” Kelahiran itu pun dapat diteruskan dengan lancar. Dia pun izin anaknya di baptis.

Orang-orang Komunis ingin memaksa rahib-rahib itu meninggalkan tabiat agama dan memakai seragam banduan. Mereka menjawab, “Kita tidak akan memakai tanda anti-Kristus.” Oleh sebab itu, mereka dipaksa berjalan bogel melalui salji di suhu yang membekukan. Mereka berjalan sambil bernyanyi “Bapa Kita.” Tidak seorang pun di antara mereka yang jatuh sakit.

Apabila seorang Komunis tanya doktor Puan Bravermann, yang seorang ateis, apakah penerangannya untuk hal demikian dari segi sains, doktor itu pun jawab, “Kamu tidak dengar nyanyian mereka kah? Mereka sedang menyanyi akan Bapa mereka di syurga. Itulah sebabnya.”

Dia jugalah Bapa kamu.

Feb 15

“Pandanglah burung-burung di langit...
Perhatikanlah bunga-bunga bakung di ladang.” (Matius
6:26, 28)

* * *

Seorang ahli sains wanita tanya seorang gadis asli di Australia: “*Tuplin, adakah bumi ini bulat seperti bola, atau segi empat seperti kotak yang diduduki saya ini?*”

“*Bulat seperti bola,*” jawab perempuan itu dengan segera.

“*Bagaimana kamu tahu?*” Saintis itu tanya.

“*Puan, saja nampak di sekeliling; tengoklah langit menyentuh bumi di sekeliling. Di mana pun kamu berdiri dan pandang, langit ini bulat; letakkan seorang bayi untuk berjalan, dia akan berlari membulat-bulat, tidak lulus seperti sekeping pagar; nampaklah biri-biri yang sesat, mereka juga berpusing-pusing... Semua pokok pun bulat, rimba juga... Oh puan, kenapa puan tanya itu?*” Di dalam fikiran orang yang mudah, soalan kebulatan bumi telah diselesaikan dengan mudah.

Tanpa banyak pelajaran, atau otak yang bijaksana, atau teleskop, atau pengiraan yang rumit, orang asli telah menyelesaikan bentuk bumi.

Kita bergantung terlalu banyak dalam kata-kata ahli sains, tokoh-tokoh agama, dan penguasa-penguasa ilmu falsafah. Kita cari buku untuk mendapati kebenaran, walaupun *“kuasa abadi Tuhan”* dapat dilihat di dalam ciptaan-Nya oleh bangsa-bangsa yang mudah.

“kekuatan-Nya yang kekal dan ketuhanan-Nya yang tidak dinampak mata kita, dapat difahami melalui ciptaan-Nya sejak dunia dijadikan” (Roma 1:20).

Melaksanakan kuasa dirimu untuk menyelidik, kata Yesus, supaya kamu dapat menghakimi orang-orang, benda-benda, dan kejadian-kejadian dengan lebih baik.

Feb 16

“Pemungut cukai itu mengetuk dadanya dan kata, ‘Tuhan maafkan saya seorang pendosa!’” (Lukas 18:13)

* * *

Di Rusia, seorang Kristian tanya padre nya, “Bagaimana daripada saya berkata ayat ini, ‘Tuan, maafkan aku?’” Padre itu jawab, “Kamu tanya elok. Inilah doa yang pendek tetapi amat mustahak, dan bukan senang untuk cakap. Apabila kamu berkata ayat ini, fikir-lah Yesus yang tersalib. Tengoklah Dia ditikam paku-paku, dan ingatlah kata-Nya, ‘Datanglah kepada aku, kamu semua yang berbeban berat, dan aku akan memberi kalian rehat.’ Jika kamu berkata doa mudah ini secara ini, kamu pun dapat memuliakan Tuhan, melayani manusia, dan bertambah rahmat di dalam dirimu.”

Katalah doamu tanpa risau bahawa orang lain tidak doa, atau mereka berdoa secara tersusun.

Sesuatu agama akan menerima orang yang percaya dan yang tidak percaya, yang saleh dan yang berpura-pura, yang kasih Tuhan dan yang saja menakuti-Nya. Ia akan mengandungi orang-orang yang menyerahkan

seluruh, dan orang yang menyerah sampai sesuatu derajat. Ia menerima acara yang elok, dan juga doa rendah seorang pendosa yang bertaubat. Sesuatu agama yang tidak menerima semua ini sukar dibayangkan.

Biarlah orang-orang lain memainkan peranan yang diberikan mereka. Kamu saja ulangkan doa mudah yang diberikan kamu ini, “Tuhan, maafkanku.” Dan Dia mesti rahmat kepadamu.

Feb 17

“Jika kita hidup, kita hidup untuk Tuhan; dan jika kita mati, kita mati untuk Tuhan.” (Roma 14:8)

* * *

Apabila mubaligh Kristian Paulinus datang ke England dan mengajak raja itu memeluk imannya, raja itu teragak-agak. Seorang pahlawan tua pun berucap: “Pada suatu malam yang gelap, apabila ribut dan salji terjatuh di luar, sedangkan baginda duduk di depan dapur api di dewan, seekor burung layang-layang terbang masuk melalui sebuah tingkap yang terbuka. Ia menyeberangi dewan itu untuk sekejap, dan meninggal melalui tingkap lain, dan tidak dinampak lagi. Kita pun serupa, kita datang ke dunia ini, menikmati cahaya dan haba untuk sekejap, dan kita pun pergi. Jika orang asing ini dapat beritahu kita dari mana kita datang, dan ke mana kita pergi, kita patut menerima agamanya.”

Kristian ada jawapan untuk soalan ini. Semua bintang, bumi, dan sekalian yang di atas tidak berharga seperti sesuatu jiwa – jiwa kamu – sebab jiwa kamu tahu sendirinya dan juga alam sekitarnya, tetapi mereka tidak tahu. Jiwa kita datang dari Tuhan tetapi telah sesat jalan, tertarik oleh hal-hal duniawi. Jadi Yesus, anak

Tuhan, telah datang ke bumi, menyukakan Bapa dengan nyawa dan ketaatan sempurna dan kematiannya yang mengorbankan diri di atas salib. Dia tidak payah mendapat segala usaha ini untuk dirinya, sebab Bapa syurga itu kasih-Nya oleh sebab perangai ketuhanan-Nya, tetapi kebajikan yang dilakukannya adalah untuk pemuja-pemuja-Nya, yang akan mendapat firdaus cantik untuk abadi.

“Sesiapa yang ada Anak ada nyawa [satu-satu nyawa yang layak untuk namanya]; sesiapa yang tidak ada Anak Tuhan tidak ada nyawa” (Yohanes 5:12).

Itulah mengagumkan betapa ramai orang yang berilmu memanggil diri mereka “agnostics,” tanpa menyedari bahawa inilah kata Yunani untuk “kejahilan.” Untuk menjadi jahil apabila seseorang ada kemungkinan dapat pengetahuan adalah satu kemaluan.

Agama Kristian memberi jawapan yang memuaskan kepada masalah teragung nyawa kita.

Feb 18

“Tuan, adakah saya?” (Matius 26:22)

* * *

Sepucuk surat yang di seledup dari Rusia oleh gereja Baptis di Barnauy memberitahu bagaimana polis gelap telah memasuki di antara mereka enam tahun dulu melalui seorang wanita bernama Z. Polushina. Wanita itu pura-pura sebagai seorang guru. Dia menangis dan berdoa dan mengumumkan dirinya bertaubat. Tidak lama kemudian dia pun menjadi seorang pahlawan. Dia enggan menafikan kepercayaannya, yang menyebabkan kerjanya dibuang, kemudian terus dibuang kerja daripada beberapa buah kilang sebab saksi Kristiannya. Suaminya, seorang Komunis, menyusahkan-nya dan enggan memberi dia menjaga anak mereka. Bahkan suaminya merosakkan radionya sebab dia dengar khutbah dari luar negeri.

Semua ahli gereja nampak keberaniannya dalam sengsaranya. Dia pun dipandang tinggi dan disukai ramai. Inilah dia yang mendapati seorang anggota baru di gereja sebagai seorang agent polis gelap. Dan sebagai seorang yang dipandang tinggi, dia tahu semua rahsia gereja, terutama kerana doanya selalu bersama air mata.

Selepas enam tahun, orang mendapati bahawa dia adalah seorang pemberitahu bagi Komunis. Dia tiada suami atau anak, dan bukan seorang guru. Semua ini palsu.

Jangan menjadi pahit atau kagum jika kamu dianiaya dalam persahabatan atau kasih, atau keyakinan kamu dalam seseorang didapati palsu. Mungkin ini adalah kesilapan kamu sendiri, sebab kamu tidak mengambil perhatian akan pesanan Yesus, “berwaspada akan manusia” (Matius 10:17). Jumlah orang Perancis, Belanda, dan Norway yang mengkhianatkan tanah air mereka adalah besar, begitu juga jumlah askar-askar Amerika yang bekerjasama dengan musuh bila mereka tertangkap di perang Korea dan Vietnam.

Selain daripada minta kejujuran orang lain, lebih baik tanya soalan seperti rasul-rasul apabila kamu dengar akan sesuatu pengkhianatan, “Tuan, adakah itu saya?” Kita semua mungkin menjadi seorang Yudas. Saja rahmat Tuhan yang menjaga kita, dan membolehkan kita ikhlas kepada Tuhan dan kepada rakan manusia kita.

Feb 19

“Orang yang membajak tanah akan dipuaskan dengan roti.” (Amsal 12:11)

* * *

Manusia ada tiga kali senjata untuk membunuh setiap penduduk di bumi, dan saja separuh makanan untuk keperluannya. Setiap orang kedua adalah kekurangan zat atau sedang mati kelaparan. Pemogokan, kacau-bilau, dan pemberontakan tidak akan menambahkan hasil makanan. Tambah pula, tindakan-tindakan itu akan mengharamkan para manusia kita.

Cubalah cara-cara yang ditunjukkan Tuhan bagi situasi ini:

Berdoa sentiasa, mengikut yang diajar Tuan kita, “Berilah kita hari ini makanan untuk hari ini.”

Menaati Tuhan. Ini telah tertulis, “Jika kamu hidup menurut segala ketetapan-Ku... kamu akan memakan rezekimu sampai kenyang” (Imamat 26:3,5).

Berawas bagaimana kamu makan. “makanan yang diciptakan Allah untuk diterima dengan syukur oleh orang yang beriman.” (1 Timotius 4:3). “Makanlah rotimu dengan gembira” (Pengkhotbah 9:7). Kristian-

Kristian pada abad pertama “makan dengan gembira dan kemudahan hati” (Rasul 2:46).

“Membawa satu persepuluh ke dalam gudang ku... dan mencubai Aku,” kata Tuhan alam semesta, “dan ujilah Aku, firman Tuhan...apakah Aku tidak membukakan bagimu tingkap-tingkap langit dan mencurahkan berkat kepadamu sampai berkelimpahan.”(Maleakhi 3:10).

Tukarkan pemandangan-mu, jika perlu, untuk memenuhi perjanjian ini, “orang yang hidup dalam kebenaran, yang berbicara dengan jujur, yang menolak untung hasil pemerasan, yang mengebaskan tangannya, supaya jangan menerima suap, yang menutup telinganya supaya jangan mendengarkan rencana penumpahan darah, yang menutup matanya supaya jangan melihat kejahatan... rotinya akan disediakan” (Yesaya 33:15, 16).

Sebaliknya, kita membelanja “duit untuk yang bukan roti” (Yesaya 55:2). Kita semua adalah pemboros. Kita tidak ingin banyak akan keperluan orang lain.

Mengetahui kelaparan di bumi ini, biarlah kita menukar cara hidup kita hari ini, untuk kebajikan kesihatan rohani kita, dan untuk orang yang kebuluran.

Feb 20

“Maria berdiri di luar kubur dan menangis.”
(Yohanes 20:11)

* * *

Seorang wanita masuk ke balai polis dengan mengalir air mata.

“Carilah suamiku. Saya tidak dapat hidup tanpanya. Dia telah hilang.”

“Silalah tenang sedikit, puan, biar kita mendapat maklumatnya. Bilakah suamimu hilang?”

“Seminggu dulu.”

“Kenapa sekarang baru kamu datang?”

“Sebab hari ini hari gajinya!”

Ramai di antara kita mencari Tuhan saja bila kita perlu pertolongan-Nya, apabila kita melalui kesulitan, bukan sebab kita mengasihi-Nya.

Adakah kamu akan sayang seorang Juru-selamat yang tergantung di atas sebuah salib dan mengumumkan bahawa Dia telah ditinggalkan Tuhan-Nya? Akan-kah kamu membelanja kasih dan rempah manis untuk seorang Juru-selamat yang telah menjadi sebuah mayat, yang tidak dapat menolong siapa lagi? Maria Magdalen membuat demikian.

Dia duduk mengasihi dan menangis dekat kubur-Nya. Walaupun Yesus dikebumikan pada petang Jumaat, Dia bangkit semula pada pagi Ahad. Roh-Nya tidak dapat menahan air mata Maria.

Tunjukkan Tuhan dan rakan manusia-mu kasih yang tidak berkaitan dengan keuntungan diri kita.

Feb 21

“Berkuat hati dan berani, jangan takut atau bimbang akan mereka.” (Ulangan 31:6)

* * *

Saya ada sepucuk surat yang diseludup daripada sebuah penjara di Siberia Utara. Tarikhnya Disember 21, 1966, yang ditulis oleh seorang Kristian yang dijatuhkan hukum oleh sebab pemogokan pada Mei 1966 di depan bangunan Jawatan Kuasa Sentral Parti Komunis di Moscow. Di surat ini, penulisnya memberitahu akan hukuman bagi orang-orang yang ditangkap untuk pemogokan itu. Apabila hakim itu menghina Alkitab, saudara kita berkata, “Encik Hakim, bolehkah saya tanya satu soalan? Kenapa tahi arnab bentuk until, tahi kuda bentuk epal, tahi lembu bentuk kek kualiti, dan sebagainya?” Hakim itu jawab, “Saya tidak dapat jawab soalan ini.” Saudara kita pun kata, “Kamu tidak tahu akan tahi, dan kamu berani mengetawakan Firman Tuhan.”

Hakim yang sama itu mengejek Alkitab bahasa Rusia yang kata, “Abraham memperanakkan Ishak (Lelaki memperanakkan anak).” Saudara kita ini pun jawab bahawa pengarang Rusia yang agung, Gogol,

juga menulis serupa itu di buku yang terkenal-nya *Taras Bulba*. Buku itu tertulis seorang bapa berkata kepada anaknya, “Saya telah memperanakkan kamu, dan saya juga akan membunuh kamu.” Secara demikian saudara kita telah mendiamkan kata-kata bodoh hakim itu.

Saudara itu memberi kesan yang begitu besar sehingga ada jeneral-jeneral, ahli-ahli kerajaan, dan pemimpin-pemimpin Soviet yang datang ke penjara untuk bertutur dengan-nya. Penyiasatnya berkata kepada saudara-saudara Moscow yang datang minta maklumatnya, “David Davidovici adalah Kristian yang benar.” Baik hati penyiasat kacau sekali kerana peranan yang dikenakan-nya. Di surat elok saudara kita, dia mengatakan kini ada awan gelap yang melindungi umat Tuhan, tetapi Firman Tuhan memberitahu kita bahawa apabila awan dipenuhi, hujan pun akan jatuh. Nuh dan keluarganya tidak takut akan awan kebanjiran. Lebih-lebih dengan kita, yang mempunyai sebuah kapal yang lebih baik.

Feb 22

“Si bodoh berkata di dalam hatinya, ‘Tiada Tuhan.’” (Mazmur 14:1)

* * *

Pada masa Mazmur dituliskan, orang hidup dekat alam semula-jadi, dan hanya si-bodoh yang akan menafikan kewujudan Tuhan. Kini bukan begitu. Fahaman ateis moden adalah kebiasaan di bandar besar yang direka oleh orang-orang yang hidup di bandar berpenduduk padat, yang berjalan di atas tanah semen, dan tidak berhubungan dengan alam sejati. Penduduk kota-kota telah mencemarkan hawa dan air. Kini mereka tanya di mana-nya Tuhan. Orang yang hidup di tempat yang berlangit biru, yang berhawa segar, dan berair jernih faham. Peladang jarang ada yang berfahaman ateis.

Bunga bawang awal, burung robin, musim bunga, pemutaran musim-musim, hutan gelap dan ladang sawah yang sedang masak, usaha-usaha serangga, perpindahan burung-burung, corak aneh kepingan salji, semua menyatakan Pencipta mereka. “Hari meneruskan berita itu kepada hari, dan malam menyampaikan pengetahuan itu kepada malam”(Mazmur 19:2).

Ketua Seattle suku India Squamish di Washington berkata pada 1854, “Si-mati orang putih melupakan tanah air kelahiran mereka selepas meninggal dunia. Mereka telah pergi berjalan di antara bintang-bintang. Tetapi si-mati kita tidak akan lupakan bumi cantik ini, iaitu sebahagian kita. Bunga-bunga harum adalah saudari kita; rusa, kuda, helang besar adalah saudara kita. Bukit batu, air di lembah, kehangatan tubuh seekor kuda kecil, dan kita manusia adalah sekeluarga.”

Tetapi teguran India ini berkenaan orang putih tidak adil jika dia termasuk orang-orang Kristian. Kita nampak bumi sebagai bangku kaki Tuhan. Yesus berjalan di atasnya dan dikebumikan di dalamnya. Tubuh-Nya terdiri dengan tanah bumi. Kemudian Dia membawa tubuh-Nya itu bersama-sama ke syurga. Dia kasihi bahan jasmani bumi, yang menyanyikan kepujian Tuhan.

Di antara orang-orang yang dibesarkan di alam semula jadi, tiada yang berfaham ateis. Biarlah ini menegurkan imanmu pada Tuhan.

Feb 23

“Ketika air yang di kirbat itu habis... Allah membuka mata Hagar, sehingga ia nampak sebuah sumur.” (Kejadian 21: 15,19)

* * *

Hagar dikejar Ibrahim ke dalam gurun. Selepas berjalan jauh bersama anaknya, Ismail, dia mendapati air di kirbat tunggal nya telah habis.

Dia berada di tempat gurun. Tiada harapan. Dia meletakkan anaknya di bawah pokok kecil dan pergi duduk jauh dan menangis. Rupanya anak ini akan mati. Seorang budak dahaga, botol hampa, matahari serupa api. Dia rasa anaknya mesti mati.

Tetapi ada satu unsur yang dia lupa. Kita juga biasa lupakan ini apabila kita melalui masa susah. Adanya sesuatu Tuhan. Dia pernah menunjukkan wanita yang berjalan dengan botol kosong itu sebuah perigi. Tuhan mungkin akan merampas sesuatu peluang kecil daripada kamu supaya dapat memberi kamu peluang yang besar.

Kita membawa botol, Tuhan ada perigi.

Biarlah kita mendapat air dari perigi keselamatan.

Feb 24

“Manusia ditetapkan untuk mati hanya satu kali sahaja.” (Ibrani 9:27)

* * *

Empat belas orang jenayah peperangan Jepun bertaubat dan percaya Yesus. Surat terakhir salah seorang daripada mereka, Nishizawa, tertulis, “Saya sedang hidup dalam hari-hari yang bersyukur, beriman bahawa saya telah selamat... selamat dengan rahmat Tuhan, hidup adalah untuk kamu dan mati pun saya beruntung.” Sebaliknya, ada seorang ateis berkata apabila dia berhampiran mati, “Saja suatu hal yang merosakkan segala keriangian hidupku. Saya takut Alkitab ini benar. Jika saya dapat tahu dengan pasti bahawa kematian adalah tidur dengan abadi, saya pun akan gembira. Tetapi jika Alkitab ini benar, saya pun betul-betul rugi selama-lamanya.”

Nasihat kematian Raja Perancis Lousi IX kepada anak perempuannya ialah: “Saya menyuruh kamu mengasihi Tuan kita dengan segala tenaga kamu, sebab inilah dasar segala kebaikan. Saya ingin kamu dapat faham apa yang dilakukan Anak Tuhan untuk merebus kita. Jangan sekali-sekali-nya berdosa dengan sengaja,

walaupun ini akan selamat jiwamu.” Philip Melanchthon, sekerja Luther dalam Pemulihan agama, berkata, “Saya tidak ingin apa-apa kecuali syurga; oleh sebab ini janganlah kacau saya lagi.”

Francis Spira, setelah menjadi pendakwah untuk banyak tahun, bertolak kepercayaannya di depan ramai sebab takut penganiayaan. Kata akhirnya ialah: “Saya telah menafikan Kristus dengan sengaja, menentangi kepercayaan saya. Saya rasa Dia telah mengeraskan hati saya dan tidak membenarkan apa-apa harapan. Betapa dahsyat-nya terjatuh di dalam tangan Tuhan yang hidup.”

Seorang pendeta yang akan mati berkata, “Saya menyeru syurga dan bumi untuk menjadi saksi, bahawa jika saya dapat pulih, saya akan berusaha untuk kesucian. Bagi kekayaan dan penghiburan dan kepujian manusia, saya akan mengira sebagai gangsa. Tetapi kini cadangan yang terbaik pun tidak bererti, sebab terlalu lambat.”

Ingatlah satu hari kamu akan mati. Bertaubatlah bila kamu masih berpeluang.

Feb 25

“Kita telah dibenarkan dengan percuma kerana penebusan dalam Kristus Yesus.” (Roma 3:24)

* * *

Seorang pengemis yang pilu minta Tuhan memberinya makan. Ada suara suci datang kepadanya dalam tidurnya, mengarahkannya pergi ke sesuatu tempat, meletakkan sebatang panahnya di busurnya dengan mengemukakan timur, dan ke mana saja panah itu terjatuh, goreng untuk harta. Pengemis itu pun menembak banyak panah dan goreng di semua arah, tetapi tidak berhasil. Kemudian suara dari syurga itu datang semula, “Kamu diarahkan meletakkan sebatang panah di atas busur kamu, tetapi jangan menarik dengan sedaya upaya, seperti yang dilakukan kamu itu. Saja tembak dengan sedikit usaha, supaya panah itu jatuh dekat kamu, sebab harta itu dekat saja.”

Jangan berusaha kuat di dalam agama. Apabila anak saya kecil, dia tanya saya bagaimana dapatnya memeriksa jikalau dia beriman, sebagaimana yang dikatakan di 1 Korintus 11:28. Saya pun memberitahunya bahawa di stesen kereta api ada seorang mekanik yang menguji roda-roda dengan

sebuah tukul, untuk memastikan jika roda itu gentar dengan betul. Kemudian saya pun mengetuk dada saya dengan kuat dan kata, “Kamu juga mesti mengetuk dada sendiri, dan tanyanya dengan lantang, ‘Hai hati! Kau sayang Yesus tidak?’”

“Bapa,” anak saya jawab, “kau telah salah. Saya pernah minta mekanik di stesen itu memberi saya cuba tukul-nya. Saya mendapati tukul itu sangat ringan. Kita saja kena mengetuk dada kita dengan ringan. Jika ia jawab dengan suara rendah ‘Saya kasih,’ itu pun cukup.”

Ada orang yang menyusahkan diri sendiri dalam agama dan bukan bergantung sepenuh hati pada kesempurnaan darah Yesus Kristus (untuk keselamatan). Tetapi Kekasih adalah di sini. Saja peluk-Nya.

Feb 26

“Pertengkaran antara orang-orang yang tidak lagi berfikiran sihat.” (1 Timotius 6:5)

* * *

Dua orang bertengkar akan maksudnya kata “gelas.” Yang satu berkata, “Inilah sesuatu cawan berbentuk silinder, kutuklah sesiapa yang kata lain macam.” Yang kedua kata, “Sebuah gelas ertinya sesuatu cawan untuk minum, tidak kira apa bentuknya, kutuklah sesiapa yang kata lain macam.”

Sebiji gelas boleh juga diberi takrifkan lain. Contohnya, ia boleh bererti sesuatu benda tajam yang dibuang ke atas kepala orang lain dalam pertengkaran. Tetapi akhirnya sebiji gelas adalah sebiji gelas. Kebenarannya tiada apa-apa perhubungan dengan nama “gelas” itu, yang saja digunakan dalam bahasa Inggeris. Di Perancis ia dipanggil *verre* dan di Rusia *stakan*. Definasi tidak lengkap dan boleh bertukaran, dan diberi dari sesuatu segi pandangan.

Jangan kita lupa bahawa setiap segi pandangan adalah sesuatu buta, sebab ia menghalang saya nampak daripada segi-segi lain yang benar juga. Apabila saya pandang ke atas siling, saya pun tidak

dapat nampak lantai bilik ini. Dan apabila saya memandang ke bawah, saya pun tidak dapat nampak siling. Saya saja dapat sampai kebenaran melalui kefahaman semua kebenaran dengan semua segi. Tetapi kebenaran bukan saja jasmani, ia juga rohani. It tahu akan dirinya. Kristus tahu semua kebenaran. Oleh kerana ini Dia berkata, “Saya adalah... kebenaran” (Yohanes 14:6).

Berhati di sini, Dia tidak kata, bahawa *Dia* adalah kebenaran. Dia kata, “*Saya* adalah kebenaran.” Kita tidak diizinkan menukar nama ganti itu. Jika Yesus adalah seorang *Dia* kepada kamu, kamu tidak ada kebenaran; Dia mesti menjadi *Saya* di dalam kamu. Dia ingin hidup di dalam hatimu sebagaimana dia hidup di dalam rahim Maria. Dengan bersatu sama Dia, curigamu pun hilang. Kamu akan jadi kebenaran dalam manusia. Tidak sempurna-kah? Ya, tetapi dengan “Kristus di dalam kamu”, kamu akan ada “harapan kemuliaan” (Kolose 1:27).

Feb 27

“Biar kedua-kedua tumbuh bersama.” (Matius 13:30)

* * *

Seorang peladang di Amerika Syarikat menulis kepada Jabatan Pertanian: “Saya telah cuba setiap cara untuk menghapuskan dandelion, termasuk semua cadangan di majalah kamu, tetapi saya masih ada rumput liar itu.” Dia pun mendapat jawapan lanjut daripada jabatan itu dengan kata terakhir ini: “Tuan, jika segala cara itu telah di cuba dan dandelion masih ada, lagi ada satu cara: belajar mengasihi rumput itu.”

Apa pun cara yang kamu guna, kamu tidak dapat melepaskan kawan-kawan palsu, musuh-musuh, pembantah-pembantah, kemarahan suami atau isterimu, atau daripada sanak saudara. Tetapi kamu dapat menghapuskan semua masalah itu dengan satu cara yang berkesan sekali: mengumumkan mereka sebagai tajuk kasihmu. Tiada pilihan lain kecuali kamu ingin membunuh dirimu dengan kebencian.

Jangan menghakimi seterumu dengan sifat yang diambil mereka tentang-mu, melainkan dengan keadaan kehidupan mereka. Mungkin mereka tidak pernah dikasihi. Mungkin kamu telah menjadi seorang mangsa

bagi kebencian mereka tentang orang lain yang mereka tidak berani menyerang. Seorang yang majikannya jahat mungkin akan berkata kejam kepada isterinya. Dia kena berdiam apabila majikannya marahnya. Isterinya telah menjadi sasaran balas dendam-nya.

Kamu tidak dapat menukar aliran kehidupan. Kasihnya dengan apa saja yang dibawanya. Yesus berkata, “Sayalah hidup” – dalam semua halnya. Ambillah hidup ini sebagai suci – dan kendali nya dengan berhati-hati.

Feb 28

“Keluarlah daripada mereka dan memisahkan dirimu.” (2 Korintus 6:17)

* * *

Seorang petani dengar pengumuman raja Tirmid akan balasan yang besar bagi sesiapa yang dapat menghantar sepucuk surat ke Samarkand dalam empat hari, cepat-cepat datang ke Tirmid dengan sepantas mungkin. Semua kota kagum, ingin kepantasannya makna ada bencana hebat. Apabila dia dibawa di depan raja, apa yang dapat dikatakannya ialah dia tidak dapat sampai Samarkand dengan begitu cepat.

Saya selalu fikir akan cerita ini apabila saya dengar banyak doa di gereja, yang ramai sampai sana dengan memandu laju. Mereka saja nak beritahu Tuhan bahawa sebagai seorang pendosa, mereka tidak dapat memenuhi undang-undang-Nya. Apa baiknya memberitahu Tuhan akan itu?

Kamu adalah seorang pemuja yang lemah. Tuhan tidak tanya banyak daripada kamu, tetapi kamu tidak patut memikul sama dengan seorang yang tidak percaya, jika tidak, kamu akan dihukum bersamanya.

Seekor tikus berminat sangat berkawan dengan seekor katak. Untuk dapat bersempang dengan rakannya setiap masa, dia mengikat seutas tali pada kaki katak itu bersama kakinya. Tidak lama kemudian, seekor burung helang menangkap tikus itu dan membawanya pergi, dan katak itu, yang terikat dengan tikus itu, ditarik bersama dan musnah. Jika kakinya tidak terikat dengan tikus, dia tidak akan mati. Helang tidak dapat masuk air.

Selain daripada memberitahu Tuhan berkali-kali bahawa kamu tidak dapat memenuhi undang-undang-Nya, pisahkan dirimu daripada dunia dan kamu pun berada di tempat baru yang membolehkan kamu memenuhi tujuan Tuhan.

Feb 29

“Kristus pun dapat tinggal di dalam hati kamu sekalian melalui iman.” (Efesus 3:17)

* * *

Apabila Michelangelo mengambil seorang tukang batu sebagai model patung Kristus, Gurunya Ghirlandaio pun mencelanya. Michelangelo membetulkan diri dengan kata: “Tetapi Kristus juga seorang pekerja bawahan, seorang tukang kayu.”

Guru itu jawab, “Florence tidak menerima Kristus sebagai seorang buruh. Mereka biasa memikirkan-Nya sebagai seorang atasan yang bermutu tinggi.”

Ada orang sudah biasa dengan memikir Yesus sebagai seorang Juru-selamat di sejarah. Mereka tidak menerima seorang Kristus di dalam, walaupun untuk menjadi benar, Kristus mesti duduk di dalam hati kita.

Di sebuah kisah Perancis yang terkenal, seorang tuan British suka berlakon sebagai seorang badut kepada seorang wanita di pentas. Dia terus menyerahkan bunga dan permata, dan mendengar kata wanita itu tiap-tiap malam. Wanita itu pun tertarik olehnya dan membuat pertemuan dengannya di sebuah parti, tetapi dengan nama yang lain. Tuan British itu

tidak memberi perhatian kepadanya, atau pada pertemuan lain. Dia saja suka akan wataknya di atas pentas. Dia tidak minat mengenai wanita sejati itu.

Ramai di antara kita bersujud di depan Yesus sebagaimana yang tertunjuk di gambar di dalam Alkitab. Kita berlutut di depannya pada masa jamuan suci atau di depan sebuah ukiran Yesus (patung atau gambar Yesus). Tetapi apabila Dia melalui dekat kita dalam bentuk seorang yang lapar, atau dia berada di rumah sakit, atau di penjara, kita pun tidak mengambil belahnya atau memberi hormat kepadanya. Biar kita jemput Yesus duduk di dalam hati kita dan mengenali-Nya di dalam bentuk orang-orang keperluan di sekeliling kita!

Mac 1

“Tubuh itu lemah.” (Matius 26:41)

* * *

Di bawah Lenin dan Stalin, lapan puluh ribu pendeta dibunuh. Bapa Mikhail adalah salah seorang yang belum ditangkap, tetapi dia kehilangan imannya. Dia baru mengucapkan upacara di gereja, “*Berkatilah Tuhan,*” apabila sesuatu suara membisik, “*Tiada Tuhan.*” Dia memandang patung-patung orang saleh di atas dinding. Apa ertinya persahabatan mereka bersama Tuhan? Akan-kah Rakan mereka yang perkasa itu membiarkan mereka dibuangkan kepada binatang liar, dibakar api, dan diseksa? Dia cuba menekan fikiran itu dengan mengulang doa ini, “*Si bodoh berkata di dalam hatinya: tiada Tuhan.*” Tetapi ini tidak berkesan.

Dia teruskan urusannya sebagai seorang pendeta, tetapi imannya telah hilang. Kesedihan di sekitar-nya terlalu besar. Dia kena menahan dirinya daripada berteriak kepada peladang-peladang yang memenuhi gereja itu, “*Baliklah! Kamu sekalian! Tiada Tuhan. Tuhan tak akan membiarkan pertumpahan darah sebegitu ini.*”

Komunis-Komunis yang mabuk menangkapnya pada suatu petang Easter, dan memberitahu pendeta itu, *“Kami telah mengambil keputusan untuk membunuh kamu. Apa yang kamu nak kata?”*

Kehidupan telah hilang nilainya bagi Father Mikhail. Dia jawab, *“Sesuka kalian.”* Tetapi mereka masih memberinya suatu peluang. *“Jika kamu menafikan Kristus dan memijak salib, kamu akan dibebaskan.”* Dia pun fikir, Saya tak percaya Tuhan lagi. Apa maknanya sebuah salib kepada saya? Biar saya menyelamatkan diri. Tetapi apabila dia membuka mulutnya, dia terkejut sebab dirinya berkata, *“Saya percaya pada Tuhan yang esa.”*

Itulah Jumaat yang Baik. Sebagai tanda mahkota berduri, mereka meletakkan sebuah topi bulu binatang yang terbalik di atas kepalanya; mereka juga meletakkan sebuah guni di atas bahunya sebagai jubah raja, dan berlutut di depannya dan kata, *“Hai, raja Yahudi,”* dan semua orang memukulnya. Dia berdoa kepada yang Esa itu yang dia tidak percaya lagi, *“Jika Kamu wujud, selamatkanlah saya.”* Dan dengan suara lantang, dia mengulang, *“Saya percaya pada Tuhan yang Esa.”*

Doa ini begitu mengejutkan pemabuk-pemabuk itu, sehingga mereka melepaskannya. Setelah dia balik, dia

bentangkan diri di sudut doanya dan berkata dengan mengalir air mata, “*Saya percaya.*”

Apabila diserang curiga, jangan mencari penyelesaian dalam fikiran. Memikul sesuatu beban di atas bahu untuk Yesus. Apabila fikiran logik gagal, iman akan berjaya.

Mac 2

“Dia tercedera untuk kesalahan kita.” (Yesaya 53:5)

* * *

Yesus mengambil dosa kita di atas diri-Nya dan menderita sebab itu. Tidakkah patutnya bagi saya menanggung dosa untuk saudara saya yang bersalah?

Seorang perempuan yang belum kahwin telah hamil. Untuk menyelamatkan kekasihnya daripada kemarahan bapanya, perempuan itu memberitahu bapanya, *“Inilah pendeta saya yang melakukan itu.”* Bapa itu pun benci pendeta itu. Apabila anak telah dilahirkan, dia pun membawa anak itu pada suatu pagi Ahad, dan menghulurkannya kepada pendeta itu di depan ramai dan kata, *“Ambillah! Ini hasilan kamu dengan anak perempuan saya!”* Sambil jerit dan kutuk, bapa itu pun meninggalkan gereja itu.

Jemaah yang terkejut itu pun sunyi, harap dapat dengar penerangan daripada pendeta itu. Tetapi pendeta itu saja sayang bayi itu dan kata, *“Jadi kamu anak saya? Memang betul! Oh sayanku!”* Jadi dia pun kehilangan semua ahli jemaah-nya. Dia dihina semua,

cuba membela anak itu dalam keadaan yang amat miskin.

Selepas beberapa tahun, perempuan itu tidak dapat tahan penyesalan dan mengaku kepada bapanya. Bapa itu terkejut dan lari kepada pendeta itu untuk minta maaf; kemudian dia pun memberitahu semua gereja akan itu. Jemaah itu pun kembali, dan harap dapat penerangan daripada pendeta itu untuk kelakuannya. Tetapi dia saja kata, *“Kamu harap saya kata bayi itu bukan kepunyaan saya kah? Dia tentu kekasihku!”* Kini dia dapat jemaah yang lebih daripada dulu. Dia tidak membetulkan dirinya apabila dituduh, dan juga tidak membanggakan diri apabila kebenaran telah ternyata.

Tuhan telah berkata, *“Jika sesiapa hendak mengikut saya, biarlah dia menafikan dirinya”* (Lukas 9:23). Jika seorang menafikan dirinya, semua orang pun dijadikan dirinya; dia menyedari bahawa setiap orang bertanggung jawab untuk dosa setiap orang lain. Dia tidak akan menolak apa-apa tuduhan sebagai dosa orang lain, melainkan menerimanya dengan gembira. Inilah ertinya mempunyai fikiran Kristus.

Mac 3

“[Mereka] menjadi berani dalam peperangan.”
(Ibrani 11:34)

* * *

Dengarlah cerita seorang pahlawan keimanan.

Namanya Florea. Dia mati di penjara Romania. Dia telah dipukul sehingga kedua-dua tangan dan kakinya menjadi lumpur sebab dia enggan bekerja pada Hari Tuhan. Dia saja dapat bergerak lehernya. Ini telah cukup teruk jika seseorang duduk di rumah rawatan atau dijaga oleh keluarganya, tetapi dia berada di penjara, di mana banduan-banduan lain tiada air, tiada kain – tiada apa-apa pun untuk menolongnya.

Kami kena menyudu makanan kepadanya, tetapi di mana dapat sudu? Walaupun demikian, dia adalah orang yang aman dan gembira sekali di antara kami. Mukanya bersinar. Apabila kami banduan-banduan kadang-kadang duduk dikelilinginya dan mengadu akan rupa hodoh kita, dia akan jawab, *“Jika rupa teruk, cuba nampak ke atas. Apabila Stephen dikelilingi oleh orang-orang yang membuang batu kepadanya, dan dia ketinggalan ahli-ahli gerejanya, dia pandang ke atas dan nampak Yesus berdiri di sebelah kanan Bapa-Nya.*

Ini menenangkan hatinya; ini juga akan tenangkan kamu. Pandang ke atas!”

Setelah saya dilepaskan dari penjara, saya berkata kepada anaknya yang berumur Sembilan, dan menceritakan kejujuran bapanya. Saya bertambah, *“Saya harap kamu pun akan jadi seorang baik seperti bapamu.”* Dia jawab, *“Saudara, saya harap dapat menderita untuk Kristus seperti bapa-ku.”*

Tiada undang yang memaksakan seorang Kristian menjadi setengah hati dan bosan. Agama Kristian boleh jadi luar biasa dan berani. Ejaan betul bagi kata “kasih” adalah k-o-r-b-a-n-k-a-n d-i-r-i.

Mac 4

“[Yesus berkata] “Inilah tubuh-Ku, yang diberikan kepada kalian.”
(Lukas 22:10)

* * *

Apabila seorang pendeta mengulang kata jamuan suci ini, “Inilah tubuh-ku,” apa maksudnya?

Yesus ada dua sifat semula-jadi di dalam satu tubuh, sesuatu yang syurgawi dan sesuatu kemanusiaan. Dia juga ada dua badan: sesuatu ialah tubuh manusia-Nya yang di-naikkan ke syurga, dan sesuatu tubuh sebagai gereja-gereja-Nya. Pada masa jamuan suci kita mengingat tubuh yang menderita di Golgotha itu, tetapi kita juga ingat tubuh rahsianya, iaitu gereja sedunia, yang menyerahkan syahid-syahid di setiap kurun, yang darah mereka menunjuk kemuliaan Tuhan.

Kepada tubuh Kristus yang telah bangkit itu, kita memuja. Kita memuja hati-Nya yang berluka untuk kita. Bagi tubuh rahsia-Nya, iaitu gereja sedunia, kita boleh buat lebih. Kita boleh mengongsi salib syahid-syahid hari ini dan meringankan penderitaan mereka.

Di setiap jamuan suci ingatlah kedua-dua tubuh ini.

Mac 5

“Segala dosa anak-anak manusia pun akan diampuni, setiap dusta yang diucapkan mereka.”
(Markus 3:28)

* * *

Ada sekali, seorang tua menaiki kereta api. Dia duduk bersama seorang pemuda yang rupanya sedih. Akhirnya pemuda itu memberitahu bahawa dia seorang banduan yang baru dilepaskan penjara sebab jenayahnya. Dia juga mengaku bahawa ketahanannya telah memalukan keluarganya, dan mereka tidak pernah melawatnya, bahkan surat kiriman pun amat jarang. Dia cuba meyakinkan diri bahawa mereka terlalu miskin untuk datang, dan terlalu kurang pelajaran untuk menulis surat. Dia harap keluarganya akan maafkannya.

Untuk memudahkan komunikasi dengan keluarganya, dia pun bercadang bahawa jika keluarganya maafkannya, mereka pun mengikat sekeping kain putih di atas sebuah pokok epal besar yang berdekatan jalan kereta api itu sebagai tanda. Dan kalau mereka tidak ingin dia balik, mereka pun tidak perlu buat apa-apa. Dia akan faham dan terus pergi ke Amerika Barat.

Apabila kereta api mendekati pekannya, dia begitu tertekan sehingga tidak berani pandang keluar tingkap. Orang tua itu pun menukar tempat duduk dengannya dan kata dia akan pandang pokok epal itu. Dalam beberapa minit dia pun meletakkan tangannya ke atas lengan pemuda itu. “*Itulah pokok,*” dia berbisik, dan tiba-tiba suaranya kurang tetap. “*Semua baik. Tak ada kain. Seluruh pokok itu dipenuhi pita putih.*”

Bahasa Ibrani tiada kata tunggal untuk *rahmat* Tuhan. Ia saja ada *rahmahim* – banyak rahmat-rahmat. Setiap kata Ibrani yang berhujung dengan “m” adalah lebih daripada satu. Apa pun yang kamu lakukan, ada cukup kemaafan di dalam darah Yesus.

Mac 6

“Orang ramai itu teramat banyak, dan tiada apa-apa untuk makan... Mereka semua makan dan dipenuhi.”
(Markus 8:1,8)

* * *

Hampir lima puluh juta orang mati setahun, dan lebih daripada satu pertiga di antara mereka sebab kekurangan zat makanan atau kelaparan. Ingatlah setiap pagi apabila kamu bangkit, bahawa kamu sedang bangkit di dunia yang lapar. Menggunakan makanan dengan boros adalah dosa hebat. Apabila bijirin dibela ternakan untuk dijadikan daging, $\frac{3}{4}$ nilai makanannya pun hilang. Orang Amerika hampir makan satu ton bijirin setiap orang setahun, sedangkan seorang Asia saja makan $\frac{1}{5}$ jumlahnya. Jika kamu henti makan daging tiga kali seminggu, kamu pun dapat menukarkan hasilan pertanian yang dibela kepada ternakan ditukarkan kepada orang lapar.

Keadaan makanan akan jadi lebih teruk. Banyak anak-anak India diberi nama *Dashkal*, iaitu lapar. Menambahkan manusia lebih senang daripada menambahkan makanan. Contohnya, Morocco, Kenya, Iraq, dan India akan bertambah ganda jumlah penduduk

mereka dalam 25 tahun. Keadaan itu pasti akan membawa bencana.

Hakikat bahawa saya tidak akan dapat menyelesaikan masalah dunia tidak membebaskan saya daripada melakukan apa yang saya dapat melakukan, melalui sesuatu pertubuhan kebajikan, untuk menolong sekurang-kurang seorang anak lapar untuk hidup.

Yesus pernah miskin sebagai seorang budak. Apabila Dia nampak kelaparan orang ramai, dia tidak mengabaikan mereka. Dia memberi mereka roti dan ikan. Kamu pun buat serupa. Mengongsi apa yang kamu ada dengan yang keperluan.

Mac 7

“Mereka mendapati seorang dari Cyrene, dengan nama Simon, dan mereka pun paksanya memikul salib-Nya.” (Matius 27:32)

* * *

Kamu dapat meletakkan USA, semua Eropah, Cina, India dan Jepun ke dalam Afrika dan masih ada tempat kosong. Begitulah keluasan Afrika. Sebegitu besarnya setiap Kristian mesti peduli akan Afrika.

Untuk mendapat benua ini bagi Kristus, St. Perpetua dan suaminya rela dipotong hancur pada tahun Masihi 201, Mac 7. Mereka enggan membakar kemenyan kepada patung Kaisar. Untuk Afrika didapati Kristus, mubaligh agung Livingstone mati di atas lututnya di tepi katilnya di Chitambo, iaitu Tanzania hari ini. Mubaligh Perancis Francois Coillard mati di Bulawayo (Rhodesia). Di salah sepucuk surat terakhirnya dia tulis, “*Khemah lama sedang layu, tetapi hatiku masih muda. Hatiku dipunya Afrika. Di sana ada kerja sedang menunggu saya menyiapkan, dan kubur saya patut di sana juga. Hasrat agung saya ialah jangan hidup sehari lebih daripada tenaga pelayanan saya.*”

Afrika masih sebuah tanah neraka apabila Robert Laws pergi sana bersama lima orang mubaligh lain. Orang-orang asli sedang membunuh satu sama lain dengan teruk di peperangan suku bangsa. Livingstone menangis, dia berseru, "*Darah, darah, serata pun darah!*" Dr. Laws dan rakan-rakannya berusaha selama enam tahun sebelum mendapat seorang percaya, iaitu selepas empat mubaligh telah mati akibat sakit panas.

Dan Crawford, seorang Scot, adalah mubaligh pertama yang membulatkan hati bahawa 'kita mesti fikir dan cakap serupa seorang hitam' supaya mendapat orang hitam. Dia pun menjadi seorang di antara mereka, jadi dia pun dijadikan hamba Raja Mushidi dari suku Katanga yang kejam. Raja itu ada lima ratus isteri, dan jadi kaya dengan perniagaan hamba, getah, dan gigi gajah, dan setiap hari membunuh sebanyak mangsa manusia se-suka-hati-nya.

Hampir semua negeri Afrika kini di bawah dictator. Agama Islam dan pemuja asli, bersama juga fahaman modern, dapat berjaya di sana. Fahaman Komunis juga dapat banyak negeri.

Apabila Yesus memikul salib, seorang Afrika menolong-Nya. Tolonglah Afrika datang kepada Kristus.

Mac 8

“[Daud] pura-pura jadi gila.” (1 Samuel 21:13)

* * *

Apabila Cardinal Trochta dari Czechoslovakia masih seorang pendeta, dia ditahan oleh orang Nazi. Di suatu pembunuhan besar-besaran, dia saja cedera. Dia berpura mati dan dibawa keluar bersama mayat-mayat, dan dapat melarikan diri. Jadi Trochta telah menipu orang Nazi. Berpura mati adalah suatu bohong dalam perbuatan.

Mengikuti pemegang akhlak yang kuat, dia patut menaati pemerintah yang ingin membunuh orang-orang yang tidak salah. Dia patut jerit, “*Saya masih belum mati. Sila tembak lagi.*”

Setiap tindakan jujur apabila dilaksanakan dengan terlampau akan menjadi hal-hal gelak. Kita memang patut berkata dengan benar. Tetapi kita juga patut mempertahankan diri sendiri apabila orang nak bunuh kita. Kita juga mesti mempertahankan keluarga kita, gereja kita, dan negara kita.

Undang Kristian yang terpenting sekali bukanlah kasih, ataupun kekerasan, ataupun kebenaran, ataupun kebijaksanaan, ataupun mencari keseronokan, ataupun

menyeksakan diri, ataupun kemurahan hati, ataupun mementingkan duit, ataupun mengorbankan diri, ataupun mempertahankan diri. Ini boleh disifatkan dengan kata St. Anthony yang agung, “*mengadakan segala sesuatu dengan ukuran yang sesuai.*”

Kebaikan hati kita yang diterangkan oleh Roh Kudus sedangkan kita mengaji Alkitab, akan menerangkan jalan bagi kita.

Mac 9

“Nampaklah, sejak hari ini semua keturunan akan memanggil saya bahagia.” (Lukas 1:48)

* * *

Penulis novel Yahudi yang agung Sholem Asch, yang telah menjadi seorang Kristian, menulis, *“Langkah kakimu, Maria, adalah sayang kepada saya seperti degupan jantung-ku. Dan hawa yang saya hisap di depanmu membersihkan jiwaku. Sebab kamu, Maria, memberi kesucian kepada setiap orang yang datang mendekati-mu.”*

Setiap kali kita memandang Yesus disalibkan, kita nampak ibu-Nya memperhatikan tubuh anaknya yang gentar dalam kesakitan. Dia pernah memelihara tubuh yang sama itu apabila anak ini masih seorang bayi. Dia pernah memandikannya dan memberinya makan. Berapa kalinya itulah kegemarannya untuk menciumnya. Kini dia memandang luka pukulan yang dilaksanakan askar-askar pada kulitnya dengan cemeti, yang dia kadang-kadang takut sentuh pun kerana kesucian.

Apakah yang patut kita memuji sekali wanita yang begitu disukai Tuhan itu?

Saya akan memuji dara-nya. Dia yang mengandung tanpa mengenali seorang lelaki, yang melahirkan Tuhan-manusia, makhluk yang mulia sekali.

Mac 10

“Maafkan dosa kita, seperti kita maafkan dosa orang yang meminjam dari kita.” (Matius 6:12)

* * *

Pada masa Perang Dunia Kedua, pemburu jenayah peperangan Yahudi yang masyhur Simon Wiesenthal, menulis bahawa apabila dia bekerja di sebuah kem buruh hamba di Lvov (Ukraine), seorang jururawat panggilnya ke tepi katil seorang pegawai Nazi yang hampir mati. Pegawai itu memberitahunya bahawa ibunya seorang Kristian, yang amat dukacita sebab dirinya mengambil bahagian dalam pasukan remaja Hitler, dan kemudian tentera Hitler. Dia berada di dalam unit yang menakluki sebuah bandar Soviet, Dnepropetrovsk. Di sana terdapat dua ratus orang Yahudi -- termasuk wanita, budak-budak dan bayi-bayi -- yang terkunci di dalam sebuah rumah kecil. Unit Karl pun melemparkan bom grenade ke dalam nya. Rumah itu terbakar. Ada beberapa orang Yahudi membawa kanak-kanak di dalam lengan mereka, cuba melompat dari tingkap, tetapi Karl menembak mereka.

Beberapa hari kemudian, unit Karl disuruh menyerang dalam sebuah pertempuran. Di dalam

perjuangan ini dia telah dibutakan sepenuhnya, dan tercedera hebat. Hal terakhir yang dia dapat ingat adalah nampak seorang Yahudi dalam api, dengan seorang budak yang sedang terbakar di dalam pelukannya. Yahudi itu sedang berjalan kepadanya. Kini dia sedang tunggu mati, sentiasa nampak wanita-wanita dan budak-budak Yahudi yang terkorban itu. Karl ingin dapat dimaafkan oleh seorang Yahudi. Tetapi Simon tidak memberi kata yang dirindukan itu.

Kita boleh faham Yahudi ini. Seluruh keluarganya telah dibunuh Nazi. Penjenayah mesti dikalahkan dan dihukum. Tetapi orang di depan Simon itu tidak akan mengharamkan sesiapa lagi. Dia sedang menderita kesakitan kematian. Di sini sepatah perkataan maaf patut diberikan. Tetapi seseorang mesti menyedari kesalahan dirinya dulu (dalam keampunan Kristus), baru dapat maafkan orang lain.

Mac 11

“Jangan hakim, supaya kamu pun tidak dihakimi.”
(Matius 7:1)

* * *

Tuan Yesus berkata kepada Petrus, “Saya akan memberi kamu kunci kerajaan syurga” (Matius 16:19). Setiap anak Tuhan boleh membuka kerajaan itu kepada sesiapa pun, bahkan kepada orang yang jahat sekali, dengan memberitahunya keampunan Kristus. Tetapi Yesus juga berkata, “Saya memegang kunci Neraka dan Maut” (Wahyu 1:18). Kunci ini Dia tidak memberi sesiapa. Dia menyimpan ini untuk diri-Nya. Kalau tidak, mungkin kita akan membuang diri kita ke dalam neraka sebab kebodohan sendiri. Seorang emak akan memberi anaknya patung, bukan pisau. Kita pun diberi kunci syurga, bukan neraka.

Luther berkata kepada Erasmus, seteru fahaman falsafahnya, “Dia mati tanpa cahaya, tanpa salib, tanpa Tuhan,” yang bererti dia ingin Erasmus tentu akan masuk neraka. Tetapi kata terakhir Erasmus iaitu, “Tuhan kekasihku.”

Saja satu kunci yang diberikan kamu. Bukalah gerbang syurga bagi orang lain. Jangan menghukum sesiapa. Jangan menghukum dirimu pun.

Mac 12

Yesus menjawab, “Akulah...hidup.” (Yohanes 14:6)

* * *

Kenapa Tuhan memberi kita firman-Nya? Kenapa bukan sebuah gambar?

Atom tidak dapat digambarkan. Kebenaran juga demikian. Lebih lagi dengan Tuhan. Lain-lain alat seperti rasa hidung atau rasa lidah juga tidak dapat mengajar kita seperti firman-Nya.

Tetapi adakah firman itu alat perhubungan yang sempurna? Ada banyak perkataan yang mempunyai beberapa maksud. Di dalam bahasa Ibrani, *barach* בָּרַךְ bererti “berkat” dan “kutuk”, *kedeshah* קְדוּשָׁה bererti “pelacur” dan “orang salih”, *hesed* חֶסֶד bererti “rahmat” dan “hujah/kata buruk menentang Tuhan.” Di dalam bahasa Yunani, “*afes*” bermakna “maaf” dan “mengabaikan.” Ayat-ayat alkitab boleh diterjemah berlainan. Kita perlu dapat bukti kekal. Keselamatan abadi kita bergantung pada memahami kehendak Tuhan secara jelas.

Seorang pendeta berkata kepada seorang budak Yahudi yang berumur dua belas, “*Jika Yesus adalah Mesiah yang diutuskan Tuhan dan kamu tidak percaya-*

Nya, kamu pun tentu musnah.” Budak itu jawab, *“Jika Yesus itu pendusta hebat, sebagaimana mahkamah kami umumkan, kamu sebagai seorang pengkhotbah-Nya, mesti dibuangkan neraka.”*

Di dalam agama tiada gurau. Jika Kristus tidak bangkit semula, kita yang melepaskan begitu banyak hiburan dunia untuk harapan kebangkitan ini, pun jadi *“yang paling malang antara manusia.”* (1 Korintius 15:19). Jika ada kebangkitan sedangkan kita memboroskan hidup dalam hiburan sia-sia, kita pun bodoh.

Jangan menghadkan dirimu dengan firman Alkitab saja. Terimalah segala wahyu Tuhan. Dia menunjukkan dirinya melalui semua perbuatan-Nya. Di dalam Bahasa Ibrani, yang digunakan Tuhan untuk memberi Firman-Nya, tiada perkataan untuk *“perkataan.”* Mereka saja menggunakan *“davar דבר”* untuk maksud itu, yang membawa erti *“benda, sesuatu yang benar.”* Seluruh kebenaran di luar dan di dalam adalah wahyu Tuhan yang benar -- segala yang terjadi di bukit Tengkorak, semua kehidupanmu dengan dosanya dan penaubatannya, kejatuhannya dan kebangkitannya, kedukaannya dan kegembiraannya. Percaya pada hidup, iaitu hidup Yesus. Terima Dia di dalam hidupmu. Kemudian kamu pun akan dapat kepastian hidup kekal.

Mac 13

“Kitab Suci tidak dapat dibatalkan.” (Yohanes 10:35)

* * *

Seorang pengarang Zionis (orang Yahudi) bernama Shifrin dipenjarakan di Rusia. Sedangkan di penjara, dia bertemu dengan seorang Baptis Solodiankin yang berumur 72. Shifrin tulis: *“Kebaikan dan kemurnian orang itu memberi kesan yang dalam. Bahkan askar-askar yang menjaga kita pun jadi lebih baik bila dia berhadir.”* Dia sudah hampir buta. Cermin matanya telah dipecahkan oleh penyiasat. *“Setiap upah buruhnya akan dipisahkan demikian: setengah untuk anak perempuannya yang sakit, ¼ untuk gerejanya. Yang tertinggal dia akan membeli sedikit gula dan roti; yang baki dia akan diberi kepada banduan yang sakit di dalam kem.”*

Shifrin memberitahu Baptis itu bahawa dia ada sebuah Alkitab dan rela membaca kepadanya. Pada petang itu, Solodiankin pun datang. Dia telah menukarkan bajunya dan menyikat rambutnya dengan amat teliti. *“Mendengar bacaan buku abadi itu adalah satu jamuan.”* Orang Yahudi itu pun membaca kepada Kristian itu daripada buku Yesaya. Sedangkan Shifrin

membaca, tiba-tiba dia dihentikan Solodiankin: *“Kau telah silap baca...”* Dan betulnya ada silap. *“Jadi tuan telah hafal semua buku ini kah?”*

“Mestilah.”

“Jadi kenapa saya kena membaca lagi?”

“Sebab seronok untuk mendengar Alkitab. Seseorang akan dapat insaf baru.”

Kita saja mengenali harga sesuatu barang setelah kita kehilangannya. Biar kita belajar daripada banduan ini, dan mengaji Alkitab dengan teliti.

Mac 14

“...hidup sia-sia warisan nenek moyangmu.” (1 Petrus 1:18)

* * *

Kita tidak menjadi seorang ahli gereja sebab kepastian ajarannya. Kita mengukur kepastiannya dengan hasil-hasil pemujanya.

Kebanyakan manusia menerima agama ibu-bapa mereka. Jika seorang Katolik kahwin dengan seorang wanita Katolik, anak yang dilahirkan dalam perhubungan ini akan dengar dari masa kecil segala yang cenderung kepada agama Katolik. Sebagai seorang dewasa, dia akan menerima segala pemandangannya, sama juga dengan seorang yang dilahirkan di dalam keluarga Yahudi atau keluarga Baptis, yang cenderung kepada kepercayaan masing-masing.

Untuk seorang yang bertukar daripada agama asalnya kepada agama lain, hal bukan begitu senang. Apabila seorang melalui sesuatu kesusahan hidup, atau kepercayaan mudanya telah diganggu, seorang pemuja lain agama mungkin akan memberitahunya apa yang disangkanya sebagai jalan kepada Tuhan. Jiwa yang terganggu itu pun menerima segala ketenangan dan

maksud hidup yang diperlukan pada masa itu. Dia akan merasa lebih mudah untuk menerima tanpa soalan segala ajaran-ajarannya, kepercayaannya, atau peraturannya yang dipegang oleh orang yang sedang menolongnya itu.

Susah untuk kita mendapati kebenaran. Bermulalah dengan menyelidik dan menyoal segala hal dalam agama datuk moyangmu, biar itu agama Kristian, Hindu, Muslim atau Yahudi.

Agama yang benar bermula dengan sudi mengaku bahawa segala kepercayaanmu itu mungkin salah. Bahawa agamamu mungkinlah salah satu pandangan palsu yang kamu biasa menganggap orang lain berada di dalam. Saja roh yang halus sekali, baru dapat bangkit daripada pandangan kumpulan kita.

Menyapu hatimu, lepaskan segala yang bukan datang daripada pengalaman dengan Tuhan secara peribadimu. Inilah apa yang dilakukan saya. Di dalam hati yang kosong -- iaitu hati seseorang yang bukan saja melepaskan kepercayaannya, tetapi juga orang sendirinya -- barulah Tuhan akan bersinar. Iaitu sumber segala agama.

Mengakulah bahawa kamu telah dapat pandangan kelahiran dan pelajaran pada masa kecil. Kemudian “ujilah semua hal” dengan firman Tuhan dan “memegang apa yang baik”(1 Tesalonika 5:21).

Mac 15

“[Tuhan berkata kepada Abraham] ‘Ambillah anakmu, anak yang tunggal Ishak... dan menyembahkannya sebagai suatu korban bakaran.’”
(Kejadian 22:2)

* * *

Seorang perempuan bernama Maria memberitahu cerita bagaimana emaknya di bicara di dalam mahkamah di Soviet apabila emaknya dirampas kuasa ibu-bapa. Pegawai-pegawai jerit kepada ibunya, “*Kamu seorang ibu. Nafikan Tuhan! Apa yang diberi-Nya kepada kamu? Siapa yang kamu sayang? Anak atau patung? Bagaimana boleh kamu menjadi begitu?*”

Emaknya duduk melindungi mukanya dengan kain, berulang-ulang berkata, “*Tuhan nampak semua itu. Dia akan hakim semua.*” Apabila anak-anak itu, termasuk Maria, memintanya, “*Emak, jangan tinggalkan kita,*” ibunya tidak nampak ke arah mereka pun.

Keadaan yang serupa itu pun kita dapat baca di dalam sejarah syahid-syahid awal yang masuk ke dalam panggung penunjukan dan ditelan binatang buas. Mereka enggan memberi hati kepada rayuan kekasih-

kekasih mereka yang minta mereka menafikan iman untuk anak-anak.

Dengan Tuhan, meninggalkan Anak-Nya dan enggan membiarkan mati abadi bagi pendosa-pendosa; dengan orang-orang saleh, mereka lebih sudi melepaskan anak-anak mereka daripada menafikan Tuhan. Demikianlah Tuhan kita; demikianlah kita. Kita tidak dapat lakukan apa-apa lain kecuali memuji-Nya tidak kira apa yang berlaku.

Apabila kena membuat satu keputusan, jangan teragak-agak. Korbankan apa dan siapa yang paling kamu sayang untuk Tuhan. Dia telah korbankan semua bagi kamu.

Mac 16

“Kita kasihnya sebab Dia telah mengasihi kita.”

(1 Yohanes 4:19)

* * *

Ada orang memberitahu cerita ini:

Apabila tentera Soviet menyerang Eropah Timur, seorang pegawai Rusia duduk di dalam rumah seorang pelukis, yang suka wajah pegawai yang kacak itu, dan mintanya untuk menjadi model bagi lukisannya. Sedangkan pegawai itu duduk untuk dilukis, dia nampak sebuah gambar Yesus yang sedang disalib dan tanya apa gambar itu. Pelukis itu jawab dengan ringkas, tetapi pegawai Rusia itu uteras tanya: “Jika Dia begitu baik, dan ingin keselamatan seluruh manusia untuk abadi, orang mesti menurunkannya secepat se-mungkin dan merawat lukanya.”

“Sila Macgan kacau, saya sedang lukis,” datanglah jawapan. “Tidak, Dia tidak dilepaskan. Dia mati di atas salib. Inilah yang Dia berniat lakukan. Dia membayar hutang bagi dosa kita. Tetapi biarlah kita teruskan kerja kita.”

Pegawai Rusia itu tidak berpuas hati.

“Bagaimanakah patutnya kamu mengasihi seseorang

yang membuat korban yang sebesar ini bagimu.”
Pelukis itu letakkan berusnya. Dia telah banyak kali melukis Yesus tersalib. Tetapi baru saja dia menyadari semua itu dilakukan tanpa kasih yang tekun. Seorang yang bukan Kristian telah mengajarnya bagaimana patutnya dia kasihi Kristus.

Mac 17

“Buatlah baik kepada mereka yang benci kamu.”
(Matius 5:44)

* * *

Kejadian ini berlaku di sebuah bilik penjara di sebuah negeri Komunis:

Pada suatu hari, penjaga menolak seorang banduan baru ke dalam bilik yang dikandungi oleh Kristian saja. Orang itu kurus, kotor dengan rambut potong botak. Mula-mula tiada yang mengenalinya. Selepas beberapa minit ada seorang jerit, “Inilah kapten X.” dia adalah penyeksa Kristian yang teruk sekali. Dia telah menangkap dan memukul ramai di dalam bilik ini. Mereka mengelilinginya dan tanya kenapa dia datang. Dengan air mata mengalir, dia memberitahu ceritanya.

Dua bulan sebelum itu, sedangkan dia duduk di pejabatnya, seorang budak lelaki yang berumur dua belas datang, memegang sekuntum bunga untuk isteri kapten ini. Budak itu memberitahunya, “Kapten, kamu adalah orang yang menangkap bapa dan emak saya ke penjara. Hari ini adalah harijadi ibu saya. Saya selalu membeli sekuntum bunga pada hari ini bagi mak. Oleh sebab kamu saya tiada emak untuk hiburkan hari ini, tetapi ibu saya

seorang Kristian, dia telah mengajar supaya saya kasihi seteru saya dan membalas baik bagi yang jahat. Jadi saya pun membawa sekuntum bunga untuk ibu anak-anak kamu. Sila mengambil bunga ini kepada isteri kamu, dan memberitahunya kasih saya dan kasih Kristus.”

Inilah terlalu berat bagi seorang kapten Komunis juga. Dia juga seorang makhluk Tuhan, yang diterangkan dengan “cahaya benar, yang menerangkan setiap orang yang datang ke dunia ini” (Yohanes 1:9). Dia memeluk budak itu. Dia tidak dapat seksa sesiapa pun lagi, dan tidak dapat memegang jawatannya. Kini dia ingin duduk di penjara bersama orang-orang yang dikurungkan-nya sebagai hal yang amat dirindui. Kasih dan maaf adalah kunci bagi hidup Kristian yang berjaya.

Mac 18

“Apabila dia nampak angin itu kencang, dia pun takut.” (Matius 14:30)

* * *

Sebuah mukjizat telah berlaku. Dengan suruhan Tuan, Petrus telah dapat berjalan di atas air, yang menentangi undang-undang semula-jadi. Tetapi apabila Petrus sedang berjalan, kenapa dia takut kerana angin kencang? Kamu saja dapat membuat mukjizatnya dalam cuaca baik-kah?

Pada suatu kali lain, pengikut-pengikut takut di dalam ribut kuat, apabila ombak-ombak masuki kapal mereka, sehingga “kapal itu dipenuhi air” (Markus 4:37). Yesus dengar seruan mereka dan menenangkan ribut itu dan diamkan laut. Kini pengikut-pengikutnya gembira. Tetapi jika sesebuah kapal dipenuhi air, ia akan tenggelam tidak kira laut itu tenang atau beribut.

Mukjizatnya bukan dalam teguran Tuan kepada laut itu. Mukjizatnya ialah kapal yang dipandu Yesus ini telah belayar untuk dua ribu tahun, di masa yang baik dan di masa yang jahat, walaupun ia dipenuhi ajaran-ajaran sesat, pergaduhan, dan dosa-dosa. Ia masih

belayar walaupun dipenuhi air. Mengikuti undang semula-jadi, ia pastinya telah tenggelam lama dahulu.

Kamu pun mungkin telah melalui ramai kesulitan yang boleh menghancurkan kamu. Jangan takut ditambahkan sesuatu lagi beban. Kamu dapat berdiri sampai hari ini sudahlah sesuatu keajaiban.

Batu yang menutupi kubur Yesus telah dibaling ke tepi oleh seorang malaikat, “sebab batu itu amat besar” (Markus 16:4). Walaupun bebanmu telah menjadi lebih besar, Tuhan boleh menghantar seorang malaikat untuk menyokong.

Nasihat “Jangan takut” telah berlaku di Alkitab sebanyak 366 kali, setiap kali untuk setiap hari, termasuk hari yang lebih untuk tahun yang panjang.

Mac 19

“Kamu telah memberi-Nya kuasa atas segala makhluk, supaya dia dapat memberi mereka nyawa abadi.” (Yohanes 17:2)

* * *

Giacomo Puccini berjaya hebat dalam hidup. Operanya *Manon Lescaut* dan *Madame Butterfly* menjadikannya terkenal sedunia. Dia ada duit dan nama. Wanita-wanita kejar-nya. Rupanya dia telah mendapat semua sesuatu yang akan menjadikannya orang gembira, tetapi dia sedikit pun tidak gembira.

Dia menulis: “*Berjaya? Apanya itu jika orang mesti jadi tua dan mati. Saya ingin mencipta opera baru, menulis lebih muzik, tetapi sedihnya, saya tiada tenaga lagi.*”

Pada umur 82, Mao Tse-tung menerima presiden Jerman Barat dan memberitahunya akan cadangan agungnya untuk Cina Merah. Presiden itu jawab bahawa dengan hati yang sabar dia akan capai tujuannya, menggunakan peribahasa cina, “*air menitik dapat melubangkan batu,*” tetapi Mao jawab, “*Ya, tetapi saya tidak ada banyak air lagi.*”

Kirov, salah seorang pemimpin tertinggi Pemberontakan Rusia, telah dibunuh oleh Stalin. Dia telah hujung ucapan terakhirnya dengan kata ini, “*Saya ingin hidup, hidup dan hidup.*”

Jika semua sesuatu pun tamat dengan kematian, hidup yang agung sekali juga serupa sebuah jamuan yang diberi oleh seorang yang dihukum mati. Selepas kamu makan, kamu akan digantung.

Kamu ingin dapat kejayaan yang menahan dan tenaga yang tidak kehabisan untuk mencipta perkara-perkara yang bernilai? Jadi yang pertama sekali kamu patut memastikan dirimu nyawa abadi. Yesus berkata, “*Sesiapa yang hidup dan percaya Saya tidak akan mati*” (Yohanes 11:26).

Mac 20

“Seorang yang ikhlas akan menghargai nyawa haiwannya.” (Proverb 12:10)

* * *

Kita sentiasa nampak kuda berlompat di perlumbaan dan di sarkas. Sebenarnya tulang kaki kuda adalah lemah. Haiwan yang beramah ini bukan dicipta untuk melompat. Ia diajar untuk pertunjukan saja melalui pukulan hebat. Kini pelatih-pelatih menggunakan kejutan elektrik, dengan cemeti bateri. Kuda-kuda juga dipukul dengan palang besi agar mereka lompat mengatasi pagar. Kesakitan itu menyebabkan kuda menaikkan kaki. Jangan sokong kekejaman ini; lebih baik mengasihani binatang ini.

Saya tidak menikmati piramid-piramid. Musa tidak menyebut itu juga. Dia fikir akan kesengsaraan hamba-hamba yang mendirikan itu.

Di penjara-penjara komunis, banduan-banduan sangat lapar. Sekeping roti seminggu adalah yang amat dirindui. Tetapi Kristian-Kristian di sana biasa menjimat sedikit untuk membela burung-burung. Merpati dan pipit akan datang ke tingkap bilik yang mengandungi orang-orang Kristian. Mereka boleh

mengenai mana satu tingkap yang mengandungi Kristian. Di sini mereka tidak akan kecewa.

Alkitab berkata banyak akan memperhatikan binatang-binatang dan larang kekejaman kepada haiwan yang tidak dapat menjaga dirinya (Ulangan 22:4). Yesus berkata akan kasih-Nya kepada burung-burung dan binatang-binatang (Lukas 14:5). Dia tidak berasa ini merendahkan untuk dibandingkan dengan seekor domba, atau seekor singa, atau seekor ayam betina dengan anak-anak ayamnya.

Biar kita mengikut Dia dalam semua hal. Sedangkan kita mengasihi sesama manusia, biar kita jangan lupa binatang juga.

Mac 21

“Semua sesuatu pun bekerja sama untuk kebajikan mereka yang mengasihi Tuhan.” (Roma 8:28)

* * *

Sebuah cerita kata, seorang dapat hidup selepas kapalnya tenggelam. Dia ditolakkan ombak ke atas sebuah pulau liar. Selepas semasa, dia dapat membina sebuah pondok kecil untuk menyimpan segala barang-barang yang dapat dikutipnya dari kapal yang sedang tenggelam itu. Dia berdoa kepada Tuhan untuk keselamatan, dan asyik memandangi lautan setiap hari, harap ada kapal yang melalui.

Pada suatu hari, selepas kembali daripada pemburuan, dia terkejut nampak pondoknya terbakar! Semua yang disimpannya telah menjadi asap! Yang teruk sekali telah berlaku. Tetapi yang buruk sekali dalam pandangan kita, adalah yang baik sekali sebenarnya.

Di dalam hikmat Tuhan, kerugiannya adalah jawapan bagi doanya. Hari itu sebuah kapal datang. “Kami telah nampak tanda asap kamu,” kata kapten kapal.

Kita ada nampak tujuan Tuhan di dalam kemalangan kitakah?

Bagi Lazarus, kematiannya membawanya ke dalam kemuliaan Tuhan. Dan Yohanes yang dikasihi itu dapat visi agungnya tentang dunia depan dan syurga, sedangkan dia dibuang ke Pulau Patmos.

Mac 22

“Orang-orang yang hidup tahu bahawa mereka akan mati...” (Pengkhotbah 9:5)

* * *

Perniagaan pasti ada pelayan adalah pengurusan mayat, sedangkan perdagangan-perdagangan lain mungkin gugur. Kamu mungkin seumur hidup pun tidak pernah masuk sebuah kedai emas atau panggung wayang, tetapi kamu mesti mati. Bagaimana untuk kamu menemuinya?

Julius Kaisar mati sebagai seorang yang impiannya runtuh. Anaknya adalah salah seorang pembunuhnya. Kata terakhir Kaisar agung itu ialah, “*Brutus, kau juga?*” (Brutus adalah rakan baiknya)

Goethe berkata, “*Lebih cahaya, lebih cahaya!*” Dia tidak pernah mencari itu.

Permintaan Oscar Wilde terakhir ialah, “*Arak lagi,*” dan dia tambah, “*Saya mati seperti saya hidup, selalu terlampau dalam setiap hal.*”

Napoleon mati diracun. Dia jerit, “*Mon Dieu, negara Perancis, di depan tenteranya!*”

Ahli Matematik masyhur Lagny berdiam di atas katil kematiannya selama tiga puluh enam jam. Dia

tidak membalas kepada kekasihnya. Tetapi apabila seorang rakan tanya, “*Kau masih ingat berapa hasilnya enam puluh tujuh berkuasa dua?*” Ahli matematik ini menjawab dengan senyum, “*Empat ribu empat ratus dan lapan puluh sembilan*” lalu mati.

Carlyle berkata, “*Inikah kematian? Baiknya.*”

Penyajak Jerman Heine berkata terakhir, “*Bunga, bunga. Betapa eloknya alam semesta!*” Dia tidak ingat akan Pencipta alam.

Penulis Perancis Rabelais berkata sebelum mati, “*Turunkan langsir. Lakonan jenaka telah tamat.*”

Kata Yesus terakhir ialah, “*Bapa, ke dalam tangan-Mu saya menyerahkan jiwa-Ku*” (Lukas 23:46).

Apabila berada di penjara, saya telah mengambil keputusan bahawa kata terakhir saya akan jadi “*Yesus dan Binzea*” (nama kecil untuk isteri saya). Orang-orang Kristian tahu kenapa mati dan telah mendapat keyakinan bahawa sayang menunggu mereka di sebelah itu.

Mac 23

“Rumah-Ku adalah rumah doa. Tetapi kamu menjadikannya sarang penyamun.” (Lukas 19:46)

* * *

Ramai Kristian tidak berpuas hati dengan gereja mereka. Tentu demikian. Saja nampak pemusnahan yang dilaksanakan oleh biskop-biskop dan pendeta-pendeta yang tidak beriman. Akan-kah Yesus juga memanggil gereja hari ini “*sarang penyamun*” seperti dulu?

Berapa “penyamun” berada di dalam rumah sembahyang? Ada pemimpin-pemimpin di bait Allah yang tidak jujur, dan mereka telah membawa penghinaan kepada bait itu. Tetapi imam-imam biasa dan pemuja-pemuja mungkin berhati bersih. Zakaria, seorang imam, dan isterinya Elizabet, iaitu ibubapa Yohanes Pembaptis, “kedua-kedua ikhlas di depan Tuhan” (Lukas 1:5,6). Mereka ikhlas di dalam sarang penyamun. “Simeon datang dengan roh ke dalam bait itu” (ke dalam sarang penyamun). “Ia seorang yang benar dan saleh... Roh Kudus ada di atasnya” (Lukas 2:27,25). Jadi Roh Kudus bekerja di dalam sebuah bait yang telah menjadi sarang pencuri.

Seorang pengutip cukai berdiri di dalam bait, yaitu di dalam sarang penyamun, dan tidak mendapati apa-apa yang menggalakkan untuk dia meneruskan nyawa dosa itu. Sebaliknya, dia memukul diri dan berkata: *“Ya Allah, kasihanilah aku orang berdosa ini’... orang ini pulang ke rumahnya sebagai orang yang dibenarkan”* (Lukas 18: 13, 14). Jadi seorang masih boleh dapat keselamatan di dalam bait yang telah menjadi sarang pencuri.

Bait orang Yahudi bukan sebuah gereja yang mati. Ia adalah sarang penyamun yang tidak ditinggalkan Mesiah, yang di sembahyang-Nya, yang memenuhi penyembahan tertentu Tuhan, di mana taurat diajar, dan mempunyai ramai orang saleh.

Carilah orang saleh di dalam gereja kamu. Jangan meninggalkan sebuah gereja dengan ringan atau dengan sementara. Lebih baik, jadilah seorang saleh di dalamnya.

Mac 24

“Tuhan Allah mengambil manusia itu dan menempatkannya dalam taman Eden.” (Kejadian 2:15)

* * *

Lebih seronoh mengetahui bahawa nenek moyang kita hidup di dalam sebuah firdaus dan bukan di zoo, seperti kata Darwin.

“*Tuhan Allah membentuk manusia itu dari debu tanah*” (Kejadian 2:7). Sains telah membuktikan bahawa tubuh kita terdiri daripada bahan yang sama dengan tanah.

Di buku Yahudi lama, *Sepher Ierahmeel*, ada satu petikan yang menentukan tulisan Alkitab ini: “*Tuhan menghantar malaikat Jibril membawa tanah untuk membuat manusia, tetapi bumi enggan memberi tanahnya, sebab tahu ia akan terkutuk sebab kedegilan manusia.*” Penolakan itu memang ada sebab yang baik. Ingat saja kemusnahan bumi akibat letupan bom, atau pembakaran hutan, atau pencemaran. Tetapi akhirnya Jibril berjaya memujuk bumi. Manusia pun dijadikan.

“*Tuhan menciptakan manusia itu menurut gambar-Nya*” (Kejadian 1:27). Teknologi moden telah mengubah gambar manusia mengikut gambar

mesin, secara buatan orang, iaitu semua pun serupa, bersifat jasmani, dirancangkan, dan sentiasa huru-hara. Media sosial menukarkan orang ke darjah yang rendah, memenuhi dia dengan nafsu dan keganasan. Universiti moden memujuk orang mengulang dosa orang pertama untuk hasrat akan pengetahuan, dan mengabaikan kehidupan sejati. Mazhab-mazhab rumit dan pemahaman-pemahaman telah menggantikan hidup benar.

Pengasas Quaker George Fox ingin kembali kepada gambar Tuhan, untuk “*mengalami*” Tuhan sendiri... melalui pedang berapi, masuk semula ke dalam firdaus, menjadi serupa Adam sebelum jatuhnya.”

Kristus memanggil kita semua membuat demikian. Dia sebagai Tuhan, telah mengambil sifat manusia agar kita boleh dapat sifat Tuhan semula.

Mac 25

“Ada seorang pengemis yang bernama Lazarus... yang diletakkan di gerbang [si kaya] itu.” (Lukas 16:20)

* * *

Lazarus minta sedekah tanpa membantah ketidakadilan masyarakat masanya. Hari ini bukan demikian. Orang-orang miskin telah bersuara lantang. Khutbah-khutbah mengarahkan mereka supaya berdiam tidak akan berkesan. Di dalam “lagu” Maria kata, masa akan datang apabila orang-orang lapar akan dipenuhi makanan baik dan orang-orang kaya akan dihalau keluar dengan hampa (Lukas 1:53). Kita sedang hidup di masa pemberontakan dunia ini.

Apabila Ratu Marie Antoinetth dengar akan rusuhan orang-orang Paris sebab tiada roti, baginda pun kata, “*Jika tiada roti, makanlah kek!*” Ratu Perancis yang begitu kekurangan fahaman akan rakyatnya tentu akan runtuh. Begitu juga Czar Nicholas II tidak pernah membaca Lenin.

Seribu juta orang terkaya di dunia mendapat gaji \$ 3,200 setahun. Yang termiskin seribu juta dapat \$ 120

setahun(Catatan tahun 1973). Ramai mati lapar di pekan yang sepi. Ada 60 % penduduk dunia tidak tahu baca.

Walaupun demikian, di mata Tuhan setiap manusia adalah mahal sekali. Tuhan memberitahu kita, “*Juallah semua yang kamu ada, dan memberi sedekah*” (Lukas 12:33). Jangan memberi saja apa yang terlebih, tetapi beri juga yang kamu perlu. Orang lapar lebih penting daripada rumah-rumah, kereta-kereta, coklat-coklat, atau opera kita.

Dalam masa tiga puluh tahun kemudian, penduduk dunia akan berganda, bersama keperluan dan harapannya. Fahamkan keperluan jasmani dan rohani mereka. Jika tidak, kamu akan mendapati dirimu di antara orang-orang kaya yang akan dihalau keluar dengan hampa.


Mac 26

“[Orang Farisi berkata akan Yesus,] Orang ini pendosa.” (Yohanes 9:24)

* * *


Kebanyakan orang Farisi tidak pernah bertemu dengan Yesus. Mereka saja dapat kesimpulan akan Yesus daripada cakapan orang lain. Yesus telah memberi amaran tentang hakim secara huru-hara “...*Mereka mendengar firman itu dan terus menerimanya dengan sukacita, tetapi mereka tidak berakar, maka hanya tahan seketika*”(Markus 4:16, 17). Janganlah menerima Yesus dengan huru-hara sebab dipujuk oleh seseorang pengkhotbah. Jangan juga menolak-Nya dengan cepat, sebelum menyelidik dengan teliti akan ucapannya.

Ada ahli-ahli ilmu kaji bumi telah ditunjukkan gambar ini selama tujuh saat:



Ia terdapat garis-garis yang bengkok di atas sesuatu paip. Tetapi saja 20 peratus ahli pakar itu dapat melukis

semula gambar itu dengan betul. Kebanyakan mereka melukis seperti di bawah:



Kalau kita melihat seseorang atau sesuatu kejadian dengan ringkas, kita tidak akan mendapat kebenarannya. Maria duduk seluruh petang dekat kaki Yesus untuk mendengar katanya dengan teliti, dan berenung. Jadi dia pun menjadi seorang pengikut yang jujur. Thomas tanya akan bukti kebangkitan Yesus, selepas mendapatinya, dia pun menjadi seorang pengkhotbah yang berjaya di India.

Saya tidak minta kamu percaya Yesus dengan segera, jika kamu masih kurang pasti, lebih baik "*mengkaji Kitab*" (Yohanes 5:39) dulu. Ini akan ambil masa. Tetapi jangan juga menolak Yesus tanpa memeriksa dakwa-Nya dengan cermat. Orang Kristian tidak meminta sesiapa untuk percaya buta. Saja dengan mengkaji keseluruhan, baru dapat kita menjadi seorang Kristian yang tulen.

Mac 27

“Anak Manusia bukan datang untuk dilayani, melainkan untuk melayani ...” (Matius 20:28)

* * *

Biar kita berdoa untuk Cina. Satu perempat penduduk dunia kini adalah orang Cina. Di negeri Cina, agama Kristian ditindas, tetapi Roh Tuhan ada caranya untuk memasuki tempat yang gelap sekali.

Di sebuah pondok masyarakat, sekeluarga berkumpul mengelilingi datuk yang menghiburkan mereka dengan dongeng Cina yang lumayan. Kali ini adalah cerita Tso-Po-Tao, seorang contoh kebaikan. Dia berjalan bersama rakannya Yang-Chiao-Ai. Mereka kena sampai kota Tsu Yuan Wang, tetapi selepas beberapa hari dalam perjalanan, mereka mendapati salji terlalu kuat dan makanan dan pakaian mereka tidak mencukupi. Mereka tidak dapat hidup kedua-kedua pun. Tso-Po-Tao kata, *“Saya hamba. Ambillah baju kedua-kedua kita dan semua makanan supaya sampai kota. Kenapa kita kena mati kedua-dua?”*

Yang enggan terima ini, tetapi Tso telah membuka bajunya dan berbaring di atas salji dengan lengannya terbentang, seolah-olah ingin memeluk semua manusia

dengan kasihnya. Dalam beberapa menit dia pun mati sejuh. Yang pun memakai jubahnya dan dapat makanan yang cukup untuk sampai ke kota. Dia sentiasa ingat akan Tso.

Seorang budak tanya, *“Adakah ini cerita benar atau cerita-cerita saja? Adakah orang yang sebaik Tso itu wujud? Saya tidak pernah jumpa orang seperti itu. Kebanyakan orang di keliling kita adalah kejam.”*

Datuk itu jawab, *“Saya pun fikir kamu tidak akan jumpa banyak Tso. Saya pernah dengar seorang putih kata sesuatu yang seperti ini berlaku lama dulu di sebuah negeri yang jauh. Orang putih itu kata inilah sebabnya perkataan Cina kita menulis ‘kebenaran’ dengan ‘saya’ di atas seekor ‘domba’. Kita telah diselamatkan oleh orang baik itu, tetapi saya tidak tahu baca dan tidak faham banyak katanya. Tetapi bagi kamu, tentulah elok mengambil Tso sebagai contoh kehidupan-mu.”*

“Allah berulang kali dan dalam pelbagai cara berbicara kepada nenek moyang kita” (Ibrani 1:1).

Mac 28

“Hendaklah engkau setia sampai mati, dan Aku akan mengurniakan kepadamu mahkota kehidupan.”
(Wahyu 2:10)

* * *

C.T. Studd nampak sebuah papan nota yang aneh di Liverpool pada tahun 1908. Tulisannya: “*Kanibal minta dapat mubaligh-mubaligh.*” Dia pun masuk ke dalam dewan dan mendapati Karl Kumm sedang menceritakan perjalanannya melalui Afrika dan nampak bangsa-bangsa yang belum dengar akan Yesus Kristus. Penjelajah telah sampai tempat itu, walaupun mereka tahu tempat itu dihuni suku-suku yang makan orang. Pemburu-pemburu, mubaligh-mubaligh Muslim, peniaga-peniaga senjata dan arak, pegawai tentera Eropah, dan ahli-ahli sains semua mengambil risiko di sana, tetapi tiada Kristian yang datang ke sana untuk memberitakan Yesus.

Studd tanya dirinya kenapa orang Kristian tidak pergi. Tuhan menjawab, “*Kenapa kamu tidak pergi?*” Studd telah menjadi mubaligh untuk banyak tahun di Cina dan India. Kini dia sakit. Tetapi dia masih pergi dan mendapat orang kanibal untuk Kristus.

Masih ada suku-suku dan negeri-negeri yang suka menyiksa dan membunuh orang Kristian. Hari ini kamu boleh memberi nyawa kamu di antara orang-orang asli di Latin Amerika, di Philippine, di Papua New Guinea. Pengganas Muslim selalu sedia untuk membunuh Kristian. Mereka telah membunuh banyak pada kurun lepas di Turki dan di Lebanon. Komunis sedia penjarakan sesiapa yang berani membawa Alkitab ke dalam negara mereka. Ada juga bangsa-bangsa yang liar di Afrika. Pergilah ke sana walaupun kamu telah tua dan sakit. Jika kamu tidak dapat pergi, tolonglah dengan doamu, kerja rumahmu, dan duit sokongan kepada mereka yang pergi.

Biarlah kita semua berdoa untuk Kristian-Kristian yang membuat kerja misi di tempat yang bahaya, yang mengambil risiko nyawa diri mereka.

Mac 29

“Mereka dilempar, digergaji jadi dua.” (Ibrani 11:37)

* * *

Pada tahun 1964, raja gila Stanleyville, dan pemimpin-pemimpin Sambi yang lain telah berjanji menghapuskan ajaran agama di negara mereka dan menghilangkan nama Tuhan daripada Congo.

Di sebuah kampung, setiap orang yang memakai seluar dan bukan sarung telah dibunuh. Di Kindu, pemberontak membakar begitu banyak mayat di-depan tugu peringatan Lumumba sehingga jalan tepi pun pecah sebab hangat. Di Paulis, hampir empat ribu orang terbunuh. Ada yang mati dipotong hancur, ada yang dipaksa minum minyak petrol dan dibakar.

Two puluh ahli mubaligh Unevangelised Field Mission dan Sembilan daripada persatuan lain mati syahid. Tujuh puluh dari misi Katolik mati juga. Mereka semua mati untuk Kristus. Mereka juga mati sebab kebodohan untuk memberi merdeka kepada sesuatu bangsa yang masih belum matang fikiran.

Mubaligh-mubaligh dapat tenang hati mendapati bahawa ramai orang Congo masih berdiri tegak bagi Kristus walaupun ketakutan hebat ini.

Bijirin gandum terjatuh ke dalam tanah dan mati. Contoh mereka membawa hasilan jiwa baru untuk Kristus. Bukan setiap orang di antara kita dipanggil menjadi seorang syahid, tetapi setiap orang mesti jadi penyokong-syahid. Kita patut mengasihi Kristus dengan sepenuh hati seperti mereka dan menanggung kesedihan kesusahan, dan kejayaan mereka di dalam doa kita. Biar kita berdoa terus untuk Afrika.

Mac 30

“Tidak ada kasih yang lebih besar daripada kasih seorang yang memberikan nyawanya untuk rakannya.”
(Yohanes 15:13)

* * *

Nate Saint, salah seorang mubaligh yang mati syahid di hutan Ecuador pada 1956, berkhotbah sebelum meninggal Quito. Dia kata, “*Pada masa perang lepas kita diajar bahawa untuk mendapat tujuan kita, kita kena rela mengorbankan diri, dan ramai nyawa telah terserah untuk menebus kita daripada jajahan politik... Kita tahu saja ada satu jawapan apabila negara kita membayar untuk kebebasan kita – tetapi apabila Tuan Yesus minta kita untuk menginjil sedunia, kita enggan menjawab sepatah kata pun. Kita enggan pergi. Kita kata terlalu tinggi harganya... Kerja misi sentiasa menghadapi masalah korban.*”

Kemudian dia pun dihantar kepada orang India Auca. Mubaligh-mubaligh tahu suku itu liar, jadi mereka pun guna “*Cara Yakub.*” Mereka menurunkan hadiah-hadiah apabila terbang mengatasi daerah mereka. Mereka dapat pemberian balasan juga. Pada penerbangan terakhir, orang asli meletakkan seekor

kakaktua yang cantik di dalam bag yang diturunkan dari helikopter mereka dengan tali.

Kemudian lima mubaligh pun turun ke antara orang Auca. Saint adalah salah seorang. Mula-mula mereka ada pertemuan yang gembira. Hari esok mereka pun dibunuh. Betty Elliot, salah seorang isteri mubaligh yang terbunuh, menulis pada petang yang sama, *“Tidak ada apa yang lebih hangat di dalam hati Jim, selain daripada Kamu dapat dinamakan di antara orang-orang Auca.”*

Pilihlah sesuatu negara, sesuatu bangsa, sesuatu kumpulan masyarakat untuk melayani Kristus. Mungkin kamu tidak dipanggil untuk menjadi seorang mubaligh kepada mereka, tetapi kamu dapat menjadi kerja sama mubaligh melalui doa, menyebarkan berita akan misi itu, dan menolong dengan wang.

Mac 31

“Bagi semua orang aku telah menjadi segala-galanya, supaya aku dapat memenangkan beberapa orang dari antara mereka.” (1 Korintus 9: 22)

* * *

Pernahkah kamu fikir akan jiwa-jiwa di Somalia, di Timur Laut benua Afrika? Di atas pasir Somalia ada sesuatu batu kubur dengan tulisan ini:

Merlin R. Grove,

Lahir pada Feb. 9, 1929 –

maut pada July 16, 1962.

Kata Yesus, ... ‘Tidak ada seorang pun yang datang kepada bapa kecuali melalui Aku’ (Yohanes 14:6).

Grove adalah seorang mubaligh Mennonite. Pada suatu hati, seorang imam Muslim telah dihasut oleh orang lain, tiba-tiba menikamnya dua belas kali. Isteri Grove Dorothy mendengar kekacauan di luar, bila dia cepat-cepat keluar rumah, dia pun nampak suaminya telah terbaring di lantai dan hampir mati. Pembunuh itu pusing dan menikam juga Dorothy di perutnya.

Dorothy pernah tanya dirinya, jika Somalia adalah tempat yang betul baginya untuk melayan. Dia kurang pasti bahawa dirinya mengasihi orang-orang Somalia. Dia selalu menganggap umat ini sebagai malas, garang, dan mudah membunuh. Kini sedangkan dia baling berdarah di atas lantai, kasih Kalvari(Bukit Tengkorak) untuk orang Somalia memenuhi hatinya. Dia terpulih. Kini dia tidak lagi curiga akan panggilannya.

Cara yang cepat sekali untuk memastikan sesuatu panggilan ialah menganggap di atas dirimu sesuatu salib yang berhubungan-nya ini. Jika kamu sudi memikul sesuatu tanggungjawab yang berat untuk seseorang rakan atau suami atau isteri, itulah buktinya bahawa kamu adalah orang yang sesuai baginya.

Hari ini hampir semua penduduk Somalia pun Muslim. Ada sesiapa yang rela menyerahkan segala sesuatu untuk keselamatan orang Somalia?

Apr 1

“Maka seorang ketua pendeta mesti tanpa salah... tidak tamak wang.” (1 Timotius 3:3)

* * *

Reformasi dan perpecahan yang tidak dapat diperbaiki dalam agama Kristian ini mungkin tidak akan terjadi sekiranya pendeta-pendeta tidak tamak akan duit. Saya masih hairan adakah perlunya reformasi (pembaruan agama Kristian) itu.

Jemaah Kristian adalah penyambungan penjelmaan Kristus. Kristus, kepalanya, memastikan bahawa jemaah ini berfungsi baik dan tidak mati. Bahkan pintu neraka tak dapat menaklукnya.

Namun begitu, terdapat sesuatu institusi manusia yang dipanggil gereja (iaitu jemaah Kristian), yang dipenuhi lelaki dan wanita yang belum dilahirkan semula. Mereka perlu dilahirkan semula, bukan saja dibetulkan. Kelahiran baru akan menukar setiap manusia menjadi anak Tuhan.

Di peringkat manusia, hal-hal yang jahat telah berlaku selama bertahun-tahun. Gereja mula menjual kupon tebusan, meruntuhkan jiwa manusia sebagai barang jualan. Anak-anak luar nikah Raja James dari

Scotland telah dikurniakan tanah terkaya di negara ketika mereka masih bayi.

Perbuatan seperti ini menghasilkan penghinaan awam. Tentulah begitu sebab Henry VIII berani bergaduh dengan Paus saja kerana Paus tidak mengizinkan penceraianya. Akibatnya Henry memisahkan negara England daripada perintah Roma. Kedua-dua pihak kemudian menjadikan itu jenayah kematian untuk setiap rakyatnya yang tidak taat kepada dirinya. Vatican yang bersalah sebab tamak; raja James bersalah sebab nafsu.

Hal-hal serupa itu berlaku di negara lain juga. Kita mesti memastikan pemimpin agama kita berhati ikhlas. Adakah keutamaan hidup mereka jelas? Gunakan pengaruh Kristian anda yang berdedikasi untuk menjadikan mereka suci dalam pemikiran dan tindakan. Ubahlah gereja anda mengikut corak yang diberikan Kristus, tetapi di atas segala itu, pastikanlah gereja anda bukan hanya sebuah institusi manusia. Melalui kelahiran yang baru, jadikanlah salah seorang anggota “jemaah yang mulia, tanpa cela atau kerut”(Efesus 5:27).

April 2

Itulah sebabnya Allah sangat meninggikan-Nya dan menganugerahkan kepada-Nya nama yang di atas segala nama. (Filipi 2:9)

* * *

Adakah nama menunjukkan takdir seseorang?

Vladimir, dalam bahasa Rusia, bermaksud “*pemerintah sedunia.*” Di sejarah Rusia terdapat dua Vladimir yang masyhur.

Pada tahun 998 Masihi, Raja Vladimir di Kiev telah menjadi seorang Kristian. Baginda kena memilih di antara Katolik Roma atau Ortodoks Timur. Baginda pun menghantarkan duta-dutanya ke Eropah untuk membuat kajian. Duta-duta itu terpesona oleh musik merdu di Orthodox, dan memujuk raja itu menerima agama Kristian bercorak ini. Jadi raja itu pun bertitah segala rakyatnya dibaptis mengikut acara Ortodoks.

Kira-kira sembilan ratus tahun kemudian, seorang lagi Vladimir pun dilahirkan di Rusia. Pada umur enam belas, dia telah menjadi seorang yang tidak percaya tuhan, semua disebabkan sesuatu hal yang bodoh. Dosa seorang Kristian boleh menukarkan seorang pemuja Tuhan menjadi seorang pembenci Tuhan.

Seperti ramai pemuda-pemuda, adanya masa Vladimir Lenin telah lalai pergi ke gereja. Pada suatu hari, sedangkan dia kembali rumah, dia terdengar bapanya meminta nasihat daripada seorang paderi, apa yang patut dilakukannya terhadap anak remaja-nya itu. Paderi itu jawab, "*Pukul dia, pukul dia.*" Dengan marah, Lenin pun memutuskan rantai salibnya. Dia tidak mahu ada apa-apa kaitan dengan agama lagi. Kini dia telah membencinya. Dengan akibat revolusi yang dipimpinnya, berjuta-juta orang Kristian terbunuh. Jika paderi itu memberi nasihat yang lebih baik, mungkin semua ini boleh dielakkan.

Hidup dan mati dari sepatah ayat.

Tetapi Raja Vladimir tidak dapat menjadikan semua rakyatnya pengikut Kristus. Lenin juga tidak dapat jadikan semua ateis. Kedua-dua itu bukan Vladimir -- pemerintah sedunia -- yang sebenarnya. Saja satu yang begitu -- Yesus Kristus. Dia akan memerintah, di depan-Nya semua akan berlutut.

April 3

“Mempersembahkan badanmu sebagai korban hidup.” (Roma 12:1)

* * *

Pada masa perang Vietnam, sami-sami Buddha membakar diri sebagai tanda bantahan tentang tindakan politik Katolik Thieu, yang sedang mengancam agama mereka. Dua orang sami menuang m

Minyak petrol ke atas seorang pendeta Buddha, agar beliau membunuh diri secara rasmi di depan beribu-ribu orang yang menuntun dengan berlutut. Kristian Czech Jan Pollach dan pendeta Penginjilan Jerman Timur Bruswitz juga mengorbankan diri sebagai bantahan tentang ketidakadilan Komunis.

Orang-orang Kristian boleh belajar daripada hal-hal ini. Membunuh diri biasanya tidak dibenarkan di dalam agama kita, tetapi kita semua kena menyerahkan diri kita sebagai korban hidup kepada tujuan kita yang amat mulia itu.

Kematian Yesus juga boleh dikatakan sejenis membunuh diri yang rumit. Dia kata, “*Aku ... menyerahkan nyawa-Ku ... sesiapa pun tidak dapat meragut nyawa-Ku. Akulah yang menyerahkannya.*”

(Yohanes 10:17,18). Dia serupanya sengaja menyebabkan musuh-musuh-Nya gila menentang-Nya. Dia mengganggu nafsu-nafsu semula-jadi manusia. Jangan nampak seorang wanita dengan nafsu! Biarlah katamu, “*ya, ya*” atau “*tidak, tidak*”, yang menjadikan segala pameran dan segala penganjuran itu mustahil. Kristus melakukan sesetengah mukjizatnya pada hari Sabtu, walaupun Dia tahu ini akan memarahi seteru-seteru-Nya. Dia hendak disalibkan, sebab Dia tahu kematian-Nya adalah satu-satu cara untuk keselamatan manusia.

Orang-orang Kristian juga menentangi darjat dunia ini, sebab mereka juga ingin dijadikan korban dengan memikul salib mereka setiap hari.

“Aku telah disalib bersama Kristus, kini bukanlah aku lagi yang hidup, melainkan Kristus hidup dalam aku” (Galatia 2:20).

April 4

“Orang yang setia dalam perkara yang kecil akan setia juga dalam perkara yang besar.” (Lukas 16:10)

* * *

Kita menipu diri kita, jika kita percaya dengan menyerahkan satu persepuluh pendapatan kita, tugas kita kepada Tuhan pun selesai. Banduan-banduan Kristian di bawah penganiayaan, yang mendapat sekeping roti setiap minggu, bersama kanji kulit ubi kentang yang kotor, juga memberi satu persepuluhan. Setiap minggu kesepuluh, mereka akan memberi roti mereka kepada seseorang yang sakit atau yang lebih lemah daripada mereka. Bukan saja demikian. Mereka tahu tugas seseorang adalah memberi 100 peratus pendapatannya. Ramai Kristian memberi roti mereka setiap minggu ketiga atau kelima. Ada yang langsung tidak makan roti. Mereka berpuas hati dengan kanji kotor, dan memberi roti mereka kepada orang lain.

Bukan saja 10 %, melainkan semua duit kita juga kepunyaan Tuhan. Ramai telah silap faham dan menganggap 90 % pendapatan mereka sebagai duit peribadi. Sebenarnya kita saja diberi sesuatu akaun perbelanjaan. Kita kena menjawab untuk setiap siling

yang kita gunakan. Seorang penjual yang bertugas dalam perjalanan tidak dapat membeli sehelai baju mahal untuk isterinya dengan akaun perbelanjaannya. Kita juga tidak diizinkan apa-apa barang luar biasa yang tidak diperlukan.

Adakah hati baik kamu bertenang? Boleh kah kamu menjawab di depan Tuhan dengan semua yang kamu telah belanja dalam makanan dan pakaian di dunia yang lapar dan bogel ini? Bolehkah kamu membetulkan diri dengan bangunan gereja yang lumayan, jubah-jubah kumpulan penyanyi, kerusi-kerusi mewah, apabila misi ke luar negara kekurangan se-ringgit untuk memberi sebuah alkitab di negara primitif ? Bolehkah kamu membetulkan dirimu dalam belanja kamu? Bolehkan kamu nampak muka Yesus pada hari Kiamat dan kata, *“Saya buat betul dengan belanja secara demikian”*? Dan akan-kah Dia menjawab, *“Bagus, kamu memang seorang suruhan yang baik dan jujur”*?

April 5

Musa berkata kepada Tuhan, “Ya Tuhan, hamba-Mu ini bukan seorang yang pandai berbicara.”

(Keluarga 4:10)

* * *

Richard Hext dilahirkan dengan kaki tangannya lumpur. Tangannya rupanya biasa selepas pembedahan, tetapi tiada sedikit tenaga pun.

Ini tidak menghalang-nya menjadi seorang pelukis. Dia pergi ke sebuah sekolah seniman untuk tujuh tahun. Kemudian dia pun mencari hidup dengan melukis, dengan giginya mengendalikan berus lukisan. Ada sesetengah lukisannya begitu elok, sehingga digantungnya di Istana Buckingham.

Musa menjadi seorang pengkhotbah yang agung, walaupun dia seorang yang susah bercakap. Rahab menjadi seorang salih dan nenek moyang Tuhan kita, walaupun mula-mulanya dia seorang pelacur bangsa asing. Petrus menjadi seorang syahid, walaupun dia seorang penakut. Kita mula-mula nampak Petrus itu gentar di depan seorang hamba perempuan yang tidak sanggup memberinya apa-apa ancaman. Selepas bangkitan Yesus, penakut ini menjadi berani dan

berkhutbah di pasar raya di Jerusalem. Dia menghinakan penguasa-penguasa negara dan orang ramai. Sejarah memberitahu kita bahawa akhirnya dia mati untuk Tuhannya - disalibkan dengan kepalanya di bawah, mengikut permintaan dirinya.

Seorang Kristian yang berdosa zina dan pembunuhan rupanya tiada apa-apa harapan untuk digunakan Tuhan lagi. Tetapi Daud bertaubat dan menulis Mazmur yang elok, yang dijadikan makanan rohani kita. Sulaiman berdosa sebab menyembah berhala dan berkahwin banyak isteri, tetapi dia dapat menjadi pengarang tiga buku di Alkitab.

Tiada halangan jasmani, rohani, atau kekurangan pengetahuan yang tidak dapat diatasi. Jika kamu tiada tangan, guna-lah gigi-mu, tetapi melukis untuk Tuhan, bukan untuk diri kita.

April 6

“Inilah perintah-Ku, kasihi satu sama yang lain, seperti Aku mengasihimu.” (Yohanes 15:12)

* * *

Dosa manusia telah mencemarkan sejarah kaum Kristian, yang sepatutnya elok jikalau orang-orang yang disebut sebagai Kristian itu mengikut arahan Tuan mereka. Semua tahu akan kekejaman Penyiasatan Katolik, tetapi Protestan juga tidak elok.

Ratu Britain Elizabeth Pertama telah menghukum Biskop Plunkett sebab kepercayaan Katolik-nya, dan menyuruh dia digantung sampai setengah mati, kemudian diturunkan dan dibogelkan, membakar perutnya sedangkan dia masih hidup, dan kemudian tubuhnya dipisahkan menjadi empat bahagian.

Penganut-penganut Katolik menangkap Protestan Giovanni Michaialin bersama empat anaknya. Askar menghancurkan tiga anak itu satu demi satu di depannya apabila dia enggan menafikan kepercayaannya. Apabila dia menolak kali keempat, seorang askar menangkap kaki anak terakhirnya dan menerkamnya sehingga otaknya pun keluar.

Orang Katolik membunuh beribu-ribu orang Ortodoks di Kroatia pada masa peperangan. Paderi-paderi Ortodoks di Romania menganiaya penganut Kristian Penginjil dan memastikan mereka dipenjarakan. Paderi-paderi memimpin pembunuhan besar-besaran orang Yahudi. Di Ireland utara, orang Protestan dan orang Katolik membunuh satu sama lain dalam nama Yesus, yang menyuruh supaya kita kasih seteru kita.

Biarlah kita mengambil keputusan untuk menghapuskan segala kebencian atau perasaan pahit, termasuk kepada orang yang berpegang pandangan yang berlainan daripada kita. Biarlah kita berwaspada akan menggunakan bahasa yang menimbulkan kebencian terhadap orang yang beragama lain. Kata-kata itu mungkin akan menyebabkan seseorang yang tidak bertanggungjawab berkelakuan keras, bahkan membunuh. Pembezaan agama boleh dibincangkan dalam kekasihannya. Apabila ada pembezaan yang rupanya tidak dapat diselesaikan, setiap orang patut memegang keyakinannya mengikut Firman Tuhan. Tetapi arahan utama adalah kasih.

April 7

“Yang utama sekali aku menyeru supaya kamu memohon, berdoa, syafaat dan bersyukur untuk semua orang, untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa.” (1 Timotius 2:1,2)

* * *

Ayat tersebut tidak kata bahawa kita saja perlu berdoa untuk pemimpin negara kita saja. Inilah kesilapan pendeta-pendeta British, Jerman, Rusia dan Amerika pada perang dunia kedua. Dengan demikian, selepas doa, askar-askar negara-negara tersebut pun berasa selesa untuk membunuh seteru dari negara-negara lain. Memanglah salah untuk kita doa saja untuk pemimpin negara kita!

Raja dan pemimpin-pemimpin adalah golongan masyarakat yang khas, yang kita disuruh untuk berdoa, seperti kita berdoa untuk yang lapar dan yang sakit. Jadi seorang Kristian patut berdoa untuk pemerintahnya, dan juga untuk pemerintah negara lain dan ketua-ketua orang asli.

Dengan berdoa untuk pemimpin-pemimpin dan kasihi mereka, walaupun mereka mungkin jahat, kita akan dapat hidup dengan aman dan sejahtera. Sebab

keinginan untuk berontak tidak akan timbul di antara kita.

Tambah pula, dengan sikap demikian, kita akan dapat menjadi raga baik untuk masyarakat. Jadi, doalah.

April 8

“Janganlah mabuk air anggur, yang berupa maksiat. Sebaliknya, penuhi diri dengan Roh.” (Efesus 5:18)

* * *

Biar saya mengambil catatan negara Eropah yang kurang sekali dalam jenayah.

Sejak hujung Perang Dunia Kedua, minuman arak di Switzerland telah berganda. Jumlah kaki botol menaik daripada 100,000 ke 130,000 orang. Dua puluh peratus kes mahkamah dan 23% penceraian adalah disebabkan arak. Arak adalah sebabnya untuk satu pertiga pembunuhan diri. Setiap tahun negara itu ada 1,300 orang masuk ke rumah sakit jiwa sebab penggunaan arak. Di negara-negara lain, angka-angka itu jauh lebih teruk.

Alkitab berkata akan mabuk dengan kasih, dan dipenuhi dengan Roh Kudus, walaupun orang akan silap faham kita telah mabuk. Sesiapa tahu akan kesan buruk mabuk kesucian ini?

Jadi minumlah arak mukjizat Yesus ini, yang diberi-Nya kepada rasul-rasul di Kana. Kamu akan ada banyak kesan seorang pemabuk: pemabuk memuji arak mereka, kamu pun memuji arak mu; pemabuk

bernyanyi, kamu pun ada hasrat yang tidak dapat ditekankan untuk memuji kemuliaan Juru-selamat-mu. Pemabuk-pemabuk sedia untuk lawan, kamu juga. Walaupun kamu lemah sangat, dan menentangi musuh yang jauh lebih kuat.

Saya tidak menentangi mabuk. Saja saya fikir arak adalah minuman yang salah. Biar kita minum daripada arak yang disediakan Yesus untuk sesiapa yang dahaga.

April 9

Namun demikian, seketika pun kami tidak tunduk menyerah kepada mereka, supaya kebenaran Injil tetap bersamamu. (Galatia 2:5)

* * *

Berwaspada akan kesabaran dalam hal keimanan. Jika adanya dua sekolah, sebuah diuruskan seorang pengarah yang bijaksana, yang lain diuruskan oleh seorang bodoh. Di sekolah pertama, budak-budak diajar bahawa $2+2 = 4$; di sekolah kedua, $2+2 = 3$. Kemudian seorang guru ketiga datang dan kata bahawa kasih adalah yang penting sekali. Kenapa ada pembezaan di antara guru-guru matematik? Biarlah setiap orang memberi sedikit tempat, agar semua dapat mengajar dengan sama. Biarlah kanak-kanak diajar bahawa $2+2=3\frac{1}{2}$. Sesiapa yang enggan menerima solusi yang bermesra ini adalah seorang yang fanatik, yang degil, dan tidak layak menjadi seorang guru matematik. Apakah pendapat-mu?

Walaupun Kristian berhasrat untuk bersatu, tetapi bukan dengan mengorbankan kebenaran.

Jemaah Kristian mempunyai kebenaran yang lebih kekal daripada kebenaran matematik, sebab kebenaran

ini ditunjukkan Tuhan sendiri. Daripada dompet saya, saya boleh memberi duit kepada sesiapa pun, sebab itu duit saya. Daripada kebenaran Tuhan saya tidak dapat memberi apa-apa. Kristian-Kristian boleh mempunyai pembezaan di dalam hal-hal yang tidak penting, sama seperti bunga-bunga mawar boleh ada banyak jenis dan banyak warna, tetapi saya tidak akan terima sepohon lalang sebagai mawar. Kasih tidak dapat jadi alasan untuk meninggalkan sepatah ayat atau huruf Alkitab. Saya boleh kasih seorang yang mengajar ajaran sesak, tetapi saya tidak dapat kasih ajaran sesaknya itu.

Kristus adalah Tuhan. Dia telah datang sebagai seorang manusia, dilahirkan oleh seorang gadis, mati untuk dosa kita, dibangkitkan secara jasmani, dan dinaikkan ke syurga. Sesiapa pun boleh menolak itu, dan percaya berlainan. Tetapi saya tidak akan bersatu dengannya. Seorang professor matematik tidak akan berbincang dengan murid-muridnya. Dia saja menyatakan kebenaran, dan semua mesti menerimanya. Kristian-Kristian juga memberitakan sesuatu kebenaran. Sesiapa yang enggan menerima ini akan binasa.

April 10

Nyanyikanlah untuk Tuhan lagu baru. (Mazmur 96:1)

* * *

Lebih penting untuk kita menyelamatkan pemuda-pemudi, daripada menyelamatkan acara sembahyang lama atau lagu-lagu yang kita telah jadi biasa. Kita hidup di dunia yang telah berubah. Remaja sekarang berfikiran berlainan. Lagu baru dan acara sembahyang baru telah timbul. Kristian-Kristian tua berasa tidak seronok, seolah-olah Tuhan tidak boleh dipisahkan daripada acara persembahan yang mereka telah membiasakan diri sejak kecil. Mereka telah lupa bahawa lagu-lagu lama itu pada suatu masa jugalah lagu baru.

Lagu Bach "*St Matthew's Passion*" pernah ditolakkan pada masa pengarangnya. Selepas beberapa pertunjukan, lagu itu pun dilupakan orang untuk seratus tahun. Lagu Haydn "*The Great Organ Mass*" telah diumumkan sebagai yang mencemarkan kesucian Tuhan oleh pengasas mazhab Cecilian Jerman. Beliau menulis: "*Berbanding dengan musik Gereja yang tulen, musik ini seperti pelacur.*" Paderi ini, Witt, menulis

kepada Paus bahawa beliau menganggap musik itu lebih sesuai untuk kedai arak: *“Musik seperti tentera ini tidak paduan dengan kesungguhan persembahan gereja dan korban salib itu.”*

Penginjil-penginjil ke Afrika memberitahu betapa lebihnya hati para pemeluk agama Kristian di gerakkan, apabila organ digantikan dengan gendang.

Bukalah hatimu kepada musik dan acara sembahyang yang tidak disukai kamu itu. Mungkin itu akan faedah seseorang lain. Mereka akan dapat memuji Tuhan dengan lebih sungguh-sungguh!

April 11

“Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri.” (Markus 12:31)

* * *

Jangan saja kagum dengan keelokan ayat ini, atau pun berpuas hati dengan memberitakan ayat ini. Lebih baik bermula menulis senarai rakan-rakan yang sedang memerlukan kesayangan mu. *Siapa sedang berasa kecewa? Siapa yang bersendirian? Siapa telah diabaikan oleh suami atau isterinya, atau ditinggalkan anak-anak dewasa-nya? Siapa sedang dibuangkan sekolah?*

Squeaky Fromm, daripada kumpulan Manson cult yang mengerikan, telah dibuangkan oleh ibu bapanya yang tidak pernah menunjukkan apa-apa kasih kepadanya. Apabila dia berputus asa di kawasan orang miskin, Manson berjumpanya dan tanya, “*Kamu perlu sayangkan? Saya sayang. Ikutlah saya.*” Gadis itu pun ikutinya dan menjadi ahli sejenis kumpulan setan yang tahu menyamarkan diri dengan kata-kata kasih. Dia terbabit dengan dadah dan cuba membunuh Presiden Ford. Kini dia sedang dikurungkan di penjara untuk seumur hidupnya. Betapa besarnya pembezaan jika

seorang Kristian dapat berhenti dan bergaul dengan seorang gadis yang menangis di tepi jalan, dan menunjukkan kasih Kristus kepadanya.

Jiran-mu yang memerlukan kasihmu itu mungkinlah seorang pelarian dari negara asing. Mungkin dia seorang yang hampir mati kelaparan di Afrika atau di India. Mungkin dia seorang yang kekurangan pengetahuan Kristus di sebuah pulau di Pasifik, atau di tanah Komunis, atau di tanah Muslim, atau di negara-mu yang dinamakan negara Kristian. Jangan berhenti dengan menikmati keindahan ayat *“Kasihi sesama manusia”* seperti kamu menikmati sebuah lukisan di pameran-pameran. Bertindaklah.

April 12

“Apa yang telah disatukan oleh Allah janganlah manusia pisahkan.” (Matius 19:6)

* * *

Tuhan benci penceraian (Maleakhi 2:16). Satu saja sebabnya orang bercerai adalah mereka tidak ada niat yang sejati untuk berkahwin. Mungkin mereka tidak berhasrat mengorbankan segala untuk kebaikan kekasih mereka, atau mereka telah mengabaikan tujuan ini.

Itulah tidak realistik jika kita enggan mengaku bahawa kadang-kadang penyelesaian yang baik untuk sepasang suami isteri adalah bercerai. Yesus berkata akan kes pezinaan, yang bukan satu-satu kali saja terjatuh ke dalam dosa, tetapi secara corak kehidupan suami atau isteri. Kita tidak boleh melarangkan penceraian di hal-hal demikian. Kalau kita larang itu, kita pun bela sebelah. Seperti yang dikatakan di kitab akan *“memberikan satu persepuluh daripada pelbagai jenis rempah ... tetapi tidak mematuhi ajaran Taurat yang benar-benar penting seperti keadilan, belas kasihan dan kesetiaan.”* (Matius 23:23).

Demikian juga, Yesus kata akan pezinaan sebagai satu alasan untuk penceraian, bererti jika ada hal

demikian, kita pun membenarkan perceraian. Apakah yang boleh seorang isteri atau suami buat, jika pasangannya seorang kaki judi, atau penghisap dadah atau kaki botol yang tidak dapat dirawat, yang mengancamkan pelajaran anak-anak, yang meninggalkan keluarga, atau seseorang yang terlalu kejam, atau yang bersifat nafsu sejantina? Jika yang salah itu enggan mengambil tindakan pembetulan, kita tidak boleh memaksa isterinya terus ditindasnya. Saya tidak akan terus menjadi pasangan seseorang yang memaksa saya menjadi sekutu jenayahnya.

Cara terbaik untuk mengatasi perceraian adalah doa dengan bersungguh-sungguh dan sudi untuk membuka mata seseorang untuk timbangan, dan juga dengan mengambil nasihat daripada orang yang berpengalaman dalam perkahwinan dan pelajaran anak-anak.

Perempuan yang berkahwin di bawah umur dua puluh tahun, tiga kali lebih yang mengakibatkan perceraian daripada perempuan yang berkahwin lambat sedikit.

Ibu bapa mesti sayang satu sama lain, dan fikirkan untuk yang lain, bukan saja untuk keseronokan diri sendiri. Ini akan mengelakkan perceraian, dan juga memberi contoh baik kepada anak-anak, supaya perkahwinan mereka juga tidak akan bercerai.

April 13

Kamu mengkaji Kitab Suci dengan tekun. (Yohanes 5:39)

* * *

Pada tahun 1836 sehingga 1861, Madagascar menindas Kristian. Tetapi orang-orang Kristian dapat meneruskan kepercayaan mereka dengan membaca alkitab secara sulit, bahkan jumlah pemuja Kristian pun dapat bertambah sepuluh kali. Di Taiwan, orang asli gunung yang hampir tidak disentuh agama Kristian sebelum Peperangan Dunia Kedua, telah dapat menahan tekanan Jepun dan dapat jadi sesuatu masyarakat Kristian dengan mengkaji Alkitab saja.

Di Kenya, apabila Mau-Mau mengancamkan Kristian untuk mengambil perjanjian Kikuyu, (sesuatu acara agama tempatan), Saja Kristian-Kristian yang berdasarkan hidup mereka dalam Firman yang dapat menahan godaan itu. Kekuatan Jemaah Kristian bergantung pada pergantungannya pada Alkitab. Jika sesebuah jemaah tidak membaca Alkitab, ia akan musnah walaupun tidak sesiapa pun yang menganiayanya.

Bukan semua tempat pun ada penganiayaan, tetapi semua tempat di dunia pun tidak suka agama Kristian

yang tulen. Kalau kita hendak hidup, kita mesti mengetahui kitab kita dengan teliti.

Di Negara Cina yang berfahaman Komunis, buku *Pemikiran Mao*, iaitu sebuah buku yang dimuntahkan daripada neraka, sedang dibaca di setiap rumah dan di setiap jalan besar secara terpaksa. Penerjemah Alkitab yang agung, Erasmus, berkata, “*Saya harap peladang-peladang pun dapat menyanyikan kata-kata Kitab di ladang.*” Hafal-lah ayat Mazmur dan kitab satu sama lain, inilah cara keselamatan Jemaah Kristian.

Bersyukurlah Tuhan sebab kamu berada di dalam kumpulan yang dapat membaca (saja 40% penduduk dunia yang boleh baca.) Bersyukur juga sebab kamu diizinkan untuk mempunyai Alkitab (di setengah dunia, Alkitab di-larang-kan.) Kamu juga bernasib baik sebab mampu membeli Kitab (ramai Kristian Latin Amerika, Afrika dan India juga ingin dapat kitab, tetapi tidak mampu.) Jadikanlah mengaji Alkitab kerja harian kamu.

April 14

“Kini bukan saya yang hidup, melainkan Kristus hidup di dalam saya.” (Galatia 2:20)

* * *

Di antara pengarang-pengarang kitab, saya kagum sekali dengan yang nama mereka tidak diketahui. Musa merujuk “*Buku Peperangan Tuhan*” (Bilangan 21:14). Siapakah pengarangnya? Joshua sebut akan “*Buku Jessi*,” yang bermaksud “*orang jujur*.” Siapakah yang menulisnya? Paul merujuk akan seorang penyair yang berkata, “*Kita jugalah keturunan (Tuhan)*” (Rasul 17:28). Kata penyair itu begitu pentingnya, sehingga nama penulis itu pun tidak perlu disebut.

Apabila orang nyanyi ayat-ayat-mu, mereka telah menjadi sebahagian ayat-mu. Tetapi apabila seorang penyajak dirujuk sebagai sesuatu hujah sokong oleh seorang rasul Kristus, nama kemanusiaan penyajak itu pun tidak perlu diingatkan.

Inilah kemuliaan orang yang menulis lagu tulen Tuhan. Rupanya lagu-lagu itu bukan ditulis manusia. Agama Buddha ada sesuatu cerita yang kata, bahawa ada seseorang yang melukis sebuah gambar Buddha yang begitu dahsyat, sehingga apabila gambar itu siap,

saja gambar itu yang tinggal, pelukis itu telah lenyap. Begitu juga dengan penulis, penyajak, pengkhutbah, dan juga pelayan Kristian yang tulen. Dia mesti henti menjadi dirinya, dan bersatu dengan jiwa pembacanya yang mula percaya. Dia mesti menjadi satu dengan Yesus yang dia sedang menulis dan berkata akan.

Apabila kamu menulis, berkata, atau berlaku untuk Yesus, biarlah Dia memenuhi hatimu dengan roh sucinya. Mungkin kamu akan hilang nama dirimu sebab ini, tetapi kamu akan dapat keabadian. Kamu akan dirujuk Tuhan tanpa menamakan, sebab kesatuan yang mukjizat telah berlaku, dan kamu telah menjadi satu sama-Nya.

April 15

“Yang besar sekali di antara itu adalah kasih.” (1 Korintian 13:13)

* * *

Ada sebuah cerita yang kata bahawa pada mulanya ada Tuhan dan dua ekor burung pipit. Seekor burung pipit berbisik di tepi telinga Tuhan: *“Buatlah benda-benda. Kita patut ada pokok-pokok untuk membuat sarang-sarang, dan udara untuk layang, dan banyak negara-negara untuk berpindah ke mari. Hidup akan jadi bosan tanpa itu,”*

Burung pipit yang lain pun berbantah, *“Jangan mencipta apa-apa, Tuhanku. Apabila Kau mencipta benda, tenaga, dan gerakan, siapa tahu molekul yang mana akan bercantum dengan molekul yang mana? Ada burung ganas mungkin akan muncul dan makan kami, ada ribut yang kuat akan memusnahkan kami, dan siapa tahu apa lagi. Baik cukup seperti sekarang ini.”*

Tuhan jawab, *“Saya ingin mencipta. Saya ingin ada makhluk yang dapat terima kasih Ku, dan yang akan mengasih Ku.”*

Burung yang membantah itu kata lagi, *“Setelah Kamu mencipta makhluk yang bersifat bertukar-tukar,*

yang berfikiran dan yang bersifat emosi, mereka mungkin ada kala tidak kasih Kamu, sebaliknya mungkin akan benci Kamu. Lebih baik berpuas hati sekarang, Kamu dengan dua ekor burung.”

Burung yang pertama itu memegang pandangannya, *“Ciptakan dunia. Saya janji bahawa saya akan bernyanyi walaupun dunia telah terjadi buruk. Saya akan nyanyi walaupun saya tahu ada burung helang akan telan saya, dan budak-budak nakal akan memasangkan rangka untuk tangkap saya.”*

Jadi Tuhan pun membuat dunia. Dia mengambil risiko di atas dirinya untuk mengasih. Inilah risiko yang menghadapi setiap orang apabila mereka memulakan sesuatu persahabatan, perkahwinan, dan yang apa-apa cadangan baru. Dia mengambil keputusan kasih, dan sebab Dia kasihi, kita pun belajar yakin dan harap dan memberi pertolongan.

Pilihan tunggal yang lain daripada kasih adalah tak wujud. Jika kasih lenyap di dunia ini, dunia pun tiada. Kamu dan saya pun tiada.

April 16

“Dalam segala perbuatanmu janganlah bersungut-sungut dan berbantah-bantah.” (Filipi 2:14)

* * *

Enam orang buta cuba memastikan apanya seekor gajah. Seorang merasakan tepi gajah itu dan fikir akan sebuah tembok. Seorang rasa telinganya dan ingin gajah itu seperti sehelai daun besar. Seorang rasa kakinya dan fikir akan sebatang tiang. Seorang rasa ekornya dan fikir akan seekor ular, dan sebagainya. Kita semua saja tahu sebahagian. (1 Korintian 13:12).

Yesus pernah sembuh empat orang Si-butu. Ada satu cerita yang kata, keempat-empat orang itu bertemu kelak dan berbincang. Mereka kata akan caranya Yesus menyembuhkan masing-masing.

Seorang kata, “Saya boleh kata dari pengalaman. Yesus saja perlu kata, ‘Imanmu telah menyembuhkanmu.’ ”

Tetapi rakannya berbantah, “Itulah orang Protestan yang mengetepikan jasa baik. Saja iman tidak mencukupi. Yesus kena menyentuh mata kamu juga.”

Orang ketiga pun tambah kata, “Dan mesti menyentuh matamu dua kali. Jika Dia menyentuh satu

kali, kamu saja dapat nampak orang berjalan seperti pokok.” Tetapi yang dulu itu mendesak bahawa satu kali sudah cukup, matanya sudah dapat lihat jelas.

Orang keempat pun kata, “Kalian semua berkata dusta. Yesus mesti membuat lumpur dengan meludah ke atas tanah. Dia kena meletakkan lumpur itu ke atas mata kamu. Kemudian kamu kena pergi ke sesebuah kolam di Palestine untuk mencuci. Lain kolam tak jadi. Apa yang kalian kata itu semua sia-sia.”

Jadi empat orang itu pun bertengkar hebat. Kemudian masing-masing pun mendirikan mazhab sendiri. Yesus pun memanggil ketua empat mazhab itu dan tanya, “Saya telah merawat kamu sekalian secara berlainan, bukankah lebih baik untuk kalian bersatu dan memuji Tuhan? Tidakkah saya berkuasa untuk merawat setiap orang sesuka hati saya?”

Apa yang dituduh kamu akan saudaramu, mungkin lah pengalaman sejati saudara itu dengan Tuhan.

April 17

“Bukan dengan keperkasaan dan bukan dengan kekuatan, melainkan dengan roh-Ku, firman Tuhan semesta alam.” (Zakharia 4:6)

* * *

Seorang peminat seni moden memberi pandangannya di surat khabar, bahawa “seni ini demokratik. Sesiapa pun boleh lukis.” Anda boleh melukis dua garis dengan warna kuning dan tiga garis dengan warna biru. Gunakan warna merah untuk membuat sebuah bulatan, tidak perlu sangat bulat pun. Kemudian guntingkan sebiji mata seorang gadis daripada suratkhobar, lekatkan di tengah bulatan itu. Panggilnya “Gemilang manusia masa depan”, dan pengkritik-pengkritik akan puji lukisan mu itu sebagai “menggerakkan”. Gerak apa?

Orang yang tidak berbakat dan tidak berpelajaran menghasilkan seniman baru. Orang yang tidak berbakat memberi khutbah. Akibatnya banyak gereja telah jadi kosong. Luther menjadikan khutbah sebagai rancangan utama sembahyang, dan bukan perjamuan Yesus suci seperti masa dulu. Beliau telah lupa bahawa dunia ini tidak ada ramai pengkhutbah yang baik.

Tengoklah Pieta, dua patung manusia dicantumkan jadi satu. Michelangelo meletakkan tubuh seorang dewasa lelaki ke atas paha seorang gadis. Rupa gadis itu lebih muda daripada anaknya. Dia masih ada kecantikan seorang gadis yang belum kahwin. Anaknya adalah Orang yang Sedih. Muka emak itu tenteram. Dia tahu akan kebangkitan. Seniman yang begitu mahir tidak boleh didapati di setiap jalan besar di pekan. Dan anda pun tidak dapat mencipta seorang pengkhutbah seperti John Chrysostom dengan meluluskan pemeriksaan ketuhanan kepada penceramah-penceramah yang membosankan.

Yesus mesti hidup di dalam hati sebelum Dia boleh dijadikan tajuk sesebuah khutbah atau penyaksian peribadi. “Apa yang dipenuhi hati, katakanlah mulut”(Matius 12:34).

Pengkhutbah yang tidak berbakat patutlah menukar pekerjaannya, atau dilahirkan semula dengan bakat khutbah. Bahkan seorang yang tidak berilmu dan tidak berbakat, juga boleh mengatakan dengan menarik hati seseorang yang dikasihinya teramat sangat. Seseorang emak tahu bagaimana kata akan keelokan anak-anak mereka. Saja orang yang amat cinta Yesus yang patut berkata akan-Nya. Jika tidak, saksi kita untuk-Nya akan jadi seperti seni moden. Sesiapa pun boleh buat, tetapi tidak cantik, dan tidak bermakna.

April 18

“Hari Tuhan bakal mendatang, ... hari kegelapan dan kekelaman.” (Yoel 2:1,2)

* * *

Yesus telah mengajar kita berdoa, “Kerajaan-Mu datang.” Dia tidak bermakna kita menyebut ini dengan ringan hati. Jika kerajaan-Nya datang hari ini, ramai akan masuk ke dalam api yang kekal. “*Sesiapa yang tidak percaya akan dihukum.*” (Markus 16:16). Jumlah orang yang percaya pada Kristus amat sedikit dalam bandingan. Di manakah yang lain akan mengalami masa kekal mereka? Apakah akan jadi dengan kekasih-kekasih mu?

Sesuatu pemisahan akan terjadi. Setengah orang ke kanan, setengah ke kiri. Kekasihmu mungkin di sebelah kiri. Bolehkah anda berkata dengan sepenuh hati, “*Kerajaan-Mu datang*”? Kamu sudi nampak ramai ahli keluargamu dan rakan-rakan-mu ke neraka?

Doa “Kerajaan-Mu datang” adalah diberikan untuk mengawaskan kita. Kita patut memberi berita baik ini dengan kesemua kebolehan kita kepada semua orang di sekeliling kita.

Kita biasa terlalu ingin tahu apa yang disembunyikan. Apabila Tuhan Yesus kata akan bangunan Jerusalem akan di hancur, sehingga tidak sebuah batu pun yang akan tertinggal di atas batu yang lain(Markus 13:2), pengikut-pengikut-Nya pun hendak tahu dengan lanjutnya, bilakah hal itu akan terjadi. Mereka tidak meminta seperti Ibrahim dan Musa, supaya peristiwa sedih itu boleh dihentikan. Kini di merata tempat pun dapat banyak kegirangan sebab keturunan Roh. Orang yang dapat bakal itu janganlah lupa, bahawa selepas keturunan itu, Yoel menulis akan hukuman dahsyat bagi semua manusia. (2:28,29). Tidaklah baik bagi kita saja cuba mendapat maksud ramalan itu, yang sepatutnya kita mesti menjadi pembela kejadian sedih, supaya hal itu tidak akan dapat hukuman.

April 19

“Seluruh Kitab Suci diilhamkan oleh Allah.” (2 Timotius 3:16)

* * *

Pada masa *Pemulihan Agama*, Thomas Muntzer mengejek Luther sebagai seorang yang asyik akan perkataan Kitab, yaitu huruf-huruf yang telah mati. Dia panggil Luther “*seorang yang menelan Kitab,*” dan kata, “*Walaupun dia telan Alkitab seratus ribu kali pun tak berguna.*” Keagamaan Muntzer bertumpu pada Roh yang hidup. Luther membalas kata bahawa dia tidak akan menghiraukan Muntzer walaupun seteru itu dipenuhi Roh Kudus, kecuali Muntzer juga mengikut firman Tuhan.

Di dalam hal ini, Luther yang benar. St Jerome telah menulis lama dulu, “*Jika seorang tidak tahu akan Firman Kitab, dia tidak akan tahu Kristus... Seseorang yang fasih dalam Firman adalah dasar jemaah Kristian.*”

Pertandingan di antara pimpinan Roh dan pimpinan Firman sajalah rekaan manusia. Sebab seorang yang diajar Roh akan tahu bahawa segala firman adalah daripada Tuhan, dan tidak memerlukan apa-apa

sokongan atau bukti lain pun. *“Firman itu sendiri telah membawa bukti bagi dirinya”* (Calvin).

Seorang yang kata bahawa dia dipimpin Roh Kudus, kena menunjukkan bukti-buktinya. Tetapi alkitab tidak perlu bukti-bukti atau fikiran logik kita untuk mempertahankannya. Kita mendapatinya daripada mulut Tuhan melalui pelayanan manusia. Ia lebih tinggi daripada pengajian dan keputusan manusia. Apabila kamu membaca firman dengan iman, firman itu pun menunjukkan kamu rupa Tuhan sendiri. Itulah salah untuk percaya firman sebab pembahasan membuktikannya benar. Kita tidak menghakimi Firman Tuhan; Firman itulah yang menghakimi kita. Ia adalah kebenaran yang tidak akan gagal. Orang Kristian menaatinya dengan sepenuh hati. Jangan membiarkan apa-apa roh memisahkan kamu daripada mana-mana bahagiannya.

April 20

“Mula-mulanya kepada orang Yahudi.” (Roma 1:16)

* * *

“Matahari tidak pernah menyinar ke atas sesuatu bangsa yang begitu kejam dan jahat, seperti orang Yahudi, yang sentiasa fikir akan membunuh bangsa-bangsa asing. Tiada apa-apa bangsa di bawah matahari yang lebih tamat daripada mereka. Kita boleh nampak ini daripada cara pinjaman duit mereka.”

Inilah kata Martin Luther. Ada juga ucapan serupa ini di dalam tulisan saleh-saleh Kristian, atau daripada Paus dan ketua-ketua jemaah.

Perasaan kebencian ini lebih daripada perkataan. Bangsa Yahudi yang digambarkan sebegitu jahat itu telah dibunuh secara besar-besaran oleh orang yang memanggil diri mereka Kristian. Hitler mendapat pelajaran pertamanya di sebuah sekolah Katolik. Dia mesti telah dengar akan cerita Yahudi sebagai pembenci Tuhan. Tidak hairanlah Yahudi yang dibenci secara tidak adil ini, enggan menerima Kristus.

Tetapi alkitab kata, melalui bangsa Yahudi, Anak Tuhan telah diberikan. (Roma 9:5).

Seorang gembala berjalan pada musim ribut, dia menekankan baju luarnya lebih ketak. Kemudian matahari keluar dan memberi kepanasan dan cahaya, gembala itu pun melepaskan jubahnya. Saja kepanasan Kristian akan memimpin umat pilihan Tuhan, yang telah berjalan sesat, supaya mereka akan melepaskan sangkaan tentang Yesus dan menerima-Nya sebagai Juru-selamat. Biarlah kita Kristian menunjukkan mereka cahaya dan kepanasan hati daripada Matahari yang jujur.

April 21

“Ingatlah hari Sabat dan jagalah kesuciannya.”
(Keluaran 20:8)

* * *

Ramai orang pedagang menghabiskan jiwa mereka dalam aktiviti untuk mengumpul duit, yang kebanyakan itu tidak diperlukan (bukti yang baik sekali ialah wang itu saja simpan di dalam bank). Simpanan duit itu membolehkan mereka membeli benda-benda yang mereka dapat hidup tanpanya, untuk menunjukkan bahawa mereka tidak menyukainya.

Apakah faedahnya untuk mengumpul duit?

Salah satu undang penting Tuhan berkaitan dengan rehat: *Ingatlah hari Sabat*. Berhenti mengejar duit. Berhenti berusaha untuk kejayaan. Lepaskan penglibatan kamu daripada jawatankuasa-jawatankuasa. Kendur sedikit. Lepaskan dirimu untuk berehat.

Hari Sabat adalah rancangan Tuhan yang lama sekali. Bahkan umat bangsa-bangsa asing pun faham itu -- adakah mereka mendapat itu daripada Adam?

Apabila berkemungkinan, rehatlah daripada kerjamu, bahkan daripada kerja penting. Socrates bermain dengan budak-budak untuk menyegarkan diri

daripada tekanan hidup. Di kalangan Jesuit, dulu ada sesuatu rukun bahawa selepas belajar dua jam, mesti ada tempoh lima belas minit untuk aktiviti lain. Biskop utama Richelieu meringankan diri dengan latihan tubuh, seperti berlumba dengan pelayan lelaki dalam lompat tinggi.

Jangan membiarkan dirimu ditelan oleh niat mendapat lebih duit. Penambahan pendapatan-mu mungkin tidak perlu, terutamanya bila ia menambahkan kerisauan-mu. Ambil masa masuk ke dalam Sabat.

“Marilah kepada-Ku,” kata Yesus, “Semua yang letih dan memikul beban berat ... maka jiwamu dapat rehat” (Matius 11:28,29). Dan apabila kamu rehat, Dia yang menjaga Israel tidak akan lena atau tidur (Mazmur 121:4).

April 22

“Wahai Maut, di manakah kemenanganmu? Wahai Maut, di manakah sengatmu?” (1 Korintus 15:55)

* * *

Orang yang menerima falsafah kejasmanian, percaya bahawa selepas kita mati, kita pun tidak wujud lagi. Ini bertentangan dengan *prinsip kekekalan tenaga*, iaitu dasar segala ilmu sains. Tenaga yang disimpan di dalam atom tubuh saya tidak akan lenyap selepas saya mati. Apabila sesebuah tubuh hancur, atom-atom itu pun menjadi cantuman lain. Tenaga saya tidak lenyap. Ia masih adalah sebahagian tenaga alam semesta ini. Apabila sesebuah dapur telah menjadi sejuk, kepanasan dulunya kini disebarkan ke seluruh bilik itu. Begitu juga apabila tubuh saya menjadi sebuah mayat sejuk. Haba saya telah tersebar ke sekeliling saya.

Saya juga mempunyai kuasa rohani: kuasa berniat, perasaan, dan hati nurani. Kita tidak nampak di alam semesta ada apa-apa tenaga yang akan lenyap. Tiada bukti yang terkecil pun yang menunjukkan bahawa tenaga rohani kita ini berlainan dengan tenaga-tenaga lain. Kematian tubuh saya saja menukarkan tenaga

rohani saya ke dalam corak lain, tetapi tidak akan memusnahkannya.

Ahli sains yang masyhur Maxwell menulis bahawa kemajuan sains memaksakan kita membuat pembezaan di antara apa yang dapat dilihat di manusia (iaitu yang akan musnah), daripada apa yang tidak dapat dilihat (iaitu 'diri' kita di luar kajian sains.) Kita tidak dapat memahami bagaimana *kesedaran diri* dapat wujud selepas kematian tubuh kita, termasuk otak kita. Tetapi ini tidak bermakna bahawa selepas mati, kesedaran kita pun lenyap (*malaikat tiada tubuh, tiada otak jasmani, tetapi mereka dapat fikir juga. Tuhan pun begitu*). Walaupun pada masa hidup kita, otak selalu berhubungan dengan kesedaran kita.

Penulis Jerman Goethe kata, "*Keyakinan saya bahawa kita akan terus hidup bersumber daripada kerja saya. Jika saya terus bekerja sampai kehujungan, alam semesta terpaksa memberi saya kewujudan lain untuk meneruskan kerja-kerja saya, apabila tubuh saya ini tidak dapat mengandungi roh saya lagi.*"

Teruskan kerja baik kamu dengan tekun, jangan bimbang dengan kematian. Tuhan yang telah memberi kamu tubuh untuk kerja sekarang, akan menyediakan kamu sesuatu tubuh lain apabila kamu mati, jika kerja kamu itu disukai-Nya.

April 23

“Satu daripada setiap lima ratus...” (Bilangan 31:28)

* * *

Di Bilangan 31, kita diberitahu bahawa Tuhan telah memberi Yahudi kemenangan besar dalam mengatasi orang Midian. Orang Yahudi dapat banyak rampasan. Tuhan menyuruh mereka membawa satu per lima ratus ke Bait Allah. Tuhan tidak minta banyak. Kadang kala Dia minta sedikit saja.

Apabila Anak Tuhan telah menjadi manusia, Dia memilih tempat lahirnya di sebuah kandang; cara hidupnya kesedihan; dan cara matinya di atas salib.

Dia memilih dua belas orang pengikutnya daripada kalangan yang terhina (1 Korintian 1:28). Dia membenarkan dunia ini dijajah oleh raksasa dan meninggalkan untuk diri-Nya sekumpulan yang kecil. Orang jahat berjaya, dan orang Kristian melalui sengsara.

Jika anda tanya “Kenapa Tuhan begitu rendah hati-Nya?” Jawabannya ialah, “Amatlah kurang sopan untuk menyoal Pencipta. Jangan tanya kenapa, saja mengambil sesuatu tempat kecil di tepi Tuhanmu yang rendah itu.”

Jemaah Kristus dan Kristian-Kristian yang tulen tidak bercakap besar akan capaian yang agung. Kerajaan Kristus bukan di dunia ini. Di sini kecapaian agung dipunyai orang jahat dan penjajah kejam. Kejayaan Tuhan di dunia ini sentiasa-nya sedikit, kejayaan kita adalah di dalam rohani.

Bila kamu dapat mencapai sedikit, bersukacitalah.

April 24

“Aku Tuhan Allahmu, Allah yang cemburu.”
(Keluaran 20:5)

* * *

Pelukis agung Van Gogh, apabila sakit teruk, menulis kepada saudaranya, “*Saya telah janji kepada diriku, menganggap penyakitanku itu sebagai yang tidak wujud. Seni bersifat cemburu. Dia tidak mahu kita memilih apa-apa penyakit dan bukan memilihnya. Jadi saya pun ikut hasratnya. Terlalu banyak masa telah dibuang, tanganku telah jadi pucat. Orang seperti saya tidak dibenarkan sakit. Jadi saya pun melukis dari pagi sampai malam.*”

Kita ada sesuatu Tuhan yang bercemburu seperti seni. Dia tidak mahu kita melarikan diri daripada masalah, kegagalan, kesengsaraan kepada penyakit jiwa atau kegilaan. Orang Kristian tidak dibenarkan untuk ketinggalan daripada kerja mereka oleh sebab sakit. Mereka tidak patut sakit rohani.

Ada seorang menuntun Michelangelo sedangkan seniman itu menghakiskan sebuah patung. Penuntun itu tanya, “Apa jadinya jika tukul-mu telah merosakkan hidung patung itu?”

Michelangelo menjawab, “Itu tidak akan jadi.”

Orang itu terus tanya, “Jikalau itu terjadi, boleh kah anda memperbaikinya?”

Tukang hakis itu jawab semula, “Itu tidak akan jadi.”

Orang itu tidak faham. “Apa jadinya kalau itu terjadi?”

Michelangelo menjerit kepada orang itu, “*Berdiam! Pergilah! Itu tidak akan jadi!*”

“Sesiapa yang tinggal di dalam Yesus tidak akan berdosa”(1 Yohanes 3:6). Ertinya dia tidak akan membiarkan dirinya kemewahan untuk meninggalkan seninya, panggilannya, oleh sebab kesusahan, atau sebab dosa. Dia terus berjalan di dalam arahan Tuhan. Tuhan itu cemburu. Dia tidak rela membiarkan kita tertangkap di dalam dosa, kesedihan, atau kemalasan.

April 25

“Kita juga yang dikelilingi dengan se-begitu ramainya saksi.” (Ibrani 12:1)

* * *

Seorang banduan Kristian di Cuba disuruh untuk menulis tanda tangannya di bawah sebuah pengakuan yang mengandung tuduhan terhadap saudara-saudaranya yang seiman, yang akan menyebabkan mereka dimasukkan penjara. Kristian itu jawab, “Saya tidak dapat menulis namaku. Tanganku telah terikat.”

Pegawai Merah itu kata, “Tetapi kamu tidak menggari!”

“Saya memang telah di ikat gari, ” jawab Kristian itu. “Saya telah terikat dengan rantai penyaksi-penyaksi yang menyerahkan nyawa diri untuk Kristus. Saya adalah salah sebuah bulatan rantai itu. Saya tidak akan pecahkan itu.”

Selepas menyifatkan syahid sebagai saksi yang terbesar untuk kasih sempurna, Thomas Aquinas bertambah kata, “Ucapan yang disebut seorang syahid di depan penguasa-penguasa itu bukanlah kata manusia. Kata-kata itu adalah sebutan Roh Kudus melalui pengaku-pengaku Yesus.”

Belajar daripada syahid-syahid. Kamu juga adalah salah se-biji bulatan di rantai ini. Terus ikhlas kepada Yesus!

Nijole Sadunaite, seorang wanita muda Kristian, berkata di depan mahkamah Lithuania(Soviet) apabila beliau telah diberi hukuman sebab imannya, *“Hari inilah hari gembira sekali seumur saya. Saya telah dihukum oleh sebab kebenaran dan kasih kepada manusia... Saya ada pengakhiran agung yang amat dicemburui orang. Hukuman saya akan menjadi kejayaan saya. Saya saja menyesal sebab terlalu nipisnya perkhidmatan saya kepada orang... Biarlah kita kasih satu sama lain, dan kita akan gembira. Saja orang yang tidak kasih itu yang tidak gembira... Kita mesti menuduh kejahatan, tetapi kita mesti sayang orang, termasuk yang bersalah. Ini kamu saja dapat belajar di sekolah Yesus Kristus.”*

Inilah ajaran Roh Kudus kepada kamu, melalui seorang yang menderita untuk Kristus. Gunakanlah ini di dalam hidupmu.

April 26

“Buah Roh ialah kasih...tiada hukum yang menentang segala ini.” (Galatia 5:22,23)

* * *

Hampir satu pertiga dunia kita sedang berada di bawah jajahan Komunis. Salah satu tujuan fahaman Komunis adalah menghapuskan agama. Alkitab kena diseludup ke dalam sesetengah negara itu. Adakah betul bagi orang Kristian untuk melakukan hal-hal yang dianggap tidak dibenarkan sesetengah negara?

Imam-Iman besar agama Yahudi dapat sesuatu perjanjian daripada Tuhan, bahawa Dia akan berkata kepada mereka di antara dua malaikat di atas mezbah perjanjian di dalam bait Allah. Jadi mereka berasa selamat. Mesiah tidak akan datang tanpa memberitahu mereka terlebih dahulu. Tiada seseorang raja akan melawat negara lain tanpa memberitahukan pegawai negara itu. Raja Yahudi tidak akan muncul di dunia tanpa pengetahuan mereka.

Pada sesuatu malam, *Cahaya* dunia ini menyeludupkan dirinya ke dalam Palestine sebagai seorang anak bayi, selepas ia telah berada di dalam

rahim seorang gadis, menentangi undang-undang biasa dan juga hukum biologi.

Kemudian Dia disalibkan dan dikebumikan. Pintu kubur itu telah cap dengan meterai kerajaan Roma. Tiada orang dibenarkan untuk memecahkan meterai kerajaan. Tetapi malaikat-malaikat tidak terikat kepada undang-undang dunia. Seorang malaikat saja menggulingkan batu besar itu tanpa menghiraukan apa-apa meterai.

Bolehkah kita menasihatkan Yesus supaya tinggal di dalam kubur, sebab kerajaan telah mengecapkan kubur itu? Yesus menyeludupkan dirinya keluar dari kubur dan hidup semula.

Ada yang fikir bahawa kita tidak patut memecahkan undang-undang penjajah Komunis. Yesus telah memecahkan undang graviti dan naik ke syurga.

Augustine mengajar sesuatu rukun yang benar untuk segala kehidupan kita: *“Kasih Tuhan dan lakukan sesukahati-mu.”*

April 27

“Apabila kamu marah, janganlah sampai melakukan dosa.” (Efesus 4:26)

* * *

Seorang penulis Soviet Anatolii Krasnov-Levitin berkata, *“Kasih dan marah adalah sepasang saudari. Di mana tiada marah, di sana pun tiada kasih. Kata-kata nabi purba dipenuhi marah yang hangat sebab hati mereka penuh dengan kasih kepada rakyat mereka, dan kasih itu menimbulkan marah, bukan saja terhadap penindas-penindas rakyat, tetapi juga terhadap rakyat sendiri, sebab mereka enggan menghiraukan jalan benar. Di dalam sebutan Juru-selamat kita juga ada kemarahan dahsyat, apabila dia nampak ahli-ahli taurat dan Farisi...”* Sesiapa yang tidak marah menentangi dosa, tiada perasaan Kristian atau manusia.

Bersifat rahmat terhadap penjenayah bukanlah sentiasa-nya jalan yang bijak sekali. Absalom telah berdosa. Dia pernah membunuh saudaranya Amnon (2 Samuel 13:28). Selepas itu, dia melarikan diri daripada Raja Daud. Pembuangan adalah hukuman yang sepatutnya untuk seorang pembunuh. Absalom patut ditinggalkan sebagai seorang pembuang.

Tetapi Daud telah menerima sesuatu nasihat yang buruk, dan maafkan Absalom, walaupun pembunuh itu tidak menunjukkan apa-apa tanda bertaubat dan penukaran kehidupannya. Bahkan dia tidak merendahkan diri untuk meminta maaf pun. Jadi Absalom pun menjadi besar sekali di Jerusalem dan bebas untuk mengadakan sesuatu pemberontakan berdarah terhadap bapanya Raja Daud. Ramai terbunuh dan banyak orang kesedihan. Jika Daud terus menunjukkan kemarahan yang ikhlas dan bukan kerendahan hati yang tidak suci, sengsara itu pun dapat dielakkan dengan mudah.

Setiap orang pun mesti membayar untuk dosa sendirinya, kecuali dia menjadi seorang yang baharu, melalui kepercayaan pada Yesus(yang telah membiayai dosanya). *“Kita diselamatkan kerana hukuman yang ditanggungnya”*(Yesaya 53:5). Selepas itu baru kita dapat pasti bahawa kebaikan kita tidak disalahgunakan.

April 28

Yesus berkata, “Alihkan batu itu.” (Yohanes 11:39)

* * *

Di sebuah pekan kecil, pemandu kereta keranda tidak percaya pada Tuhan. Paderi di pekan itu pernah cuba membawanya kepada Tuhan, tetapi gagal. Pada suatu hari kereta paderi itu rosak, dan hari itu dia kena mengendalikan satu upacara pengebumian. Jadi dia pun menaiki kereta keranda, duduk di sebelah pemandu itu. Dia cuba sekali lagi berkata kepada pemandu itu:

“Encik, bolehkah saya minta tolong?” paderi itu tanya. *“Alkitab ada sesuatu ayat yang susah difahami, yang berkenaan kerja tuan. Harap kamu dapat membantu sedikit. Yesus berkata, ‘Biarlah orang mati mengebumikan orang mati.’ Tetapi bagaimana dapat seorang pemandu kereta keranda yang mati membawa sebuah mayat ke kubur? Dan bagaimana untuk seorang pengorek tanah yang mati menggali lubang kubur? Bagaimana seorang paderi mati memberi ucapan khutbah pengebumian?”*

Pemandu itu pun gelak. *“Bukankah saya telah kata sama kamu, paderi, bahawa Alkitab itu semua pun tipu? Kata Yesus ini buktinya!”*

Paderi itu jawab, *“Sebelum kita membuang Alkitab, biarlah kita fikir sedikit. Apabila Si mati itu telah dimasukkan keranda dan di masukkan kereta, isterinya jerit, “George, jangan tinggalkan saya! Pulang!” Anak-anaknya pun menangis, minta bapa jangan pergi. Tetapi semua tidak berhasil. Orang mati itu tidak jawab, sebab dia telah mati.*

“Begitu juga dengan kamu. Selama bertahun-tahun Kristus, Roh Kudus, dan orang-orang Kristian telah memanggil kamu supaya bertaubat, tetapi kamu tidak jawab, sebab kamu telah mati dalam rohani. Jadi seorang yang telah mati di dalam roh, menanam orang yang mati kejasmanian. Kata Tuhan kita masih ada makna.”

Setiap orang yang tiada Kristus, telah mati di dalam roh, walaupun tubuhnya hidup di sebuah rumah yang cantik, tetapi rohnya telah baring di dalam gua mayat. Yesus ingin menghidupkan kita, seperti Dia hidupkan Lazarus dulu. Kebangkitan tubuh bukanlah kejadian biasa, tetapi Tuhan Yesus ingin kebangkitan rohani bagi semua yang mati di dalam dosa. Dia minta kita untuk menjadi pekerja bersama-samanya. Saja Dia yang dapat menghidupkan orang mati, tetapi kita disuruh membaringkan batu dari kubur-kubur jiran kita.

April 29

“Oleh sebab telah diketahui bahawa Allah akan membenarkan bangsa asing melalui iman, Kitab Suci telah menyampaikan Injil itu kepada Abraham terlebih dahulu. ‘Olehmu segala bangsa akan diberkati.’ ”
(Galatia 3:8)

* * *

Kitab yang mana telah memberitakan Injil kepada Abraham? Buku pertama kitab yang kita ada sekarang ini dituliskan beberapa kurun selepas kematian Abraham. Bagaimana dapat kitab itu memberitakannya bahawa dia akan menjadi berkat kepada seluruh dunia?

Firman itu menerangkan kepada Abraham bahawa perjanjian ini akan ditunaikan di salah seorang keturunannya, Yesus Kristus. Ia berkata kepada Abraham dengan begitu kuasa, sehingga Abraham bersukacita beberapa ribu tahun sebelum kedatangan Kristus (Yohanes 8:56).

Jadi, manakah firman yang berkata kepada Abraham? Dia tidak mempunyai kitab seperti kita. Tetapi kitab juga memberitahu kita bahawa dirinya berdasar di atas kitab yang lebih purba, dan kitab kita ini saja sejenis bayangan yang mudah di dalam bahasa

manusia akan sesuatu nilai yang abadi, yang tiada bahasa kita dapat menyifatkan dengan sepenuhnya. Di Daniel 10:21, sejenis makhluk syurgawi memberitahu Daniel, “*Aku akan memberitahu kau apa yang ditulis di kitab Kebenaran,*” dan menunjukkan Daniel hal-hal yang tidak tertulis di dalam apa-apa kitab manusia sehingga masa itu. Di Bilangan 21:14, “*Buku Peperangan Tuhan*” telah disebutkan, dan di Joshua 10:13 ada menyebut akan “*Buku Jessi*” (iaitu “orang yang jujur” dalam bahasa Ibrani.)

Di bawah keadaan yang khas, orang yang dipilih Tuhan dapat berkat untuk membaca buku-buku itu. Inilah kurnia bagi Abraham. Kitab kita saja cuba menggunakan perkataan manusia untuk menyifatkan fikiran-fikiran yang diilhamkan Tuhan. Buku-buku yang lain itu jugalah mengandungi fikiran yang sama, sedangkan fikiran-fikiran itu dimasukkan ke dalam bahasa kita yang terhad itu.

Memanjat ke atas puncak rohani. Di sana kamu akan mengerti kerahsiaan Tuhan, yang sukar ditunjukkan melalui kata-kata manusia.

April 30

“Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Ia telah mengurniakan Anak-Nya yang tunggal.” (Yohanes 3:16)

* * *

Seorang Paderi cuba membawa seorang pemimpin kesatuan pengangkutan kereta api untuk percaya pada Yesus, tetapi gagal. Kemudian ada pemogokan yang besar. Pemogokan itu di-panjangkan. Pekerja-pekerja kurang makan dan kena mengikat tali pinggang untuk meneruskan permintaan mereka. Hutang bertambah tinggi.

Paderi itu lagi sekali berkata kepada pemimpin itu, *“Saya ada satu cadangan yang boleh memberi kejayaan bagimu. Semua surat khabar pun akan menyokong-mu.”*

Untuk pertama kali, pemimpin itu berminat dengan kata-kata pengkhutbah itu. Dia tanya apanya cadangan itu. Paderi itu jawab, *“Untuk menunjukkan bahawa keadaan pekerja-pekerja teruk, dan untuk mendapat belas kasihan, ikatlah anakmu di atas landasan kereta api dan memandu sebuah kereta api di atasnya. Kamu pun berjaya.”*

Pemimpin itu naik marah: *“Saya lebih suka nampak sedunia kebuluran, daripada mengorbankan anak tunggal saya itu.”*

Tuhan boleh menghantar seorang saleh purba atau seorang malaikat untuk mati bagi kita, tetapi Dia memberi kita yang terbaik di syurga, Yesus Kristus. Kita menyedari betapa besarnya korban ini, hati kita pun di gerak untuk bertaubat. Yesus mati untuk dosa kita pada Hari Jumaat yang Baik. Tetapi kematian tidak dapat kurungkan-Nya. Kematian adalah sesuatu kejadian yang rendah mutunya. Ia tidak sanggup mengandungi yang terbaik. Jadi Yesus pun terbangkit. Hari Easter kita pun merayakan ini -- Kristus mengatasi kematian.

Tuhan memberi yang terbaik bagi kita. Kita juga membalas-Nya dengan yang terbaik.

Mei 1

“Siapa yang mempunyai dua helai baju hendaklah memberi kepada orang yang tiada.” (Lukas 3:11)

* * *

Yesus perintah mereka demikian... pakailah capal(selipar), tetapi jangan pakai dua helai baju.” (Markus 6:8)

Pada masa penganiayaan Kristian di bawah Maharaja Roma Diocletian, seorang Kristian bernama Eustrat dipakaikan kasut yang berpaku besar di dalam, yang menikam tapak kakinya. Dia dipukul untuk lari lebih cepat sehingga mati. Jemaah Kristian mengingatnya.

Bukan semua kita dipanggil untuk penderitaan begitu. Pengorbanan adalah yang luar biasa. Bukan semua pun terpaksa memakai kasut yang berpaku.

Tetapi Tuhan memang nampak almari baju kita. Dia mengajar pengikut pertamanya memakai dengan mudah. Ada Kristian masa kini berhati-hati dengan ajaran yang betul, yang lain berhati-hati dengan acara keagamaan yang betul. Bagaimana dengan bilangan baju, seluar dan kasut yang betul?

Orang Kristian mesti berjaga-jaga dengan jumlah pakaian dan makanan yang dipunyai mereka. Beribu juta jiwa perlu berita baik. Anak-anak Tuhan akan dihiasi kemuliaan pada masa depan.

Mei 2

Allah memilih yang ...tidak ada. (1 Korintus 1:28)

* * *

“Dia mengambil tujuh buku roti itu dan mengucap syukur. Setelah itu, Dia memecahkannya dan menghulurkannya kepada murid-murid-Nya untuk dihidangkan... semua orang pun makan sehingga kenyang.”(Markus 8:6-8)

Jikalau murid-murid itu tiada tujuh ketul roti, melainkan tiga atau satu, apa yang akan terjadi? Orang ramai akan dapat kenyang serupa. Sebenarnya, ada sekali lain Yesus saja dapat lima buku roti. Tetapi Dia memberikan lebih banyak orang makan, dan dapat lebih sisa makanan (Markus 6:41-43). Kamu boleh melayani Tuhan dengan apa sedikit yang kamu ada. Kurnia-Nya tidak bergantung pada berapa yang kamu ada, tetapi bergantung kepada kamu membawa segala kepunyaanmu kepada-Nya.

Jika saya apa pun tiada, apa yang akan jadi? Ini hal mustahil, sebab tiada orang yang apa pun tiada. Di dalam alkitab tiada tulisan “kosong” dalam perkataan atau dalam nombor.

Orang yang miskin boleh membawa dirinya kepada Yesus. Walaupun dia ingin sendiri apa pun tiada, kosong saja. Dia masih ada sesuatu yang berharga: dirinya dan kemiskinannya. Dia boleh membawa dosanya kepada Yesus. Daripada dosa sebagai seorang penganiaya hebat, Saul dari Tarsus telah ditukarkan Tuhan menjadi seorang rasul yang berhati panas. Daripada seorang wanita yang dirasuk tujuh hantu, Maria Magdalena telah ditukar menjadi seorang saleh wanita yang berkasih sayang. Bawalah kelemahanmu kepada Kristus. Ini tentunya kamu ada. Kekuatan-Nya akan dinyatakan sempurna di dalam kelemahanmu.

Bermula dengan sedikit. Tetapi jangan gunakannya dirimu. Bawalah kepada Yesus. Dia akan menambahnya berganda-ganda.

Mei 3

“Tipu daya manusia, dan putar belit muslihat jahat.”
(Efesus 4:14)

* * *

Orang Kristian patut membaca tulisan Mao Tse-tung. Sebelum dia bergaduh dengan teman seperjuangannya Rusia, dia berkata segala cara Komunis di dalam bukunya *Di dalam Perang Perpanjangan*:

“Mencipta silap faham untuk musuhmu dan menyerangnya tiba-tiba di luar sangkaannya ... mencapai kelebihan dan mendapat langkah permulaan(inisiatif).

“Apanya silap faham? ... membuat suara di sebelah timur dan menyerangnya di sebelah barat... Di dalam peperangan, berapa banyak penipuan pun diizinkan.”

Bertambah pula, bagi seorang pengikut Mao(Maoist), pertempuran kelas dan perang pemberontakan adalah keadaan kekal yang amat dirindui, yang patut diteruskan beratus-ratus tahunnya.

Kamu akan mendapati bahawa bagi mereka, penipuan patut menjadi sesuatu perangai yang utama bagi seseorang.

Yesus mengajar, “Katakan sahaja ‘Ya’ atau ‘Tidak’ ” (Matius 5:37). Kita kena memilih di antara sesuatu nyawa bohong atau nyawa tulen.

Mei 4

“Apabila mereka sampai pantai, mereka nampak ada ikan dibakar di atas api, dan roti juga.” (Yohanes 21:9)

* * *

Pengikut-pengikut Yesus sedang lapar, dan Tuhan Yesus sediakan makanan untuk mereka.

Kali ini Yesus sendiri menyediakan makanan bagi murid-murid-Nya. Pada sekali lain Dia menyuruh seorang malaikat untuk melayani seorang saleh. Apabila nabi Elijah tertidur di bawah sepohon pokok, seorang malaikat menyentuhnya dan kata, ‘Bangunlah dan makan.’ Elijah pun mendapati berdekatan kepalanya ada seketul roti di atas bara api dan se-botol air. (1 Raja-Raja 19:5,6).

Selepas kita makan kenyang, mudahlah bagi kita percaya mukjizat-mukjizat ini. Tetapi di sesetengah tempat di dunia ini, orang Kristian dimasukkan penjara dan diberi kanji usus binatang yang belum dicuci. Tahi dapat dinampak terapung di atas sup itu. Untuk mendapat sup ini, kamu kena bekerja seperti seorang hamba.

Saudara-saudari kita bukan saja menderita secara jasmani. Iman mereka juga tergoncang. Hati mereka bercuriga. “Tuhan ini mahakuasa. Dia boleh menyediakan makanan untuk rasul-rasul-Nya, dan untuk Elijah. Kenapa Dia tidak menyediakan ikan bakar atau kek bagi saya? Kenapa saya kena makan usus yang busuk ini?”

Tuhan telah sediakan makanan untuk banduan Kristian. Saja kali ini Dia tidak menyuruh malaikat datang, melainkan saudara-saudari Kristian. Sebagaimana Dia suruh malaikat untuk memberi makanan kepada Elijah, kini dia menyuruh Kristian-Kristian di dunia bebas untuk kerja ini. Sedihnya ramai yang diutus dengan tugas ini tidak mengikuti arahan. Mereka mencuri apa yang ditakdirkan Tuhan untuk kerja ini, dan membiarkan syahid terus lapar.

Adakah anda juga seorang begitu? Adakah Firaun telah memberi rasuah bagimu, dan kamu telah menjadi penyokongnya?

Mei 5

“Seorang malaikat Tuhan menampal kepada Yusuf di dalam mimpi.” (Matius 1:20)

* * *

Seorang penyajak Cina berkata, “*Semalam saya mimpi bahawa saya adalah seekor rama-rama. Kini saya pun tidak pasti jikalau saya seorang yang pernah mimpi jadi rama-rama, atau seekor rama-rama sedang mimpi menjadi manusia.*”

Alkitab memberi kepentingan hebat kepada mimpi. Ia menceritakan tiga puluh enam mimpian bersama makna-maknanya. Adakah Yusuf di perjanjian lama itu seorang gembala yang mimpi menjadi pemerintah, atau seorang pemimpin negara yang bermimpi siang hari bahawa dia seorang gembala? Adakah Nebuchadnezzar seorang raja yang bermimpi malam bahawa dia menjadi seekor binatang liar, atau seekor binatang yang bermimpi siang hari bahawa dirinya seorang raja?

Sesiapa yang ingin mengetahui dirinya dan orang lain, patutlah memberi perhatian kepada mimpinya. Jika Yusuf dari Perjanjian Baru itu telah meringankan mimpinya sebagai sejenis sumber pengetahuan, dia mesti akan membongkar penghamilan Maria yang luar

biasa, dan Maria pun akan dihukum mati dengan batu sebab disangka telah berzina.

Sediakan kertas dan pen di tepi katil semasa kamu tidur. Tuliskan tarikh bersama mimpi-mimpimu itu. Anda akan mendapati bahawa hal-hal yang luar biasa di dalam Alkitab adalah kejadian biasa di dalam mimpimu. Dengan melakukan ini, kamu pun faham akan mimpi-mimpimu. Talmud berkata, “Sebuah mimpi yang tidak diterangkan, adalah seperti sepucuk surat yang tidak pernah dibukakan.”

Mei 6

“Adakah helang terbang dengan hikmat-mu?”
(Ayub 39:26)

* * *

Di Alaska yang liar, di mana beaver(sejenis binatang liar yang tahu buat empangan) tidak pernah nampak manusia, jadi anda boleh nampak untuk berjam-jam bagaimana mereka menebang pokok dengan gigi tajam dan mengangkut dahan-dahan pokok di aliran air rekaan mereka ke dalam sungai, di mana kubu air mereka berada. Apa yang dicipta mereka itu adalah sesuatu mukjizat. Tiada ateis dapat menerangkan bagaimana beaver dapat mengendalikan paras air di kolam rekaan mereka itu, supaya paras air tetap sesuai.

Mereka ada empangan yang boleh dibuka dan ditutup mengikut kadar arus air, seolah-olah empangan manusia. Jadi aras air di empangan itu sentiasa sama untuk sepanjang tahun. Bagaimana dapat beaver mengira? Untuk membuat aliran air dan empangan seperti beaver, kita kena ada sepasukan jurutera yang mahir sekali. Apa yang didapati masa kini dalam cara pembinaan manusia - memberi empangan sedikit bengkok ke arah depan, supaya memisahkan tekanan air

ke tepi sungai - adalah rahsia yang telah dikenai beaver untuk beribu-ribu tahun. Di tempat arus air cepat, mereka pun membuat empangan bengkok.

Saja sesuatu yang berhikmat sanggup mencipta makhluk yang berakal. Jika dunia manusia tidak dapat membawa kamu percaya pada Tuhan, percayalah Pencipta beaver dan semut itu.

Mei 7

“Kamu adalah surat kiriman Kristus.” (2 Korintian 3:3)

* * *

Salah satu bukti akan kewujudan Tuhan adalah terdapatnya orang baik. Seorang ateis berkata bahawa alam semesta ini wujud akibat pertemuan bahan-bahan yang nipis secara tidak sengaja.

Biar kata, bahawa peluang telah berjaya menjadikan alam semesta jasmani ini. Tetapi siapa dapat fikir bahawa kebaikan, sifat ikhlas, mengorbankan diri, kemaafan dan murah hati semuanya akibat pertemuan bahan-bahan asal? Cuba buangkan keratan nota-nota ke atas angkasa: tengok nota-nota itu dapat terjatuh sebagai Simfoni kesembilan Beethoven-kah?

Kenapa ada orang sudi mengambil bahagian dalam pertempuran yang sukar sekali -- menjadi seorang yang baik -- jika dia sajalah kumpulan jisim-jisim yang akan dipecahkan hari esok, dan tidak akan diingati lagi? Ada orang yang berhati baik, sebab mereka menyedari bahawa kita direka sebagai makhluk yang baik.

Jadilah baik dirimu, mengikut contoh Tuan illahi kamu itu, dan kehidupanmu juga akan menjadi sesuatu bukti bahawa Tuhan berwujud.

Mei 8

“Tuhan begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.” (Yohanes 3:16)

* * *

Inilah ayat yang penting sekali di dalam Alkitab. Ia mengandung khabar utamanya. Setiap perkataan di dalamnya pun agung:

“Tuhan” -- yaitu sumber terbesar bagi setiap yang baik;

“begitu mengasihi” -- yaitu kasih yang tertinggi;

“dunia: -- yaitu sasaran kasih yang luas sekali;

“menganugerahkan” -- memberi adalah tindakan kasih yang sesuai sekali;

“Anak-Nya yang tunggal” -- yaitu pemberian besar sekali yang dapat diberikan;

“Setiap orang” -- yaitu jumlah terbesar yang dapat difikirkan;

“yang percaya” -- syarat yang mudah sekali;

“kepada-Nya” -- kepada yang ikhlas sekali, yang tiada sesalan untuk sesiapa yang meletakkan segala imannya kepada Dia;

“tidak akan binasa” -- iaitu di selamat daripada nasib yang teruk sekali;
“melainkan” -- iaitu sebaliknya daripada kebinasaan;
“mendapat” -- iaitu sesuatu kepunyaan, bukan harapan;
“hidup kekal” -- sesuatu hidup yang tidak kemungkinan lebih panjang, atau lebih baik.

Apabila anak saya umur enam, saya tanyanya jika dia tidak berasa kagum dengan ayat ini. Dia jawab, “Tidak, itu biasa saja. Untuk seorang kaya, hadiah besar adalah kebiasaannya. Bagi Tuhan, memberi kita Anaknya dan juga hidup yang kekal, adalah biasa.”

* Di Alkitab Indonesia, perkataan Tuhan ini ditulis sebagai “Allah”.

Mei 9

“Raja segala zaman...yang tidak dapat dinampak.”
(1 Timotius 1:17)

* * *

Kenapa Tuhan tidak dapat di nampak? Sama seperti salji yang terjatuh di atas tuala putih sukar di nampak. Tuhan amat baik. “Maka Allah melihat segala yang Dia jadikan itu, dan kesemuanya sungguh baik.” (Kejadian 1:31). Bolehkah kamu membezakan yang amat baik daripada yang sungguh baik? Tuhan tidak meninggal sedikit pun kebaikan-Nya yang tidak diberikannya kepada makhluknya.

Dia bukan serupa Ratu jahat di cerita Salji Si Putih, yang bertanya cerminnya: “Hi cermin, siapakah yang cantik sekali?” Segala keelokan Tuhan, Dia telah memberi kepada burung-burung yang bernyanyi, sungai-sungai, gunung-gunung agung, dan juga kanak-kanak.

Dengan berapakah usahanya, baru dapat seorang gadis terjatuh cinta dengan seorang puteri yang kacak? Tidak sebarang tenaga pun. Jadi setiap usaha untuk mengasihi Tuhan dengan sepenuh hati adalah palsu. Kamu tidak dapat menolak mengasihi-Nya. Malaikat-

malaikat berkata kepada seorang nabi, “Segala bumi dipenuhi kemuliaan-Nya” (Yesaya 6:3), sedikit pun tidak kekurangan daripada kemuliaan takhta sendiri-Nya.

“Bahagialah orang yang murni hati, sebab mereka akan nampak Tuhan” (Matius 5:8). Tuhan dapat dinampak di dalam segala hal dan di dalam segala kejadian. Apa yang menjadikan-Nya sukar dinampak adalah kekotoran kita. Tetapi dengan dicuci darah Kristus, dan dengan menerima Roh Kudus, kamu pun dapat nampak dengan mata yang terbuka akan kemuliaan Tuhan, ya, kamu juga akan dijadikan rupanya juga (2 Korintus 3:18).

Mei 10

“Kita bersukacita dengan harapan.” (Roma 5:2)

* * *

Harapan yang kurang berdasar sekali, pun lebih berdasar daripada keputusan asa yang berasas sekali. Saya tahu ini daripada pengalaman.

Saya telah dihukum dua puluh lima tahun untuk kerja keras. Saya pernah sakit hampir mati di dalam penjara, dan para doktor telah menganggarkan saya tidak dapat pulih lagi. Di bawah keadaan itu, saya ada sesuatu harapan yang tidak berdasar sekali, iaitu mendirikan sesuatu misi sedunia, dengan tujuan menolong orang-orang Kristian yang teraniaya di negara-negara Komunis. Sepatutnya saya akan rasa sedih dan ingin bunuh diri. Rupanya saya telah kehilangan apa-apa harapan untuk bertemu dengan anak saya lagi. Tetapi kini saya telah ada cucu.

Jangan sekali-kalinya melepaskan harapan. Talmud berkata bahawa jika seorang telah dihukum mati, dan kepalanya telah berada di atas mesin pancung kepala, dan algojo telah menaikkan kapak-nya, orang itu pun fikir, “Kini aku habis,” orang itu pun dikira tidak beriman. Kapak itu boleh jatuh dari tangan algojo. Hal

yang begitu telah terjadi dengan raja Rumania, Raja Michael yang Berani.

Membunuh diri dengan suntikan racun melalui seorang doktor adalah salah. Orang yang dijangka semua doktor bahawa dia mesti mati, masih ada peluang untuk hidup. Harap untuk perniagaan-mu, untuk anak-anakmu. Harap untuk perangai-mu, walaupun dengan beribu kali percubaan masih tidak maju. Kita ada harapan pada sesuatu Tuhan yang mengikat “dunia di atas hampa” (Ayub 26:7). Sesuatu harapan yang diberikan-Nya adalah baik, walaupun tiada sebarang dasar.

Mei 11

“Akulah Tuhan, Allahmu, yang membawa kamu keluar dari Tanah Mesir, dari tempat perhambaan.
(Keluaran 20:2)

* * *

Ada Kristian fikir bahawa kita tidak patut peduli akan politik.

Adakah Livingstone tahu Berita Baik? Apabila dia datang ke Afrika, perniagaan hamba sedang diteruskan. Patutkah Livingstone membiarkan orang hamba terus menjadi hamba? Dia pernah membaca di alkitab bahawa Tuhan telah membebaskan abdi. Dia pun tidak dapat mendiamkan diri apabila dia nampak orang-orang yang tidak bersalah diikat dengan rantai panjang, dipukul dengan cemeti, seperti apa yang terjadi di banyak negara hari ini dalam pengangkutan banduan(prisoners).

Perkara dahsyat ini membakarkan Dr Livingstone dengan kemarahan. Ramai Kristian hari ini telah hilang sifat suci menjadi marah tentang perhambaan. Ada di antara mereka tidak sekali-kali pun menjadi marah, kecuali apabila ada orang menentangi perhambaan.

Livingstone tidak lupa merayu orang British supaya menghentikan perniagaan manusia ini. Dia berjaya. Perhambaan dihentikan di seluruh pemerintahan British. Hari ini tubuh Livingstone berada di gereja besar Westminster.

Mazbah orang Yahudi bukan saja sesuatu benda untuk acara keagamaan, ia juga tanda peperangan. Apabila orang Yahudi menyeberang sungai Jordan untuk menyerang tanah bagi diri mereka, mazbah itu pun dibawa orang Levi sebagai tanda bendera peperangan. Ia adalah tanda kebebasan.

Kristian bukan saja bertempur untuk kesucian peribadinya, tetapi juga untuk keadilan masyarakat.

Mei 12

“Kita yang beriman memang masuk ke dalam kerehatan itu.” (Ibrani 4:3)

* * *

Manusia dicipta bukan untuk menjadi seorang penyeksa atau pembunuh. Menjadi seorang penjahat tidak sesuai dengan cadangan Tuhan dengan manusia. Ia bukanlah sifat semula jadi kita. Oleh sebab ini penjenayah sentiasa menyeksakan diri sendiri. Orang yang menyeksa orang lain, biasanya dirinya pernah diseksa, dan biasa yang kini masih menyeksa diri sendiri.

Di dalam *Buku Putih Penyiasatan Siniavski-Daniel*, kami mendapati bahawa Lenin biasa meninggalkan biliknya pada awal pagi pukul 2 am. Dia keluar ke halaman rumahnya, berdiri di dalam salji, dan akan jerit kepada bulan. Tiap-tiap malam pun begitu. Dia menjerit sedikit, kemudian mendengar jikalau setiap halamannya pun senyap, kemudian jerit lagi, sehingga dia hampir beku kesejukan. Selepas itu dia pun pulang ke biliknya dan menentukan takdir Rusia.

Cerita ini dikisahkan oleh pengawal peribadinya.

Bukan setiap orang pun ada peluang menjadi seperti Lenin atau Hitler, yang dapat menyiksa berjuta-jutaan orang, tetapi ramai di antara kita juga mempunyai sifat yang sama. Kita menyiksa isteri atau suami kita, atau ibu bapa, atau rakan, atau pekerja-pekerja bawahan. Kita telah menjadikan diri kita seperti Setan.

Kita berasa seronok dengan menyiksa orang lain, tetapi sebenarnya kita sedang menyiksa diri kita. Saja seorang yang dikacau yang akan mengacau orang.

Kamu boleh membebaskan orang lain daripada kejahatanmu, dan juga membebaskan dirimu, jika kamu mengambil hati akan jemputan Yesus, “Marilah ke sisi-Ku, wahai semua yang letih dan memikul beban berat, dan Aku akan memberimu kelegaan.” (Matius 11:28)

Mei 13

“Jangan membunuh.” (Ulangan 5: 17)

* * *

Di dalam penjara kamu akan dengar pencuri-pencuri mencela pembunuh-pembunuh.

Mereka kata, “Kami boleh bertaubat, dan membayar balik apa yang kami telah curi. Bahkan jika kami tidak ganti rugi, mangsa kami pun boleh mencari duit lagi. Tetapi kamu tidak mampu memulihkan seorang yang telah dibunuh-mu. Kamu memang pendosa.”

Cakap mereka itu betul. Setiap dosa merosakkan perhubungan di antara manusia. Ia juga menyebabkan orang lebih sukar untuk mendengar suara Tuhan. Tetapi pembunuhan adalah dosa yang tidak dapat dikembalikan. Jika kamu merugikan seseorang atau merosakkan nama baiknya, mangsa-mu itu tidak kehilangan semua harapan. Mereka masih ada peluang untuk memulihkan keruntuhan itu. Tetapi pembunuhan adalah tetap. Ia membawa seorang ke depan Hakimnya, dan jika dia belum sedia, dia pun akan ke neraka. Inilah “*dosa yang menyebabkan maut.*”

Oleh sebab ini, pendeta-pendeta yang menggalakkan keganasan dan pemberontakan telah salah, demikian juga semua yang mogok dengan keras.

Apakah perlunya pemberontakan?

V. Tarsis, penulis Soviet, memberitahu di dalam bukunya *Berita Wad Sakit Jiwa*, kisah seorang yang dianggap gila oleh Komunis. Orang itu kata, “*Di dalam wad, saya mula membaca Alkitab tiap-tiap hari. Saya mesti mengaku bahawa inilah buku yang bahaya sekali, yang mudah menyelewengkan orang. Saya tidak hairan rakan-rakan saya melarangkan penyebarannya. Sebab, jika kamu telah baca ucapan bijaksana Alkitab, kamu akan gelak segala pemberontakan-pemberontakan Komunis.*”

Apabila kamu telah dapat keamanan hati dan sukacita di dalam jiwa, dan sebuah Firdaus yang elok yang pasti dikurniakan-mu, kamu pun tidak akan hiraukan kemiskinan atau penindasan dirimu di dunia ini. Kamu pun tidak akan berontak.

Mei 14

“Ketua majlis berkata kepada pengantin lelaki, ‘Selalunya orang menghidangkan air anggur yang terbaik di awal majlis. Setelah tetamu banyak minum, dihidangkan pula air anggur yang biasa sahaja. Tetapi kamu menyimpan dahulu air anggur yang terbaik.’ ”
(Yohanes 2:9,10)

* * *

Iblis kadang-kadang memberi barang baik dahulu: perjanjian yang menarik, puas hati peribadi. Selepas kebanyakan masa hidup kita telah dibuangkan dalam kemabukan, iblis ini pun memberi kita minuman yang pahit: hidup yang musnah, sesalan hati, kebutaan rohani, dan pada akhirnya yang teruk sekali -- hukuman abadi.

Kasih tahu hal-hal yang terbaik masih akan datang. Ia telah ada sukacita dalam mengikuti undang-undang Tuhan, dan juga dalam berkaitan dengan Kristus, dan perhubungan dengan orang-orang saleh. Untuk masa sekarang, sukacita ini bercampur dengan kepahitan salib. Kini kita telah dapat sejenis ketenangan walaupun kita di-aniaya, di dalam kesulitan atau kebogelan. Tetapi pengantin Kristus yang sedang menangis dan berluka darah ini tidak pernah kehilangan harapan. Dia

tahu pengantin lelakinya telah menyimpan di rumah jamuannya minuman yang terbaik untuk kurun-kurun yang akan datang. Dia tidak tergesa-gesa seperti mereka yang percaya bahawa diri mereka saja ada nyawa yang singkat ini. Kasih tidak huru-hara untuk mendapat kesan kejayaan. Ia sudi menerima kegagalan yang sementara ini, atau kerugian dan penderitaan. Kemenangan terakhirnya telah dipastikan.

Kristian tidak sekali-sekali sedih sebab ditentangi, melainkan dapat galakan. Musuh-musuh kita tidak tahu sukacita yang tidak dapat disifatkan itu, iaitu yang disediakan Kristus bagi setiap orang yang membela-Nya apabila Dia sedang menderita. Kita kasih dan percaya bahawa kasih akan menang.

Gereja Kristus tidak diganggu oleh dunia yang berdosa. Sebaliknya pintu neraka terganggu oleh gereja. Dunia yang berdosa ini sedang diancam oleh gereja, sebab kitalah yang akan menang akhirnya.

Mei 15

“Berubah kepada diri baru yang dicipta menurut teladan Allah dalam kebenaran dan kesucian sejati.”
(Efesus 4:24)

* * *

Orang biasa bercampuran kesucian dengan kebaikan. Sebenarnya kedua-kedua itu sifat yang berbeza. “Tuhan nampak setiap yang di ciptanya, bahawa segala pun sangat baik”(Kejadian 1:31). Selepas yang “sangat baik” itu, datanglah kejadian yang semua sekali berlainan.

“Tuhan memberkati hari ketujuh dan menyucikannya” (Kejadian 2:3). Kesucian berlainan daripada kebaikan.

Seorang boleh jadi sangat baik, tetapi tidak suci. Dia tidak dapat digunakan Tuhan juga. Dan sebaliknya, ada orang yang suci tanpa apa-apa kebaikan. Di mananya kebaikan Gideon, Jael, dan Joshua? Mereka adalah pejuang terpilih untuk kejayaan bangsa mereka. Oleh sebab itu mereka itu suci. Orang yang pernah membaca kehidupan Athanasius, Luther, dan Calvin akan nampak sedikit saja sisa kebaikan di antara mereka. Orang-orang itu sedang bertempur untuk sesuatu kebenaran

yang diberikan mereka, tanpa memberi apa-apa laluan. Mereka menghentam seteru tanpa berperilaku kemanusiaan. Kebenaran mesti memang.

Kita jadi suci dengan makan makanan rohani yang betul.

Satu ujian telah dijalankan dengan cacing tanah. Cacing biasa suka gelap, tetapi mereka boleh dilatih menukar kebiasaan itu dan suka cahaya. Setiap masa cacing-cacing itu berundur ke dalam kegelapan, mereka akan mendapat tekanan elektrik; sebaliknya, bila cacing-cacing itu datang ke tempat cahaya, mereka akan diberi makanan lumayan. Akhirnya cacing-cacing itu telah bersifat lainan, yang suka cahaya. Kemudian semua cacing-cacing itu pun dihancurkan dan menjadi makanan untuk cacing-cacing lain(yang tidak mengalami latihan tersebut). Dan cacing baru itu pun mendapat perangai seperti cacing-cacing pertama itu, yang telah dimakan mereka itu. (Ini adalah sebab daging cacing pertama mengandungi kimia ribonucleic. Selepas dimakan oleh cacing-cacing baru, yang baru itu pun mula penukaran. Mereka mula mengelakkan kegelapan dan suka akan cahaya. Pemeriksaan yang serupa itu juga di uji di antara binatang-binatang lain.

Jikalau kamu ingin menjadi orang baru, seorang yang suci, makanlah Kristus. Dia telah menjadi tubuh agar dapat dijadikan makanan harian mu.

Mei 16

“Atas kehendak Tuhan Allah, tumbuh-lah sebatang pohon yang menjalar dan melindungi kepala Yunus... lalu sangat gembiralah Yunus kerana pohon itu.”
(Yunus 4:6)

* * *

Di dalam Alkitab, lindungan atau bayangan bermakna kesementaraan. “Hari kita di atas bumi adalah bayangan,” kata Bildad (Ayub 8:9). “(Manusia) seperti bayang-bayang ia hilang,” kata Ayub sendiri (14:2). “hidup yang segera lenyap seperti bayang-bayang” kata Sulaiman (Pengkhotbah 6:12). Dia telah mendapati ilham ini daripada bapanya, Daud. “Hidup kami seperti bayangan yang berlalu, dan kami tidak ada harapan” (1 Tawarikh 29:15).

Bahkan nabi-nabi seperti Yunus pun kadang-kala menjadi “amat gembira” dengan apa yang sementara ini.

Mula-mulanya, Yunus mendirikan sebuah pondok untuk dapat sedikit teduh, tidak sedar bahawa setiap usaha manusia akan gugur. Pada hari keesokan, pondok itu pun dimusnahkan angin kencang. Tiada apa yang

dibuat kita untuk diri kita akan tahan. Bahkan tamadun pun tidak akan tahan. Kita sendiri pun akan reput.

Kemudian Yunus gembira sebab bayangan yang diberi oleh sepohon pokok, yang bertumbuh dalam satu malam, tetapi hari keesokan seekor cacing pun memusnahkan pokok itu. Setiap pokok pun akan mati. Cacing yang makannya itu juga akan mati. Demikian juga nabi yang duduk di bawah teduh pokok itu. Nineveh yang Yunus berkhotbah itu juga akan melepas, walaupun kota itu bertaubat pada masa Yunus. Pemuja akan mati seperti orang kafir. Bersukacita dengan sejenis bayangan tiada bermakna. Hari esok kamu mungkin ingin mati sebab kehilangan kesenangan itu (bayangan itu). Tetapi kecewa itu juga tidak akan panjang. Perasaan pilu itu juga sementara, seperti perasaan yang lain. Kemudian bumi di mana pokok bertumbuh, di mana orang kadang-kadang gembira, dan kadang-kadang marah itu juga akan terbakar.

Saja Tuhan itu kekal, Dialah yang berkata, “Tidak patutkah saya sayang?” (Yunus 4:11). Tetapi Dia tidak sayang Nineveh jasmani ini untuk selama-lamanya. Dia tidak mengasihi sesiapa pun di bumi ini untuk selamanya. Lazarus, seperti orang lain yang dibangkitkan Yesus, kemudian mati juga. Saja Tuhan yang rohani ini terus tinggal, dan perkataannya, “Tidakkah patutnya saya kasihi?” itu tinggal.

*Tidak patutkah saya mengasihi di dalam abadi,
jiwa-jiwa yang percaya pada-Ku?*

Mei 17

“Kami tidak mendapatkan makanan daripada orang lain dengan percuma. Sebaliknya, kami berusaha siang malam...” (2 Tesalonika 3:8)

* * *

Di surat Paul ini, tokoh tulisannya adalah seorang yang mukanya seperti seribu matahari, yang matanya jernih dan yang seluruh badannya seperti salji dan permata putih.

Kristus adalah tajuk suratnya, tetapi bukan yang satu-satunya saja. Kadang-kadang Paul juga menulis akan dirinya dan rakan-rakan sekerjanya, seperti ayat tersebut.

Untuk kita juga, tujuan utama kita adalah Dia yang sifat maruahnya seperti lautan. Apabila kamu kenal Dia, pemikiranmu pun dipenuhi keriang.

Tetapi kita juga tidak dapat mengelakkan berkata tentang pendeta-pendeta. Ingatlah paderi kamu, bahawa untuk sesiapa yang hidup dengan injil, patutlah dia bertindak begitu:

Janganlah makan makanan saudara seiman dengan sia-sia. Seorang doktor patut dapat memberi laporan pada hujung tahun berapa pesakit telah dirawatinya, dan

berapa yang dapat sembuh. Seorang tukang kasut patut memberi laporan berapa pasang kasut yang telah disiapkannya. Seorang paderi juga patut dapat melapurakan kerja penginjilan-nya dan kesan-kesannya.

Mereka patut bekerja siang dan malam. Siang saja tidak cukup. “Diberkatilah orang yang...merenung hukum-Nya siang dan malam” (Mazmur 1:1,2). Hasil akan di dapati apabila kamu terus bekerja pada masa malam.

Seorang Kristian patut menjadi pendeta kepada pendeta-pendeta mereka.

Mei 18

“Dia dilukai untuk kesalahan kita.” (Yesaya 53:5)

* * *

Di sebuah negara yang menganiaya Kristian, seorang pegawai polis datang menangkap seorang pendeta. Dia tanya pendeta itu, “Adakah kau fikir saya seorang jahat? Seperti pandangan orang ramai?”

Pendeta itu jawab, “Orang jahat? Tidak, saya nampak kamu seorang yang tidak gembira, yang percaya dirimu tidak dikasihi sesiapa pun. Tuhan sayang kamu, ya, bahkan secara luar biasa. Untuk orang jahat barulah Dia menjadi seorang manusia. Dia datang ke dunia bukan untuk orang baik seperti seorang budak di depan mazbah, melainkan sebab orang yang najis. Yang lebih kotor kita, lebih kita dikasihi-Nya.”

Pegawai itu mempertahankan diri, “Saya bukan sangat kotor. Saya bukan seorang pencuri.”

“Kamu memang seorang pencuri,” jawab pendeta itu. “Kamu telah mencuri daripada Tuhan.”

“Apa?”

“Kamu telah mencuri daripada-Nya dosa kamu. Segala dosa kita adalah kepunyaan-Nya. Itulah harta-Nya. Dia datang untuk dilahirkan sebagai anak Manusia

supaya dapat mengambil dosa kita. Segala najis dan dosa kita telah dijadikan kepunyaan-Nya. Kamu seorang pencuri dan perampas, jika kamu enggan mengembalikan segala itu kepada-Nya, Domba Tuhan itu. Dia saja yang ada hak untuk segala dosa, itulah milik-Nya. Kamu sedang memegang harta orang lain.”

Pada malam itu pendeta itu tidak dikurungkan. Pegawai polis itu mengaku dosanya kepadanya.

Adakah kamu juga seorang pencuri? Adakah kamu masih memegang segala dosa sebagai kepunyaan dirimu?

Mei 19

“Pada tengah malam ada orang jerit, ‘Pengantin lelaki sudah dekat; pergilah menyambutnya!’ ” (Matius 25:6)

* * *

Bumi berputar di atas paksi-nya. Tengah malam adalah masa apabila anda berada di bahagian bumi yang jauh sekali daripada matahari. Tengah malam bagi rohani adalah masa manusia meninggalkan Tuhan jauh sekali. Kita sedang mendekati tengah malam dan segala kejadian yang dahsyatnya.

Tetapi bagi anak-anak Tuhan, tengah malam bermakna lain. Pada tengah malam, anak-anak sulung orang Mesir mati, manakala umat pilihan mendapat kebebasan.

Tuan Yesus telah kata, “Apabila malam datang, tiada orang dapat bekerja lagi”(Yohanes 9:4). Tetapi sesuatu hal yang diumumkan sebagai mustahil di dalam Alkitab, tidak bermaknanya orang yang beriman juga tidak boleh. Yesus telah kata, “Segala sesuatu mungkin jadi bagi dia yang percaya.”(Markus 9:23)

Orang suci boleh bekerja pada tengah malam. Pada tengah malam Samson mendapat gerbang pintu kota

Gaza(Hakim-Hakim 16:3). Pada tengah malam, Rut mendapat perjanjian Boas: “Saya akan melakukan segala yang diminta kamu.”(Rut 3:11) Pada tengah malam, Paul dan Silas mendapat ketua penjara Filipi untuk Kristus (Rasul 16:25).

Pada tengah malam, umat Tuhan mendapat keuntungan rampasan terbesar mereka. Oleh sebab ini, penyajak berkata, “Pada tengah malam saya akan bangun dan bersyukur kepadaMu” (Mazmur 119:62).

Kita tidak takut kegelapan dunia. Kita terus kerja. Pengantin lelaki akan datang kelak. Kita tidak patut menemu-Nya dengan tangan kosong.

Mei 20

“Dengarlah hai orang yang menghina, kamu akan terkejut dan punah(binasa)...” (Rasul 13:41)

* * *

Paul sedang merujuk kata Habakuk 1:5, dan dengan kuasanya sebagai seorang rasul, menambah sepatah ayat terhadap seteru Injil: “punah.” Tuhan Yesus telah meramalkan kebinasaan Jerusalem. Dia mengutuk sepohon pokok ara dan pokok itu pun layu. Di sini juga, Paul memberi amaran bahawa negeri Yahudi akan punah -- dan negara itu pun binasa kelak. Baru sekarang saja Tuhan menunjukkan kesayangan-Nya semula, dan mengumpulkan orang-orang Israel yang berselerak itu kembali ke negara Yahudi.

Kita berasa hairan sebab rasul itu menyebut “punah!” Kita tahu Tuhan ini kasih. Memang betul. Tetapi Alkitab tidak sekali-kalinya kata bahawa Tuhan sajalah kasih. Kamu tidak dapat menghabiskan gambar Tuhan dengan satu perkataan. Bahkan untuk huraikan seorang manusia pun, kamu tidak sanggup menggunakan satu perkataan sahaja. Saya seorang Kristian, tetapi saya juga seorang lelaki, seorang yang tinggi, seorang pendeta, seorang pendosa, seorang bapa,

dan sebagainya. Jadi *kasih* adalah salah sejenis sifat Tuhan. Dia juga *jujur*, *murka*, dan *keras*. Alkitab menyebut perangai-perangai Tuhan ini sama jelas seperti kasih-Nya.

Orang Kristian ada kuasa untuk melepaskan seseorang daripada kuasa iblis, dan juga mengikat seseorang yang sedang mengancamkan orang lain. Dia dapat memberkati dan juga mengutuk. Kita kasih seteru-seteru kita sebagai peribadi, dan cuba menyelamatkan mereka. Tetapi kepada persatuan-persatuan yang menganiaya gereja, kita akan melafazkan “punah,” dan mereka pun punah.

Ingatlah berapa dahsyatnya Genghis Khan dan tentera Tartar-nya. Pada kurun ketiga belas, tanpa kapal terbang maju dan senjata atom, mereka dapat menjajah setengah Eropah, bermula dari Cina. Mereka saja ambil separuh masa yang diambil oleh Soviet Union untuk mendapat daerah yang sama besar itu. Tetapi Genghis Khan telah lenyap. Kita tidak takut akan berjuta-juta bom yang direka seteru-seteru Injil. Ingatlah Sulaiman Agung dan tentera Turki yang garangnya. Orang Kristian berdoa dan lafazkan “punah.” Musuh itu pun hapus. Senjata rohani adalah dahsyat. Sepatah ayat Petrus pun membawa maut kepada Ananias and Safira (dua Kristian yang tidak ikhlas itu).

Mei 21

“Memegang tetap kebenaran.” (Yesaya 56:1)

* * *

Seorang Kristian Yahudi (Levitin) yang telah dipenjarakan sepuluh tahun di Soviet, kata akan pertemuannya dengan seorang Kristian yang berfahaman keamanan. Levitin tanya si-pengaman ini: “Jika seorang pengganas sedang menyerang keluargamu, kenapa tidak merampas kapak daripada tangannya dan mengetuk kepala sendirinya?”

Pengaman itu jawab, “Ini dilarang di Kitab Suci. Yesus kata berilah muka kepada sesiapa yang menampar-mu.”

Levitin jawab, “Tetapi Yesus tidak ajar bahawa kamu patut membiarkan anak-anakmu dibunuh samseng?”

Levitin terus kata, “Apa yang betul apabila kamu diserang, menjadi bodoh apabila orang lain kena serang. Seorang yang berdiam-diam sedangkan orang lain dipukul, dan biarkah jirannya diserang, adalah seorang penakut dan berhati kecil. Ini tidak dapat dibetulkan dengan ajaran *enggan mempertahankan diri*. Seorang yang mendiamkan diri sedangkan kepalsuan menang

adalah seorang penakut ... Satu-satu sebabnya bagi kita mendiamkan diri apabila kita dihina, adalah untuk menumpulkan perhatian kita dalam melawan ketidakadilan, penipuan, dan kejahatan sedunia ini.”

Alkitab berkata, “Bahagialah orang yang lapar dan haus akan kebenaran.” Ini bukan saja bagi seseorang. Yudas tulis akan “keselamatan umum,” yaitu untuk semua orang. Setiap orang yang telah diselamatkan Yesus, patut bergelut untuk menyelamatkan semua, dan menjadikan prinsip Kristus memerintah sedunia.

Setiap Kristian yang tulen adalah pahlawan tentang kekejaman dan ketidakadilan. Oleh sebab ini mereka dianiayai. Jangan berpuas hati dengan keselamatan dirimu. Selamat juga orang lain.

“Kasih tidak berkelakuan biadab.” (1 Korintus 13:4,5)

* * *

Perkataan di atas biasanya dianggap sebagai seorang Kristian patut berkelakuan dengan sopan-santun. Tetapi Paul sendiri kadang-kala amat kasar. Demikian juga Tuan Yesus. Begitu juga dengan tokoh-tokoh pemulihan agama Kristian dan juga penentang-penentang mereka. Apabila takdir jemaah Kristian dan dunia sedang terancam, kesopanan boleh membawa kerosakan hebat.

Perkataan Yunani yang asli untuk ayat tersebut itu (1 Korintus 13:4,5) menggunakan “*aschemon*”. Maksudnya: “Kasih tidak berkelakuan tanpa rancangan.”

Kristus membezakan orang seperti seorang pakar pengajian haiwan. Dia mempunyai sesuatu sistem untuk seluruh manusia. Ada orang diambilnya sebagai “biri-biri”, ada sebagai “serigala,” ada pula “anjing,” dan ada juga “musang.” Dia tahu akan seekor binatang liar, seekor naga, dan seekor burung merpati yang terpilih. Kasih tidak bertindak tanpa rancangan, iaitu, tanpa sesuatu sistem.

Semua orang patut dikasihi, tetapi saya tidak menganggap seorang yang “berjenis biri-biri” sebagaimana dengan yang “berjenis serigala.” Saya tidak bertindak dengan seorang yang berpura-pura baik, bersama dengan seorang yang tulen; atau melayani seorang penindas sebagaimana dengan mangsanya. Celakalah kalau seorang gembala tidak tahu membuat pembezaan, dan melayani sama saja terhadap biri-biri, anjing, dan serigala. Kasih tidak bertindak sama kepada seorang suami yang baik dan seorang suami yang jahat, kepada seorang anak yang taat dan kepada anak yang biadab. Tindakan kasih bergantung kepada keadaan-keadaan.

Jika ada pegganas-peggnas menyerang seorang yang tidak bersalah, saya mungkin sayang mereka semua, tetapi saya akan cuba mempertahankan mangsa itu, dan akan menembak samseng itu jika perlu. Begitu juga ada bezanya kepada seorang yang menolong gereja dan seorang yang mengharamkannya, atau kepada mereka yang mempertahankan negara dirinya, dan kepada yang menyerang negara lain.

Kasih tidak melakukan tanpa sistem. Ia ada rancangannya.

Mei 23

“Jangan hiraukan Dia; mari kita lihat...” (Matius 27:49)

* * *

Ada sejenis kekerasan hati terhadap sengsara, yang tidak dapat dibetulkan atau ditukarkan.

Di bukit Tengkorak ada ramai yang menuntun penjenayah-penjenayah disalibkan orang. Mereka betul-betul dengar jeritan apabila tangan dan kaki banduan-banduan itu dipaku. Mereka mesti tahu juga bahawa di antara tiga orang yang tersalib itu, salah satu adalah orang yang terbaik. Jika tidak, Dia tidak akan berdoa untuk soldadu-soldadu yang menikamNya. Dan juga tidak akan peduli untuk membawa salah seorang perampas itu kepada Tuhan, sedangkan dirinya mengalami sakit yang lepas kata. Kini Yesus ini berteriak sebab putus asa, “Tuhanku, Tuhanku, kenapa Kau telah tinggalkan-Ku?”

Apanya balasan orang ramai? Mereka berkata satu sama lain, “Jangan hiraukan-Nya, mari kita lihat...” Mereka tidak fikir bagaimana untuk meringankan sengsara-Nya dengan memberi-Nya sedikit air, atau

sepatah kata kesayangan. “Biar begitu, mari kita nampak jika Elia akan datang untuk melepaskan-Nya.”

Elia adalah nama bagi seorang nabi dulu. Tetapi perkataan ini juga bermakna “Yehowah TuhanKu.” Di dalam maksud ini, setiap orang pun boleh jadi seorang Elia. Bila Tuhan Yesus berkata bahawa Yohanes Pembaptis itu seorang Elia, Dia pun bermaksud demikian. Jika kesayangan Tuhan Yehowah adalah tokoh hidup kita, kita pun tidak akan bersifat malas apabila nampak orang menderita.

Orang yang tanpa Tuhan di dalam hati, bersifat demikian, “Jangan hiraukan-Nya, mari kita lihat.” Ada orang sebegitu bila Yesus disalibkan. Mereka tidak berasa apa-apa. Manusia serupa ini juga tidak akan digerakkan oleh berita sengsara hari ini. Mereka telah takdir. Mereka tidak peduli jika saudara-saudari Yesus sedang lapar atau di dalam penjara. Kita menyerahkan mereka kepada hakim Tuhan.

Di antara orang-orang yang dipilih Tuhan, juga ada banyak yang berkeras hati. Janganlah berdiam begitu.

Mei 24

“Dia baik kepada orang yang tidak mengenang jasa dan kepada orang zalim.” (Lukas 6:35)

* * *

Salah satu hal yang elok sekali di dalam Alkitab ialah, ia tiada dua ayat: yang pertama, Yesus tidak pernah tanya sesiapa: “Apa dosa kamu? Berapa kali? Di bawah apa keadaan? Dengan siapa? Beritahu saya dosa kamu itu kecil, atau yang tidak bersengaja, atau jenayah yang hebat.” Sebaliknya, Alkitab memberitahu kita bahawa Yesus pergi kepada setiap orang dan kata, “Tenanglah hati, anak;” atau “Jangan risau, anak dara, dosamu telah diampuni.” Tanpa bertanya dosa mereka. Dia juga tak akan tanya masa lepas kamu.

Yang kedua, tiada sesiapa yang meminta maaf daripada Yesus, atau menunjukkan sesal hatinya. Selepas Makan Malam Terakhir, semua rasul pun melarikan diri kecuali Yohanes; Petrus menafikan Gurunya. Apabila mereka bertemu Yesus yang terbangkit itu, tentu baik untuk mereka berkata, “Kami amat bersesal hati.” Tetapi tiada seorang pun yang membuat begitu. Sebab sesiapa yang nampak muka Yesus telah nampak bahawa segala kesalahan mereka

telah diampuni. Di atas muka-Nya telah tertulis semua kefahaman dan kekasihannya, sehingga setiap orang boleh pasti tidak perlu kata apa-apa lagi. Kristus ingin keselamatan saya lebih daripada saya ingin diselamatkan. Dia ingin saya ke syurga lebih daripada saya ingin ke sana. Seorang mesti lari cepat baru dapat lepaskan diri daripada sayangnya.

Bergantung pada dua ayat yang tidak wujud ini. Percayalah Dia tidak akan memegang dosamu tentang kamu, dan hasrat-Nya adalah untuk faedah kamu.

Mei 25

“Lepaskan kebodohan dan hidup.” (Amsal 9:6)

* * *

Raja Lear kata, “Apabila kita dilahirkan, kita menangis sebab kita telah datang ke pentas si-bodoh ini.” Dia kata betul. Dia sendiri pun seorang yang bodoh sebab memberi semua hartanya kepada anak-anaknya terlalu awal. Dia patut tahu bahawa mereka diperanakkan dalam dosa, dan dalam dosa dikandung ibu (Mazmur 51:7).

Inilah dunia orang bodoh. Ia berkata jahat tentang yang Terbaik. Ia memanggil Yesus syaitan. Hamlet adalah betul dengan berkata, “Walaupun kamu bersih seperti salji, dan suci seperti ais batu, kamu tidak dapat mengelakkan diri daripada pemfitnahan.”

Othello memanggil Desdemona seorang pelacur. “Seorang pengemis dalam kemabukan-nya pun tidak akan memanggil sesiapa demikian.”

Juliet adalah bodoh. Dia memang boleh bermimpi pada umur empat belas. Saja dia tidak menyayangi seseorang dengan bijaksana. Dia berkata kepada Romeo, “Engkaulah dewa kerinduan-ku.” Bodohlah ini menjadikan kekasih kita sebagai dewa atau tuhan.

Kalau Juliet hidup setahun lebih, dia mungkin akan menukarkan tuhaninya.

Hamlet berkata kepada Ophelia, “Kahwinlah seorang bodoh. Sebab orang bijaksana tahu apa raksasa yang kamu akan menjadikan mereka.” Tetapi berapa lelaki yang bijak dan berwaspada?

Iago berkata tentang Cassius, “Jika saya boleh mengikat secawan padanya, dia pun akan jadi seorang yang suka bergaduh, bising seperti anjing puan-mu.” Pembuat arak telah berjaya mengikat banyak cawan di atas kita. Dunia ini telah mabuk.

Betapa baiknya Yesus menyuruh kita jangan menjadi anggota dunia ini. Kita sajalah seorang kembara dan pendatang di sini. Kita tidak mengambil bahagian dalam kebodohnya.

Mei 26

“Apa sahaja yang benar, apa sahaja yang mulia, apa sahaja yang adil, apa sahaja yang suci, apa sahaja yang indah, apa sahaja yang dipandang tinggi -- jika ada sesuatu yang baik dan jika ada sesuatu yang terpuji -- tumpukan fikiran kepadanya.” (Filipi 4:8)

* * *

Apabila Cleopas dan seorang rakan berjalan ke Emmaus, Yesus pun berjalan bersama mereka. Tetapi wajah-Nya telah bertukar. Mereka tidak dapat mengenali-Nya. Cleopas tanya Yesus, “Engkaukah satu-satunya orang di Jerusalem yang belum mengetahui peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dalam beberapa hari ini?” Yesus berkata, “Apakah yang telah berlaku?”(Lukas 24:18,19)

Yesus menunjukkan minat. Begitu banyak hal telah berlaku di Jerusalem dalam hari-hari terkini ini. Dua perampas telah disalibkan. Ada tidak salah seorang pengikut-Nya pergi melawat ibu-ibu mereka yang sedih itu? Adakah seorang akan pergi jumpa Pilatus untuk mayat dua perampas itu, supaya tidak ditinggalkan di atas salib dan di makan burung helang? Salah seorang perampas itu telah menjadi saudara seiman. Pengikut-

pengikut-Nya sekurang-kurang akan memastikan dia dapat dikebumikan dengan hormat? Dan bagaimana dengan algojo-algojo-Nya? Mereka juga memerlukan keselamatan. Akan-kah salah seorang pengikut Yesus mengasihi mereka dan menunjukkan mereka jalan keampunan?

Tiga hari telah lepas. Berapa banyak hal telah berlaku di Jerusalem pada masa itu? Mungkin ada keluarga yang terpecah, kecederaan, kematian, jenayah. Mungkin ada orang telah mengarang lagu pujian baru untuk Jehovah. Ada ibu yang telah menjaga anak-anak mereka. Ada orang telah pastikan saudara-saudari mereka dapat roti. Banyak hal telah berlaku pada tiga hari itu. “Apa hal?” tanya Yesus. Dia berminat dalam segala hal hidup manusia, kemuliaan dan dosa, keriang dan kesedihan. Dia ingin mengalami setiap hal dengan kita.

Ramai Kristian saja dibebankan dengan perhubungan diri mereka dengan Tuhan yang telah bangkit itu, yang boleh memberi mereka keamanan di sini dan syurga di dunia akan datang. Tetapi Kristus adalah hidup, iaitu hidup di-sekeliling kita. Apabila kamu nampak seorang saudara dalam kelaparan, kehausan, bogel, sakit, dan dijadikan hamba, kamu sedang nampak-Nya. Kamu bertemu-Nya setiap kali kamu jumpa seorang anak Tuhan.

Mei 27

“Ada yang bercuriga.” (Matius 28:17)

* * *

Curiga ada faedahnya. Bagaimana sains akan jadi jika Copernicus tidak curiga akan teori bahawa bumi adalah pusat alam semesta; atau jika Einstein tidak curiga akan sekalian betulnya geometri Euclid dan mekanik alam semesta? Apa akan jadi dengan agama jika Abraham tidak curiga akan sesuatu agama yang menyembah banyak tuhan, yang diwarisi-nya daripada datuk moyangnya? Atau jika rasul-rasul tidak curiga akan keputusan imam-imam besar negara mereka, bahawa Yesus adalah seorang yang dirasuk syaitan, yang tidak menghormati Tuhan?

Curiga adalah sah dan diperlukan. Curiga yang jujur lebih berhikmat daripada sesetengah keyakinan tanpa mengaji. Ramai orang yang beragama, yang pasti bahawa mereka akan masuk syurga, akan musnah. Ada juga pengkhutbah-pengkhutbah yang akan berkata kepada Tuhan apabila Dia kembali, “Tuan, Tuan, bukankah kita telah bernubuat dalam nama Kamu, menghalaukan iblis dalam nama-Mu, dan melakukan banyak mukjizat dalam nama-Mu?” Dan Yesus akan

jawab, “Saya tidak kenali kamu sekalian; pergilah daripada Saya, kamu yang melakukan kejahatan” (Matius 7:22,23).

Selain daripada mendesakkan bahawa kamu tahu Tuhan, sedangkan kamu saja ada impian demikian, lebih baik menjadi seorang pencari. Pencari Tuhan adalah selamat. Curiga yang jujur adalah sejenis pencarian. Tetapi ini juga satu kesengsaraan jiwa. “Seperti rusa rindu akan air sungai, begitulah rindunya jiwaku kepadaMu, Tuhan”(Mazmur 42:1). Rusa tidak rindu akan khutbah-khutbah dan buku-buku berkenaan air. Ia tidak minat dalam perbincangan akan bagaimana untuk selesaikan kehausan. Pujian tertinggi akan kesejukan dan kecantikan air pun tidak akan memuaskan seorang yang dahaga; penghuraian kimia air pun tak guna. Kita mesti ada air sendiri.

Begitu juga seorang pencari Tuhan. Ramai menangis banyak sebab mereka telah kehilangan kekayaan atau seorang anak, atau ibu tua. Berapa orang pernah melepaskan setitik air mata sebab tidak dapat berjumpa Tuhan? Berapa yang berkata daripada hati, kata mazmur itu: “Jiwaku dahaga akan Tuhan, untuk Tuhan yang hidup... Air mataku telah menjadi makananku siang dan malam”(Mazmur 42:2,3)?

Mei 28

“Kuat di dalam Tuhan dan di dalam kekuatan kuasa-Nya.”(Efesus 6:10)

* * *

Di Amerika Syarikat, sekurang-kurang sepuluh peratus kanak-kanak di sekolah ada disleksia, sejenis keadaan otak yang menghalangkan kebolehan mereka untuk baca, ejaan, atau menulis dengan betul. Jumlah peratus di negara-negara maju lain pun mesti berhampiran. Lapan puluh peratus banduan penjara di Amerika ada disleksia. Ada yang dapat kecacatan ini melalui warisan, yang menyebabkan kamu susah mengendalikan huruf-huruf abjad dan angka. Perkataan “musuh” boleh di anggap sebagai “musang.” “a” boleh tukar jadi “u”; sekumpulan angka nombor 1-2-3 mungkin jadi 213.

Kemarahan dan keputusan asa akibat kegagalan pelajaran boleh menyebabkan seseorang melakukan jenayah dan menjadi anti-masyarakat.

Tetapi seorang tidak perlu jadi begitu. Nelson Rockefeller, naik presiden Amerika Syarikat dulu, kata bahawa dia juga ada kesusahan ini seumur hidupnya. “Saya kena membaca terbalik. Saya nampak nombor

dari belakang. Bahkan kadang-kadang saya pun fikir dari belakang -- itulah yang teruk sekali.” Seumur hidup pun dia tidak pernah mengeja dengan baik, tetapi dia mengatasi kesusahan itu saja dengan banyak percubaan. Edison juga disleksia. Ini tidak menghalangkannya menjadi pereka yang agung sekali. Jeneral Patton juga tidak dapat membaca perkataan cetakan sampai umur dua belas. Presiden Wilson juga disleksia. Begitu juga Albert Einstein, saintis yang namanya dianggap sebagai nama alam semesta ini.

Anak-anak patut diberi dua jenis perubatan yang penting: vitamin M dan U, yang biasanya kekurangan di antara kanak-kanak masa sekarang: iaitu vitamin Moral dan Ugama. Budak-budak patut diajar bahawa mereka ada tugas moral untuk berjaya; iaitu mencapai sesuatu yang berguna di dalam hidup. Mereka juga patut diajar bahawa ada Tuhan yang Esa, yang akan menolong mereka mengatasi kekurangan disleksia, dan juga kekurangan lain.

Kamu boleh mengatasi kelemahan dirimu juga.

Mei 29

“Kamu telah menjadikannya (manusia) sedikit rendah daripada malaikat-malaikat.” (Mazmur 8:5)

* * *

Sigmund Freud, pengasas psikoanalisis, sentiasa membangga diri sebab dia telah “berjaya buangkan mahkota manusia semua sekali.”

Manusia pernah dianggap sebagai mahkota makhluk-makhluk Tuhan. Kemudian Copernicus menunjukkan bahawa kediaman manusia, bumi, bukanlah di tengah segala alam semesta. Matahari kita sajalah salah se-biji bintang di antara berjuta-juta bintang, yang kebanyakannya jauh lebih besar daripada matahari kita. Copernicus seorang Kristian, dan selepas pertemuannya, dia terus percaya Tuhan. Tetapi orang lain mendapat keputusan bahawa oleh sebab bumi semua sekali tidak penting di dalam alam semesta (iaitu, jika bumi hilang di alam semesta ini, alam semesta akan tinggal serupa dulu. Sebab bumi terlalu kecil. Kehilangannya sukar disedari pun), jadi, manusia pun bukan istimewa.

Selepas pertemuan Copernicus, Darwin dikatakan telah menunjukkan bahawa manusia bukanlah sesuatu

yang luar biasa, yang dapat bersembang dengan Tuhan. Mengikuti dugaan Darwin, manusia sajalah salah satu kejadian nasib evolusi, sama seperti gorila dan cimpanzi. Inilah hentam kedua kepada kemuliaan manusia.

Kalau kita memang dijadikan mengikuti nasib, saja bahan dan bukan roh, saja binatang, yang saja tahu makan dan ada seks -- bagaimana datangnya pertentangan teori-teori itu? Adakah beruk dan lembu marah sebab dipanggil sedemikian? Adakah semut benci sebab kamu tidak memanggil mereka gajah? Kenapa manusia saja yang ada impian bahawa dia adalah kekasih Tuhan dan berbeza daripada segala binatang? Dari mana-nya datang suara hati baik dan keinginan kuat untuk mencapai kemuncak rohani?

“Tuhan telah menjadikan orang di dalam corak diri-Nya”(Kejadian 1:27). tiada apa-apa makhluk yang dapat dikatakan demikian. Tuhan telah memahkotai manusia dengan “kemuliaan dan kehormatan” (Mazmur 8:5). Manusia adalah mahkota segala ciptaan. Apabila Tuhan ingin menjadi jasmani, Dia pun menjadi seorang manusia di atas bumi kita. Bagi kita manusialah seorang bayi telah diberikan, dan di antara nama-namanya adalah Tuhan perkasa dan Bapa Abadi. (Yesaya 9:6)

Percaya pada keistimewaan-mu dan panggilan agung-mu. Biarlah rupa Tuhan dinampak di dalammu. Biarlah cahaya-mu bersinar, supaya orang dapat memuji Bapa.

Mei 30

“Ada tujuh tahun yang lumayan akan datang ke semua tanah Mesir.” (Kejadian 41:29)

* * *

Kenapa Mesir dapat berkat yang begitu hebat itu? Kenapa ia dapat hasil yang amat banyak dan dapat amaran kemarau beberapa tahun sebelumnya? Ada tiga sebabnya:

1) Firaun pada masa itu adalah raja bukan saja pada masa banggunya. Di bawah sedar-nya juga dipenuhi dengan hal-hal yang berkenaan kebajikan rakyatnya. Bahkan mimpinya juga.

Setiap Kristian adalah seorang raja. Luther kata, “Seorang Kristian adalah seorang raja yang bebas, tidak perlu takluk kepada sesiapa pun.” Tetapi seorang Kristian mestilah seorang raja yang berkasih dan suka melayani. Jadi, Luther bertambah, “Seorang Kristian adalah seorang pelayan, yang sudi mengambil arahan daripada setiap orang.”

Seorang Kristian tidak cuba menyelamatkan jiwa orang; tidak sukar baginya mementingkan keuntungan gereja. Kepercayaan Kristiannya telah masuk ke dalam

batinnya. Dia adalah seorang pemenang jiwa, seorang yang mendahului kerajaan Tuhan.

2) Firaun, pemimpi yang baik, bertemu dengan seorang pemimpi segala pemimpi, Yusuf, dan bersatu dengannya. Kamu pun buat demikian.

3) Firaun semua sekali tidak prasangka. Dia panggil ke dalam istananya seorang asing yang berkulit lain, seorang yang rupanya beragama aneh, seorang yang sembahyang kepada Tuhan yang tidak nampak, bahkan seorang banduan dengan nama buruk. Tuduhan yang menyebabkannya dipenjarakan ialah cuba merogol.

Tetapi bagi Firaun, setiap orang pun boleh digunakan untuk kebajikan negara. Orang yang pernah ada jenayah semalam mungkin hari ini telah jadi orang baru. Tambah pula, siapa tahu jika tuduhan tentang Yusuf itu benar? Pemilik-pemilik hamba seperti Potifar biasa penjarakan hamba-hamba mereka tanpa penyiasatan yang adil.

Kepenuhan tiga keadaan itu memberi Mesir hasil lumayan bagi diri mereka, dan juga jiran-jiran mereka pada masa kemarau.

Sifat-sifat tersebut ini akan menjadikan kamu seorang pemenang juga.

“Segala pun sia-sia.”(Pengkhotbah 1:2)

* * *

Apabila Korintus sedang dikepung oleh raja Filip dari Makidonia, setiap orang di dalam kota itu pun berusaha untuk menahan. Ada yang memperbaiki tembok; ada memanah atau melembing. Diogenes, ahli falsafah, menjadi bergiat juga. Dia menolak sebuah tong besar di jalan raya, pergi dan balik. Orang tanyanya kenapa, dia jawab, “Baik, saya tidak mahu jadi orang yang malas sedangkan semua orang pun berusaha.”

“Tapi orang lain membuat sesuatu yang berguna untuk kota ini, bukan kamu,” orang memberitahunya.

Tetapi Diogenes terus menolak tongnya dengan bersungguh-sungguh. Dia menganggap segala kerja orang lain pun kurang bermakna seperti dirinya. Korintus dan Makidonia akan lenyap, tidak kira siapa yang menang perjuangan ini. Askar-askar kedua-dua pihak pun akan mati juga, yang menang atau pun yang kalah. Selepas beberapa kurun, siapa lagi peduli akan hal-hal rumit peperangan ini? Adakah siapa yang masih ingat nama-nama pejuang itu hari ini? Jika dipandang dari segi abadi, penduduk-penduduk kota itu pada masa

peperangan itu sedang sibuk dengan perkara yang sia-sia, sama seperti menolak tong kosong di jalan raya.

Di dalam dunia ini, setiap hal pun akan melepas, hanya satu yang meninggal: iaitu apa yang dilakukan Kristus yang Esa itu di bukit Tengkorak. Kerja-kerja lain akhirnya akan runtuh. Salib Kristus menyelamatkan pendosa, memberi mereka keabadian yang dipunyai Anak Tuhan.

Berkenaan salib Kristus, Yohanes Chrysostom berkata, “Itulah kehendak Bapa, kemuliaan Anak, keriang Roh, mutiara malaikat-malaikat, keyakinan yang beriman, kehormatan Paul.”

Jangan menghina mereka yang membuang masa dalam hiburan, sedangkan kerja-kerja yang sungguh sekali kamu itu tidak akan membawa kesan yang lebih baik untuk abadi. Khidmat Kristus, yang tersalib dan yang terbangkit itu. Inilah satu-satu kerja yang bukan sia-sia.

Jun 1

“Para penasihat dan ahli sihir telah disuruh membaca dan mentafsirkan tulisan itu, tetapi mereka tidak dapat.”(Daniel 5:15)

* * *

Apabila Raja Belsyazar dari Babel sedang jamuan bersama pegawai-pegawainya dan juga wanita-wanita, sesuatu mesej dalam bahasa Aramaic muncul di atas dinding. Raja terkejut dan waras. Dia pun memberi titah supaya penasihat-penasihatnya menerangkan hal yang luar biasa ini. Tetapi tiada seorang pun dapat menterjemahkan itu. Raja pun panggil Daniel dan beradu kepadanya bahawa penasihat-penasihatnya tidak tahu Aramaic.

Inilah bahasa orang Yahudi. Bangsa yang ditakluk dari Israel itu telah menjadi bangsa kecil yang penting di Babel, menyembahkan seorang perdana menteri dan ramai pemimpin politik. Tetapi tiada seorang pun daripada pakar-pakar Babel hendak belajar bahasa atau agama Yahudi ini. Seteru Babel, orang Medes dan Parsi, telah masuk ke dalam kota itu secara sulit sedangkan raja dan pegawai-pegawainya jamuan. Malam itu raja Belsyazar pun dibunuh, kerajaan

agungnya pun terjatuh. Orang “bijak” Babel kurang hikmat. Mereka tidak tahu bahaya telah dekat, dan tidak dapat memberi amaran kepada raja mereka.

Kita nampak kejahilan pegawai-pegawai Babel dulu itu sedang berulang pada hari ini. Orang yang bijak hari ini -- ramai adalah pemimpin-pemimpin gereja -- ada cukup cerdik untuk mendapat kedudukan tinggi dan keuntungan dan nama. Tetapi mereka kekurangan fahaman akan orang yang sepatutnya dibawa mereka kepada Kristus, atau pun menyedari kuasa yang sedang mengancam gereja. Orang “bijak” hari ini, pemimpin rohani, rupanya tidak sedar akan bahayanya Islam yang fanatik, fahaman komunis, dan sebaran fahaman duniawi kepada agama Kristian.

Amaran kepada Raja Belsyazar adalah ditulis dengan jari manusia di atas dinding. Amaran kepada dunia bebas hari ini adalah ditulis dalam darah, tetapi orang bijak kita masih tidak dapat membacanya.

Jun 2

“Bersama semua saudara-saudari di sini.” (Galatia 1:2)

* * *

Paul telah mengambil keputusan untuk menulis sepucuk surat kepada gereja di Galatia. Apa yang dituliskannya adalah Firman Tuhan abadi yang akan mengajar Kristian sampai keujung dunia. Di dalam hal seperti itu, kamu tidak akan menulis pikiran peribadimu. Kamu akan bersatu dengan segala saudara-saudari. Ada sejenis iman yang telah diberikan orang salih --iman yang dipegang semua saudara di semua tempat dan semua masa. Hanya dalam perhubungan dengan semua orang salih baru dapat seorang menulis kebenaran yang abadi. Oleh sebab itu, Paul pun menulis suratnya kepada orang Galatia dengan “segala saudara-saudari” yang bersamanya.

Salah seorang saudara yang Paul bergantung hebat sekali adalah abangnya Yesus. Orang-orang salih yang telah dimuliakan juga bersama kita.

Apabila Yesus bertutur dengan Musa dan Elijah di bukit Penukaran, Dia meminta pengikut-pengikutnya jangan memberitahu hal itu kepada sesiapa pun. Tidak

ada orang yang telah jumpa seorang kawan akan berkata kepada rakannya, “Tahu tidak, tadi saya jumpa seorang yang berhidung.” Ada hidung bukanlah luar biasa. Orang saja suka kata apa yang luar biasa, tetapi Yesus harap kita menganggap diri kita terus berhubung dengan orang salih yang telah meninggal.

Kita menentangi acara bomoh, iaitu perhubungan dengan roh orang yang sudah mati. Kita tidak ingin berasa kedekatan mereka. Tetapi kita percaya bahawa orang salih yang telah pergi kepada Tuhan adalah berdekatan kita.

Alkitab berkata, “Kita dikelilingi dengan sebegitu ramai saksi”(Ibrani 12:1). Adalah dikatakan apabila John Chrysostom sedang menulis khutbahnya, seorang Kristian nampak Paul dan Yohanes berdiri di tepinya, membisik pendapat-pendapat dekat telinganya. Orang yang telah menjadi seperti budak-budak boleh percaya cerita ini. Pengalaman seperti ini tidak disebut banyak sebab banyak sebutan bererti kita tidak percaya perhubungan dengan orang salih dulu adalah kejadian harian.

Marilah kita menulis surat kita “bersama dengan saudara-saudari yang ada dekat kita.”

Jun 3

“Seorang ada...”(Lukas 15:11)

* * *

Alkitab adalah wahyu Tuhan. “Wahyu” dalam bahasa Latin ada dua makna. Iaitu membongkar sesuatu rahsia, atau menyembunyikan sesuatu di belakang tudung.

Sejak permulaan, ada sebahagian firman Tuhan diberikan kita melalui bahasa Yunani, sesuatu bahasa yang disebut oleh Yesus juga. Jadi, firman yang disampaikan kepada kita dalam bahasa Malaysia itu adalah di belakang “tudung” terjemahan. Terjemahan tidak dapat membawa makna yang sepenuhnya. Bahkan bahasa Ibrani di Perjanjian Lama juga menudungi fikiran Tuhan, dengan membungkus titah Tertinggi ke dalam bahasa manusia yang amat sempit. Maksud Alkitab adalah untuk membangkitkan di dalam hati kita keinginan untuk keadaan berkat apabila kita bertemu Tuhan, dan tiada lagi perhubungan antara manusia dengan perkataan yang tidak sesuai untuk menunjukkan fikiran tertinggi -- sebagaimana pada kehabisan dunia.

Yesus berkata bahasa Aram, sejenis cakapan Ibrani. Baik dalam Aram mahupun Ibrani tiada perkataan

“ada”. Yesus tidak pernah mengatakan perkataan ini. Yesus tidak pernah kata apa-apa yang Dia “mempunyai”. Jadi Dia segalanya bersukacita apabila orang membuka baju-Nya dan memukul-Nya dengan cemeti. Dia tidak pernah kata baju-Nya itu kepunyaan-Nya. Dia tidak juga mempunyai sesuatu tubuh. Tubuh yang disiksa mereka itu bukan kepunyaan-Nya. Dia tidak mempunyai apa-apa. Yesus telah menyerahkan tubuh-Nya kepada Bapa-Nya sebagai persembahan hidup sebelum orang membunuh-Nya.

Dia mengajar pengikut-pengikut pertamanya berfikir secara ini. “Tiada sesiapa pun yang kata ada apa-apa barang kepunyaan dirinya”(Rasul 4:32). Semua sesuatu adalah kepunyaan Tuhan dan kita sajalah penjaga-penjaga. Tuhan berhak mengambil balik bila-bila pun, termasuk kesihatan kita, kekayaan, seorang anak kekasih kita, nama baik kita, seorang rakan karib, dan kemasyhuran. Kita saja disuruh menjaga segala itu. Jika masa telah genap, benda-benda atau nama baik kita itu pun akan di ambil balik-Nya, dan kita tiada apa-apa kerugian pun. Semua itu bukan harta kita. Inilah satu keriangian hidupan Kristian. Semua Kristian pun “tiada” dan tidak ingin untuk “mempunyai.” Orang yang mempunyai, akan bimbang akan kehilangan. Bagi kita itu tidak ada kemungkinan. Hidup kita dipenuhi tenteram.

Jun 4

“Kamu bukan lagi abdi tetapi anak; dan sebagai anak, Allah telah menjadikan kamu waris-Nya.”(Galatia 4:7)

* * *

Sejak DNA dijumpai, kita tahu hal-hal yang baru berkenaan warisan. Kita tahu bahawa kecondongan yang tidak dapat ditahani telah diberikan kita daripada nenek-moyang kita, baik yang elok mahupun yang buruk. Di kalangan roh juga demikian. Apabila kita dilahirkan di dalam keluarga-Nya, Tuhanlah Bapa tulen kita. Kita pun mewarisi daripada Tuhan bukan saja kerajaan-Nya, tetapi juga sifat-Nya. Benih Tuhan ada di dalam kita(1 Yohanes 3:9).

Anak-anak bangsa English akan bercakap English; anak-anak Romania pun bercakap bahasa Romania. Anak-anak Tuhan juga akan berkata firman Tuhan. Petrus berkata di dalam surat pertamanya, “Jika ada orang bertutur, biarlah dia bertutur seperti firman Tuhan”(4:11). Jika seorang adalah anak Tuhan, katanya atau tulisannya sepatutnya firman Tuhan. Jika tidak, lebih baik jangan berkata atau menulis.

Kita semua patut berkata seperti Paul, “Kamu menerima saya seperti malaikat Tuhan, bahkan seperti

Kristus Yesus”(Galatia 4:14). Inilah caranya menerima seseorang yang berkata seperti firman Tuhan.

Seorang saudari Sweden menulis bahawa selepas dia siap terjemah sebuah buku Kristian, seorang malaikat muncul dan mengucap syukur kepadanya. Sesetengah Kristian akan bersenyum akan kisah itu. Tetapi jika saya tidak percaya muka surat pertama Perjanjian Baru, yang berkata akan kemunculan malaikat, saya pun tidak akan buang masa dalam agama Kristian. Kamu akan dapat kepujian para Kristian dan malaikat-malaikat apabila kamu bertutur seperti firman Tuhan.

Jun 5

“Pergilah ke seluruh dunia, dan sebarkan Injil kepada setiap insan.”(Markus 16:15)

* * *

Jika seorang berdiri di tepi jalan dan nampak seluruh penduduk Cina berjalan lalu, sesaat seorang, dia kena berdiri dua puluh tahun baru nampak orang yang terakhir. Fahaman Lenin yang keras sekali sedang memerintah bangsa ini. Lenin menulis, “Apa-apa pun boleh dilakukan untuk menghapuskan sistem pemerasan.” Mengikut Lenin, agama juga sebahagian sistem pemerasan, dan mesti dihapuskan.

Tetapi di negara Cina terdapat Kristian-Kristian yang tidak takut mati. Itulah jalannya untuk masuk ke dalam pelukan Kekasih Syurgawi kita dan mendapat ciuman suci-Nya. Ada sesuatu laporan telah datang dari negeri Hunan(di tengah Cina). Seorang pengkhutbah telah digantung oleh Komunis, tetapi ahli-ahli parti itu meninggalkan tempat itu terlalu awal. Saudara-saudari sempat menurunkan paderi itu dan memulihkannya. Dia kata apabila dia digantung di atas dahan pokok, semua yang dapat difikir-nya adalah Tuhan kita tergantung di atas salib.

Berdoalah untuk segala rakyat Cina dan untuk gerejanya. Tuhan sayang orang Cina, buktinya ialah Dia telah mencipta begitu ramai orang Cina -- 800 juta.(nota)

Nota: Buku ini ditulis pada 1973.

Jun 6

“Buatlah baik kepada orang yang benci kamu.”(Lukas 6:27)

* * *

St Patrick memulai “*Pengakuan*”nya dengan kata ini, “Saya, Patrick, seorang pendosa, yang terhina dan terkecil di antara orang salih.”

Pada kurun ke empat, sebagai seorang British, Patrick telah ditawan orang Iris dalam satu perampasan. Dia dijadikan seorang abdi. Dia dipaksa menjaga biri-biri tuannya, selalu lapar dan bogel. Kekejaman mereka saja menimbulkan kasih kebodohnya terhadap tuannya.

Pada akhirnya dia berjaya melarikan diri dan kembali ke England. Tidak lama kemudian, dia dapat satu mimpi: seorang Iris datang kepadanya dengan sepucuk surat. Patrick membaca “*suara orang Ireland*” itu dan dengar ramai suara orang Ireland merayu: “Datanglah kepada kami, pemuda yang suci! Berjalan semula di antara kami!”

Bagi seorang hamba yang telah melarikan diri, ditangkap semula bererti mati. Tetapi Patrick kasih, jadi dia tidak peduli bahaya. Dia mengaku dosanya kepada

seorang pendeta. Jadi dosanya pun diketahui ramai, dan jemaah Kristian pun enggan menghantarnya balik ke Ireland. Dia pun pulang ke Ireland dengan sendiri, dan membawa tuan dulunya kepada Kristus.

Marilah kita juga membawa penganiaya-penganiaya kepada Juru-selamat. Ingatlah siapa yang pernah menyalahkan kamu teramat sekali, dan berusaha untuk membawanya pulang.

Jun 7

“Masuklah ke dalam bilik-mu.”(Matius 6:6)

* * *

Guru-guru ilmu jiwa telah memberi orang nasihat yang tidak semula-jadi.

Marcus Aurelius menulis, “Ramai orang mengambil cuti di pantai laut, di atas gunung, atau di desa yang jauh dari bandaraya... inilah kebodohan, sebab, bila-bila saja kamu hendak, kamu boleh masuk ke dalam hati dirimu. Tiada mana-mana yang lebih sunyi dan tenteram daripada jiwamu sendiri.” Memang kamu boleh dapat tenteram sedangkan berada di tempat bising, tetapi itu akan ambil banyak tenaga.

Kenapa tidak mengikut nasihat dan contoh Tuan Yesus, dan pergi berdoa di gurun pasir atau di atas bukit? Jika itu tidak kemungkinan, kenapa tidak masuk ke dalam bilik dirimu?

Bunyi-bunyi masa teknologi ini adalah sebahagian rancangan tentang kerohanian. Radio dan televisyen, di antara alat-alat yang lain, memastikan kamu tidak dapat sedikit kesunyian. Kekasih dan rakan-rakan telah lupa bagaimana untuk duduk bersama dalam kesunyian, atau

berjalan bersama tanpa kata. Lebih daripada 80% cakapan atau tulisan adalah sia-sia.

Di dalam bahasa Ibrani, yang Tuhan memberi wahyu pertamanya, tiada perkataan untuk “perkataan.” Dengan bahasa inilah Firman Tuhan telah diberikan, tetapi kamu tidak dapat sebut itu dalam Ibrani. Mereka menggunakan “*davar* דָּוָר” untuk “perkataan”, yang bermakna “*hal yang benar.*”

Biarlah kita saja berkata dan mendengar perkataan yang bukan sia-sia, melainkan kebenaran.

Di dalam Ibrani, permulaan Injil Yohanes ialah, “Pada mulanya ada hal-hal yang benar(*davar*), dan hal benar itu bersama Tuhan, dan hal benar itu Tuhan.”

Selain daripada membuang masa dalam hal-hal yang tidak penting, biarlah kita membelanja masa dalam perhubungan sunyi dengan Tuhan.

Jun 8

“Kamu dapat berkata kepada bukit ini,
‘Terangkatlah dan terbuang-lah ke dalam laut!’ Jika
kamu tidak ragu-ragu, tetapi percaya bahawa apa yang
kamu katakan itu akan berlaku, perkara itu pun akan
dilakukan untuk kamu.’ ”(Markus 11:23)

* * *

Yesus berkata ayat tersebut di atas jalan di antara
Jerusalem dan Betania. Kawasan itu rata, tiada bukit.
Apabila Dia kata “bukit ini,” Dia tidak dapat menunjuk
mana-mana bukit yang menghalang jalannya.

Gunung-gunung kesusahan dan bantahan semua
berada di dalam keinginan kita. Kita ada perjanjian ini:
“Tiada apa yang dapat haramkan kamu” (Lukas 10:19)
dan *“Semua perkara pun bekerja sama-sama untuk
kebaikan mereka yang kasih Tuhan”* (Roma 8:28).
Benda-benda dan kejadian-kejadian di luar tidak akan
sentuh jiwa kita, melainkan tertinggal di luar pintu. Apa
yang menyusahkan kita adalah fikiran kita dan
pandangan kita terhadap orang dan kejadian. Kepada
bantahan ini kita ada kuasa. Kita boleh buangkan semua
itu ke dalam laut.

Keadaan di mana Tuan Yesus katakan ayat-ayat itu menunjukkan bahawa halangan itu bukan bukit jasmani. Peta dunia ini akan menjadi huru-hara jika setiap pengikut Yesus pun berkuasa menggerakkan gunung-gunung sesuka hati.

Biarlah kejadian datang. Biarlah orang bertindak keras terhadap kamu. Jangan menganggap apa-apa pun sebagai kesusahan atau gunung di atas jalanmu. Dua tambah dua jadi empat. Buah-buahan ada air di dalam. Manusia kadang-kadang berlaku jahat. Kejadian boleh jadi kurang menarik hati. Tetapi semua itu akan kerja untuk keuntungan saya. Kesusahan di atas jalan syurgawi itu sajalah khayalan. Itu saya boleh membuang.

Jun 9

Simon menjawab, “Tuan, semalaman kami cuba sedaya upaya dan tidak dapat tangkap apa-apa. Walaupun begitu, mengikut kata tuan, aku akan menebarkan jala.” (Lukas 5:5)

* * *

William Chalmers Burns pergi menginjil di Cina pada tahun 1847. Selepas tujuh tahun dia menulis, “*Saya tidak tahu ada satu jiwa yang dibawa kepada Kristus melalui saya.*” Tuhan sedang memberinya pelajaran kesabaran.

Menjala ikan pada 2,000 tahun dulu adalah kerja yang susah. Jika kamu telah berusaha sepanjang malam tanpa hasil, kamu lagi nak cuba kah? Keletihan dan fikiran logik kita akan membantah. Tetapi ada satu perkataan yang luar biasa, “*walaupun begitu.*” Simon Petrus menurunkan jala semula lagi dan tidak juga rehat selepas hasil yang mukjizat itu. Bersama rakan-rakannya, mereka membawa perahu ke tepi pantai dan tidak pergi tidur. “*Mereka... mengikut-Nya*” (Lukas 5:11).

Kita sepatutnya meneruskan kerja kita walaupun mengalami hasil yang kurang puas hati, atau peristiwa yang tidak seronok.

Ketua biskop Fenelon menulis, “Jika seorang tidak dibantu iman, dia akan berasa susah untuk meneruskan kerjanya. *Begitu nipisnya kejayaan kita*, baik dalam usaha untuk mendapati orang lain ataupun mengubah tabiat buruk diri kita.”

Saya adalah presiden sebuah misi sedunia. Saya dibawa kepada Kristus oleh seorang tukang kayu, Wolfes, yang telah berdoa bertahun-tahun -- tanpa hasil -- untuk membawa seorang Yahudi kepada Kristus. Tuhan mengurniakan: isteriku dan saya. Kami pun membawa Yahudi lain; dan mereka pun membawa lebih orang. Akibatnya kini terdapat beberapa jemaah Ibrani di bandar-bandar Israel. Ada sekali sedangkan saya mengisahkan hidup diri saya di sebuah pekan di Romania, saya nampak seorang yang amat tua sedang menangis. Akhirnya saya dapat dengar daripadanya, bahawa dialah bapa iman kepada Wolfkes. Dia kata, “Saya ingin bahawa saya telah membuang seumur hidup dengan sia-sia. Selepas dengar ucapan kamu, barulah saya sedar bahawa saya telah menjadi datuk iman kepada ramai Yahudi.” Kamu juga teruskan jawatan-mu, *walaupun rupanya kurang berkesan sekali.*

Jun 10

“Kristus-lah hidup kita...”(Kolose 3:4)

* * *

Perhubungan antara Yesus dengan seorang pemuja adalah istimewa dan sukar diterangkan, sebab tiada contoh yang betul-betulnya sesuai. Di dalam pemindahan darah, darah seorang menjadi darah orang lain. Jika penerima itu tercedera kemudian, darah yang mengalir keluar dari luka-lukanya bukanlah darah penderma, melainkan darah penerima. Sebab darah itu telah jadi darahnya. Serupa juga dengan pemindahan jantung, jantung itu sudah jadi jantung tuan baru, bukan lagi jantung si mati itu. Begitu juga di antara Yesus dan jiwa pemujanya. Pemuja itu sudah mati, yang hidup adalah Yesus.

Luther menulis demikian: “Tuhan Bapa berkata kepada Kristus, ‘Kamu telah menjadi Petrus yang menafikan tuannya, Saul yang menganiayai orang yang tidak bersalah, Yudas yang mengkhianati gurunya, dan Magdalene yang berdosa.’ Jadi undang-undang nampak Yesus penuh dengan dosa dan patut dihukum mati. Yesus telah menjadi pembunuh yang terbesar, pencuri, pemohong, penzina yang begitu teruknya, yang belum

ditemui sejak permulaan dunia. Bukan sebab Dia telah lakukan itu, melainkan sebab dia telah mengambil semua itu kepada dirinya.”

Dia telah dijadikan peribadi dosa saya. Untuk penggantian, Yesus pun memberi saya peribadi-Nya. Di dalam penerangannya akan Surat Galatia, Luther berkata dengan berani: “Orang Kristian adalah Kristus.”

Di sini Luther berkata betul. Guru-guru agama Kristian yang agung sekali semua mengajar serupa. Ignatius menulis, “Kristus adalah hidup kita yang tidak dapat dipisahkan.” Thomas Aquinas kata bahawa Kristus dan para Kristian adalah “quasi one mystical person.”(Seorang yang aneh) Ajaran Scot(Craig’s) : “Kristus bukanlah seorang lain daripada pemujanya.”

Pada masa dulu, Yesus disalibkan. Pada masa kini, bila-bila seorang pengikut-Nya disalibkan, Kristus yang menderita. Semua sengsara-mu adalah sengsara-Nya.

Jun 11

“Tuan, ajarlah kami berdoa.” (Lukas 11:1)

* * *

St Francis dari Assisi begini:

“Tuan!

“Jadikan saya alat keamanan-Mu;

“Di mana ada kebencian, biar saya menabur kasih;

“Di mana ada curiga, biar saya membawa iman;

“Di mana ada keputusan asa, beri harapan;

“Di mana ada kegelapan, cahaya;

“Dan di mana ada kecewa, bawa gembira.

“Tuan yang Suci, berilah saya jangan mencari ketenangan bagi diriku, sebaliknya memberi ketenangan kepada orang lain; tidak ingin difahami, melainkan memahami; tidak ingin dikasihi, melainkan mengasih; sebab dengan memberi kita mendapat, dengan maaf kita dapat di-maaf, dan dengan mati kita dapat kelahiran di hidup abadi.”

Kenapa kebanyakan kita tidak bertindak sebegitu? Ini sebab kita masih ada “saya.” Di dalam Inggeris, semua kata ganti diri ditulis dengan huruf kecil kecuali

saya (I). Dengan mempunyai “I” itu, banyak hal yang tidak seronok boleh terjadi, dan saya pun menjadi muram dan tidak mengasihi. Jika kamu tiada “*saya*,” apa kejahatan yang dapat terjatuh kepadamu?

Oleh sebab ini Tuan Yesus kata, “Jika ada orang hendak ikut saya, biarlah dia menafikan dirinya” -- iaitu menafikan “*saya*.” Saya saja dapat di-selamat apabila tiada *saya* untuk di-selamat.

Jun 12

“Satu saja yang diperlukan.” (Lukas 10:42)

* * *

Pengaduan terbesar yang kita selalu dengar ialah:
“*Aku tiada masa*”.

Memang begitu, sebab seperti Martha, kita sibuk dengan banyak hal. Kamu tidak pernah dengar Maria kata bahawa dia kekurangan masa. Dia saja melakukan satu hal: mendengar Kekasihnya dan membuat satu hal yang disuruh-Nya. Yesus tidak pernah mengarahkan kita melakukan dua hal dalam satu masa. Pada setiap saat hidup kita, saja satu usaha yang perlu dilakukan. Sedangkan membuat kerja itu, saya tiada tugas lain. Oleh sebab itu seorang pemuja selalu ada masa.

Seorang pengkhotbah baru datang ke sebuah kampung dan menghairankan semua dengan khutbah dinamik-nya. Berita itu tersebar dengan pantas, pada Ahad berikutan seluruh penduduk di kampung itu pun datang ke gereja. Dia memberi khutbah yang sama. Pada Ahad ketiga, penduduk-penduduk kampung-kampung jiran pun datang, dia berkhotbah sama juga. Pada Ahad keempat, lagi dia ulangkan yang sama.

Ketua-ketua gereja itu pun mula berbisik, “Adakah ini seorang penipu yang saja hafal sebuah khutbah?”

Mereka pun tanyanya, “Encik tidak tahu memberi khutbah yang lain-kah?”

Pengkhotbah itu jawab, “Bagaimana dapat saya beri khutbah baru, sedangkan khutbah yang pertama itu pun kalian tidak dapat ikut dan melakukan?”

Mengapa baca begitu banyak surat khabar dan mendengar begitu banyak berita, sedangkan tidak memberi bantuan kepada kemalangan yang berdekatan? Mengapa baca begitu banyak buku baru sedangkan tidak melakukan ajaran baik di buku pertama? Kenapa hendak saya menjawab satu lagi panggilan telefon, sedangkan tidak memberi hati kepada panggilan pertama?

Betapa sedikitnya Tuan kita berkata dan berlaku. Semua kisah-Nya boleh didapati di dalam enam belas bab di buku Markus. Tetapi setiap perbuatan dan ayat-Nya adalah emas yang tulen yang ditapis. Memeriksa-lah kata dan perbuatanmu. Kamu akan mendapati kebanyakannya tidak diperlukan. Melepaskan itu dan kamu pun ada masa dan ketenangan. Memeriksa hati baik kamu setiap malam. Merenung akan hari itu, tanya akan setiap langkahnya, adakah itu perlu.

Jun 13

“Sesiapa yang menerima-Nya, Dia pun memberi mereka hak untuk menjadi anak-anak Tuhan.” (Yohanes 1:12)

* * *

Ada sekali Napoleon sedang memeriksa tenteranya dengan menunggang kuda. Tiba-tiba kudanya beramuk. Nampak maharaja itu hampir dibuang turun, seorang askar peringkat rendah mengambil risiko nyawa sendiri, menangkap tali kuda itu dan mendiamkannya.

Napoleon berkata, “Terima kasih, kapten.”

Askar itu faham. Dia terus pergi ke dalam bilik makan pegawai-pegawai. Dia duduk dan mula memanggil pegawai-pegawai lain sebagai rakan setaraf.

“Apa itu? Kau itu berani betul!” mereka tanya.

“Kenapa tidak?” jawabnya. “Saya seorang kapten.”

Mereka mengejek, “Kapten? Kau? Mana tanda bintang-mu? Manakah sijil sekolah tentera-mu? Dan manakan pasukan mu?”

“Semua itu saya tiada. ” dia jawab dengan tenang, “tetapi saya memang kapten. Napoleon telah panggil saya demikian.”

Tiada anak Tuhan patut menjadi putus asa sebab dia tiada perangai syurga-wi; atau kekurangan pengetahuan yang diperlukan; atau para Kristian lain tidak menganggapnya sebagai anak Tuhan. Dia telah dipanggil “anak Tuhan” oleh Raja atas raja-raja. Ini telah cukup.

Dia yang memberi kamu nama itu akan memimpin kamu melalui hidup ini, melalui kemuncak hidup dan juga lurah-nya, bahkan melalui kematian, untuk menyempurnakan panggilan kamu yang tinggi itu. Saja percayalah kamu adalah anak Tuhan.

Keadaan-keadaan lain akan ditambahkan bagi kamu.

Jun 14

“Buatlah demikian untuk mengingat saya.”
(Korintus 11:24)

* * *

John Chrysostom berkata, “Jika kita tidak ada tubuh, dan tidak akan reput, Tuhan pun akan memberi kita benda-benda rohani dalam corak yang asal sekali, tanpa bentuk jasmani. Tetapi oleh kerana jiwa kita hidup di dalam tubuh, Tuhan pun memberi kita kurnia rohani dalam bentuk yang boleh dilihat.” Dia sedang kata akan acara-acara Kristian. Tanpa itu, kehidupan Kristian pun tidak berkemungkinan.

Augustine menulis, “Kamu tidak dapat mengumpulkan orang dalam nama sesuatu agama, tanpa menggunakan tanda-tanda yang boleh dinampak. Tidak kira apa agama, yang betul atau yang tidak betul, tanda-tanda tentu diperlukan.”

Acara membaptis, roti dan arak jamuan terakhir, meletakkan tangan -- semua ini tanda yang boleh dinampak untuk kurnia-kurnia rohani yang diberikan kami.

Sebentuk cincin murah yang diberi pengantin lelaki telah mendapat nilai yang baru. Begitu juga dengan logam yang dijadikan siling dengan cetakan negara.

Sama juga dengan air membaptis: ia telah menjadi tanda untuk mencuci dosa.

Serupa juga dengan roti dan arak dalam perjamuan suci, yang kini bernilai sama dengan darah dan daging Tuan Yesus.

Adalah salah pada masa jamuan suci untuk memandang ke sana dan ke sini supaya memastikan setiap orang yang ambil itu ada layak. Saja memeriksa dirimu. Setiap orang mengambil itu dengan risiko sendiri. Jangan bercuriga mengambil jamuan suci daripada seorang pendeta yang hidupnya kamu tahu teruk. Nilai jamuan itu tidak bergantung pada perangai orang yang memberinya, sama seperti nilai sepucuk surat kekasih tidak bergantung pada perangai posmen yang menyampaikan surat itu.

Jangan fikir bahawa sesuatu acara dapat selamat kamu. Acara-acara dapat meneguhkan kita dalam perjalanan ke syurga saja apabila kita menerimanya dengan iman.

Dengan begitulah acara Kristian akan menjadi makanan jiwamu.

Jun 15

“Kemudian Yesus datang dari Galilea kepada Yohanes di Jordan untuk dibaptis olehnya.” (Matius 3:13)

* * *

St Ignace kata bahawa Yesus dibaptis “untuk membersihkan air.”

Kebanyakan ahli ilmu ketuhanan akan kata bahawa Dia melakukan itu untuk menunjukkan simpatinya kepada pendosa-pendosa. Tetapi adakah Yesus rasa Dirinya seorang pendosa, dan hasrat untuk dibersihkan?

Daripada gen ovum Maria, yang Yesus di-hamil, Dia telah mewarisi perangai jasmani daripada banyak datuk moyang, yang semua pun pendosa. Tujuh puluh peratus perangai seseorang adalah diwarisi. Jika Yesus adalah Tuhan yang telah dijadikan manusia dengan keseluruhan, Dia mesti mendapat semua warisan manusia juga. Dan sebagai seorang manusia, Dia juga boleh dipengaruhi. “Dia dibesarkan”(Lukas 4:16). Guru-guru-Nya dan semua di-sekeliling-Nya pun pendosa. Dia digoda serupa kita semua. Dia ada sifat semula-jadi dan kecondongan kita. Sebagai seorang manusia, pengetahuan-Nya pun terhad. Untuk

menyelamat orang yang rendah, Dia kena memukul pedagang-pedagang dan orang Farisi.

Dia tidak pernah berdosa, tetapi Dia rasa semua dosa yang dilakukan terhadap-Nya sejak masa kecil-Nya, bermula daripada pembunuhan bayi-bayi di Bethlehem, serupa dosa Diri-Nya. Dia rasa sebagai Dirinya semua orang yang telah berdosa. Tiada seorang pun pernah ada rasa kesalahan seperti Dia. Kita akan kata pendosa yang terhebat adalah Kaiafas, Pilatus, dan Yudas. Tetapi kerap kali orang yang tidak bersalah akan berasa dirinya yang bersalah sekali.

Oleh sebab itu Dia rasa perlu dibaptiskan.

Jangan bergelut saja di dalam kebersihan yang diberi-Nya. Oleh sebab kamu telah menjadi putih seperti salji, tanggunglah kesalahan semua orang di atas bahu dirimu.

Jun 16

“Setiap orang akan menanggung beban dirinya.”
(Galatia 6:5)

* * *

Seorang biskop telah berzina. Tiada orang tahu itu, tetapi dia mengaku di depan setiap orang di gereja. Kemudian dia meletakkan jubah biskop-nya di atas mezbah dan kata, “Saya tidak layak menjadi biskop kamu semua.”

Semua pun menangis dan jawab, “Biar kami menanggung dosa itu, saja terus jadi biskop kami.”

Biskop itu pun berbaring di depan pintu gereja dan kata, “Sesiapa yang tidak memijak saya bila keluar, tiada bahagian dengan Tuhan.” Jadi semua orang pun mengikut arahannya. Apabila orang terakhir juga membuat demikian, ada suara datang dari atas: “*Sebab kerendahan hatinya, saya telah ampunkan dosanya.*”

Hal itu terjadi pada kurun keempat, apabila orang Kristian masih adalah sekumpulan orang saleh. Tetapi masa sekarang saya tidak akan bercadang sesiapa yang bertanggungjawab di gereja bertindak serupa itu.

Saya kenal seorang wira iman perempuan Soviet. Dia telah dikurung di penjara sebab mengajar kanak-

kanak akan Kristus. Dia bertindak berani apabila disoal dan juga di atas mahkamah. Di dalam bilik kurungan, seorang Kristian yang dipandanginya sebagai seorang pemimpin agung, mengaku kepadanya sesuatu dosa yang rahsia. Ini telah meruntuhkan imannya. Dia tidak sangka seorang pemimpin Kristian pun boleh berdosa sebegitu hebat. Dia pun meninggalkan gereja dan berkahwin dengan seorang Komunis.

Kadang-kadang pengakuan dosa kamu boleh mengharamkan seseorang. Saja mengaku dosamu kepada Tuhan. Bawalah beban rahsia kamu kepadanya.

Saja berwaspada supaya tidak dianggap saudara dan saudarimu sebagai seorang pendosa. Tidak payah menyamar dirimu sebagai seorang saleh yang bermutu tinggi, dan Tuhan akan maafkan kamu sebab kerendahan hatimu.

Jun 17

Jika... engkau tidak memberi mereka amaran supaya mereka mengubah kelakuan dan menyelamatkan diri, maka mereka akan mati sebagai orang berdosa, dan Aku akan menganggap engkau bertanggung-jawab atas kematian mereka”(Yehezkiel 33:8).

* * *

Pada suatu hari musim sejuk, sebuah kapal tenggelam di Tasik Michigan, tidak jauh dari pantai. Seorang perenang yang mahir berjaya menyelamatkan sepuluh orang, satu demi satu. Rakannya telah menyediakan api di pantai. Juru-selamat itu terlalu letih, dia memanaskan diri dekat api. Apabila dia nampak masih ada orang sedang bergelut dengan ombak, dia pun bersedia untuk masuk ke dalam air lagi.

Rakan-rakannya cuba hentikannya. “Kamu terlalu letih,” mereka mendesak. “Kamu akan mati lemas juga.”

“Saya tidak sampai hati nampak orang mati!” jawabnya.

Dengan segala tenaganya, dia menyelamatkan lima lagi. Kini dia telah membuat yang terbaiknya. Dengan susah payah dia ditarik keluar dari air.

Apabila berbaring dekat api, dia nampak dua orang cuba mengapung dengan sekeping papan. “Saya mesti selamat dua itu,” jerit-nya.

“Ini kebodohan,” orang lain seru. “Kamu sedang membunuh diri!” Dia tidak menghiraukan mereka dan menyelamatkan dua ini juga.

Kini tenaga terakhirnya pun dibelanjakan, tetapi dia tidak dapat maafkan diri. Dia rasa amat pilu. Di dalam demam tingginya dia tanya berulang-ulang, “Bagaimana dapat saya jumpa Tuhan Yesus? Kenapa tidak selamat sekurang-kurang satu lagi?”

Kita bertanggungjawab untuk setiap orang yang kita berkemampuan untuk selamat, baik dalam jasmani atau dalam rohani. Kalau kita melepaskan tugas kita, darahnya pun berada di atas tangan kita. Bukankah kita semua pembunuh?

Apabila Philip Neri nampak seorang penjenayah dibawa ke atas rangka gantung, beliau kata, “Jika bukan rahmat Tuhan, sepatutnya saya yang di tempat orang itu.”

Jun 18

“Tuhan... memberi kepada semua dengan lumayan.”(Yakubus 1:5)

* * *

Di dalam buku pentingnya, *Kuasa dan Kemuliaan*, Graham Greene menulis salah seorang peranannya berkata kepada seorang pendeta yang miskin, yang juga tokoh cerita itu: “Saya tidak dapat bayangkan kenapa seorang seperti kamu boleh percaya hal-hal itu. Bagi orang India, ya, mereka mudah percaya apa-apa pun: Sebab setiap kali mereka nampak se-biji lampu elektrik, mereka pun fikir itu mukjizat.”

Pendeta itu jawab, “Dan saya berani kata pada kali pertama kamu nampak seorang yang mati bangun sekali, kamu pun rasa itu mukjizat. Saya bukan kata tiadanya mukjizat. Saja orang memanggilnya dengan nama lain. Pernahkah kamu nampak doktor-doktor berdiri dikelilingi sebuah mayat? Si mati itu tidak bernafas, jantungnya pun henti, nadinya sunyi: dia telah mati. Kemudian ada orang membawanya hidup semula, dan apa pendapat para doktor -- apa air muka mereka? Mereka saja simpankan pendapat dirinya. Mereka tidak kata itu mukjizat, sebab itu bukan perkataan yang

mereka suka. Kemudian hal itu berlaku berkali-kali lagi -- sebab Tuhan ada di atas bumi, dan ahli sains pun kata: *“Itu bukan mukjizat, itu saja menunjukkan bahawa pandangan hidup kita telah diperluaskan. Kini kita tahu, seseorang masih hidup tanpa nadi atau nafas atau denyutan jantung.”* Mereka pun mencipta satu nama baru untuk keadaan itu, dan mereka pun kata sains sekali lagi mengatasi kepercayaan palsu. Kamu tidak dapat berbahas dengan mereka.”

Nampaklah mukjizat Tuhan di dalam hidup harianmu, usaha doktor-doktor, jurutera-jurutera, juruteknik-juruteknik, petani-petani, pekerja-pekerja kilang yang memajukan dan memudahkan hidupan kita di dunia. Mereka adalah perkakas. Si Pemberi dan Pelaku mukjizat-mukjizat itu ialah Tuhan.

Jun 19

“Kamu tidak dapat melayani Tuhan dan mammon(wang).” (Matius 6:24)

* * *

Seorang Kristian mendapat kurnia besar daripada Tuhan. Dia telah menjadi masyhur sebab hidup sucinya. Kemasyhurannya mendapat perhatian maharaja, yang memanggilnya untuk mendengar ajarannya. Maharaja amat puas hati dengannya dan memberinya emas. Kristian itu pun terima.

Setelah balik rumah, Kristian itu pun membeli tanah dan rumah.

Seperti masa dulu, ada seseorang yang di-rasuk syaitan dibawa kepadanya. Kristian itu pun menyuruh iblis itu, “Lepaskan orang itu!”

Iblis itu mengejek, “Tidak. Saya tak dengar-mu.”

Kristian itu terkejut. Dia tidak pernah dengar penolakan seperti itu. Dia tanya, “Kenapa?”

Iblis itu jawab, “Kau telah melepaskan tugas tunggal-mu dengan Tuhan, dan telah menjadi seperti kami.”

Sebuah jemaah yang kaya tiada kuasa melawan iblis. Demikian juga dengan seorang Kristian. Kita

boleh mengendalikan banyak wang, tetapi saja dengan syarat bahawa duit itu bukan kepunyaan kita, melainkan Tuhan, yang ditugaskan kita untuk menambahnya dan menggunakan bagi kemuliaan-Nya.

Pada saat kita menganggap kekayaanmu sebagai kepunyaan diri kita, kita pun terjatuh ke dalam kutuk Yesus: “*Lebih mudah bagi seekor unta melalui lubang jarum, daripada seorang kaya masuk kerajaan Tuhan*”(Matius 19:24).

Sebelum menggunakan duit kamu, fikir-lah baik-baik. Ini bukan duit-mu.

Jun 20

“Biarlah demikian sekarang.”(Matthew 3:15)

* * *

Kita tahu apa Yesus kata pada umur dua belas, sedangkan Dia seorang budak. Selepas itu, selama lapan belas tahun, Injil tidak menulis apa-apa tentang-Nya. Saja sampai Dia berumur 30, barulah kita dengar kata-Nya semula. Dan kata pertama-Nya ialah, “*Biarlah.*”

Yohanes pembaptis tidak dapat sangka bahawa Jerusalem itu akan dibaptis-nya seperti pendosa-pendosa lain. Tetapi Yesus berkata, “Biarlah sekarang.”

“Biarlah budak-budak datang” ke perhimpunan persembahan, walaupun mereka mungkin akan mengacaunya(Matius 19:14).

“Biarlah rumput rampai bertumbuh bersama-sama gandum”(Matius 13:30). Kita akan berbantah dan kata, bahawa merekalah pemimpin buta, jangan biarkan mereka memimpin. Tetapi Yesus kata, “Biar mereka bertumbuh sama-sama”(Matius 15:14).

Seorang pemilik tanah hendak menebang sepohon pokok ara yang tidak berbuah. Penjaga kebunnya(yang mewakili Yesus dalam perumpamaan ini) berkata, “Biarlah pokok itu hidup tahun ini juga”(Lukas 13:8).

Biarlah orang jahat dan kejadian-kejadian buruk berterusan. Biarlah mereka hidup.

Selain daripada bimbang akan kejahatan orang lain, lebih baik untuk kita belajar daripada lebah-lebah. Serangga kecil itu tidak peduli sesiapa pun, melainkan membekali manusia dengan madu.

Kita juga demikian.

Jun 21

“Roh Tuhan bergerak di atas permukaan air.”(Kejadian 1:2)

* * *

Augustine menulis, “Jika kita disuruh membina sebuah rumah sembahyang untuk Roh dengan kayu dan batu, kita pun tahu Roh itu Tuhan, sebab saja Tuhan layak disembah. Tetapi kita ada bukti yang lebih jelas, sebab kita sendiri telah dijadikan rumah sembahyang-Nya.”

Roh itu mestilah Tuhan jika kata kasar tentang-Nya adalah satu-satu dosa yang tidak dapat dimaafkan.

Kehadiran Roh di dalam kehidupan seseorang pemuja mesti diperlukan. Orang Yahudi yang pergi ke Samaria mengambil risiko nyawa diri sebab mereka dibenci orang Samaria. Walaupun begitu, Petrus dan Yohanes masih pergi sana, saja untuk membawa Roh itu kepada pemuja-pemuja.

Tanpa Roh, segala acara agama pun tidak bermakna seperti cahaya kepada si buta, atau muzik kepada si pekak. Kristus dibaptis sebab dia tahu bahawa Roh itu akan turun kepada-Nya. Ini jugalah tujuan kita di dalam setiap acara keagamaan.

“Jika ada orang tanpa Roh Kristus, dia bukan orang-Nya”(Roma 8:9). Di sebelah lain, tiada apa-apa penghukuman bagi mereka yang berada di dalam Kristus Yesus, yang tidak berjalan mengikut jasmani, melainkan mengikut Roh (Roma 8:1).

Jun 22

“Amen.” (Wahyu 22:21)

* * *

Selepas Yesus dibaptis, Dia rindu dapat keturunan Roh Kudus. Dan Roh itu pun turun kepada-Nya.

Apabila kamu minta sesuatu daripada Tuhan, jangan tinggalkan doa itu. Terus berdoa sehingga kamu dapat pengalaman kedalaman, sehingga kamu nampak permintaan itu telah ditunaikan dalam bentuk jasmani, dan dengar daripada mulut Tuhan sahutan untuk doamu.

Inilah maknanya “Amen.” Kamu telah berkata kepada Tuhan, tetapi Tuhan tinggal di dalam kamu, dan menggunakan mulutmu sendiri untuk menjawab-mu. Amen adalah sahutan-Nya kepada permintaanmu.

Seorang anak perempuan terdengar doktor memberitahu bapanya, “Tiada harapan untuk isteri-mu.” Perempuan itu pun pergi ke dalam bilik sendirinya, berlutut dan berdoa untuk pemulihan ibunya.

Kemudian dia menukarkan suaranya dan kata, “Ya Maria, saya pasti menyembuhkan emak-mu.”

Budak itu pun tukar kembali suara biasanya dan kata, “Tuhan, saya amat bersyukur sebab kasih-Mu.”

Dia pun pergi ke dalam bilik ibunya dan memberitahu bapanya, “Tuhan telah janji saya bahawa Dia akan sembuhkan Mak.”

Emak itu pun di-sembuh. Inilah ertinya Amen. Itulah jawapan Tuhan untuk doa kita.

Setiap doa mesti diakhiri dengan “Amen.”

Jun 23

“Begitulah kita dapat memenuhi segala kebenaran.”(Matius 3:15)

* * *

Tiada undang di dalam Perjanjian Lama yang memaksa seorang Yahudi dibaptis-kan. Yesus kata elok bagi kita memenuhi segala hal benar dengan melakukan perkara-perkara yang tidak diarahkan.

Di dalam undang-undang tiada pesanan melarangkan kita merokok, atau memakai hiasan permata (jika bukan untuk perhiasan, apa tujuannya Tuhan menciptakan mutiara dan permata?) atau kunjung kedai kemolekan, atau belanja banyak jam di depan televisyen. Tiada undang-undang Tuhan yang melarangkan menghisap dadah atau membela binatang-binatang kesayangan. Kebenaran bukan dipenuhi dengan mengikut arahan undang-undang, melainkan dengan bertanya diri kita soalan mudah ini, “Adakah Yesus suka ini?”

Jika kamu melemparkan debu kepada seseorang, kamu tidak akan cederakan-nya. Kalau kamu buang air kepadanya, dia juga tidak akan kena haram. Demikian juga jika kamu membuang rumput-rampai ke

atasnya. Tetapi campuran tanah, rumput dan air akan jadi se-ketul bata. Dengan itu kamu boleh memecahkan kepala seseorang.

Demikian juga dengan tabiat-tabiati kecil, yang tidak haram dengan dirinya sendiri. Tetapi apabila berbagai-bagai tabiat itu berkumpul di dalam hidup kita, perangai-perangai itu akan menjadi sesuatu beban yang boleh merosakkan jiwa kita. “Musang-musang kecil itu...yang merosakkan pohon anggur”(Kidung Agong Sulaiman 2:15).

Tiada undang-undang Tuhan suruh kamu melawan dengan musang kecil, tetapi adalah baik untuk pemilik kebun anggur berbuat demikian. Demikian juga dengan sesetengah tabiat kita.

Jun 24

“Dia nampak Roh Tuhan turun seperti seekor merpati.”(Matius 3:16)

* * *

Burung merpati bersifat ramah dengan orang, seperti Roh Kudus, dan sebab itulah ia adalah tanda yang sesuai bagi Kristus. Merpati dan Roh Kudus juga ada unsur-unsur lain yang sama.

Untuk memeriksa merpati, seorang mesti menumpukan perhatian dan bersunyi. Makhluk kecil ini tidak menunjukkan perangnya kepada seorang yang bising. Sesiapa yang harap dapat mengenalinya mesti memeriksanya tanpa diketahui, dan mendengarnya tanpa didengari.

Serupanya Roh Kudus. Seorang mesti bersunyi, berawas di-depan-Nya tanpa perkataan(Habakuk 2:20). Roh Kudus tidak bertindak semula-jadinya apabila Dia rasa Dirinya sedang dinampak.

Yang utamanya, Dia akan bimbang bagaimana-nya orang akan fikir dengan tindakan-Nya. Tuhan Yesus berkata kepada orang Yahudi, “Saya ingin berkata, ‘Saya akan menghancurkan mereka, saya akan menjadikan ingatan mereka tamat di antara manusia,’

jika saya tidak takut kemarahan musuh-musuh... jangan sampai mereka kata, ‘Tangan kami yang perkasa; bukanlah Tuhan yang membuat segala itu’”(Ulangan 32:26, 27).

Roh itu tahu Dirinya sedang diperhatikan oleh seteru-Nya, dan Dia pun bertindak seakan-akan takut dirinya di-salah-faham orang. Tuhan Yesus kata, “Oleh sebab orang-orang yang berdiri di sinilah saya kata ini”(Yohanes 11:42). Untuk mendengar apa yang Yesus ingin berkata tanpa dipengaruhi orang ramai, kamu kena memisahkan diri daripada orang.

Sedangkan dinampak seteru-seteru, pengadu-pengadu, atau orang yang ingin tahu, Roh itu tidak akan berkelakuan semula-jadi-nya.

Bersunyi. Jangan kacau. Biar Roh itu lakukan apa yang disukai-Nya.

Jun 25

“Yang lain selamatlah dengan ketakutan.” (Yudas 23)

* * *

Jika kamu nampak seseorang sedang mati lemas, baling-lah seutas tali kepadanya. Dan jika dia terlalu berat, lepasilah tanganmu. Jika tidak, dia akan menarik kamu ke dalam air, dan dua orang akan mati, bukan satu.

Di atas lorong menyelamatkan orang sentiasa ada bahaya. Ramai pemuda cuba menyelamatkan seseorang gadis, akhirnya kedua-dua terjatuh ke dalam dosa.

Mubaligh-mubaligh pergi ke Asia untuk membawa berita Kristus, tetapi ada yang sendirinya dijadikan pemuja Buddha atau orang yang beragama campuran. Jawatankuasa-jawatankuasa telah didirikan untuk membawa Injil ke negara-negara lain; kemudian Kristian-Kristian begitu sibuk dengan hal kewangan pertubuhan itu sehingga Kristus hilang di hidup mereka.

Ada Kristian cuba membawa kasih Kristus kepada orang miskin di daerah-daerah kebelakangan -- tetapi mereka sendiri dipengaruhi semangat berontak di sana, dan dijadikan ahli-ahli pemberontakan. Bila bertutur

dengan orang yang lucu, mungkin kamu pun akan ditarik mengikut acara tuturan mereka.

Bagaimanakah dapat kamu selamatkan jiwa orang lain, sedangkan dirimu terjatuh? Saja tinggalkan kubu kamu bersama Tuhan itu selepas penyediaan doa yang lumayan.

Berawas dengan setiap serangan seteru. Elakkan peperangan yang terlalu bahaya. Kedegilan bukan keberanian. Selamatkan orang lain dengan ketakutan.

Jun 26

“Nampaklah, domba Tuhan yang membuang dosa-dosa sedunia!”(Yohanes 1:29)

* * *

Jika kamu memberi se-ringgit kepada seorang kanak-kanak, dan suruhnya membeli sesuatu di kedai, tetapi pekedai itu minta dua ringgit, kamu tidak boleh tegur budak itu sebab tidak capai suruhan-mu. Seorang guru sekolah rendah tidak akan menyuruh muridnya untuk menyelesaikan soalan algebra.

Tuhan juga tidak suruh kita menyelamatkan jiwa kita. Kita tiada kemampuan itu. Kita bukan berdosa sebab tidak dapat menyelamatkan diri kita. Dosa kita saja sebab kita tidak datang kepada Yesus. Yesus mempunyai kuasa untuk menyelamatkan dunia, tidakkah termasuk saya juga?

Augustine menulis, “Jika ada seorang saja di dunia ini berdosa, Yesus juga akan menanggung segala penderitaan, sama seperti yang dilakukan-nya untuk dosa sedunia.”

Yesus tidak pernah minta kamu melakukan untuk dirimu apa yang kamu tidak dapat lakukan. Saja

bawalah jiwamu kepada-Nya. Dia akan buat apa yang diperlukan.

Apabila Leonardo da Vinci melukis Yohanes Pembaptis yang sedang menyeru, “Nampaklah, Domba Tuhan yang menghapuskan dosa sedunia,” beliau memberi Yohanes sepasang mata pemabuk. Dia melukis dengan begitu benar sehingga ada orang percaya dia sedang melukis Bacchus, dewa arak.

Yohanes Pembaptis mesti telah mabuk dengan gembira apabila berjumpa dengan Juru-selamat yang begitu agung itu.

Mintalah Yesus menyelamatkan kamu daripada seluruh dosamu.

Jun 27

“Bolehkah apa-apa yang baik datang dari Nazareth?” (Yohanes 1:46)

* * *

Nazareth adalah sebuah bandar yang bernama buruk. Tetapi Nathanael, yang kata ayat tersebut itu, telah berdosa dengan satu kesalahan yang teruk sekali: menghina seluruh kumpulan orang sebab seseorang yang jahat.

Seorang pendeta Lutheran memberitahu saya, “Saya benci orang Baptis dan Pentecostal.” Dia tidak tahu bahawa dia sedang mengaku kepada saya sejenis dosa yang lebih teruk daripada kata, “Saya telah hidup bertahun-tahun dalam penzinaan.” Tugasnya ialah lepaskan prasangka-nya segera. Kita mesti membuang setiap dosa.

Setiap prasangka akan menghalang seseorang berfikir lurus.

Ramai tidak terima Yesus sebab dia seorang Yahudi.

Orang Farisi tidak percaya dari Galilea akan muncul sebarang nabi (Yohanes 7:52).

Ada juga orang yang rasa susah sebab Yesus seorang berdarjah rendah. Mereka tanya dengan sifat

ejek, “Bukankah ini anak tukang kayu itu?”(Matius 13:55)

Ada pula yang tanya jika gereja Kristian yang begitu buruk itu dapat memberi apa-apa yang bermutu.

Tuhan adalah Bapa semua orang. Di setiap kumpulan-kumpulan pun ada yang elok, dan ada yang buruk.

Orang Moab pada keseluruhan telah bertindak jahat terhadap orang Yahudi. Tetapi daripada mereka datang Ruth, salah seorang saleh wanita di dalam Alkitab.

Orang Samaria telah menyeleweng daripada agama yang benar, tetapi Yesus berkata akan seorang Samaria yang baik.

Lepaskanlah dirimu daripada setiap prasangka tentang bangsa, kaum, atau kumpulan Kristian (Christian's denominations). Ukurlah setiap orang secara persendirian-nya.

Jun 28

“Biarlah setiap orang memandang orang lain lebih baik daripada dirinya.”(Filipia 2:3)

* * *

Sedangkan berdoa di dalam bilik biaranya, Santo Anthony dengar sesuatu suara: “Anthony,” kata suara itu, “kamu belum sampai darjat tukang warna itu.” Anthony pun terus pergi berjumpa tukang warna itu untuk belajar cara hidupnya.

Tukang itu amat terkejut, dia bersujud di depan orang suci itu.

Anthony tanyanya, “Boleh saya tanya apakah latihan-latihan Kristian yang kamu mengambil itu?”

Tukang itu pun menjawab, “Tiap-tiap pagi, sedangkan saya bangun tidur, saya pun kata sesama diri, bahawa setiap orang di kota ini pun jauh lebih baik daripada saya. Mereka disukai Tuhan. Saya sajalah pendosa yang terhina dan patut dihukum.”

Dosa orang lain bukanlah masalah kita. Siapakah saya untuk menghakimi? Saja kesombongan akan menghakimi dan menghukum orang lain.

Seorang datang kepada pendetanya dan tanya, “Apa yang patut saya buat? Saya sentiasa digoda kesombongan.”

Pendeta itu jawab, “Saja terima itu. Kamu ada banyak hal untuk dibanggakan, sebab kamu telah mencipta langit dan bumi.” Orang muda itu tidak faham.

Pendeta itu pun kata, “Kalau Dia yang mencipta dunia ini datang sebagai seorang hamba, kenapa kamu, yang sebenarnya debu, mahu jadi sombong? Apa yang telah kau ciptakan, encik?”

Jun 29

“Dan jika kami pernah menilai Kristus mengukur ukuran manusia, sekarang kami tidak lagi menilai-Nya demikian.”(2 Korintus 5:16)

* * *

Augustine menulis, “Wajah Yesus semasa Dia di bumi itu telah hilang. Kini wajah-wajah-Nya yang dipamerkan itu semua rekaan manusia.”

Daripada ukiran-ukiran dan duit siling masa purba, kita tahu wajah Kaisar Julius, dan juga maharaja-maharaja pada masa Yesus, iaitu Octavian Augustus dan Tiberius; tetapi rupa Raja atas raja-raja itu kita tiada. Inilah tujuan Tuhan. Kaisar-Kaisar sajalah manusia, manakala Kristus adalah Yang Abadi melangkah ke dalam masa. Kita tidak patut menyamai-Nya dengan sesuatu jenis wajah, jantina, umur, bangsa, atau cuaca.

Yesus hidup di dalam banyak orang: Dia adalah di dalam seorang pengemis, seorang maharaja, seorang putih, seorang hitam, kuning atau merah; ataupun seorang budak-budak, orang tua, orang saleh, orang yang mula menjadi saleh, atau orang yang telah berdosa

hebat dan sedang bersesal hati. Kita mesti belajar untuk nampak Yesus di dalam semua orang ini.

Oleh sebab itu, ramai Kristian membantah mengadakan patung Yesus di dalam gereja. Kalau kita telah biasa dengan sejenis wajah Yesus, kita pun tidak dapat mengenali-Nya di dalam orang-orang miskin di sekeliling mu.

Jun 30

“Inilah hukuman, jika seseorang mati...” (Bilangan 19:14)

* * *

Lima orang mubaligh ke Auca India di Ecuador telah dibunuh dalam satu hari. Isteri-isteri mereka menerima berita ini dengan tenang. Hidup biasa bagi Kristian adalah mati untuk imannya. Jika seseorang tidak rela berkorban untuk sesuatu arahan Alkitab, dia sebenarnya belum terimanya sebagai arahan Tuhan.

Bukan setiap orang pun dapat bahagia untuk mati syahid, tetapi setiap Kristian mestilah mati sebelum dia mati. Dia mesti mati kepada dunia, kepada undang-undangannya dan kepada dosanya, sebelum dia mati.

Ada seorang tanya Macarius, “Apa maksudnya mati kepada dunia?”

Dia jawab, “Pergilah ke sebuah kubur, puji sesetengah si mati, dan kutuk sesetengah lain. Kemudian kembali dan memberitahu saya apa yang terjadi.”

Orang itu pun mengikut arahan. Dia kembali kepada Macarius dan kata, “Tiada sesiapa pun yang bersahut.”

Macarius pun kata, “Jadilah sama itu juga.”

Kelima-kelima orang mubaligh itu ada senapang. Mereka sanggup mempertahankan diri, tetapi mereka tidak. Mereka lebih sudi mati sendiri daripada menembak orang-orang Auca. Mereka telah mati sebelum mati. Bagaimana dapat sebuah mayat menembak sesiapa? Mereka saja hidup untuk Tuhan.

Pada masa itu suku Auca saja berjumlah lima puluh enam orang. Daripada semua suku bangsa pun mesti ada orang yang diselamatkan, termasuk suku yang kecil.

Darah syahid-syahid itu adalah benih. Kini orang Auca India ini telah ada syahid suku mereka yang pertama, yang dibunuh sedangkan membawa injil ke suku-suku berjiran.

Marilah kita berdoa untuk ramai yang masih hidup di dalam zaman batu itu, yang masih tidak dihubungi dengan tamadun hari ini.

Julai 1

“Sedangkan bagi kita, di sekeliling kita ada banyak saksi.”(Ibrani 12:1)

* * *

Marilah kita belajar daripada orang saleh yang agung.

John de la Salle adalah bapa pelajaran moden. Dia mendirikan sekolah menengah percuma dan maktab perguruan pertama di Perancis. Sebab dia sayang banyak, dia pun berkhidmat banyak. Dia kata, “Saya tidak dapat fikir akan ramai kanak-kanak yang binasa sebab kejahilan tanpa mengalir air mata.”

Tidak dapat menanggung beban ini tanpa melakukan sesuatu, dia pun menyerahkan harta besarnya kepada kalangan rendah dan menjadi seorang guru miskin di antara yang miskin. Saya membandingkan semangatnya dengan guru-guru yang tidak berpuas hati dengan gaji besar, dan masih mogok untuk naik gaji. Mereka adalah contoh tamak kepada murid-murid mereka. Kesan buruk pentingkan diri itu tidak dapat dipadamkan dengan keelokan pengajaran mereka.

De la Salle menderita amat sangat daripada rakan-rakan Kristiannya dan guru-guru yang tidak dapat pekerjaan.

Pacificus dari San Severino berasa beban sebab kata Yesus, bahawa hasil banyak tetapi pekerja kurang. Dia kata, “Dunia ini perlu rasul-rasul dan bukan doktor-doktor ilmu keagamaan.” Dia pun mengambil keputusan untuk menjadi salah satu, dan menjadi seorang mubaligh kepada bangsa-bangsa yang belum ada peradaban. Tetapi Tuhan telah memberinya sesuatu panggilan kerasulan yang berlainan, iaitu penderitaan. Kakinya bengkok sehingga dia tidak dapat melayan jiwa-jiwa yang dikasihinya. Kemudian matanya pun buta. Jiwanya diserang ribut di dalam. Rakan-rakan mengejeknya, mereka kata dia telah dikutuk Tuhan, buktinya ialah penderitaannya.

Dia mengganggu semua itu dengan berani, tahu bahawa tujuan Tuhan mesti dijadikan. Tiga ratus tahun selepas kematiannya, Pacificus masih membawa jiwa kepada Kristus. Dengan cerita penderitaannya dengan kesayangan, lebih orang telah dimenangi kepada Tuannya daripada dia sendiri menjadi mubaligh di negara-negara kemunduran.

Biarlah kita juga belajar akan ketaatan kepada tujuan Tuhan, tanpa kedekut.

Julai 2

“Carilah, dan kamu akan dapat.”(Matius 7:7)

* * *

Kamu dapat cari Yesus melalui doa dalam kehidupan harian mu. Teresa dari Avila menulis, “Iblis tahu dirinya telah kehilangan satu jiwa yang terus berdoa di dalam hati.” Teresa juga memberi takrifan(definision) untuk latihan ini: “Doa minda (di dalam hati) adalah persahabatan yang sejati, tuturan dari hati ke hati dengan Dia yang kita tahu kita tetap dikasihi.”

Doa ini semua sekali berlainan daripada doa sebelum makan atau doa pagi dan malam. Kita kena berhubungan dengan Yesus sepanjang hari, melalui doa pendek dan renungan akan setiap hal yang berlaku. Berwaspada akan kehadiran Tuhan di semua situasi, dan berbincang dengan-Nya, rakan rapat sekali mu itu, supaya dapat tahu apa yang terbaik untuk dilakukan. Bersyukur juga untuk semua hal.

Kita baca di buku *Impian Kristus*: “Seorang betul-betul mengharamkan dirinya jika dia tidak cari Yesus. Kerugiannya itu akan melebihi segala dunia dan seterusnya yang dapat lakukan kepadanya.” Kita

terganggu apabila diejek orang, atau apabila menimba kemalangan peperangan dan pemberontakan yang ditimbulkan orang jahat. Kita tidak sedari bahawa seteru kita terbesar adalah diri kita.

Ada seorang yang tidak berjaya di dalam setiap perusahaannya. Sesuatu seteru sentiasa meruntuhkan tujuannya. Pada suatu petang, sedangkan dia berbaring di atas sofa dan menggeram akan segala kegagalannya, dia nampak sesuatu tangan menghulu dari belakang langsir untuk mencekik-nya. Dia berkata sesama dirinya, “Kini saya dapat bertemu dengan seteru itu. Saya adalah kuat. Saya boleh mengatasinya.” Dengan pantas dia membukakan langsir itu dan nampak musuh jahat itu. Iaitu dirinya sendiri -- dia telah abaikan mencari Yesus.

Julai 3

“Dengan Tuhan semua hal pun berkemungkinan.”(Matius 19:26)

* * *

Apabila saya kecil, saya tidak fikir banyak akan Tuhan. Saya diajar bahawa Tuhan itu mahakuasa. Itu saja yang saya tahu. Kira-kira umur lapan, ada seorang budak mengejek Tuhan di depan saya. “Jika Tuhan itu mahakuasa,” budak itu kata, “bolehkah Dia membuat sesuatu benda yang begitu berat sehingga Dia tidak dapat angkat? Kalau Dia boleh, Dia bukan mahakuasa. Kalau Dia tidak boleh, Dia juga bukan mahakuasa.”

Saya suka gurau itu, dan tidak lagi fikir akan Tuhan.

Pada usir dua puluh tujuh, saya membaca Perjanjian Baru dan mendapati Tuhan telah membuat sesuatu benda yang Dia tidak sanggup mengangkat. Dia telah menjadikan dirinya sebagai seorang bayi, yang beratnya beberapa kati. Dia tidak dapat mengangkat dirinya. Ibunya kena mengangkatnya, membawanya dari palung ke dadanya untuk menyusu. Tuhan tidak dapat mencuci telinga dirinya. Dia masih terlalu kecil untuk menggunakan tangan dan jarinya. Kemudian, apabila

bajunya terkoyak bila memanjat pokok, kena dijahit ibunya juga. Dia masih belum belajar menjahit.

Tuhan telah membuat sesuatu benda yang Diri-Nya pun tidak dapat angkat. Dia telah menjelma sebagai Anak Manusia. Dan Anak Manusia itu telah diberi ke dalam tangan orang. Mereka mengejek-Nya, dan menyalib-Nya. Tuan(subjek) yang tunggal itu telah dijadikan sesuatu benda(objek) yang biasa. Orang-orang dikelilingi mencemuh-Nya sebab kelemahan-Nya. Dia tidak dapat turun dari salib-Nya. Kemudian Dia lagi merendahkan diri -- dia telah menjadi sebuah mayat. Jika Yusuf dari Arimathea tidak mengebumikan-Nya, tubuh-Nya akan dimakan helang.

Selepas membuat sesuatu benda yang Dia pun tidak dapat angkat, Tuhan menunjukkan kuasanya dengan mengangkat keberatan yang tidak dapat diangkat itu. Yesus telah dibangkitkan dengan kuasa dan naik ke atas langit. Selepas diangkat dari bumi, Dia pun menarik semua orang kepada Diri-Nya.

Saya telah salah pada masa kecil. Tuhan itu mahakuasa. Dia boleh membuat sesuatu benda yang Dia tidak sanggup angkat, tetapi masih mahakuasa.

Julai 4

“Dia lapar.”(Matius 21:18)

* * *

Satu billion orang lapar. Kami memberi angka itu, tetapi setiap nombor mewakili seorang. Sepuluh ribu orang mati kelaparan setiap hari, 9,900 di antara mereka belum dengar akan Kristus. Rakyat di negara-negara maju makan lima kali ganda jumlah makanan yang minimum yang dapat menyelamatkan seorang yang lapar. Di sesetengah tempat di Afrika, 25% kanak-kanak mati sebelum sampai harijadi yang pertama. Kadar kematian mereka adalah 40 kali ganda lebih daripada anak-anak di Amerika atau di Australia. Di antara yang lapar itu ada beribu-ribu anak-anak syahid Kristian di penjara Komunis.

Pada tahun 125, ahli falsafah Kristian Aristides menulis kepada maharaja Hadrian: “Dengan Kristian, yang ada akan memberi kepada yang tiada, tanpa kedekut dan tanpa sombong... jika mereka mendapati keperluan di antara mereka, dan mereka tiada makanan yang lebih, mereka pun berpuasa dua atau tiga hari untuk memberkati keperluan itu.”

Puasa. Mengabaikan. Pada hari Kiamat, Tuhan akan berkata kepadamu, “Bila Aku lapar, kamu beri Aku makan.”(Matius 25:35)

Julai 5

“Jika seseorang merampas milik kamu, janganlah minta kembali barang itu.”(Lukas 6:30)

* * *

Seorang Kristian menghairankan sekumpulan perampas yang sedang mencuri hartanya. Dia kata, “Cepatlah dan siapkan sebelum polis datang. Saya pun tolong kalian mengangkut benda-benda ke atas kereta-mu. Inilah dosa saya sebab mempunyai semua itu. Saya seorang Kristian dan kami Kristian tidak patut simpan apa-apa di atas bumi. Tuan kami telah kata bahawa pencuri akan mencuri. Inilah salah saya sebab tidak bergantung pada Bapa kami untuk keperluan saya. Maafkan saya sebab memberi kalian contoh yang buruk itu.”

Perampas-perampas itu menjadi minat, mereka tanyanya satu soalan selepas lain. Mereka tidak lagi mencuri daripadanya, sebaliknya mereka telah bertaubat. Kristian itu pun dapat satu pelajaran juga.

“Kecintaan duit adalah akar segala kejahatan”(1 Timotius 6:10). Orang Kristian mesti semua sekali menghinakan duit.

Sebuah dongeng lama berkata, Kristus pernah mengajar pengikut-pengikut-Nya, “Berwaspada akan duit.” Mereka pun tanya, “Kenapa?” Tuan jawab, “Sebab banyak kali ia didapati secara haram.”

Pengikut-pengikut pun tanya, “Jika duit itu didapati dengan jujur?” Yesus kata, “Berwaspada juga. Sebab kerap kali duit itu akan dibelanja dalam dosa.”

Pengikut-pengikut pun tanya lagi, “Bagaimana kalau wang itu didapati dengan ikhlas, dan dibelanja dengan baik?”

Tuan jawab, “Masih kena berwaspada. Wang sentiasa mengotorkan.”

Julai 6

Natanael berkata, “Guru, Gurulah Anak Allah! Gurulah Raja bangsa Israel!”(Yohanes 1:49)

* * *

Islam dan agama Yahudi baru(Reformed Judaism) menerima Yesus sebagai seorang nabi agung. Mereka saja menolak menyembah-Nya sebagai Anak Tuhan. Dalam hal ini kami berhutang mereka sesuatu cahaya.

Di dalam Ibrani, perkataan sifat nama jarang digunakan. Orang Yahudi tidak berkata, “Seorang yang bermulut murai,” melainkan “seorang perkataan.” Untuk “suci”, mereka saja boleh kata “anak Tuhan.” Di dalam bahasa Aram, iaitu bahasa yang di-tutur Yesus, kata sifat nama lagi kekurangan. Jadi di dalam Alkitab kita selalu bertemu dengan perkataan aneh seperti, “anak-anak cahaya,”(iaitu orang bercahaya); dan “anak neraka,”(orang sesak.)

Kami kena menerangkan kepada orang Yahudi dan Muslim bahawa kami juga tidak percaya Yesus sebagai Anak Tuhan dalam maksud yang biasa. Tuhan tiada isteri dan tidak melahirkan anak-anak. Bahasa Ibrani pada kurun pertama tiada perkataan untuk menunjukkan darjatnya Kristus sebagai manusia dan juga kesatuan-

Nya dengan Tuhan, mereka saja dapat memanggil-Nya “Anak Tuhan.”

Sains moden memberi kita satu gambaran baru akan “Anak Tuhan”. Kita kata akan keluarga anasir-anasir radioaktif. Apabila ada sebiji elektron terlepas daripada sebiji jisim uranium 1, jisim itu pun bertukar menjadi uranium 2, kalau lagi ada sebiji elektron yang terlepas, ia pun menjadi ionium, dan sebagainya.

Kita boleh guna bayangan lain untuk menyifatkan apa ertinya “Anak Tuhan” itu. Yang pasti ialah, Kristus itu Tuhan. Orang purba kata, “Aut Deus, aut homo non bonus.” (maksudnya: Jikalau Dia bukan Tuhan, Dia bukan orang baik.)

Pengarang-pengarang agung kurun ke dua puluh ini cuba meyakinkan kita bahawa Yesus itu saja seorang manusia. Apakah manusia Yesus itu, sehingga 2000 tahun selepas-Nya masih kena begitu besar usahanya untuk meyakinkan orang bahawa Dia sajalah manusia? Manusia yang begitu adalah Tuhan yang terjelma, yang boleh digantungi kita dengan sepenuh hati.

Julai 7

“Sesiapa yang menyambut seorang pesuruh Allah kerana dia pesuruh Allah, akan menerima pahala seorang pesuruh Allah.”(Matius 10:41)

* * *

Macarius dari Korintus dianggap sebagai seorang saleh di Timur, bukan sebab dia mati syahid sendiri, melainkan sebab dia memberi kekuatan hati kepada orang lain supaya mati syahid. Dia menggalakkan orang yang sedang masuk ke dalam medan syahid, dan menyalakan api cinta untuk Kristus di dalam hati mereka, dan berhasrat menderita bagi-Nya.

Sebagaimana mahkota kebenaran telah disediakan untuk syahid sebab mereka telah menyiapkan perlumbaan mereka seperti Paul -- begitu juga mahkota itu telah disediakan untuk semua yang bekerja sama dengan mereka, dan semua pembantu juga.

Pada masa kita ini ada ramai syahid, termasuk di dunia Komunis, di bawah kuasa Islam, dan di negara-negara yang menyembah berhala. Ramai Kristian, termasuk pemimpin-pemimpin yang masyhur, bersahabat dengan pihak kuasa yang menganiaya, dan bersimpati dengan orang-orang yang lebih sudi

menyembah patung Kaisar daripada kematian, seperti ramai Kristian lakukan pada kurun pertama. Pada masa itu Kristian yang menyembah Kaisar dipanggil *lapsi* -- iaitu *si murtad*. Kini mereka dipanggil *yang bijaksana*. Dan Kristian yang dipenuhi Roh Kudus, yang memilih penjara dan kematian, dipanggil *mabuk* seperti rasul-rasul pada masa Pentakosta.

Marilah kita berpihak dengan mereka yang duduk di dalam penjara dan dihukum mati untuk Kristus. Doalah untuk mereka dan membantu mereka. Jadi kita pun akan dapat mahkota seperti mereka.

Julai 8

“Engkaulah Raja Israel!”(Yohanes 1:49)

* * *

Rupanya nama ini, “Raja Israel” yang disebut Natanael kepada Yesus, akan menawarkan apa-apa minat seorang yang bukan Yahudi kepada-Nya. Apakah minatnya seorang Eropah atau Amerika kepada seorang raja Zulus 2000 tahun dulu?

Seorang Raja Yahudi telah dilahirkan dan orang bijaksana dari jauh pun datang menyembahnya. Dan selepas dua puluh kurun, segala bangsa pun ada yang bersujud kepada-Nya.

Mestilah ada sesuatu yang istimewa dengan orang Yahudi, sehingga Raja mereka begitu penting. Paul menulis, “Mereka itu orang Israel. Mereka telah diangkat menjadi anak, dan mereka telah menerima kemuliaan, dan perjanjian-perjanjian, dan hukum Taurat, dan ibadah, dan janji-janji. Mereka adalah keturunan nenek moyang yang termasyhur. Bahkan dari antara mereka jugalah Kristus lahir sebagai manusia. Dialah yang terutama dari segala sesuatu, Allah yang terpuji selama-lamanya.”(Roma 9:4,5)

Orang Nazi tidak mengaku bahawa agama Kristian datang daripada Yahudi. Mereka sedari perkaitan di antara gereja dengan Yahudi, lebih daripada ramai Kristian.

Di luar gereja Israel tidak dapat membuat apa-apa yang kekal. Dan tanpa Israel, gereja tidak akan berjaya. Sajalah dengan Israel menerima Kristus baru dapatnya “hidup daripada kematian”(Roma 11:15).

Nampak saja dunia ini, kita pun mendapati peranan Israel sebagai bangsa terpilih. Pertempuran agung adalah di antara dunia yang percaya pada Yesus(seorang Yahudi), dan dunia sebelah lain yang percaya pada Marx(seorang Yahudi). Di bidang sains, alam semesta ini dinamakan dengan nama seorang Yahudi pula, Einstein.

Inilah tugas setiap Kristian untuk berdoa dan bekerja untuk pemusingan Yahudi kepada Yesus, dan untuk keselamatan Israel. Kita semua mesti berusaha untuk ini.

Julai 9

“Pergilah (meneruskan jalan yang ditentukan bagimu)”(Matius 8:4)

* * *

Orang saleh adalah orang lelaki dan perempuan yang semua sekali berlainan, masing-masing ada jalan bersendirian. Mereka tidak boleh diukur dengan ukuran biasa.

St John of the Cross tidak dapat melakukan apa-apa kerja tangan, sebab dia telah dipenuhi fikiran Tuhan sehingga tidak dapat bertumpu hati dengan tukul atau gunting di tangannya. Yusuf dari Copertino begitu kehilangan dirinya di dalam Tuhan sehingga dia kena mencubit dirinya bila dipanggil orang, supaya dapat menyedari dunia ini semula. Kalau tidak, dia akan menjawab segala orang dengan jawapan kerohanian, sebab fikirannya masih belum suai dengan dunia ini.

Saja sesetengah orang saleh yang demikian. Elisabeth dari Hungary adalah seorang saleh tetap mengambil hati berkenaan setiap keperluan umatnya yang rendah, walaupun beliau seorang ratu. Seorang saleh yang berperilaku kemanusiaan, beliau adalah Elisabeth manusia yang terbaik, mengorbankan setiap

keseronokan dirinya supaya Elisabeth yang sempurna dapat hidup di bumi.

Seperti Yesus Sendiri, ramai orang saleh dianggap sebagai orang gila. Merekalah orang ketuhanan -- menderita untuk Tuhan. Mereka telah mati kepada dunia ini sebelum mati.

Ada orang saleh hidup sebagai seorang askar, seperti Joan dari Arc. Ada pula yang menyiksa diri. Tetapi Terese dari Lisieux kata, “Jika makanan rasa baik, saya bersyukur Tuhan sebab ini. Jika rasanya buruk, saya pun terimanya sebagai perihal untuk menahan nafsu. Jalan kesucian adalah menerima segala sebagai latihan untuk mengatasi nafsu.”

Carilah panggilan kamu daripada Tuhan, “kamu” yang sempurna itu, tujuan kamu dipilih sebelum asas dunia ini. Kemudian mengikut-lah Yesus di dalam panggilan kamu ini, walaupun ini dinampak aneh oleh orang lain.

Julai 10

“Ingatlah banduan-banduan, seperti dikurung bersama mereka.”(Ibrani 13:3)

* * *

Seorang Kristian di Rusia telah dihukum sepuluh tahun di penjara sebab imannya. Dia tertinggal seorang isteri dan sembilan orang anak-anak yang lapar. Misi “Yesus kepada Dunia Komunis” membantu mereka dengan sedikit duit dan mendapat balasan yang mengagumkan ini daripada isterinya.

“Pujilah Tuhan sebab Dia telah memberi kami mengangkat sedikit sisa salib-Nya.” (Kita selalu mengadu akan hal-hal nipis, seakan-akan itulah salib yang tidak dapat ditahani. Bagi wanita itu, dengan suaminya yang dikurung dan sembilan anak yang perlu makan, tanpa apa-apa sumber pendapatan, sajalah sedikit sisa salib Yesus.) *“Walaupun kami mesti makan roti kami dengan air mata, tetapi Tuhan patut dipuji dalam semua hal. Saya berterima kasihmu dengan air mata sebab Tuhan telah membuka hatimu dari begitu jauhnya. Kasih ada lengan yang panjang, sehingga ia menghulu kepada kami. (Apabila Paul menulis sifat-*

sifat kasih di buku 1 Korintus 13, dia lupa menyebutkan bahawa kasih ada lengan yang panjang.)

“Apabila kami tertinggal bersendirian, si jahat itu berbisik bahawa kami tiada cara untuk hidup, tetapi pujilah Tuhan sebab Dia memang peduli, seperti dulunya menjaga Elijah, Daniel, dan semua yang melayani-Nya.

“Tuhan telah memberi saya sembilan anak yang menunggu ayah mereka pulang, tetapi ayah mereka telah menyerahkan nyawanya kepada Kristus dan menderita untuk iman yang diberikan kepada semua orang salih itu.”

Dalam bahasa asal, Buku Rasul-Rasul adalah satu-satunya buku di dalam Alkitab yang ditamatkan di tengah sepatah ayat. Ia adalah sebuah buku yang belum habis. Keberanian Kristian kurun pertama masih disambungkan pada hari ini.

Marilah kita selalu ingat akan saudara-saudara yang menderita di dalam penjara sebab imannya. Janganlah lupakan keluarga mereka.

Julai 11

“Kita ... telah ditukarkan ke dalam rupa yang sama(dengan Kristus,) daripada kemuliaan kepada kemuliaan.”(2 Korintus 3:18)

* * *

Daripada ilmu falsafah kita mendapat dua ajaran, yang rupanya bertentangan, tetapi sebenarnya menyokong satu sama lain. Yang pertama ialah, *Omne quod recipitur, per modus recipientis recipitur* -- “Apa saja yang kita terima, kita menerima sebagai seorang penerima.” Jadi terdapat berbagai-bagai agama dan berjenis-jenis pendapat.

Kita semua nampak kebenaran yang sama, tetapi pendapat kita akan berlainan mengikut latar belakang kita yang berlainan dan juga warisan-warisan, taraf pelajaran, sifat, tenaga, dan kebijaksanaan kita masing-masing. Kita tidak dapat nampak Tuhan yang sejatinya, melainkan sebagaimana rupa-Nya kepada setiap kita.

Keadaan ini juga benar dengan Tuhan. Tuhan tahu setiap hal kita daripada pandangan illah. Ini tidak mencukupi untuk memberi hukuman yang sejati. Oleh sebab itu Anak Tuhan mesti kena menjadikan dirinya sebagai seorang manusia. Kini Dia tahu apanya

kemiskinan, penganiayaan, kesedihan, penentangan, seksa, dan penggodaan. Apabila Kristus ini naik ke syurga, Dia pun diperkayakan dengan satu bidang baru: pengalaman manusia.

Oleh sebab ini adalah ditulis di dalam Kidung Agung 3:11, “Lihatlah Raja Sulaiman memakai mahkota yang dipasangkan bonda-Nya, pada hari pernikahan-Nya.” Sejak abadi Kristus mempunyai segala jenis mahkota kemuliaan ketuhanan. Maria menambahkan satu lagi bagi-Nya: menjadi penjelmaan Tuhan. Dia memberi Kristus kemungkinan untuk menyatukan sifat dan pengalaman manusia dengan sifat ketuhanan-Nya.

Fahaman kedua ialah: *Anima quodammodo fit omnia* -- “Jiwa ada kuasa untuk menjadi apa-apa saja yang dikehendaki-nya.” Ia mampu berasa sama dengan apa yang difahaminya, dan dengan apa yang dikasihi dan dihasrati-nya.

Orang Kristian tahu kekurangan diri mereka. Mereka tahu roh mereka hidup di dalam rangka sifat peribadi(tubuh) mereka, tetapi mereka hasrat untuk nampak Tuhan dengan sejatinya. Jiwa kita mampu untuk itu. Kita akan berjaya.

Julai 12

“Tuhan telah memilih ... yang terhina di dunia ini.”(1 Korintus 1:27,28)

* * *

Daripada ramai orang yang berkemungkinan nampak Tuhan, Tuhan telah memilih seorang tokoh pendosa, Saul dari Tarsus -- seorang yang memusnahkan gereja, yang pernah membunuh Kristian dan memaksa sesetengah jemaah menafikan iman. Tetapi kuasa untuk jahat jugalah kuasa untuk baik.

Pada suatu masa, air terjun Niagara membawa kemusnahan bagi Amerika Syarikat dan Kanada. Sungai itu membanjiri kawasan yang luas di kedua-ke dua negara itu, menjadikan pertanian mustahil. Kemudian ada seorang berfikir, “Jika air terjun ini boleh membuat jahat, tentu ia dapat buat baik juga.” Jadi empangan pun didirikan, dan turbin dipasangkan. Kini air terjun Niagara menjadi sumber elektrik bagi kedua-ke dua negara itu.

Apabila William Booth ingin membawa injil kepada Britain, dia cari orang yang sesuai. Dia menganggap kebanyakan pendeta sebagai orang yang belum dilahirkan semula, atau anak-anak Tuhan sejati

yang terlalu lemah untuk menukarkan keadaan sekeliling mereka. Jadi dia mencari banduan-banduan di penjara. Selepas orang-orang itu bertaubat, mereka pun menjadi soldadu dan pegawai Bala Keselamatan. Mereka bekerja dengan amat berkesan.

Di dalam Ibrani, *Kedeshah* bermakna *pelacur* dan orang *salih*. Perempuan dosa yang mencuci kaki Yesus dengan air matanya itu, adalah seorang pelacur seterusnya, mula-mula dengan tanda negatif, kemudian dengan positif. Kasih yang dia belanja di dalam dosa itu, kini diberinya dengan lumayan kepada Juru-selamat-Nya.

Carilah orang yang jahat sekali, doa untuk mereka, dan buatlah apa yang kamu dapat buat untuk membawa mereka bertaubat. Mungkin mereka akan menjadi sesuatu berkat yang agung bagi orang ramai.

Julai 13

“Mereka adalah orang asing dan pendatang di bumi ini.” (Ibrani 11:13)

* * *

Seorang pengkhotbah Amerika, John Morrison, sedang pulang ke negaranya selepas pengkhotbahannya di banyak negara, di mana dia telah membawa berpuluh-puluh ribu orang kepada Kristus. Dia menaik kapal yang sama dengan presiden Amerika Theodore Roosevelt, yang sedang kembali selepas pemburuan di Afrika, di mana dia telah menembak beberapa ekor babi hutan.

Di atas pelabuhan di New York, beribu-ribu orang sedang menyambut dengan bersorak-sorai. Siapakah yang disambut mereka? Tentulah pembunuh babi hutan itu. Tiada seorang pun berminat dengan pengkhotbah yang menyelamatkan jiwa itu. Kemudian kedua-dua tokoh itu menaiki kereta api yang sama pula. Di atas pentas stesen, lagi ada beribu-ribu orang yang menyambut, lagi sekali untuk Roosevelt, bukan untuk Morrison.

Seorang pengkhotbah juga manusia. Morrison berasa cemburu dan tidak puas hati. “*Adakah ini*

sambutan yang saya dapat selepas pengkhidmatan yang begitu letih itu?” Dengan segera ada sesuatu suara yang membetulkannya: *“Kamu belum kembali rumah lagi.”*

Jika seorang Kristian harap dapat dikenali di dunia ini, dia tentu akan kecewa. Di sini kita kena meninggalkan kejayaan. Apakah nilainya jika Jeneral Eisenhower atau Winston Churchill dipuji di Nazi Jerman?

Yesus berkata, *“Celakalah kamu apabila semua orang pun berkata baik akan kamu”* (Lukas 6:26). Inilah tanda jelas bahawa kamu adalah salah seorang anggota dunia ini.

Biarlah kita tunggu balasan kita di atas.

Julai 14

“Jangan kamu menjadi serupa dengan dunia ini.”
(Roma 12:2)

* * *

Di Lukas 7, kita baca bahawa Yohanes Pembaptis bercuriga akan peranan Yesus sebagai Mesiah. Kekhuatiran ini datang selepas dia dikurungkan di dalam penjara. Walaupun dia pernah mengisytiharkan bahawa Yesus adalah Domba Allah yang menghapuskan dosa dunia, penjara telah menggoncangkan imannya.

Yohanes kongsi curiganya dengan dua pengikutnya, yang sampai masa itu percaya Yesus sebagai Juru-selamat. Tetapi oleh sebab seorang telah menanam curiga ke dalam hati mereka, mereka pun berjalan jauh untuk menyoal Yesus, dan sebut kepada-Nya curiga seseorang lain. Mungkin mereka bertanya ini di depan orang lain, jadi curiga itu pun sekali lagi disebarkan.

Yesus jawab, “Pergilah mengikut jalanmu” (Lukas 7:22). Jangan membiarkan dirimu dipengaruhi sikap salah seseorang lain, walaupun orang itu seorang nabi yang agung.

Ada saudari-saudari Kristian bekerja di dalam sebuah kem abdi di hutan Siberia, menebang pokok. Jauh dari mereka ada rumah berek banduan lelaki jenayah, yang menebang pokok juga. Pada suatu petang, apabila wanita-wanita Kristian itu berkumpul untuk berdoa, mereka dengar ada orang mengetuk pintu.

“Buka pintu! Tiada haram kepada kalian,” sesuatu suara kasar bersorak. Saudari-saudari tidak berani mengikut arahan itu. “Buka, jika tidak kami akan pecahkan pintu,” beberapa suara jerit.

Apabila pintu dibuka, kira-kira dua puluh orang lelaki dengan jubah yang bersalji pun masuk. Salah seorang berkata, “Kami dengar bahawa kamu itu Kristian. Beritahu kami akan Tuhan. Kami telah tiga puluh tahun belum bertemu seorang pendeta.”

Berek wanita-wanita ini pun dijadikan sebuah gereja sulit di mana banduan-banduan berkumpul. Saudari-saudari mengajar mereka akan iman, injil dan doa yang telah lama dilupai mereka, dan juga membaptiskan beberapa lelaki itu. Sebagai balasan, lelaki-lelaki itu pun membuat kerja keras untuk saudari-saudari itu, supaya wanita-wanita itu dapat lebih masa untuk berdoa.

Inilah jiwa di bawah Bolshevik(Komunis di Rusia.) Kamu pun menjalankan arahan Tuhan kepadamu, tidak bimbangkan kata orang.

Julai 15

“Di manakah janji tentang kedatangan-Nya? Sejak bapa-bapa kita meninggal, segala sesuatu tetap serupa sejak kejadian alam.”(2 Petrus 3:4)

* * *

Pengejek-pengejek selalu mencabarkan Kristian pada masa dulu dengan kata-kata tersebut. Kini mereka telah bersunyi. Hari ini perkara yang baru telah terjadi di dunia lama ini. Orang telah mengusik nuklear atom, dan telah menyimpan 15 ton bahan letupan bagi setiap manusia yang hidup. Kemusnahan manusia boleh terjadi dalam beberapa minit. Tambah pula, kini manusia dapat berjalan di atas bulan. Diktator-diktator dan perampas duit boleh mengubahkan fikiran orang dengan dadah dan mas media. Kadar penambahan penduduk-penduduk dunia yang mengancamkan, kemarau yang besar-besaran, udara kotor yang tidak dapat di-nafas di kota-kota negara maju. Dan kuasa dunia bukan lagi dipegang di dalam tangan mereka yang membawa tamadun Kristian. Wakil-wakil dunia ketiga telah ada kebanyakan duduknya di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan selalu undi mengikut arahan Cina.

Pemulihan negara Israel adalah satu hal yang tidak dapat dinafikan. Tuhan telah membawa umat-Nya kembali ke Tanah Suci. Jerusalem dipunyai mereka, ini tanda kiamat.

Kuasa-kuasa anti-Kristian telah masuk ke dalam gereja. Capital Voice mengumumkan kajian ini pada 1974 Ogos 1: “51% pendeta Methodist di US tidak percaya pada kebangkitan Yesus; 60% tidak percaya akan kelahiran daripada seorang anak dara; 62% menafikan wujudnya Satan; 89% pendeta Anglican tidak percaya Alkitab sebagai Firman Tuhan. Mereka percaya tiadanya kebenaran.” Ini juga satu tanda Kiamat. “Bencana yang Dahsyat” akan berada di tempat yang suci(Daniel 9:27).

Semua ini adalah tanda-tanda kedatangan Tuhan. Segala hal bukan seperti dulu lagi. “Dia yang bersabar sehingga keakhiran akan diselamat”(Matius 24:13).

Julai 16

“Apa rupanya orang yang datang kepadamu dan memberitahu kamu kata-kata ini?”(2 Raja-Raja 1:7)

* * *

Apabila Elijah menghantar sesuatu berita kepada Ahaziah, raja Israel, raja itu tidak tanya akan beritanya, melainkan soalan tersebut. Nilai sesuatu berita bergantung kepada mutu penghantar itu. Sebuah khutbah berkenaan “Celakalah kamu orang kaya”(Lukas 6:24), yang disampaikan oleh seorang pendeta yang ingin menjadi kaya, akan memberi orang sesuatu perasaan yang aneh.

Orang Kristian pada kurun pertama adalah orang yang bersikap betul.

Mereka dibogelkan dan digantung di atas dinding, yang mempunyai empat bulatan besi untuk mengikat kaki dan tangan mereka, kemudian dipukul dengan kayu, disepit, dan dibakar dengan obor. Mereka menahan dengan berani dan tidak menafikan Kristus, atau memberitahu tempat perkumpulan persembahan mereka.

Tiada mesin yang direka manusia dapat menahan apa yang dilalui saudara-saudari kita pada kurun-kurun

penganiayaan itu. Tubuh mereka yang kekurangan makanan itu boleh menahan lebih baik daripada tubuh ahli-ahli gusti, sebab merekalah orang yang betul sikapnya.

Apabila mereka disiksa, mereka tidak kesian diri mereka melainkan kesian akan penyeksa-penyeksa mereka. Mereka nampak di dalam penyeksa-penyeksa dan pengkhianat-pengkhianat mereka itu ada malaikat-malaikat rahmat, yang sedang menyediakan mereka untuk kerajaan syurga. Kita tidak perlu ilmu ketuhanan yang baru, melainkan Kristian-Kristian yang berjenis lama ini.

Mengapakah kita tidak menjadi sedemikian? Dengan Elijah, bahkan pakaiannya pun menunjukkan kesungguhan beritanya.

Julai 17

“Ajarlah kami mengira hari-hari kami, supaya kami dapat hati yang berhikmat.” (Mazmur 90:12)

* * *

Augustine menulis di dalam bukunya *Confessions*, “Jika tiada orang tanya saya apanya *masa*, saya tahu apanya; tetapi jika ditanya, saya pun kehilangan jawapan.” Angkasawan Rusia Koziereff kata, bahawa *masa* adalah “sesuatu yang mustahak dan aneh sekali di alam semula-jadi.”

Saya tidak akan bincang ilmu falsafah *masa*. Saja tunjukkan iaitu yang memisahkan orang kepada keturunan yang berlainan. Ia adalah lurah di antara seorang dengan anak-anak mereka. Anak-anak dilahirkan lewat dalam masa. Ini menjadikan mereka nampak ibu bapa mereka sebagai tanda setiap yang lama, yang tidak benar lagi, yang purba, yang berpura-pura moral dan berakhlak. Sebab itulah kata Freud, “Salah sejenis kerja yang paling susah ialah menjadi ibu bapa.”

Memang ada ibu bapa yang tidak layak mendapat kehormatan yang diberikan mereka di dalam Alkitab. Pembunuh Amerika Charles Manson adalah anak

seorang pelacur yang berumur enam belas, yang melahirkan anak itu saja sebab tiada duit untuk menggugurkannya. Tidak lama selepas kelahirannya, ibu muda itu pun dimasukkan penjara. Anak itu dibela sanak saudara, yang memukulnya lebih daripada memberinya makan. Sejak umur empat belas, Manson telah hidup di penjara dan di rumah pembetulan.

Sebaliknya, ada juga ibu bapa yang baik dan bertanggungjawab, tetapi telah dipanggil anak-anak sendiri sebagai “babi kapitalis”. Di sebelah lain, ramai pemuda-pemudi membunuh diri. Jumlah kejadian itu bertambah 250% dalam dua puluh tahun masa terkini. Di antara kedua-dua kes melampau itu ada beribu-ribu pemuda-pemudi yang tidak berpuas hati dengan ibu bapa mereka.

Biarlah kita ingat, bahawa masalah anak-anak adalah masalah ibu bapa yang terlupa bahawa waktu telah lepas, dan keturunan baru telah tiba. Kita mesti memberi anak-anak kita contoh ketuhanan yang terbaik. Memberi mereka hidup lumayan tidak mencukupi. Mereka perlu ada contoh hidup yang suci bersama pengajaran bijaksana.

Julai 18

“Jadikanlah dirimu sendiri suatu teladan dalam berbuat baik.”(Titus 2:7)

* * *

Seorang calon untuk pendeta menghadiri di depan jawatan kuasa pemeriksaan dan biskop. Dia ada syarat yang baik, termasuk markah yang tertinggi dalam segala mata pelajaran ketuhanan. Dia menjawab soalan biasa dengan baik. Pendeta gerejanya pun menyaksikan bahawa dia mengambil bahagian dalam semua kegiatan jemaah.

Biskop suci itu pun tanyanya sesuatu soalan yang diberikan calon-calon pada kurun pertama:

“Adakah kamu sudi menerima kehinaan seperti keuntungan?”

“Adakah kamu kasih orang asing sebanyak seperti saudaramu sendiri?”

“Adakah kamu menerima dengan sama sukacita, segala kesakitan sama seperti kesihatan, kebebasan sama seperti penjara, pukulan dan kesayangan, pembantahan dan kepujian?”

Calon itu jawab, “Tidak.”

“Jadi pergi dan belajar lebih,” kata biskop itu.

Ramai pendeta percaya bahawa mereka telah dipanggil Tuhan untuk terjemah dan berkhotbah Alkitab. Inilah tugas kedua. Yesus berkata bahawa Dia telah datang untuk memenuhi undang-undang dan Nabi-Nabi”(Matius 5:17). Dia memenuhi apa yang orang lain saja menjadikan tajuk khutbah.

Carilah seorang pendeta yang memenuhi suruhan Yesus, dan bukan seorang pembahas.

Julai 19

“Hari Tuhan akan datang seperti pencuri pada masa malam.”(1 Tesalonika 5:2)

* * *

Diktator Rusia Leonid Breshnev menunjukkan ibunya pejabatnya yang mahal, rumah peribadinya yang mewahnya di luar bandar Moscow, kereta jenamanya, dan rumah cutinya di pantai Laut Hitam, lalu tanya ibunya, “Adakah emak berpuas hati?”

Ibunya menjawab, “Saya memang gembira nampak kamu begitu pandai; tetapi apa jadi jika orang Komunis berkuasa? Mereka itu jahat. Mereka benci orang kaya dan tetap mahu setiap orang serata.”

Mudah saja kita gelak akan ketidakseimbangan ajaran pemimpin-pemimpin Komunis dan hidupan mereka. Gurau ini boleh ditukarkan. Apa jadi kalau kita menunjukkan hidup kita kepada seorang ibu yang suci? Dia akan tanya kita, “Semua elok, tapi apa jadinya apabila Yesus kembali?”

Ada suatu cerita, yang kata Yesus datang ke Roma. Dia nampak tentera sedang berbaris, setiap askar memegang sepucuk senapang. Dia pun tanya jika mereka Kristian. Apabila mereka mengangguk, Yesus

kata, *“Saya telah mengajar pengikut saya supaya jangan mengucap jahat tentang sesiapa pun. Saya tidak sekali-sekali sangka mereka akan menggunakan senjata!”*

Dia nampak di tingkap kedai ada pameran yang mengumumkan, *“Kasut terbaik!”*, *“Kereta elok sekali!”* Yesus pun masuk ke dalam kedai dan tanya, *“Saya telah ajar bahawa setiap orang menghormati orang lain lebih daripada dirinya. Mengapa kamu tidak memuji jualan-jualan pesaing kamu?”*

Dia nampak pelacur-pelacur duduk di taman untuk mendapat pelanggan. Mereka semuanya ahli-ahli gereja! Sudah dibaptis lama. Dia nampak Kristian-Kristian terpisah ke dalam beberapa parti politik. Dia nampak sebuah gereja Katolik, sebuah gereja baptis, sebuah gereja Lutheran. Dia pun hairan akan nama-nama gereja itu, dan tidak pasti yang mana itu jemaah-Nya. Dia belum dengar kebanyakan nama-nama itu kecuali Katolik.

Dia ingin berkata dengan Paus, tetapi tidak dapat perjanjian untuk bertemu. Dia kena melalui dengan cerdik pengawas-pengawas Swiss. Sebelum diterima Paus, orang memberitahu-Nya bahawa Dia mesti memanggil Paus itu *“Bapak Suci.”* Yesus jawab, *“Saya ingin tajuk itu saja untuk Tuhan?”*

Apakah taraf hidup kamu? Apakah taraf moral dan rohani-mu? Semua perkara pun nampak bagus -- tetapi apa jadi bila Yesus kembali?

Julai 20

“Saya menghantar kamu keluar seperti biri-biri di antara serigala-serigala. Jadi bijaklah seperti seekor ular.”(Matius 10:16)

* * *

Surat khabar Soviet, *Sovietskaia Rossia*, 23 Mei, mengadu bahawa di dalam perhimpunan Kristian, “Orang lelaki berlutut dan bersifat emosi tinggi”(Betapa baiknya kalau Kristian-Kristian negara barat dapat sampai keadaan ini setiap masa mereka berlutut). Para Kristian itu juga mendengar siaran luar negara, dan menyebarkan rekaman khutbah-khutbah daripada siaran itu; mereka mengajar pemuda-pemudi Kristian menyebarkan surat propaganda. Karangan itu kata bahawa Kristian berhasrat untuk mendapat pemuja baru, seolah-olah giat pemuda-pemudi.” Hukuman bagi mereka ialah tiga dan lima tahun di dalam penjara.

Pravda Ukraini, 12 Julai 1966, menerbitkan sebuah berita dengan bertajuk “Mereka dapat apa yang sepatutnya,” memberitahu akan hukuman orang-orang Kristian selama lima tahun.

Sovietskaia Rossia berkata akan seorang pendeta Oktodok Turkovskii. Dia bersama rakan-rakan

Kristiannya cuba menghalangkan pemuda-pemuda Komunis bermain bola tambar di dalam kawasan gereja sedangkan sembahyang diadakan. Untuk jenayah ini dia diberi empat tahun penjara.

Komsomalskaia Pravda, 22 March 1964, mengatakan ketakutan seorang guru apabila dia nampak sembilan anak muridnya memakai salib. Laporan itu kata bahawa kita mesti memaksa anak-anak Kristian membaca buku-buku anti-agama dan belajar tarian moden. Begitu kita pun menyelamatkan seorang daripada kegelapan di bawah tanah. Apa yang dibenci Komunis teramat sekali ialah kadang-kala perhimpunan rahsia gereja gelap itu diadakan di dalam rumah-rumah Komunis, saja berpura-pura sebagai Komunis, tetapi di dalam hati mereka Kristian. Hal itu juga berlaku di bandar Shushcinsk, sebagaimana lapuran *Kazatstankaia* pada 17, Mei, 1962.

Sovietskaia Kirghizia, Novembor 1966, kata akan penghakiman tentang Nina Bikova, yang mengadakan sekolah agama gelap untuk kanak-kanak di bawah umur tujuh. Budak-budak itu diberitahu supaya mendiamkan diri akan hal ini, dan mereka semua ikut. Suratkhbar Komunis itu kata bahawa saja dengan kebetulan mereka mendapati sekolah itu. Di Rusia bahkan budak-budak juga tahu bagaimana “*bijak seperti ular*” untuk melayani Tuhan.

Julai 21

“Kamu akan dibenci oleh segala negara.” (Matius 24:9)

* * *

Bagi Kristian-Kristian yang tidak dibenci, tentu ada sesuatu yang telah bersalah.

Henrik Ibsen, pengarang Norway yang masyhur, adalah penulis yang amat ditolak pada kurun kesembilan belas. Sebab dia melakukan apa yang patut dilakukan kita. Dia menyebut hal-hal yang dielakkan orang ramai, dan berpendapat berlainan daripada kebanyakan orang. Beritanya ialah, bila berkenaan dengan hal moral, kita mesti berdiri di sebelah kebenaran dan tidak bertolak ansur.

Oleh sebab ini, sekeluarganya menderita. Di dalam novelnya, *Musuh Rakyat*, dia letakkan kata-kata ini di mulut seorang peranannya: *“Kamu sudah gila sebab terlalu sombong, sebab seorang yang membawa kemaluan kepada keluarganya adalah seorang yang dirasuk hantu, seorang yang lebih mempedulikan urusan orang ramai daripada kepentingan isteri dan anak-anak dirinya.”* Kata ini mesti sering di-dengarnya daripada para saudara dan rakannya.

Saudara-saudara kita yang menderita penjara untuk Kristus juga dengar teguran ini.

Jawapan Ibsen adalah mudah. Dia menulis, “Di dalam ribut, ingatlah satu hal: ia akan lepas... Sebelum orang ramai faham sesuatu, seorang mesti faham dulu... Kebanyakan orang adalah salah... saya menentangi bohong yang lama itu, iaitu *kebanyakan selalu betul.*”

Apabila orang ramai melemparkan batu-batu ke dalam rumahnya, Dr Stockmann berkata, “*Saya akan menyimpan batu-batu ini sebagai bahan peringatan yang suci.*”

“*Orang yang kuat mesti belajar hidup bersendirian.*”

Biarlah kita belajar untuk menghadapi teguran orang ramai. Yesus tidak menyerah kepada kebutaan orang. Dia adalah cahaya. Dia mempengaruhi tanpa dipengaruhi. Dia dibenci ramai, tetapi juga dapat rakan-rakan yang taat dan sudi mengasih-Nya sampai mati.

Julai 22

“Tetap berjuang untuk mempertahankan iman yang telah disampaikan kepada orang-orang kudus.” (Yudas 3)

* * *

Apabila Nelson masih muda, dia kembali dari pemburuan sarang burung. Makciknya menegurnya: “Saya hairan kenapa ketakutan tidak menyebabkan kamu pulang awal.”

“Ketakutan?” Nelson menjawab. “Saya tidak kenalnya.”

Kita tidak tahu akan ketakutan pertengkaran. Apabila Spurgeon, pengkhotbah Baptis yang masyhur di Britian, mengawasi akan penyebaran ajaran sesak di antara jemaah-nya, dia pun meninggalkan Persatuan Baptis dan bermula bergelut untuk kepercayaan Alkitab. Dia tidak harap berjaya. Dia kata, “Saya telah sedia dimakan anjing untuk lima puluh tahun ini, tetapi akhirnya orang akan ingat saya.”

Orang memberinya gelaran yang menghina. Dia menjawab seterunya bahawa oleh sebab tiada bahasa yang cukup kuat untuk menyifatkan kebosanannya terhadap mereka, dia pun tidak jawab mereka.

Dia tidak mencari persahabatan. Dia minta orang mengikut ajaran-Nya dengan sepenuhnya, sebab Dia pasti khutbah-Nya datang daripada Tuhan.

Seorang pengkhutbah hitam di sebuah pekan kata bahawa dia mengelakkan berkhotbah menentang mencuri ayam, sebab ini akan meruntuhkan kasih persaudaraan. Saya pernah ditegur seorang pendeta yang telah menjemput saya ke gerejanya, sebab saya telah sebut tentang dosa Raja Herodes yang merampas isteri saudaranya dan menjadikannya isteri sendiri. Inilah dosa seorang ahli gerejanya yang terkaya, dan yang derma banyak sekali. Pendeta itu enggan melepaskan sumber kewangan ini.

Kita kena berlawan sikap bertolak ansur di dalam gereja dan di dalam misi, walaupun membuat demikian akan mendatangkan pertengkaran hebat. Pengkhianat-pengkhianat ajaran Kristus tidak dapat jadi rakan kita.

Julai 23

“Kekasihku kepunyaanku.” (Kidung Agung 2:16)

* * *

Seorang raja berkata kepada rakan yang paling disukainya, “Mintalah apa saja yang kamu suka, dan saya akan memberimu.”

Rakan itu pun bertimbang, “Jika saya minta sebagai seorang jeneral, saya akan jadi, dan saya pun sesal sebab tidak minta menjadi perdana menteri. Jika saya minta separuh negara ini, saya akan dapatnya, dan saya pun sesal sebab tidak minta separuh lain itu.” Jadi dia pun berkata kepada raja itu, “Berilah saya puteri baginda sebagai isteri.”

Di dalam Ibrani dan Yunani, perkataan *jiwa* bersifat betina. Oleh sebab itu, jiwa yang beriman pun minta Tuhan supaya mendapat Kristus sebagai pengantin lelakinya. Jadi kita pun menjadi waris untuk segala sesuatu dan semua malaikat pun akan melayani kita.

Betapa agung dan betapa rendah hatinya Pengantin Lelaki kita itu. Nathanael panggilnya “Anak Tuhan”(Yohanes 1:49). Yesus menjawabnya, “Sejak ini kamu akan nampak syurga terbuka, dan malaikat-malaikat Tuhan naik dan turun di atas Anak

Manusia”(Yohanes 1:51). Sebanyakanya orang nampak ketuhanan di dalam-Nya, kebaikhati-Nya menyebabkan-Nya menunjukkan peri-kemanusiaan (kerendahan)-Nya, supaya pengantin perempuan-Nya, yang saja manusia, dan kadang-kadang terlalu kemanusiaan itu, dapat datang kepada-Nya dengan tenang hati. Dia dipunyai mereka. Permintaan kita supaya Dia dipunyai kita pun ditunaikan.

Dia bukan saja Tuhan, tetapi juga seorang Pengantin Lelaki manusia, yang berminat dengan segala hal kemanusiaan, termasuk minuman anggur cukup atau tidak cukup di sebuah jamuan perkahwinan. Betapa berlainan dengan sesetengah orang saleh, yang telah jadi tak perasaan akan keperluan rakan-rakan mereka.

Kristus bukan saja memberi khutbah-khutbah. Dia juga tidak menegur berterus-terusan. Dia mengambil makan malam bersama kita, seperti apa yang akan dilakukan seorang pengantin lelaki bersama pengantin perempuannya.

Bernard dari Clairveaux berkata, “Seorang Tuhan yang sunyi akan sunyi-kan setiap sesuatu. Untuk nampak Tuhan yang sunyi ini, kamu pun bersunyi.” Fikiran yang tenang sekali ialah, “Kekasihku itu kepunyaanku.”

Julai 24

“Yesus berkata kepadanya(seorang penjenayah),
‘Sesungguhnya saya berkata kepadamu, hari ini kamu
akan bersamaku di firdaus.’” (Lukas 23:43)

* * *

Sebuah dunia yang amat memerlukan kasih dan doa
kita ialah dunia penjenayah. Masyarakat saja boleh
hukumkan mereka. Kita boleh memberi mereka
keampunan melalui darah Yesus.

Penjenayah sentiasa diiringi mangsa-mangsa
mereka - ada yang menyedari, ada yang tidak. Di
hujung setiap pertuturan, mereka akan dengar kata
terakhir mangsa-mangsa mereka. Kamu boleh bertutur
dengan penjenayah-penjenayah dengan beramah-tamah,
tetapi mereka tahu apa yang kamu fikir akan mereka:
seorang Pembunuh.

Walaupun mereka mungkin belum ditangkap polis,
bahkan polis pun tidak sangka apa-apa tentang mereka,
mereka sendiri akan terbongkar pada mimpian mereka,
atau dalam kata-kata mereka yang tidak sengaja.
Mangsa-mangsa selalu berada di tepi katil mereka pada
masa malam.

Emile Zola menceritakan seorang pelukis yang pernah membunuh orang di bukunya *Therese Raquin*. Walau pun tiada orang yang tahu jenayahnya, lukisannya selepas itu sentiasa membawa muka yang sama. Semuanya serupa mangsanya. Tidak kira dia lukis budak, atau wanita, semua pun sama.

Penjenayah bukan saja membunuh orang yang kini sudah mati. Mereka membunuh juga kesian orang lain terhadap mereka. Mereka dihina setiap orang kecuali Yesus, Rakan pendosa. Dia memilih takdir sebagai seorang penjenayah, dan disalibkan bersama-sama penjenayah. Dia telah takdir supaya Pilatus memberi peluang untuk melepaskan seorang penjenayah, dan orang ramai telah ditentukan supaya memilih seorang pembunuh, Barabas, untuk dibebaskan. Yesus sudi mati menggantikannya.

Dia tidak memandang rendah orang jahat. Dia menyamakan dirinya dengan mereka. “Hari Tuhan akan datang seperti pencuri pada masa malam”(2 Petrus 3:10).

Penjenayah akan dapat selamat daripada Yesus. Mereka juga akan dapat fahaman dan kesian daripada pengikut-pengikut-Nya yang tulen.

Julai 25

“Mereka bagaikan bintang-bintang mengembara, yang baginya telah tersedia tempat di dunia kekelaman untuk selama-lamanya” (Yudas 13).

* * *

Surat Yudas telah mentauliahkan sebuah buku yang dianggap ramai sebagai palsu, buku *Enos*.

Enos menulis, “Saya nampak tujuh bintang seperti tujuh gunung yang berapi. Apabila saya tanya, malaikat itu memberitahu saya, ‘Inilah tempat tamat langit dan bumi. Inilah penjara bagi bintang-bintang dan tentera syurgawi. Bintang-bintang itu dibuangkan ke dalam api ini sebab mereka telah melanggar undang-undang Tuhan, dan tidak bangkit pada masanya. Jadi Dia murka dengan mereka dan mengikat mereka...’”

Ingatlah pada hari ini ada malaikat-malaikat yang diikat rantai untuk beribu-ribu tahun. Mereka dikelilingi kegelapan, menunggu hari penghakiman yang agung itu.

Semua penjara adalah dahsyat. Neraka bagi orang adalah jauh lebih teruk. Tetapi siapa dapat membayangkan penjara malaikat, yang bersayap, yang

biasa terbang dari bintang ke bintang untuk melaksanakan urusan Tuhan itu?

Ada malaikat terjatuh ke sana sebab tidak taat pada batas-batas kekuasaan mereka. Mereka telah meninggalkan tempat kediaman dirinya(Yudas 6). Adakah kamu memegang pada kedudukan tinggimu sebagai seorang Kristian? Adakah kamu terus menjaga di tempatmu dan di gereja-mu, atau kamu telah berdosa bersama dunia ini? Tuhan tidak melepaskan malaikat-malaikat, akan-kah Dia lepaskan-mu?

“Mereka yang telah menuntun banyak orang kepada kebenaran akan bersinar seperti bintang-bintang, tetap untuk selama-lamanya”(Daniel 12:3). Adakah kamu sebuah bintang yang bersinar? Adakah kamu membawa ramai kepada kebenaran?

Ketakutan dan kegentaran adalah bahagian mustahak bagi kehidupan seseorang Kristian.

Julai 26

“Ia menurunkan orang-orang yang berkuasa dari takhtanya dan meninggikan orang-orang yang rendah.”(Lukas 1:52)

* * *

Miss Julie adalah sebuah novel Strindberg yang berkenaan percintaan di antara seorang perempuan amat kaya dengan pelayan lelaki. Pada sesuatu kali, mereka bertutur berkenaan impian masing-masing.

Perempuan kaya: “Saya sedang duduk di atas sebuah tiang yang saya telah panjat. Dan saya tidak tahu bagaimana untuk menurun... Saya mesti kena turun, tetapi saya tidak berani melompat... saya nak jatuh, tetapi saya tidak dapat jatuh pun. Saya tahu kecuali saya turun bawah, hati saya tidak akan tenang. Dan jika saya dapat turun ke bumi, saya akan terus menurun, sampai ke bawah bumi.”

Pelayan: “Saya biasa mimpi bahawa diri saya berada di dalam sebuah hutan gelap, dan diri saya sedang berbaring di bawah sebuah pokok yang amat tinggi. Beberapa kali saya telah cuba memanjat pokok itu, supaya dapat nampak semua dunia di bawah matahari, dan dapat memperoleh sarang burung

bersama-sama telur-telur emas di dalamnya. Saya terus cuba memanjat, tetapi batang pokok itu terlalu lebah dan licin, dan dahan yang pertama pun begitu tingginya. Jika saya dapat sampai dahan pertama, saya pun akan terus naik sampai kemuncak pokok seperti naik tangga.”

Ramai orang kaya ada perasaan serba salah sebab kehidupan mereka yang mewah, walaupun mereka mungkin tidak sedar akan itu. Inilah yang menjadikan mereka mengambil bahagian dalam aktiviti pemberontak-pemberontak. Mereka rasa tugas mereka adalah untuk menurun. Di sebaliknya, orang miskin yang cemburu orang kaya, berhasrat untuk menjadi kaya.

Perasaan biasa ini jika dapat diterangkan, akan menjadi unsur positif bagi masyarakat. Orang kaya boleh belajar daripada Yesus dan memberi sedekah dan berkongsi dengan orang miskin. Orang miskin boleh belajar daripada orang kaya, supaya tahu bagaimana untuk menggunakan kemahiran mereka untuk kebaikan keluarga-keluarga mereka.

“Orang yang mengikut Yesus tidak akan berjalan di dalam kegelapan, melainkan dapat cahaya hidup”(Yohanes 8:12). Orang yang tidak percaya suka kegelapan lebih daripada keterangan(Yohanes 3:19). Perasaan mereka ditekan, dan akan muncul bukan saja

di dalam mimpi, tetapi juga di dalam tindakan bodoh seperti aktiviti keganasan, mogok dan pemberontakan. Akibatnya ialah orang yang kaya kehilangan kedudukan mewah mereka yang tidak dapat dinikmati mereka dengan sepenuhnya, dan digantikan oleh orang yang rendah darjat, yang tidak lama kemudian pun akan menyedari bahawa kekayaan tidak akan membawa sukacita.

Julai 27

“Lalu Yesus berjalan keliling dari desa ke desa sambil mengajar.”(Markus 6:1)

* * *

Ramai di antara kita berasa kecewa. Kita tidak berjaya. Yesus juga tidak berjaya. Dia sajalah seorang pengkhotbah yang pendek masanya(tiga tahun). Kaiafas ada perhimpunan-perhimpunan besar seramai sejuta orang pada hari pesta, apabila ramai orang Yahudi dari seluruh dunia pun mengunjungi Jerusalem. Walaupun demikian, Kaiafas juga bukan orang yang berjaya. Pilatus boleh membuangkannya bila-bila masa. Dan Pilatus pun tidak berjaya. Kaisar boleh melepaskan jawatannya dan membuangkannya. Kaisar juga tidak berjaya. Kaisar Julius telah dibunuh oleh anak dirinya. Kaisar Nero juga dibunuh, selepas dia berjaya menghapuskan orang-orang Kristian.

Jangan cemburu orang yang dapat melakukan banyak kerja. Itu saja rupanya demikian. Orang agung mungkin dapat membuat sejarah, tetapi saja sejarah yang ada kemungkinan dilakukan mereka. Mereka juga di bawah pembatasan keadaan di sekeliling mereka.

Tambah pula, kita adalah terkurung di dalam pengalaman diri kita pada masa dulu. Diktator kejam Pemberontakan Perancis, Robespierre, ada pengalaman buruk sedangkan beliau kecil. Dia pernah ditinggalkan bapanya tidak lama selepas ibunya meninggal dunia. Dia kena bergelut keras untuk mendapat pelajaran. Pada masa remajanya, dia telah dihinakan oleh raja Louis XVI dan ratunya. Masa itu dia telah dipilih sebagai wakil bandar untuk memberi ucapan selamat datang apabila baginda datang ke bandar mereka. Tetapi baginda dan ratunya tidak berkata sepatah ayat pun, atau memberi apa-apa tanda tangan untuk menunjukkan pengesahan. Mereka saja teruskan perjalanan mereka. Ini telah menukarkan Robespierre menjadi seorang pembenci semua manusia. Dia bersuka ria dengan membunuh beribu-ribu orang yang tidak bersalah. Dia suka nampak darah orang di atas pentas pemotong leher.

Tuhan tidak menjadikan kita sebagai pembunuh-pembunuh. Menjadi seorang pembunuh tidaklah semula-jadi. Oleh sebab ini, pembunuh telah bersalah hebat. Robespierre sendiri juga mati di atas pentas pemotong leher kemudian. Negara republiknya saja menyediakan jalan untuk kenaikan Napoleon sebagai maharaja.

Jangan mencari kemenangan seperti dunia ini. Kejayaan saja menambahkan kekosongan. Pikullah bebanmu dengan puas hati, dan menerima juga warisan keturunanmu. Belajar daripada Yesus yang “lemah-lembut dan rendah hati,” yang berpuas hati dengan menjadi seorang tukang kayu, seorang guru agama yang tidak dikasihi, yang pergi ke kampung-kampung mengajar dan akhirnya dibunuh. Dan kebangkitan pun mengikuti.

Julai 28

“Aku akan mengadakan perjanjian damai dengan mereka.”(Yehezkiel 34:25)

* * *

Wanita Yahudi Simone Weil melarikan diri dari Nazi Jerman ke Britain. Di sana dia mati kekurangan zat makanan dan tuberculosi sebab dia telah mengambil keputusan untuk makan saja makanan catuan seperti di daerah jajahan Nazi. Dia meninggalkan banyak buku dengan fikiran Kristian yang dalam, walaupun dia tidak pernah dibaptis. Dia tidak menjadi ahli gereja supaya tidak dijarakkan daripada ramai manusia yang sengsara, yang bukan Kristian. Dia adalah sesuatu jiwa dengan panggilan Tuhan yang istimewa.

Dia tidak dapat menahan apa yang telah salah dipanggil sebagai tradisi Kristian. Dia tidak setuju dengan memegang tetap abu-abu lama(iaitu acara-acara lama) sebagai tradisi, melainkan dengan meneruskan api lama terbakar dengan bahan bakaran yang baru.

Dia tidak dapat bayangkan apa yang akan terjadi jika Yesus tiba-tiba muncul di depan dua pasukan tentera yang dalam peperangan, dan menyeru Kristian-

Kristian di kedua-dua pihak, “Kasihilah satu sama lain, seperti saya mengasihimu.” Dia akan terus ditembak mati dengan peluru-peluru dari kedua-dua pihak. Pada hari Ahad, pembunuh-pembunuh Kristus itu (di dua pihak perlawanan) pun akan menyembah di gereja-gereja masing-masing, dan berdoa kepada yang ditembak mati mereka itu, supaya dapat kemenangan, iaitu dapat mengalahkan pihak yang lain itu.

Ramai pemikir Kristian menderita sebab kasih kita yang tidak konsisten ini. Peperangan, perjuangan kelas, pemberontakan, dan juga pertengkaran di antara Kristian adalah hujat yang hebat, sebab semua itu bertentangan dengan kata ini, “Tuhanlah kasih.”

“Bahagialah orang pendamai, sebab mereka akan dipanggil anak-anak Tuhan” (Matius 5:9). Biarlah kita mencari damai dengan semua orang, sejauh se-mungkin kita.

Julai 29

“Dan Tuhan pun memberkati hari ketujuh itu.”(Kejadian 2:3)

* * *

Di dalam Alkitab, nombor 7 adalah nombor yang suci.

“Kini Henokh, keturunan ketujuh daripada Adam, bernubuat” (Yudas 14). Setiap tahun ketujuh, tanah mesti diberi rehat, tanpa menanam. Apabila tujuh kali tujuh tahun telah lepas, orang Yahudi pun merayakan tahun Jubilee, dan semua tanah akan dikembalikan kepada pemilik asalnya. Hari untuk kejadian alam semesta adalah tujuh; tujuh ekor binatang yang bersih dapat diselamatkan di banjir Nuh itu. Di dalam Injil Yohanes, Yesus menerangkan dirinya melalui tujuh corak. Di atas salib, Dia mengucap tujuh ayat. Buku Wahyu mengandungi surat-surat kepada tujuh buah jemaah.

Kenapa angka 7 saja yang menjadi angka suci? Orang Kaldia tidak ada sistem persepuluhan kita, melainkan sistem heximal -- enam angka dan satu sifar. Sistem persepuluhan adalah buatan manusia. Sistem komputer menggunakan sistem binari, iaitu satu(1) dan sifar(0.) Di dalam sistem heximal, angka 7 kita ditulis sebagai 10, sebab tiada angka yang lebih besar daripada

enam. Jadi tujuh(iaitu 10) pun menjadi angka yang suci, iaitu apabila kamu mengosongkan diri dan jadi 0, dan biarlah Tuhan menjadi perisai di depanmu “1”, kamu yang tidak bererti itu pun menjadi lebih kuat daripada keenam-enam angka yang lain.

Orang Yahudi adalah keturunan orang Kaldia. Jadi angka tujuh(10) pun menjadi angka suci bagi mereka. Bertentangan dengan tujuh, 6 pun menjadi angka kebelakangan, bererti setiap perkara kemanusiaan. Binatang liar pada masa kiamat itu adalah 666: yang tak bernilai, tak bernilai, dan tak bernilai. Seekor domba pun dapat memusnahkannya.

Jika kamu adalah seorang tujuh(10), yang telah menafikan diri, dan Tuhan yang esa itu telah menjadi kebenaran di depanmu, kamu pun tidak takut akan raksasa. Mereka sajalah harimau kertas. Kamu akan menang.

Julai 30

“Berbahagialah orang yang rendah hati, sebab mereka akan memiliki bumi. “(Matius 5:5)

* * *

Bandingkan Washington dengan Napoleon.

Washington adalah seorang yang rendah hati. Dia ingin dapat kebebasan bagi negaranya, cita-citanya pun tercapai. Dengan itu dia berpuas hati. Apabila ada orang hendak menjadikannya raja, dia menolak. Dia tinggalkan sebuah negara yang baru dan bebas.

Di sebaliknya, Napoleon berhasrat untuk masyhur dirinya. Menjadi jeneral Republik tidak cukup. Menjadi Konsul pun tidak cukup; dia mesti menjadi Konsul pertama. Akhirnya dia menjadi Maharaja. Dia kena membuang raja-raja lain dan melantik keluarga dirinya sebagai raja. Dia bertempur di Mesir dan di Moscow, yang tiada apa-apa masalah dengannya. Akhirnya dia menjadi seorang banduan dalam buangan. Empayar-nya tiada lagi.

Berapakah perkara-perkara yang kamu bertanggungjawab? Tiada seorang dapat melakukan setiap hal tanpa merosakkan semuanya. Tiada seorang pun dapat mencari masyhur dirinya tanpa mendapat

nama sebagai seorang yang sombong dan yang memementingkan nama dirinya.

Julai 31

“Beranak-cuculah dan bertambah banyak.”
(Kejadian 1:28)

* * *

Yesus tidak berkahwin, walaupun itu dianggap sebagai kemaluan bagi seorang rabbi yang tidak kahwin. Dia mungkin dikasihi wanita-wanita. Dia yang disukai Tuhan dan manusia itu(Lukas 2:52) mesti juga disukai wanita. Dia jugalah manusia. Mungkin Dia pun ada kasih peribadinya, tetapi Dia telah mengabaikannya sebab panggilannya daripada Bapa.

Dia tidak memaksa orang lain berlaku serupanya. Sebaliknya, Dia memberi hormat kepada sebuah jamuan perkahwinan di Kana dengan menghadirinya. Firman Tuhan juga mengajar, “Perkahwinan adalah dimuliakan sekali”(Ibrani 13:4), bukan saja di dalam pertuturan di antara pengantin lelaki dan pengantin perempuan sedangkan di pentas jamuan, tetapi juga di dalam persatuan jasmani.

Kristian-Kristian yang biasa boleh memilih berkahwin atau tidak berkahwin, tetapi biskop telah ditentukan Alkitab supaya dapat seorang isteri(1 Timotius 3:2). Chrysostom kata, “Kesucian yang

tertinggi adalah membujang, yang kedua ialah perkahwinan yang jujur. Cinta sejati dalam perkahwinan adalah kesucian jenis kedua.”

Menikmati hidup kelamin dalam perkahwinan. Mengatasi prasangka kurun pertengahan yang menyebabkan orang menganggap kelamin sebagai hal yang kotor. Tuhan yang mencipta anggota tubuh kelamin, yang bertitah, “Beranak-cuculah dan bertambah” dan mengilhamkan Alkitab untuk mengajar bahawa “mereka patutlah bersetubuh,” tentu suka apabila kamu menikmati kelamin dalam perkahwinan, sama seperti Dia suka setiap sedekah yang kamu lakukan.

Dan biarlah bujang juga bersyukur untuk keadaan mereka. Itulah panggilan Tuhan dengan keberkatan yang istimewa, dan biasa mengandungi peluang-peluang yang tidak didapati orang yang berkahwin. Contohnya, di bawah penganiayaan, bujang-bujang biasa dapat bertahan lebih baik daripada orang yang kena menjaga keperluan keluarganya.

Ogos 1

“Perkahwinan adalah yang hormat sekali.”(Ibrani 13:4)

* * *

Setiap perkahwinan adalah sesuatu peristiwa yang aneh dan bahaya. Saja kasih yang agung dapat memberi dua orang yang amat berbeza itu dapat hidup bersama, bahkan hidup dengan bersuka ria. Tanpa kasih, perkahwinan boleh menjadi rogol dengan dokumen kelulusan kerajaan.

Kita mesti memisahkan kelamin daripada perniagaan. Tiada orang dapat menyucikan sesuatu perkahwinan yang bertujuan kekayaan perempuan terbabit itu, atau kedudukan tinggi lelaki itu. Kita mesti juga melepaskan perkahwinan dengan masalah yang tidak bergiat dengannya, seperti mazhab-mazhab keagamaan yang berlainan, atau unsur kaum, atau negara, atau parti politik. Romeo dan Juliet membunuh diri sebab keluarga masing-masing ada pertengkaran. Kenapa kasih mesti mati sebab Katolik bertengkaran dengan Protestan, atau orang Yahudi dengan Arab, atau orang hitam dengan orang putih? Tidak bolehkah dua orang hidup dengan damai walaupun mereka tidak bersetuju di dalam semua perkara?

Apabila wanita dianggap sebagai benda hiasan, atau digunakan sebagai alat permainan, atau dijadikan sebagai alat pameran untuk menunjukkan kedudukan tinggi kamu di dalam masyarakat, mereka pun telah digunakan di luar semula jadi-nya. Apabila mereka telah dijadikan hambamu.

Kita tidak boleh menganggap seorang wanita hari ini sebagai seorang wanita 2,000 tahun dulu, yang dianggap sebagai orang suruhan suami-suami mereka. Kini mereka telah jadi doktor, jurutera, atau pegawai tentera. Pada masa dulu, keadaan wanita memang kebelakangan, jadilah adanya undang-undang yang bertitah supaya suami kena mengasihi isteri-isteri mereka seperti tubuh sendiri, sebagaimana Kristus sayang jemaah-Nya.

Ogos 2

“Orang yang jujur akan hidup dengan imannya.”(Habakuk 2:4)

* * *

Di dalam Talmud(Makkoth) ada tertulis:

Rabbi Simla kata, “613 undang-undang telah diberikan Musa... Daud datang dan meringkaskan itu menjadi 11. Iaitu: 1) berjalan dengan jujur, 2) bertindak benar, 3) mengucap yang betul daripada hatimu, 4) jangan mengumpat(kata buruk di belakang orang), 5) jangan berbuat jahat tentang jiran-mu, 6) jangan memarahi jiran, 7) menghina orang yang jahat, 8) menghormati orang yang menghormati Tuhan, 9) jangan bersumpah, 10) jangan makan riba, 11) jangan mengambil rasuah untuk menentangi orang yang tidak bersalah(Mazmur 15).

“Yesaya meringkaskan lagi menjadi enam: 1) berjalan lurus, 2) bertutur ikhlas, 3) menghinakan hadiah penganiayaan, 4) jangan ambil rasuah, 5) tutupkan telingamu daripada kata-kata pembunuhan, 6) tutup matamu daripada nampak kejahatan(Yesaya 33:15,16).

“Micah datang dan meringkaskan mereka jadi tiga: 1) berbuat adil, 2) menyayangi orang, dan 3) berjalan bersama Tuhan secara rendah hati(Micah 6:8).”

Rabbi Nachman, anak Ishak, bertambah: “Habakuk meringkaskan semua itu menjadi satu: *Orang yang jujur akan hidup dengan imannya*”(Habakuk 2:4).

Iman adalah prinsip semua undang-undang. Ialah yang memberi undang-undang nilainya. Jika kita menaati undang-undang Tuhan tanpa beriman, kita tidak akan menyukakan Tuhan.

Paul berkali-kali mengulangi kata Habakuk ini. Luther mendapati nilainya pada masa Pemulihan Agama. Jika banyak undang-undang Tuhan itu menjadi berat bagimu, peganglah satu ini: beriman dalam Tuhan Yesus dan kamu akan hidup.

Ogos 3

“Pergilah dan jualkan segala yang kamu ada, dan berilah kepada orang miskin.”(Matius 19:21)

* * *

Adalah dikatakan apabila Abba Serapion berjumpa seorang miskin di Alexandria yang sedang menderita sejuk, dia pun berkata sesama dirinya, “Bagaimanakah saya yang menganggap diriku sebagai seorang zahid, memakai baju sedangkan orang miskin ini, atau Kristus, kena sejuk? Kalau dia mati sejuk, saya akan dihukum sebagai seorang yang bunuh sebab kelalaian pada hari Kiamat.” Dia pun membuka bajunya dan memberi kepada si miskin itu.

Kemudian dia pun duduk dan membaca buku injilnya. Seorang polis nampaknya dan tanya, “Abba Serapion, siapa rampas bajumu?!”

Dia jawab, “Iaitu Dia yang dituliskan di dalam buku ini.”

Selepas itu dia nampak seorang dibawa masuk penjara sebab tidak mampu membayar hutangnya. Serapion pun jualkan buku Injil untuk membiayai hutangnya.

Apabila dia kembali biaranya tanpa baju atas, pengikut-pengikutnya pun tanya, “Abba, di manakah jubahmu?”

Dia menjawab, “Saya telah hantarkan baju itu ke tempat yang kita akan memerlukan kelak.”

Para pengikutnya tanya semula, “Di manakah Injil mu?”

Serapion jawab, “Dia yang menyuruh saya setiap hari, ‘Juallah semua hartamu dan berikan orang miskin’ telah minta saya. Saya pun jualkannya supaya dapat lebih keyakinan pada hari Kiamat.”

Kenapa kita berpuas hati dengan iman yang kecil, atau iman yang bergoyang, sedangkan contoh-contoh iman yang agung ada di depan kita? Seorang penjudi akan menaruh semua kepunyaannya di atas sekeping kad. Kita tahu siapa yang kita beriman pada: iaitu Tuhan yang abadi, pencipta syurga dan bumi. Marilah kita bergantung pada-Nya dengan sepenuh hati, dan melakukan perintah-Nya dengan sebolehnya.

Ogos 4

“Kamulah keturunan yang terpilih.”(1 Petrus 2:9)

* * *

Bagaimana dapat kamu mengenali seorang terpilih Tuhan? Dengan kerendahan hatinya.

Tuhan telah menjadikan Abraham seorang yang agung, tetapi “rakan Tuhan” itu kata, “sayalah... debu dan asap”(Kejadian 18:27).

Walaupun Musa dan Harun bertemu dengan maharaja agung dalam nama Tuhan, mereka masih bertutur seperti seorang hamba kepada pemberontak-pemberontak di kalangan umatnya: “Dengarlah, saya minta kalian,” dan “Apa itu Harun?”(Bilangan 16:8, 11).

Tuhan telah menjadikan Daud seorang raja yang terbesar di bumi, tetapi dia masih berkata, “Sayalah cacing, bukan orang”(Mazmur 22:6).

Tuhan telah memanggil Paul menjadi seorang rasul yang terbesar, tetapi dia masih menulis, “Sayalah rasul terkecil, yang tidak layak dipanggil rasul”(1 Korintus 15:9).

Orang yang dipilih Tuhan tidak rasa dirinya lebih tinggi daripada rakan-rakan mereka. Mereka telah

memenuhi undang ini, “Kasihilah jiran-mu seperti dirimu sendiri”(Imamat 19:18). Dalam Ibrani, ayat ini boleh diterjemah sebagai: “Kasihilah jiran-mu: dia adalah serupa dirimu” -- dengan badan dan jiwa yang sama, harga sama, dosa dan jasa pun serupa dirimu. Inilah sebab yang lumayan untuk kamu mengasihinya.

Pilihan adalah rahmat Tuhan, tanpa apa-apa kebaikan diri kita. Dapat dipilih Tuhan tidak boleh dijadikan alasan untuk kita menjadi orang atasan. Sebaliknya, ia lebih merendahkan kita menjadi seorang pelayan.

Ogos 5

“Mempersembahkan tubuhmu sebagai persembahan yang hidup.”(Roma 12:1)

* * *

Apabila raja muda Scotland, Earl dari Morton, memberitahu jawatan kuasa Majlis Umum, bahawa pertemuan mereka adalah sejenis jenayah, sebab ia ditubuhkan tanpa kebenaran raja, Andrew Melville menjawab, “Jika demikian, Kristus dan rasul-rasulnya pun ada jenayah sebab mereka berhimpun tanpa kebenaran gabenor masa itu.”

Raja muda itu menjadi marah, “Negara ini tidak akan aman kecuali enam atau tujuh orang kamu itu digantung atau dibuangkan.”

Melville menjawab, “Pergilah dan mengancam pelayan-pelayanmu secara ini. Bagi saya, rebuk di atas angkasa atau di bawah tanah pun sama. Tanah ini kepunyaan Tuhan. Saya telah sedia menyerahkan jiwaku untuk perkara-perkara yang separuh nilainya. Biarlah Tuhan dimuliakan.”

Laksamana Huguenot Coligny telah dcederakan oleh sebab iman penginjilan-nya. Doktor bedah kena mengerat sebatang jarinya dan membelah lengannya

untuk mengeluarkan sebutir peluru. “Tiada apa-apa yang akan terjadi tanpa tujuan Tuhan,” kata Coligny. “Kenapa kamu menangis? Saya sangat sukaria bercedera untuk pekerjaan Tuhan. Doalah supaya Dia akan menguatkan saya. Saya maaf orang yang menembak saya, dan mereka yang memujuknya.”

Sebatang pedang yang menikam ke dalam hati laksamana itu menghabiskannya. Mayatnya dilemparkan dari atas anjung rumahnya.

Dengan perbuatan hina ini bermulalah malam Bartholomew, apabila beribu-ribu orang yang berfikiran seperti Coligny itu dibunuh. Imam-imam memujuk pembunuh-pembunuh dengan kata ini, “Gereja akan memulih dengan kematian penyesat-penyesat.”

Jemaah penginjilan ada orang agung seperti Knox, yang berdoa, “Ya Tuhan, berilah saya Scotland, kalau tidak saya akan mati.” Marilah kita belajar daripada mereka dan menjadi orang yang berdoa dengan tekun, sedia mati untuk kesucian.

Ogos 6

“Jika engkau makan atau jika engkau minum, atau jika engkau melakukan sesuatu yang lain, lakukanlah semuanya itu untuk kemuliaan Allah.”(1 Korintus 10:31)

* * *

Orang bertaubat bukan saja sebab khutbah atau buku-buku atau penyaksian peribadi kita, iaitu melalui perkataan. Jika kamu makan dan minum dan melakukan setiap hal untuk kemuliaan Tuhan, orang pun akan dapat sampai kebenaran dengan nampak tindakan kamu ini, baik di dalam perniagaan-mu, mahupun di dalam penghiburanmu.

Ada seorang datang kepada seorang pemuja dan tanya akan jalan kebenaran. Jawapannya ialah, “Kau pernah dengar bunyi anak sungai-kah? Itulah pintu masuknya.” Dia juga boleh memberi setiap kejadian lain di dalam alam semesta ciptaan Tuhan ini, atau mana-mana satu perbuatan seorang saleh.

Seorang ahli sufi ialah -- di dalam kata John dari Ruysbroek -- seorang yang telah memanjat pokok iman, yang bertumbuh dari atas ke bawah, sebab akarnya berada di Tuhan. Bukan saja perkataannya, tetapi juga

setiap tindakan memanjatnya pun menunjukkan puncanya. Ada sesuatu masa apabila Tuhan belum mencipta saya, walaupun di dalam rancangan-Nya saya telah berada, bahkan berada di kumpulan orang yang terpilih sebelum dasar dunia. Saya berada di dalam fikiran-Nya. Kemudian Dia pun mencipta saya. Saya pun menjadi sesuatu makhluk, dan Dia pun menjadi Tuhanku.

Dan apabila saya sampai kemuncak panjatan-ku, iaitu sampai ke akar dari mana saya datang, saya pun akan bersatu semula dengan yang suci itu. Kesatuan ini menunjukkan dirinya di dalam segala perkara yang dilakukan saya, termasuk hal-hal yang jauh daripada agama. Ia menunjukkan diri walaupun mutiara aneh ini terkandung di dalam bekas duniawi ini.

Jika ada orang tidak dapat nampak bahawa sifat saya bergaitan dengan ketuhanan, iaitu sebab seorang yang belum dilahirkan semula tidak dapat nampak kerajaan syurga(Yohanes 3:3). Dia tidak akan mengenali Yesus sebagai Anak Tuhan.

Teruslah menjadi dirimu hari itu. Angelus Silesius kata bahawa tubuh kita adalah sebuah kulit keras, di dalamnya Roh abadi ingin membelai anak-anak-Nya. Bagi mereka yang telah diilhamkan, acara makan minum kita, dan setiap hal yang lain pun menunjukkan rahsia ketuhanan kita.

Ogos 7

“Tuhan yang memberi, dan Tuhan yang mengambil; pujilah nama Tuhan.”(Ayub 1:21)

* * *

Ada seorang, apabila anak kesayangannya mati, tidak bersedih sangat. Rakan-rakannya berasa hairan dan bertanya-nya. Dia menjawab, “Ada sesuatu masa saya tidak ada anak. Saya tidak bersedih pula. Kini anak telah mati, dan saya pun jadi seperti masa dulu. Kenapa sedih?”

Seorang pemuja boleh tenteram walaupun keadaannya susah.

Ada sekali Confucius bertemu dengan seorang yang memakai kulit rusa, yang sedang bermain sebatang seruling. Confucius pun tanyanya, “Apakah yang menjadikan kamu begitu gembira?”

Orang itu menjawab, “Ada banyak perkara yang menyebabkan saya gembira. Manusia adalah mahkota segala ciptaan. Lihatlah, Tuhan telah jadikan saya seorang manusia, dan bukan seekor binatang. Ramai mati semasa kanak-kanak. Saya telah menjadi dewasa. Ramai ada di dalam penjara atau di rumah sakit. Saya bebas dan sihat. Pagi ini saya telah makan. Saya masih

ada makanan untuk malam ini. Apakah yang saya boleh lakukan selain daripada bergembira?”

Saja seorang yang bebas daripada kekhuatiran duniawi, baru dapat maju di dalam rohaninya.

Ramai orang ada ketakutan yang tidak masuk akal. Jika ucapanmu manis, bagaimana bergema-nya berlainan? Jika kamu berjalan dengan badan lurus, bagaimana dapat bayang-mu jadi bengkok? Seorang Kristian tidak takut sesiapa atau se-apa pun.

Yesus diurapi dengan minyak gembira melebihi rakan-rakan-Nya. Dia juga mengurapi pengikut-pengikut-Nya dengan minyak yang sama. Kita tidak akan kehilangan apa-apa. Dia adalah Tuhan yang mengambil daripada kita sesuatu benda, supaya dapat menambahkan-nya dan kembalikan kepada kita sekejap kemudian.

Ogos 8

“Sebahagian orang bijaksana itu akan jatuh, agar dapat diuji, disaring, dan dimurnikan.”(Daniel 11:35)

* * *

Yesus memberitahu pengikut-pengikutnya pada hari pengkhianatan-Nya, bahawa mereka akan mengkhianati-Nya malam itu. Dia juga meramalkan bahawa Petrus akan menafikan-Nya. Yang anehnya, tiada seorang pun minta-Nya untuk menyelamatkan mereka daripada nasib itu, walaupun rupanya inilah masanya untuk berdoa, “Jangan biarkan kami terjatuh ke dalam penggodaan.”

Kata ganti di dalam Doa yang diajar Yesus itu adalah bilangan ramai. Kita berdoa, “Jangan biarkan kami terjatuh,” adalah untuk seluruh gereja Kristus supaya jangan terjatuh. Tetapi bagi diri saya perseorangan, saya biarkan Tuhan mengambil keputusan sama ada Dia nak saya jatuh atau tidak.

Jika Dia hendak, kita pun boleh jatuh dengan gembira, tahu bahawa tangan Tuhan telah sedia untuk menyelamatkan kita di bawah. Jika Dia menggoncangkan saya, kejatuhan itu tidak akan haramkan saya. Dia sudah sediakan keuntungan melalui kejadian ini.

Yesus memberitahu Petrus bahawa dia bukan saja akan jatuh, tetapi juga akan terpulih dan menolong saudara-saudari lain. Selepas kejatuhan itu, Petrus memang berani mencabar orang ramai pada hari Pentecost dengan kata-kata kasar yang boleh mengancamkan nyawa dirinya.

Sejarah gereja kata apabila Petrus dihukum mati tersalib bersama isterinya, dia minta digantung terbalik di atas salib. Dia rasa dirinya tidak layak disalib seperti Gurunya. Sedangkan digantung, dia berkata, “Di dalam dunia yang terbalik ini, kini saya dapat kedudukan yang betul. Saya sedang nampak ke arah syurga. Semua orang sepatutnya nampak secara ini.”

Anak Yesus “ditentukan untuk kejatuhan dan kebangkitan ramai di Israel”(Lukas 2:34). Terimalah kedua-dua takdir itu.

“Jika kita kata bahawa kita hidup bersatu dengan Dia, padahal kita hidup dalam kegelapan, kita pun berdusta dan tidak melakukan kebenaran.”(1 Yohanes 1:6)

* * *

Rasul sedang berkata tentang sesuatu ajaran sesat yang dipanggil anti-undang-undang. Pengikut ajaran ini percaya bahawa seorang boleh hidup di dalam dosa atau bertolak ansur dengan dosa, sambil berhubungan dengan Tuhan. Pemuja-pemuja itu tidak mengatakan ajaran mereka terus terang, tetapi inilah sikap mereka.

Rasul mengendalikan pengikut-pengikut anti-undang-undang dengan lemah lembut pada masanya. Dia menulis, “*Jika kita kata*” hal-hal yang sesat itu, dan bukan “*Jika kamu kata.*” Dia masukkan dirinya ke dalam kemungkinan ini.

Kata kerja untuk “*berjalan di dalam kegelapan,*” sama dengan “*berdosa,*” bermakna kelakuan tabiat, iaitu sesuatu perlakuan yang biasa. Fakta benar ialah orang Kristian berdosa, ada yang kerap-kali dan dengan hebat. Ini begitu benar sehingga rasul itu menulis, “Jika kita berkata bahawa diri kita tidak berdosa, kita pun menipu diri kita”(1 Yohanes 1:8). Dan “jika ada orang

berdosa, kita ada seorang pengantara yang bersama Bapa”(2:1). Tetapi bagi Kristian, berdosa bukanlah sikap yang biasa. Perbuatan ini adalah sesuatu penyelewengan daripada kebiasaannya. Anak-anak Tuhan berdosa, tetapi mereka tidak membiarkan dosa menguasai mereka sehingga kebenaran pun dikecualikan daripada kehidupan mereka. Mereka berjalan di dalam cahaya, bukan di dalam kegelapan. Sebab mereka berjalan di dalam cahaya, mereka pun sedar akan kejahatan diri mereka dan bersesal.

Untuk mereka yang dosanya telah menjadi kebiasaan hidup, tiada sikap keagamaan dapat membantu. Mereka tidak ada persatuan dengan Tuhan.

Kita hidup di dalam hari-hari terakhir. Kesusilaan, undang-undang, dan akhlak telah runtuh. Ajaran sesat anti-undang bercampur dengan acara keagamaan adalah amat bahaya. Biarlah kita berwaspada itu.

Ogos 10

“Apa untungnya jika seorang mendapat seluruh dunia tetapi kehilangan jiwa dirinya?”(Matius 16:26)

* * *

Niccolo Paganini adalah salah seorang pemain violin yang teragung di dunia. Bahkan orang yang amat bijaksana seperti penyair Jerman Henrich Heine pun percaya bahawa Paganini telah membuat perjanjian dengan iblis, menjualkan jiwa abadi-nya untuk mendapat kemahiran, kekayaan, dan kemasyhuran di dunia ini.

Kenaikan Paganini ke puncak kemasyhuran dan kekayaan bukan senang. Dia dikejar sebab berhutang duit orang, dan kena melarikan diri dari Venice ke Vienna. Di tempat baru itu, dia terpaksa bermain violin di jamuan perkahwinan atau di kedai-kedai minuman di kawasan miskin. Dia tidak dapat diterima oleh restoran yang lebih elok sebab pakaian buruknya. Ada sekali sedangkan dia bermain violin di sebuah kedai makan yang murah, seorang murid asrama memberinya beberapa siling dengan syarat supaya dia “hentikan bunyi yang dahsyat ini.”

Ini telah menembak Paganini dengan cita-cita yang gila. Dia menang dalam pertandingan di istana raja muda. Sejak itu riwayat yang cemerlangnya pun bermula. Dia beroleh nama sedunia dan kekayaan yang lepas kira. Wanita-wanita sudi menyerahkan diri kepadanya. Paganini telah berjaya, tetapi kena melalui kebinasaan jiwanya. Dia seorang yang tidak gembira, selalu ingin dapat dipuji orang, dan yang amat kedekut dengan duit, dan sangat cemburu setiap seniman lain, baik seniman sekarang, atau masa dulu, atau masa depan. Saja seni dirinya yang patut dipuji.

Dia menulis muziknya begitu rumit sehingga saja dia dapat bermain, sebab dia ada sebuah tangan yang amat besar, yang dapat memegang nota sulit. Walaupun dia seorang jutawan, Paganini akan mengutip paku, kertas sisa, atau tali yang di terjumpa di atas jalan raya, supaya dapat menjimat duit untuk beli benda-benda itu. Dia makan makanan yang termurah. Dia menolak wanita-wanita yang mencintainya, sebab mereka mungkin akan membelanjakan duitnya.

Kejayaan tanpa sukacita, kehilangan kuasa untuk menikmatinya dan mengongsi-nya, inilah cerita sedih Paganini. Bertambahlah kemahiran-mu; carilah kejayaan; tetapi jangan jadi kedekut. Berehatlah apabila kamu mencari kejayaan, menikmatinya, bersama-sama orang lain juga.

Ogos 11

“Duduk di tempat yang rendah sekali.”(Lukas 14:10)

* * *

Setiap kita pun ingin bertambah, bertambah harta, rumah, perniagaan, atau gereja dan misi, atau kedudukan yang lebih tinggi. Kenapa? Bertambah kerana hendak bertambah adalah falsafah sel barah.

Ada banyak cara untuk berjaya. Yesus tidak belajar mana satu pun. Sebaliknya Dia bertujuan mendapati kesukaan Bapanya dan melaksanakan tugas-Nya, tidak hiraukan ini termasuk sebuah salib atau se-biji mahkota.

Jangan melepaskan prinsip Alkitab. Jangan berkahwin untuk duit, atau memperoleh wang secara tidak jujur. Jangan naik di dalam politik melalui cara haram. Jangan panggil orang menjadi ahli gereja tanpa memberitahu mereka akan cara hidupnya seorang Kristian. Jangan memimpin sebuah misi oleh sebab pendapatan yang tinggi, atau jumlah pengikut yang lebih banyak, melainkan untuk kebenaran.

Jangan melepaskan sedikit pun kebenaran untuk Persatuan Gereja-Gereja. Kasih setiap orang, tetapi saja

mengaku seorang sebagai saudara seiman, kalau orang itu memang berdiri untuk kebenaran Alkitab.

Jangan berasa malu atau berasa segan sebab kamu miskin, atau kamu kedudukan rendah, atau kamu berasal dari sebuah gereja yang amat kecil. Jika kamu rasa malu sebab itu, kamu pun akan menjadi besar dalam corak yang salah. Yesus tidak berasa malu sebab dilahirkan di dalam palung binatang, atau seorang yang disalibkan di antara orang jahat.

Jangan cuba menjadi besar dengan menyebabkan pecahan di keluarga orang lain, atau di dalam perniagaan, gereja, atau misi orang lain. Biarlah lain orang menjadi pemimpin. Selalu bersedia untuk memainkan violin yang kedua. Dengan cara demikian kamu akan menikmati kedudukan rendah-mu, jauh lebih daripada mereka yang “berjaya.”

Ogos 12

“Biarlah segala bumi bersunyi di depan-Nya.”
(Habakuk 2:20)

* * *

Syarat untuk mengenali Tuhan adalah sunyi. Radio dan TV kena dimatikan, bersama-sama mesin hawa dingin, pencuci pinggan, dan banyak percakapan.

Ramai jiwa tidak dapat mencari Tuhan yang sunyi, sebab rumah mereka terlalu bising.

Ada banyak cakapan yang sia-sia. Tetapi saya tidak pernah jumpa sunyi yang tidak berguna. Sunyi adalah kepenuhan, di mana-nya perkataan sajalah sisa-sisanya.

Apabila kamu mengenali Firman atau perkataan seseorang sebagai dalam, ingatlah kata-kata itu datang dari kesunyian yang dalam. Jadi kenapa kamu tidak datang ke sumber sungai itu? Kenapa berhenti di atas perkataan? “Dia akan membawa kita ke sumber air hidup itu.”

Saya pernah mengunjung mengelilingi dunia ini banyak kali, tetapi lancungan yang berminat sekali adalah rawatan saya ke dalam kesunyian hati diriku, iaitu tempat tunggal di mana Tuhan ingin bertemu dengan saya.

Lepaskan bunyi di luar, dan juga bunyi di dalam,
bahasan di dalam hati, beban, dan kerisauan. Masuklah
melalui gerbang emas di negara sunyi, di sanalah
Pengantin Lelakimu sedang menunggu-mu.

Ogos 13

“Kata Maria, ‘Aku hamba Tuhan.’”(Lukas 1:38)

* * *

Anak dara Maria ada banyak sifat kesucian yang patut dihormati. Salah sejenis adalah sifat kemerdekaannya.

Dia mestilah seorang perempuan pertanian apabila malaikat munculkan kepadanya. Apabila malaikat itu kata bahawa dia telah terpilih untuk melahirkan Tuhan, dia pun menyedari risikonya. Setiap orang, termasuk pengantin lelaki, akan fikir bahawa dia telah berdosa. Hukuman untuk perzinaan semasa pertunangan adalah dilempar batu sehingga mati. Dua puluh kurun telah lepas. Maria masih diejek di negara-negara Komunis, dan bukan saja di sana juga. Dia tahu akan ramalan-ramalan nabi dulu. Lagunya membuktikan itu. Jadi dia mengetahui bahawa dengan menjadi ibu Tuhan, dia akan menjadi seorang ibu yang sedih. Dia tahu bahawa hatinya akan dipecahkan dengan sebilah pedang apabila paku sedang menikam melalui tangan dan kaki Anaknya.

Orang akan fikir bahawa dia mesti akan minta masa daripada malaikat itu supaya dia boleh mendapat arahan

pengantin lelakinya atau ibu-bapa-nya, atau daripada sanak saudaranya, atau seorang imam.

Rancangan keselamatan akan gagal jika dia telah mengambil cadangan manusia. Seperti Paul pada masa kemudian, selepas Paul nampak Yesus, dia *“tidak minta nasihat daripada sesiapa pun”* (Galatia 1:16). Anak dara Maria juga tidak mencari nasihat sesiapa, melainkan jawab terus kepada malaikat itu, *“Jadikanlah kepadaku seperti katamu itu.”*

Walaupun dia suci, dia rela dimalukan sebagai seorang perempuan lucah, yang hamil sebelum kahwin.

Alkitab menghormati wanita-wanita yang taat kepada suami, dan yang mendiamkan diri. Tetapi ketaatan wanita-wanita Kristian bukan tanda kelemahan. Dia taat suaminya sebab dia sedang memberinya contoh kerendahan hati. Dia dapat bersunyi sebab dia ada banyak untuk dikatakan, dan tahu bahawa sunyi yang dalam akan berucap. Dia dapat menjadi seorang yang bergantung, sebab dia telah mendapat kemerdekaan yang sejati, dan telah menyerahkan kebebasannya kepada suaminya sebagai hadiah kesayangannya.

Ogos 14

“Yesus kata akan kematian-Nya yang akan dijadikan di Jerusalem.”(Lukas 9:31)

* * *

Musuh-musuh Kristus menyebarkan penipuan bahawa gereja berpakat dengan fahaman Nazi. Mereka sengaja menyembunyikan kebenaran bahawa Hitler telah membunuh empat ribu paderi Katolik dan mengurungkan beribu-ribu. Jumlah pendeta Protestan yang mengalami nasib sama itu masih tidak diketahui. Bukan saja pendeta, tetapi ahli-ahli gereja biasa juga terkorban. Seperti biasa, gereja pada masa itu juga ada pengkhianat-pengkhianat (Yudas); tetapi yang mewakili gereja adalah orang salehnya.

Ogos 14 adalah hari penghukuman bagi paderi Jacob Gapp. Sebelum dibunuh, dia menulis: “Saya menganggap hari ini sebagai hari yang elok sekali di dalam nyawaku... saya tentu pernah mengalami banyak masa yang susah, tetapi saya telah siap sedia untuk kematian... Setiap perkara akan melepas kecuali syurga.”

Paderi John Steinmeyer menulis surat terakhirnya: *“Permintaan saya untuk diampuni telah ditolak. Hari*

*ini, pukul 1 petang, saya pun akan bertolak ke syurga...
Saya mati dengan sukacita.”*

Paderi Bernhard Liechtenberg memberitahu seorang rakan banduan, sedangkan kedua-kedua mereka telah dipukul dengan kayu, dan apabila kepala mereka di masukkan baldi yang dipenuhi tahi: *“Saya ingin saja apa yang dihendaki Juru-selamat-ku. Diamlah. Dia juga diludahkan dalam perjalanan-Nya ke salib.”* Dia mati berdoa.

Yesus telah berjaya melengkapkan banyak hal. Yang mustahak sekali adalah kematian-Nya di Jerusalem. Kematian-Nya ada satu tujuan: Untuk dosa kita. Ia ada cara yang betul: Dia mati berdoa, mempedulikan kekasihnya, dan membuka pintu kerajaan syurga bagi seorang penjahat yang juga menderita bersama-Nya itu.

Bukan setiap orang pun dipanggil mati syahid. Tetapi setiap Kristian juga boleh memberi kesaksian yang baik dengan hidup berkasih dan berharapan. Kematianmu juga patut menjadi satu pencapaian.

Ogos 15

“Jangan lupa menerima orang asing, sebab dengan membuat demikian ada orang telah menerima malaikat-malaikat.”(Ibrani 13:2)

* * *

Yang sedang menerima banyak sekali malaikat tanpa menyedari, adalah ketua-ketua kem Komunis. Di sini adalah satu contohnya:

Seorang paderi Ortodoks di Soviet Union bekerja di sebuah ladang. Ada sekali, dia nampak seorang budak lelaki diam-diam masuk mencuri epal. Dia pun menangkap budak itu dengan genggamannya. Budak itu amat takut, ingin akan kena pukul, tetapi paderi itu memenuhi kocek-koceknnya dengan epal. Dan menambah beberapa biji lagi ke dalam tangannya dan kata, “Bila-bila pun kamu boleh datang. Saja masuk melalui gerbang dan membawa rakan-rakan juga. Saya ada banyak epal untuk kamu semua.” Tidak lama kemudian, hampir tiga puluh budak lelaki pun sentiasa datang ke kebunnya. Dia memberitahu mereka berita baik, walaupun kerajaan Soviet melarang mengajar agama kepada kanak-kanak. Dia juga mengajar mereka lagu-lagu agama. Tidak lama kemudian, kanak-kanak

yang telah percaya pun membawa ibu bapa mereka sama-sama. Sebuah gereja di bawah tanah pun terjadi.

Seorang guru mendapati “jenayah” ini dengan tidak sengaja dan menuduh paderi itu. Paderi itu pun hilang di dalam penjara Soviet untuk selama-lamanya. Seperti seorang malaikat, dia muncul tiba-tiba, dan lenyap segera. Tetapi dia tinggalkan sejenis harum syurga dan jiwa-jiwa yang dipenuhi kasih Tuhan.

Inilah seorang paderi Gereja Ortodoks Tulen, pengikut Ketua Jemaah Tikhon yang enggan bekerjasama dengan Komunis. Paderi Venianmin dan banyak paderi lain telah ditembak, tetapi gereja ini terus hidup dan menakluk dengan kasih. Kesiannya orang Komunis masih tidak menyedari bahawa mereka telah mengurung malaikat-malaikat di dalam penjara mereka.

Paderi Baptis Odintsov tidak membenarkan kerajaan kufur mengarah jemaah Kristus. Dia pun ditangkap dan dibuang kepada anjing-anjing ganas dan dikoyakkan hancur. Pengarah penjara itu pun ditambah seorang malaikat baru di dalam kem-nya.

Apabila seorang Kristian menerima seorang saudara, tulang belakangnya pun dapat kedinginan sekejap. Adakah saudara ini seorang malaikat? Orang Galatia menerima Paul seolah-olah menerima seorang malaikat Tuhan, bahkan seperti menerima Yesus Kristus(Galatia 4:14).

Ogos 16

Yesus berkata kepadanya, “Wanita, apa saluran aneh di antara kamu dengan saya?” (Yohanes 2:4)

* * *

Ahli falsafah ketuhanan sulit(mystic) dari Jerman, Meister Eckhart, menulis, “Wanita adalah nama mulia sekali bagi jiwa.” Staupitz, pengaku dosa kepada Luther, menulis, “Orang yang ingin berbuah untuk abadi mesti menjadi seorang wanita.” Dengan Yesus, “wanita” adalah nama mulia. Dia panggil ibunya *wanita*, sebab ibunya wanita yang diramalkan di Kejadian 3:15, yang Anaknya akan mencederakan kepala Ular Purba itu.

Kata-kata ini tentu bukan meringankan ibunya. Saja Yohanes yang melapur ini di dalam Injil-nya. Dia mesti dengar cerita itu daripada ibu Yesus sendiri. Sebab selepas Yesus disalibkan, Yohanes yang menerima ibu Yesus ke rumah dirinya. (Yohanes 19:27)

Yesus menerangkan kepada ibunya, “Masa saya belum sampai.” Masa-Nya saja sampai apabila semua minuman arak kita telah habis, jadi kerja-Nya tidak akan tersilap anggap sebagai mencampur air dengan arak. Kehabisan manusia adalah peluang Tuhan.

Tetapi emaknya telah meminta. Jadi Dia pun tidak melewati lagi. Dia yang menyerah kepada permintaan wanita Kanaan itu, bagaimana dapat menolak permintaan ibu-Nya?

Ibunya tahu apa yang Dia akan lakukan; jadi dia pun berkata kepada pelayan-pelayan, “*Apa saja yang Dia kata kepada kalian, buatlah.*” Dia tahu bahawa Anaknya itu saja akan memberi arahan yang baik, walaupun kadang-kadang arahan-Nya aneh, seperti memenuhi pasu-pasu dengan air, seolah-olah tetamu-tetamu hendak mandi, sedangkan mereka perlu arak.

Jadikanlah ini prinsip kita: lakukan apa saja yang diarah-Nya, walaupun suruhannya aneh.

Ogos 17

“Penghulu malaikat, Michael, ketika bertengkar dengan Iblis...tidak berani mengutuk Iblis dengan kata-kata hinaan.”(Yudas 9)

* * *

Ahli-ahli sejarah lama, Philo dari Alexandria dan Flavius Josephus, menyifatkan Pilatus sebagai seorang yang tamak, menghujat, merampas, bercadang jahat tentang rakyat, sombong, kerap kali membunuh orang yang tidak salah. Talmud menggunakan kata-kata keras tentang imam besar pada masa Yesus itu. Tetapi Injil tidak menggunakan apa-apa nama gelaran menentangi kedua-kedua tokoh itu, sebab penginjil-penginjil tidak membenci. Mereka saja ingin menulis apa yang diperlukan untuk membawa iman(dan tindakan) kepada pendengar. Mereka tidak ingin kata apa-apa yang akan memalukan seteru-seteru mereka.

Kasih adalah sikap bagi seorang Kristian, bahkan sikap mereka yang tunggal. Pokok-pokok terus lindungi penebang-penebang-nya, dan bulan terus bersinar kediaman orang jahat.

Di Ratapan 2:21, Yeremia memberitahu Tuhan, “Kamu telah membunuh (anak-anak dara dan orang

muda) pada hari kemurkaan-Mu.” Dia lebih sudi menegur Tuhan, yang tidak akan kena cedera, daripada menuduh penjenayah-penjenayah manusia.

Penjenayah layak dapat kesian kita, bahkan kehormatan. Sebab mereka sedang menderitakan diri mereka. Memanggil mereka nama gelaran bukanlah akhlak Kristian. Pemborosan yang dahsyat sekali adalah pembuangan akal, seperti menciptakan gelaran buruk kepada seteru-seteru kita.

Kematian Kristus bukanlah akibat tindakan beberapa pembunuh. Ia adalah rancangan Tuhan. Pencipta semua sesuatu ini jugalah Pemusnah semua, dan Pemulih semua. Dia mungkin akan menggunakan orang jahat untuk membawa kematian orang pilihannya. Penginjil nampak semua perkara pun datang daripada Tuhan, jadi mereka tidak menggunakan kata buruk tentang pembunuh-pembunuh mereka.

Betapa lagi mesti kita elak menggunakan kata-kata jahat tentang orang yang menyusahkan kita.

Ogos 18

“Jangan buat patung bagi diri kamu.”(Keluaran 20:4)

* * *

Apabila kita baca di Alkitab akan berhala-berhala yang disanjung orang, kita fikir itulah hal dulu. Kita tidak menyedari berapa ramainya orang yang masih menyembah berhala.

Salah satu contoh ialah bangsa Konkombas di Ghana(Afrika). Persembahan tertinggi mereka ialah menyerahkan diri kepada sesuatu dewa atau dewi, yang mereka mesti abaikan apabila mereka menjadi Kristian. Ini bukan senang. Mereka masih percaya bahawa benda-benda yang dipuja mereka itu berkuasa kuat, yang boleh memberi kekayaan, banyak isteri, kesihatan dan lain-lain. Mereka akan membawa ayam dan biri-biri untuk menyembahkan dewa itu.

Kadang-kala dewa Grumade akan meminta darah orang. Mubaligh-mubaligh menyaksi bahawa seorang lelaki diracun oleh seorang bomoh. Tubuh orang itu terkembang dengan amat sakit. Ketua suku itu pun mengancamkan bomoh itu supaya memulihkan orang itu. Dan lelaki itu pun dapat pulih, bengkak-nya hilang.

Orang tempatan sana mementingkan dewa Grumade itu lebih daripada ahli-ahli keluarga diri mereka.

Ada orang Konkombas harap mencampuri iman Kristian dengan dewa-dewi itu. Tetapi mubaligh-mubaligh tidak terima itu.

Marilah kita berdoa untuk orang-orang asli yang sanjung kepada berhala-berhala, dan juga ramai orang moden yang percaya akan azimat-azimat atau berhala-berhala.

Ogos 19

“Abraham memperanakkan Ishak.” (Matius 1:2)

* * *

Perkataan “memperanakkan” di sini, di dalam bahasa asli Yunani, adalah kata kerja yang sentiasa berlaku, tanpa perhentian. Jenis kata kerja ini telah digunakan banyak kali di dalam Perjanjian Baru, yang bererti “perbuatan sekarang, tanpa henti, atau perlakuan di-luar masa.”

Kenapa begitu? Sebab apa yang disebutkan itu bukan saja senarai sejarah dulu. Memperbandingkan keturunan Yesus di Lukas 3 menunjukkan bahawa kedua-dua itu tidak sama. Mereka tidak memadan sebab dua-dua itu bukan saja sejarah.

Kependekan jumlah datuk moyang kepada empat puluh dua keturunan dengan meninggalkan beberapa ahli menunjukkan senarai ini bertujuan lain. Ia adalah untuk menjadi sebuah tangga mencontohi bagi kita. Jiwa yang matang pada masa awal agama Kristian, apabila diajar untuk bertumbuh daripada seorang pemuja mudah kepada seorang yang matang seperti Maria(yang mempunyai Yesus di dalamnya), akan merenung secara berturutan kehidupan Abraham, Ishak,

Yakub, dan lain-lain itu sehingga ke peringkat Maria dan menyamakan dengannya dalam rohani. Dan senarai keturunan di Lukas adalah renungan terbalik, iaitu daripada ketinggian Yesus kepada semua sejarah manusia.

Setiap Kristian pun patut mengalami ini, walaupun tidak semestinya rumit dan berlangkah seperti pada masa dulu. Keadaan Abraham akan membawa kamu kepada peringkat Ishak. Oleh sebab ini di dalam bahasa Yunani, senarai itu tidak menggunakan sifat masa dulu, melainkan sifat “sentiasa”, tanpa keputusan. Kita tidak dicipta untuk menjadi hamba masa, melainkan untuk abadi, di luar masa.

Ogos 20

“Sesiapa yang hendak mengikut saya, biarlah dia menafikan diri.” (Lukas 9:23)

* * *

Seorang pengejek tanya seorang pemuja, “Kamu kata Tuhan ada di semua tempat, jadi Dia mesti di dalam anjing ini juga?” Jawapan pemuja itu ialah, “Bow-wow.” Inilah jawapan yang betul. Apabila seekor anjing ditanya soalan ini, tentu inilah jawapannya.

Sebarang soalan yang kamu tanya seseorang, kamu akan dapat jawapan mengikut kandungan orang itu. Bagi soalan yang tinggi ini, manusia tidak berapa bezanya daripada seekor anjing. Kamu tanya soalan berkenaan Tuhan. Tiada orang dapat apa-apa jawapan selain daripada bunyi sesuatu makhluk yang sangat rendah, “bow-wow.”

Kita semua pun nampak daripada pandangan yang amat terhad. Setiap pandangan adalah setiap kebutaan yang menghadkan kita daripada nampak semua pandangan lain. Jika kamu memandang ke atas, kamu akan nampak papan siling, tetapi tidak nampak lantai. Dengan memandang ke arah pintu, saya pun hilang tingkap di-belakang saya.

Yesus menyelamatkan kita daripada pandangan yang terhad. Orang Kristian menafikan diri, ertinya dia tidak mementingkan pandangan dirinya lagi. Dia tidak memandangi hal-hal daripada sesuatu pandangan yang tertentu, sebab dia tiada kedudukan dirinya lagi. Musang-musang ada lubang, burung-burung ada sarang, tetapi Anak manusia tiada tempat untuk meletakkan kepala-Nya.

Tiada tempat untuk kepalamu akan membebaskan kamu. Kamu tidak lagi memandangi dari sesuatu segi yang tertentu. Jawapan kamu berkenaan Tuhan bukan lagi salah satu “bow-wow” yang biasa. Kamu sedang nampak dari semua segi, dan kamu pun menjadi saksi Tuhan.

Ogos 21

Orang ini menerima pendosa-pendosa.”(Lukas 15:2)

* * *

“Pulau Hantu” adalah sekumpulan pulau kecil dekat pantai Amerika Selatan. Arus laut kencang di keliling pulau itu, dan ada banyak ikan yu juga. Untuk banyak tahun pulau itu hanya digunakan sebagai tempat pembuangan banduan-banduan yang terlalu degil. Cuaca di sini amat buruk, sehingga kebanyakan masa orang serupa terkurung di dalam rumah.

Untuk kebanyakan banduan, minuman keras adalah unsur pertama keruntuhan mereka. (Pembuat arak mesti dipaksa duduk di atas pulau itu untuk setahun, bersama mangsa-mangsa mereka.) Satu kajian di sini melaporkan bahawa 80 % penghuni di sini adalah anak-anak pemabuk atau pesakit kelamin. Dosa bapa mereka telah menyusahkan mereka.

Pada tahun 1933, pegawai Bala Keselamatan Perancis menyerahkan diri untuk duduk diantara penjenayah-penjenayah sana, tidak hirau gigitan kutu dan nyamuk. Salah seorang pegawai kata, “Tanpa kasih Tuhan, seorang tidak akan dapat mengasihi banduan-

banduan di sini. Saya gentar setiap kali saya renung akan tempat kotor ini.”

Tetapi pegawai-pegawai itu masih pergi. Inilah gambaran sesuatu pertemuan: *“Penjenayah-penjenayah semua botak. Mereka tidak memakai baju atas, atau dengan lengan baju dinaikkan dan menunjukkan tanda cacahan pada kulit mereka. Ada seorang dengan gambar isteri dan anaknya, yang amat benar rupanya. Ada dengan tanda seperti ‘Anak Sedih,’ atau ‘Mak, jika kau nampak anakmu kini.’ Mereka mendengar dengan sunyi, tiada apa-apa perasaan pun.”*

Mereka tidak tinggal demikian untuk lama. Bala Keselamatan telah mendapat seorang penjenayah sebagai penolong. Orang itu pernah membunuh orang. Polis tidak tahu akan kes nya. Selepas diubah hati di sebuah pertemuan Bala, dia pun mengaku kesalahannya kepada polis dan dihantar ke Pulau Hantu itu. Di sana dia asyik membantu pegawai-pegawai Bala. Dia kata, *“Semoga saya dapat mengenal Anak manusia yang menyelamatkan saya, sebelum mengenal anak-anak manusia yang merosakkan saya!”*

Akibat jasa mubaligh Charles Pean dan rakannya, ramai dapat di-selamat dan keadaan mereka pun dibaiki. Kini Pulau Hantu tidak lagi digunakan sebagai penjara. Bala Keselamatan telah belajar daripada Yesus untuk mengasih penjenayah-penjenayah.

Ogos 22

“Apa saja yang disuruhnya kepadamu, buatlah.”
(Yohanes 2:5)

* * *

Therese dari Lisieux adalah anak perempuan bongsu di sebuah keluarga miskin.

Pada suatu hari Nada, dia diberi peluang untuk memilih satu anak-anak patung daripada kakak-kakaknya. Therese menjawab, “*Saya nak semua.*” Pada usir lima belas, sedangkan dia masuk sebuah biara Katolik Carmelite dan diberi pilihan untuk mencontohi salah sejenis budi Kristian yang akan diutamakan, dia juga jawab, “*Saya nak semua.*”

Begitu juga ajaran ibu Yesus kepada kita. Lakukanlah segala suruhan AnakNya, tanpa meringankan yang mana-mana satu pun. Jika kamu memilih di antara undang-undang Tuhan, kamu sebenarnya berkata, “*Saya tidak mahu mendengar apa yang disuruh-Nya. Saya saja mahu mengikut apa yang saya suka.*” Kita kena taat seperti askar, masuk ke dalam mana-mana pun pertempuran yang diarahkan-Nya, walaupun itu bermakna kematian. Kita juga patuh apabila disuruh mengundur, walaupun itu rupanya kemaluan besar bagi kita.

Musa memberitahu rakyat, *“Lakukanlah semuanya itu dengan setia, seperti yang diperintahkan kepadamu oleh Tuhan, Allahmu. Janganlah menyimpang ke kanan atau ke kiri.”* (Ulangan 5:32). Adakah undang-undang mempunyai kanan dan kiri?

Undang itu berkata, *“Jangan mencuri.”* Kamu boleh mencuri untuk belanja hiburan. Kamu juga boleh mencuri untuk menolong orang miskin. *“Jangan membohong.”* Kamu boleh berbohong untuk tujuan keuntungan diri. Kamu juga boleh berbohong untuk menyelamatkan jiwa. Jadi adanya dosa di sebelah kanan dan dosa di sebelah kiri. Tetapi kita tidak patut menyoal sedangkan Dia suruh. Kita saja ikut dan mengelakkan dosa.

Kita ada peraturan yang tetap, yang patut diikuti dengan sepenuhnya kecuali kita dapat suruhan khas untuk melakukan berlainan dalam keadaan yang luar biasa. Kasih adalah prinsip yang terutama. Buatlah segala yang disuruh-Nya kepadamu, tidak hirau akan aneh perintah-Nya.

Ogos 23

“Akulah kebenaran.”(Yohanes 14:6)

* * *

Dua orang, Si-Kebenaran dan Si-Kepalsuan, pergi berenang. Si-palsu mencuri baju Si-benar, dan Si-benar tidak ingin merendahkan diri dengan memakai pakaian Si-palsu. Dia lebih sudi berjalan bogel. Jadi ada patah perkataan “kebenaran yang bogel.” Dan Kepalsuan yang mendapat baju Kebenaran itu pun menipu manusia sampai hari ini.

Kebenaran tidak bertolak ansur dengan Kepalsuan. Mereka tidak dapat berjalan sama. Tetapi bagi seorang yang menipu atau berdosa, kita patut menerima. Bagi orang yang bersalah, Kebenaran akan menerimanya dengan kasihan yang penuh dan cuba memulihkannya supaya menanggalkan baju curian dan berjalan bogel sama-sama.

Henry IV England adalah seorang yang berani. Jadi dia dipanggil Henry Agung. Dia sendirinya ikhlas, tetapi amat bertindak rahmat kepada orang yang bersifat salah.

Ada sekali, baginda mendapati seorang kaptennya sedang berdusta tentang baginda, dan telah

memberontak. Walaupun baginda pernah mengampunkan pegawai itu, dan memberinya banyak kebaikan, tetapi kapten itu masih membenci raja. Henry berkata, “Saya akan memberinya begitu banyak kebaikan sehingga dia terpaksa mengasihi saya.” Inilah caranya kebenaran bogel dapat memenangi orang yang salah, yang berpura-pura baik dan jujur.

Raja Henry IV itu selalu kata, “Seorang boleh dapat menangkap lebih lalat dengan sesudu madu, daripada dengan dua puluh ton cuka.”

Sayang orang yang bersalah; sayang juga orang yang menipu kamu setiap hari. Saja ingat: *yang benar adalah benar, yang salah adalah salah.*

Jangan sekali-sekali terbalikkan kedua-dua itu.

Ogos 24

“Ada berjenis-jenis kurnia.”(1 Korintus 12:4)

* * *

Kira-kira pada tahun 165 SM(Selepas Masihi), Biskop Carpus dibakar sehingga mati sebab dia enggan menyembah kepada tuhan-tuhan bangsa lain. Sedangkan pelayan-pelayan seterunya menyediakan kayu, Carpus kata, “*Kita semua ada Hawa sebagai emak, tetapi apanya manusia lakukan tentang manusia!*” Apabila dia di-naikkan di atas himpunan kayu itu, mukanya bersinar. Orang tanya kenapa begitu. Dia jawab, “*Saya telah dinaikkan dari dunia ini dan telah nampak kemuliaan Tuhan.*”

St Mechthild dari Magdeburg tahu bagaimana menulis akan rahsia ketuhanan: “*Embun manis Satu-Tiga itu terjatuh ke atas bunga seorang anak dara, dengan air dari sumber air ketuhanan. Buah bunga itu adalah sesuatu Tuhan yang tidak akan binasa dan seorang manusia yang akan mati, dan juga sesuatu penjaminan nyawa abadi. Juruselamat kita akan menjadi pengantin lelaki kita.*”

Dia juga tahu bagaimana untuk menulis lain macam. Dia tulis kepada biskop-nya, “*Kemuliaan tuan*

telah rebut di dalam dosa. Kamu kini miskin seperti pengemis, sebab kamu kekurangan mutiara kasih. Yesus akan datang menentangi-mu dengan penghakiman.”

Oleh sebab surat-surat seperti ini dia pun amat dibenci.

Frederic Bijaksana, ketua negeri Saxonia, apabila diberitahu bahawa menakluk bandar Erfurt yang berontak tentangnya, hanya akan mengorbankan lima orang sebanyak-banyaknya. Raja itu jawab, “Satu pun terlalu banyak.” Dia melindungi Luther, walaupun ini akan mengancamkan takhtanya. Apabila diberi amaran, dia jawab, “Saya lebih sudi hidup sebagai seorang pengemis, daripada bertindak menentangi Tuhan.”

Setiap orang salih mendapat panggilan Tuhan yang berlainan, setiap mereka juga contoh ketaatan bagi kita.

Ogos 25

“Apanya kelebihanmu daripada orang lain?”(Matius 5:47)

* * *

Pada masa pemerintahan Csar, seorang pemberontak wanita Rusia yang bernama Zaslitch menembak Jeneral Trepov sebab Jeneral itu memukul seorang pelajar di penjara Paviak. Kemudian, seorang lagi pemberontak wanita Ragozinikova yang berpakaian cantik, minta pertemuan dengan komandan Penjara Pusat di Petersburg. Dia kata bahawa dia datang untuk membantah sebab rakan-rakan komunis-nya di-cemeti di dalam penjara. Di dalam bajunya tersimpan tiga belas pound tepung letupan(dynamite) dan sebuah peledak(detector). Apabila komandan itu muncul, Rago pun menembak-nya dengan pistol. Dynamite itu bertujuan lain. Dia tahu bahawa dia akan dibawa ke pusat polis gelap. Dia bercadang melepaskan letupan di sana. Tetapi selepas pemeriksaan badan, cadangannya gagal.

Dia dihukum mati gantung. Sedangkan menunggu masanya, dia menulis kepada keluarganya: “Kematian bukan hal...yang menakutkan ialah, cadangan ini telah

gagal. Ia patutnya berjaya!” Bila digantung, Rago saja berumur dua puluh tahun.

Saudara saudari Kristian kita pun sedang dipukul dengan cemeti hari ini di negara-negara Komunis, Muslim, dan yang beragama lain. Bahkan mereka disiksa. Kita memang tidak akan membalas dendam terhadap penyiksa-penyiksa itu, atau bertindak ganas seperti pemberontak-pemberontak tersebut. Tetapi kita perlu ada jiwa yang sama untuk mempertahankan rakan-rakan seiman kita. Kita mesti membantah, menolong, dan berlawan untuk mereka. Hari ini Yesus kata, hasrat kita patut melebihi pegganas-pegganas tersebut.

Ogos 26

“Tuhanku, Tuhanku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?”(Matius 27:46)

* * *

Pada masa dahsyat di bawah Tito, seorang penolong gereja Ortodoks juga jatuh mangsa. Dia menggantungkan diri sebelum Komunis dapat membunuhnya. Dia meninggalkan sekeping nota bagi isterinya: “*Saya telah pergi mengingati Tuhan akan sebuah dunia yang telah dilupai-Nya.*”

“*Mananya Tuhan?*” Ramai pemuja pun tanya soalan ini apabila menimpa penderitaan yang hebat. Ayub dan Daud pun pernah menyoal Tuhan. Bahkan Yesus sendiri pun begitu apabila Dia disalibkan.

Kamu pun mungkin ada kesedihan yang hebat, dan bercuriga akan Tuhan.

Apabila Saul dari Tarsus, penganiaya gereja itu, telah bertaubat, hal pertama yang ditunjukkannya daripada Tuhan ialah “berapa banyak penderitaan yang harus ia tanggung”(Rasul 9:16). Ibu bapa, profesor-profesor dan pendeta-pendeta patut mengajar anak-anak, dan ahli-ahli gereja mereka akan *ilmu derita*. Tanpa ini seorang tidak mungkin hidup dengan betul.

“Manusia dilahirkan ke dalam sengsara, seperti bunga api berterbangan ke atas”(Ayub 5:7). Kita di ajar banyak hal yang tidak berguna. Kita belum diajar menderita dengan kasihan dan berfahaman. Jadi pada dalam masa susah, kita pun berasa putus asa dan kecewa.

Kita tidak dapat nampak hidup yang sejati dan sebenarnya. Semua hidup kita itu terlindung dibelakang langsir. Imam besar Yahudi kena melalui dua lapisan langsir tebal di Bait Allah(di Jerusalem) untuk masuk ke dalam bilik yang mulia sekali. Kita tidak tahu seorang wanita Muslim yang bertudung sedang senyum kepada kita, atau sedang mengerut dahi. Kita juga tidak dapat nampak perasaan Tuhan sebab langsir tebal-Nya.

Bila Yesus mati, langsir Bait Allah itu pun dikoyak. Tidak lama kemudian, Yesus pun bangkit semula. Langsir terkoyak selama-selamanya itu adalah untuk kamu juga. Kamu pun akan nampak bahawa setiap sesuatu juga berlaku untuk kebaikanmu. Tuhan amat dekat denganmu.

Dia tidak pernah lupakan kamu.

Ogos 27

“Dia ... taat.”(Filipi 2:8)

* * *

Apabila Alkitab masih disalin dengan tangan, seorang raja Perancis minta seorang rahib untuk menyalin sebuah Alkitab yang tidak mengharamkan perzinaan.

Jika diberi se-suka-hati kita, kita akan menghormati setiap ayat Alkitab kecuali *ketaatan*. Selepas itu, semua arahan lain pun boleh kita tanggung.

Taat kepada Kristus mestilah sempurna. Bila-bila Dia memberi sesuatu arahan, kita tidak patut tanya akan akibatnya. Seorang askar yang mara dengan arahan menentangi musuh yang bersenjata lengkap, tahu dirinya sudah hampir pasti akan mati. Inilah maksudnya taat.

Bolehkah taat kepada arahan Kristus menjadikan kita kehilangan banyak peluang untuk membuat baik? Kita tiada otak yang lebih elok daripada Yesus. Dia tentu telah menimbang yang baik dan yang buruk. Jika Dia kata sesuatu, kita pun ikut tanpa fikir apa-apa. Kita tidak tunggu, atau memberi alasan bahawa seseorang yang bijak mesti fikir bulat-bulat dulu baru bertindak.

Penyair tulis, “Saya membuat cepat, dan tidak menunggu untuk melaksanakan undang-undang-Mu”(119:60).

Pada masa kita, orang Kristian tidak menolong orang miskin sebab ada Jabatan Kebajikan yang mengendalikan hal-hal itu. Ada hospital untuk menjaga orang sakit, dan rumah yatim untuk menjaga anak yatim, tetapi jabatan-jabatan kekurangan kasih peribadi.

Di daerah Afrika yang di bawah penjajahan Portugis dulu, orang nampak ada orang hitam berjalan kaki, membawa pesakit mereka melalui hospital kerajaan, ke arah klinik Kristian yang lebih jauh, dan yang lebih kecil dan buruk. Bila ditanya kenapa, sedangkan ubat dari kedua-dua klinik itu pun serupa. Penduduk-penduduk hitam itu menjawab, “Ya, ubat mungkin sama, tetapi tangan berlainan.”

Taat dan sayang, dan tambah juga peribadimu dalam segala perbuatan baik kamu.

Ogos 28

“Inilah mukjizat pertama yang dilakukan di Kana.”(Yohanes 2:11)

* * *

Mubaligh-mubaligh yang pernah duduk bersama orang asli semua membuat laporan bahawa orang asli menganggap mereka sebagai orang mukjizat. Mubaligh-mubaligh boleh menimbulkan api dalam satu minit, sedangkan orang asli kena menggosokkan dua batang kayu dengan masa panjang. Mubaligh-mubaligh boleh memburu dengan senapang, boleh mengguna gergaji, boleh bertutur satu sama lain tanpa membuka mulut, saja menggunakan sekeping kertas dengan menulis sedikit tanda-tanda yang aneh.

Pearl Buck berkata(di dalam novelnya,) bahawa orang-orang Cina di kawasan pedalaman tidak percaya apabila dia memberitahu mereka akan rumah pangsa di England, yang dibina sebuah rumah di atas yang lain, yang ada banyak lapisan(rumah pangsa), dan juga kereta yang bergerak tanpa ditarik kuda. Orang Cina tempatan pun memandang itu sebagai cerita dongeng.

Apabila Marco Polo, orang Eropah pertama yang kembali dari Cina, kata bahawa dia telah nampak orang

berkulit kuning dengan mata yang gendeng dan rambut bertocang, dia pun dapat tajuknya: “Penipu Marco Polo.”

Jadi apanya mukjizat? Itulah apa yang dapat dilakukan oleh seseorang yang berdarjat lebih tinggi, baik da dalam jasmani, atau akal, atau rohani, yang tidak dapat diketahui atau di lakukan oleh orang biasa. Yesus adalah sesuatu yang lebih tinggi darjatnya -- Tuhan hidup sebagai manusia di antara kita. Dia dapat lakukan apa yang orang biasa tidak dapat.

Kini Dia ada di atas syurga dan sudah mendapat segala kuasa. Jangan menghadkan kuasa-Nya ke dalam pengalaman manusia yang biasa. Dia boleh buat melebihi harapan kita. Datanglah kepada-Nya dengan segala masalah-mu, dan segala masalah manusia. Yakin akan kuasa mukjizat-Nya. Dia boleh menukar air ke dalam arak. Dia boleh menukarkan air matamu yang sedih menjadi yang gembira.

Ogos 29

“Makan, minum dan bersukacita.” (Pengkhotbah 8:15)

* * *

Di Talmud, salah sebuah buku suci Yahudi, ada ditulis bahawa manusia akan disoal Tuhan untuk setiap peluang sukacita yang mereka telah tinggalkan.

Fikiran ini benar. Setiap benda yang dicipta Tuhan itu adalah baik -- termasuk kuman untuk penapaian air anggur. Dosa telah menukarkan banyak benda menjadi sedih, tetapi masih ada masa untuk kita ketawa... dan ada juga masa untuk menari”(Pengkhotbah 3:4).

Apabila Yesus menukarkan air menjadi arak di Kana, Dia menunjukkan kita bahawa sesuatu agama yang berfahaman tidak mengecualikan kegemaran manusia, asalkan keriangannya itu bukan jahat semua sekali, dan tidak menyebabkan kita tinggalkan tugas-tugas kita. Dengan batasan ini, seorang Kristian patut mengambil bahagian dalam keriangannya dunia ini.

Jangan percaya bahawa Yesus yang menukarkan banyak air menjadi arak di jamuan Kana itu, akan menegur kamu sebab sesuatu kegemaran. Ingat juga, arak yang ditukarkan-Nya adalah daripada air kosong,

jadi arak itu mungkin tidak akan membawa kesan keracunan arak biasa.

Orang Kristian patut mengabaikan semua dosa, tetapi bukan hal-hal yang menjadikan hidup betul-betul hidup. Kecantikan, seni lukis, dan keriangannya semua menyatukan orang dengan Tuhan. Agama mengandung segala kasih yang segar, yang bersyukur untuk setiap hal elok di dalam hidup.

Ogos 30

“Inilah kasih, bahawa kita hidup menurut perintah-Nya.”(2 Yohanes 6)

* * *

Manusia cuba menjadi cerdik, bijak dan moden, sedangkan apa yang diperlukan ialah mengikut kebenaran yang lama.

Apabila pegawai-pegawai Ratu Victoria memujuk baginda untuk melaksanakan beberapa hal untuk negara, dan menjaminkan baginda bahawa tindakan itu amat bijaksana, ratu itu jawab dengan tidak sabar, “Jangan kata itu bijak atau tidak, beritahu saya itu betul atau tidak.”

Ada Kristian masuk pasukan polis gelap Komunis dengan tujuan membantu gereja secara sulit. Mereka tidak nampak semua akibatnya. Mereka akan diarahkan untuk membunuh. Jika mereka mengikut arahan, mereka pun dapat terus pegang jawatan mereka dengan sedikit harapan untuk menghentikan beberapa kejahatan yang akan datang. Jika mereka enggan mengikut arahan, mereka pun akan dihukum mati. Arahan untuk membunuh seseorang itu akan dilaksanakan oleh pegawai lain. Jadi mereka mati tanpa apa-apa faedah.

Kadang-kadang hidup berakar rumit dan hodoh. Setiap benih yang akan ditabur, kena dicemarkan dengan tahi dulu.

Apa yang patut dipilihnya apabila kita saja dapat dua pilihan, dan dua-dua itu pun tidak elok? Jangan pilih yang bijaksana. Pilih apa yang disuruh Tuhan: “Jangan membunuh.”

Di dalam kem buruh hamba di Nikolaev, seorang Yahudi disuruh menggantungkan enam orang Yahudi lain saja sebab mereka bangsa Yahudi. Jika Yahudi itu mengikut arahan, enam orang yang tidak bersalah itu akan mati. Jika dia menolak, tujuh orang Yahudi akan mati, dan tujuh ibu tua akan menangis. Dia fikir akan emaknya yang tinggal tanpa bantuan, dan menggantungkan rakan-rakan Yahudi-nya. Dia tidak dapat maafkan diri. Jika dia menolak, dia pun tidak akan bersesal.

Sentiasa pilih arahan Tuhan.

Ogos 31

“Katamu itu kebenaran.”(Yohanes 17:17)

* * *

Adakah Perjanjian Baru yang dipegang kita hari ini, sama dengan yang diwahyukan Rasul-Rasul pada kurun pertama?

Baik, ada satu kelebihan Perjanjian Baru di atas segala tulisan lama Yunani. Ia mempunyai buku-buku tiruan-nya yang lama sekali.(Nota: semua buku lama pun kena ditiru dari semasa ke semasa, sebab kertas atau kulit binatang akan reput selepas beberapa puluh tahun.)

Buku tiruan Homer yang lama sekali adalah dari kurun ke sepuluh, iaitu 2,000 tahun selepas kematian pengarangnya. Buku syair Pindar ditulis pada 450 tahun sebelum Masihi. Tetapi buku tiruan Pindar yang kini ada ialah pada tahun 1150 Masihi.

Berbandingan, Perjanjian Baru di-siap tulis pada tahun 100 Masihi. Buku tiruan yang lama sekali adalah pada tahun 300 Masihi, saja dua ratus tahun di-perantaraan. Bahkan di dalam dua ratus tahun ini, ada banyak kutipannya di dalam tulisan-tulisan Kristian pada masa itu, yang menyaksikan ketulenan buku-buku

salinan itu. Kita mempunyai 4,000 buah salinan purba Perjanjian Baru, yang boleh dibandingkan satu sama lain.

Kita boleh bergantung akan ajaran Perjanjian Baru. Biarlah kita memberi perhatian kepada ajaran asasnya: “Kecuali seorang dilahirkan semula dengan air dan dengan Roh, dia tidak dapat masuk ke dalam kerajaan Tuhan”(Yohanes 3:3).

Apabila kita dilahirkan jasmani, kita datang di dalam se bungkusan air. Kita semua dilahirkan dalam air, tetapi dilahirkan ke dalam dunia ini tidak akan menjadikan kita waris syurga. Ajaran bahawa semua orang pun tentu diselamatkan adalah salah. Yesus kata orang yang dilahirkan dalam bungkusan air itu kena dilahirkan dalam Roh juga.

Wesley berkhotbah tanpa letih akan tajuk ini: “Kamu mesti dilahirkan semula.” Ada orang tanyanya kenapa, dia jawab, “Sebab kamu kena dilahirkan semula.”

Yesus telah kata itu. Kita boleh pasti bahawa kita ada firman-Nya yang sejati di dalam Perjanjian Baru.

Sep 1

“Dengan segera dia muncul dari air...”(Markus 1:10)

* * *

Askar-askar bermula mara pada masa mereka dengar arahan, “*Mara.*”

Injil Markus ada sepatah perkataan yang berulang: “*eutheos,*” iaitu “*dengan segera*” dalam Ibrani. Ada orang rasa Markus adalah pegawai kaya yang dapat arahan Yesus, “Jualkan semua yang kamu ada dan beri kepada orang miskin.” Pembesar itu ada banyak harta. Dia tinggalkan Yesus dengan sedih; dia tidak rela meninggalkan duitnya. Kemudian dia berasa sesal, dan hendak mengikut arahan Yesus, walaupun dia marah sendiri sebab tidak buat itu dengan segera. Jadi dia terus mengulang perkataan ini, tidak kira perlu atau tidak.

Adalah dikatakan bahawa askar-askar berkuda tidur dengan lembing dan perisai mereka berdekatan. Begitu juga orang Kristian patut bersedia untuk mengikut arahan pada saat mereka dapatnya, bahkan pada waktu malam. Pengantin perempuan berkata dalam Kidung Sulaiman, “Saya tidur, tetapi hatiku berawas’(5:2).

Maria berkata kepada pelayan-pelayan pada jamuan Kana, “*Apa yang dikatakan kepadamu, buatlah*

itu.”(Yohanes 2:5). Berawas. Ayat itu bukan kata, “Buatlah apa yang Dia pernah katakan.”

Adalah ditulis, “Firman Tuhan menyebar”(Rasul 6:7) dan “Firman Tuhan membesar dan bertambah”(Rasul 12:24). Kristus tidak saja bertutur 2,000 tahun dulu. Dia tidak jadi bisu sejak itu. Dia memberi ajaran pada setiap keturunan. Dia adalah *penasihat ajaib* (Yesaya 9:6) di dalam kehidupan peribadimu hari ini. Dengarlah kepada-Nya setiap hari dan taat dengan segera apa yang disuruh-Nya.

“Lembu tahu tuannya” (Yesaya 1:3).

* * *

Ayat kitab ini membandingkan orang dengan lembu atau keldai. Perbandingan itu mengutamakan binatang.

Bahkan bila kita dibandingkan dengan tikus, kita pun tidak beruntung. Tikus tahu bagaimana untuk mengetahui perhubungan antara sejenis makanan dan kematian. Jika makanan beracun diberikan mereka, dan seekor tikus mati, semua tikus lain pun akan elakkan makanan itu.

Pengujian juga dijalankan dengan racun yang lambat berkesan. Tikus-tikus juga dapat cari sumber kematian, dan menyebarkan awasan kepada semua rakan-rakan. Tambah pula, apabila tikus yang baru dimasukkan ke dalam, yang tidak tahu akan racun itu, tikus lama akan menghalang tikus baru itu menyentuh makanan itu, bahkan dengan kekerasan, sebagaimana kita akan melarang seorang membunuh diri.

Tikus tahu menjaga diri sendiri, dan memberi amaran kepada rakan-rakan mereka akan sesuatu yang bahaya, walaupun kesan itu lambat datang. Tetapi kita mahkota ciptaan, tidak berawas akan dosa walaupun dosa akan bawa maut. Kita tidak bertindak se-panas hati

seperti seekor tikus dalam memberi amaran kepada rakan. Sebaliknya, kadang-kadang kita menggalakkan rakan berdosa.

Yesus mengajar kita belajar daripada burung-burung(Matius 6:26). Yesaya mengajar kita belajar daripada lembu dan keldai. Biarlah kita belajar juga daripada tikus. Dosa itu racun. Elakkannya dan memberi amaran kepada rakan-rakan.

“Lupakan yang di-belakang...” (Filipus 3:13)

* * *

Shema Israel, Adonai Eloheinu, Adonai ehad.

“Dengarlah Israel, Tuhan Allahmu, Tuhan satu.” itulah doa yang disebut ramai orang Yahudi yang masuk ke dalam bilik racun Eichmann, sedangkan Eichmann memandang dengan muka yang bersenyum.

Kira-kira dua puluh tahun kemudian, Eichmann ditangkap Polis Gelap Israel di lapangan terbang Buenos Aires. Di dalam penjara khas untuknya, Eichmann menghairankan penjaga-penjaganya dengan menghafal doa yang sama itu -- dan lebih lagi hairan sebab dia menegaskan bahawa dia semua sekali tidak percaya agama Yahudi.

Saya berkenalan dunia orang pembunuh dan penjenayah. Ada sejenis persamaan di dalam jiwa mereka dengan mangsa-mangsa mereka. Pembunuh besar-besaran orang Yahudi menjadi lebih bercorak hidup Yahudi daripada sesiapa Yahudi pun. Doktor pengguguran akan dikejar oleh banyak anak-anak kecil, yang terus tanya-nya, “kenapa kau bunuh aku?” Apabila wartawan-wartawan tanya juruterbang Amerika yang menurunkan bom atom di atas Hiroshima itu, “Apakah

perasaanmu?” Dia jawab, “Apakah perasaan mereka (di kota itu)?”

Kita ada banyak mangsa. Yesus pun menjadi mangsa yang sempurna, domba yang di-khianat, yang dimalukan, disalahkan, dibunuh untuk kesalahan kita. Dia mati dengan kata ini, “*Bapa, maafkan mereka, sebab mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka itu.*”

Kemudian Dia berkata kepada kami: “Akulah mangsa itu, dan Aku telah maafkan kamu. Semua mangsa-mangsa-mu telah berada di dalam dunia keampunan. Kamulah seorang-nya yang tidak maafkan diri. Kamu diiringi oleh semua mangsa kejahatanmu. Terimalah keampunan. Ampunkan dirimu. Sifat *persamaan* di antara kamu dengan mangsa-mangsa mu akan hilang. Kamu akan dapat peribadi yang baru semua sekali.”

“Akar segala kejahatan ialah cinta wang.” (1 Timotius 6:10)

* * *

Tentu demikian. Mempunyai banyak wang boleh menjadi sejenis kejahatan. Kebanyakan orang tidak dapat mengendali nya tanpa dicemarkan.

Kejahatan lain ialah kekurangan duit. Seorang yang lapar adalah seorang yang marah. Pemberontakan bersama pembunuhan besar-besaran dilakukan oleh orang yang tanpa wang.

Yesus mengajar kita memberi sedekah, bermakna Dia harap orang miskin dapat sedikit duit daripada kita. Dengan ini kita akan membawa mereka dari sejenis bahaya ke sejenis bahaya yang lain.

Duit adalah bahaya. Saja menyebutnya pun membawa haram. Dapatnya dan tidak dapatnya pun ada masalah.

Penyelesaian adalah hidup seolah-olah duit tidak berwujud. Jangan membiarkannya mempengaruhi keputusanmu. Jangan cuba mendapati sesuatu pekerjaan sebab gajinya lebih tinggi, melainkan sesuatu yang boleh membawa lebih faedah kepada masyarakat. Jangan berkahwin seorang perempuan atau lelaki sebab dia mempunyai lebih duit, melainkan seorang yang

kamu boleh memberi lebih gembira. Jangan membeli benda-benda yang mahal sekali, yang kamu boleh membangga, tetapi jangan juga membeli yang murah sekali untuk menunjukkan pemisahan mu daripada dunia. Beli apa yang diperlukan.

Semoga fikiranmu dapat ditapis daripada barang yang tidak penting sekali itu: duit. Jangan sekali-sekali membiarkan duit mengganggu keputusan-mu.

“Supaya mereka semua menjadi satu.” (Yohanes 17:21)

* * *

Pencetakan British *New Society* telah mengadakan sesuatu tinjauan menentangi pemain-pemain dalam orkestra simfoni. Mereka mendapati bahawa pemain alat muzik bertali dan alat loyang biasa bersikap bertentangan satu sama lain. Pemain tiup kayu, terutama oboist, selalu dianggap sebagai orang gila oleh rakan-rakan. Pemain biola dan biola besar bersikap kurang menyenangkan dan selalu mencela.

Yang anehnya ialah, ahli-ahli yang begitu menentangi satu sama lain itu boleh memberi muzik yang berharmoni dan tersusun.

Apabila konduktor mengangkat tongkat nya, semua perasaan itu pun ditinggalkan. Saja satu perkara yang penting sekarang: kejayaan konsert itu.

Anak-anak dunia lebih bijaksana daripada anak-anak cahaya. Memang tidak dapat dielakkan bahawa Kristian-Kristian, iaitu lelaki dan wanita yang begitu berbeza dalam latar belakang, sifat, pengalaman hidup, taraf kebudayaan, negara, bangsa, dan kelas sosial mesti tidak akan bersetuju dalam banyak hal dan kadangkadangkang berasa sedikit bertentangan. Kita bukan saja

bersifat ketuhanan, tetapi juga kemanusiaan. Tetapi bahagian kemanusiaan itu patut diketepikan apabila kita melayani Tuhan atau sembahyang.

Tanyalah dirimu yang mana lebih penting: pelayanan kita kepada Tuhan atau pembezaan di antara kita?

“*Saya tidur, tetapi hati saya terjaga.*” (Kidung Agong 5:2)

* * *

Masa tidur tidak patutnya menjadi masa yang kehilangan.

Ahli kimia Rusia yang masyhur Mendeleev tidak berjaya mencari bentuk muktamad untuk elemen mudah. Ada sekali selepas bekerja sepanjang malam, dia tertidur di dalam bilik makmalnya. Tiba-tiba dia bermimpi sebuah rajah. Apabila dia awas, dengan segera dia mencatatnya. Kebanyakan muzik opera Rimski-Korsakov *Snegurotchka* datang kepadanya melalui mimpinya. Pakar psikiatri Bechterev selalu bertumbuh hati dalam hal yang mustahak sekali pada masa malam, supaya dapat jawapannya apabila dia bangun tidur. Ahli catur Karpov mimpi akan satu langkah yang membawa kemenangan di sesuatu pertandingan.

Kadang-kadang lebih sel neuron bekerja dalam mimpi daripada masa kita berawas. Oleh sebab itu, masa pagi sentiasa lebih bijaksana daripada masa petang.

Pada suatu petang, Yusuf dari Perjanjian Baru ingin meninggalkan anak dara Maria, sebab rupanya Maria telah berdosa. Dia tidak dapat tidur dengan nyenyak. Hatinya tinggal awas. Seorang malaikat telah bercakap kepadanya. Pada masa pagi dia pun lakukan perkara yang betul. Dia mengambil Maria sebagai isteri. Di dalam satu mimpi juga dia mendapati bagaimana untuk menyelamatkan anak itu daripada Herodes dan juga apa masanya untuk kembali ke Palestine. Firaun dan Nebuchadnezzar kedua-kedua dapat amaran penting di dalam mimpi. Begitu juga Yusuf dari Perjanjian Lama dan ramai orang lagi.

Gunakan masa tidurmu dengan baik. Biarlah fikiran terakhir-mu daripada Firman Tuhan. Tamatkan hari itu dengan doa. Kadang-kadang Tuhan akan berkata kepadamu bila kamu tidur.

Sep 7

“Saudara-saudara, jika seseorang didapati melakukan sesuatu kesalahan, kamu yang bersifat rohani pimpin-lah dia ke jalan baik dengan lemah lembut.” (Galatia 6:1)

* * *

Anatoli Krasnov-Levitin adalah seorang pengarang Yahudi-Kristian dari Rusia yang dipenjarakan tiga kali sebab keberanian nya. Dia memberitahu penyiasat-penyiasat-nya, “Kau tidak dapat membeli-ku atau menakutkan-ku.”

Selepas dibebaskan, dia berasa sedih sebab Krasin, yang juga seorang pengarang Kristian dan anak kerohaniannya, telah terjatuh di bawah tekanan dan menyerahkan beberapa nama kepada Komunis.

Krasnov-Levitin dipanggil untuk menjadi seorang saksi dalam pembicaraan Krasin. Dia berasa marah di dalam hatinya tentang Kristian yang mengkhianati saudara-saudara itu. Di mahkamah dia terjumpa dengan seorang rakan lama, Puan Hodorovitch. Dia pun tanya wanita itu kenapa di sana. Wanita itu menjawab, *“Walaupun saya tidak panggil diri ku seorang Kristian, saya bersimpati mereka yang menderita, walaupun ada*

yang terjatuh di bawah beban yang terlalu berat.”

Krasnov-Levitin merasa malu sebab fikiran jahatnya dan dia sendiri mencetakkan pengalaman itu.

Bukan saja di bawah seksa, tetapi juga di bawah segala tekanan atau penggodaan, pun ada Kristian yang kuat dan ada yang lemah. Ada akan mengaku kalah. Orang yang kuat dalam sesuatu keadaan, mungkin amat lemah dalam keadaan yang lain. Kita tidak dapat menjadi hakim untuk menegur dan mengutuk orang yang terjatuh, melainkan menghulurkan tangan untuk membantu mereka dengan kata yang lemah lembut.

Sep 8

“Musuh ku memarahi aku.”(Mazmur 42:10)

* * *

Orang Kristian mesti di beri amaran tentang anti-Yahudi, sama seperti perkauman yang menentangi orang hitam atau orang putih. Salah sejenis bahaya hebat hari ini adalah perasaan menentangi Amerika. Ini serupa anti Yahudi pada kurun lepas. Ini tidak disukai Tuhan.

Amerika Syarikat memberi 80% sokongan kewangan dan 60% sumber tenaga manusia untuk misi dunia. Jadi mencela Amerika adalah rancangan Satan.

Sebagaimana orang Yahudi pernah disifatkan sebagai peminjam riba tinggi dan penipu, kini pembohongan telah disebar bahawa Amerika yang kaya itu sedang meruntuhkan negara-negara miskin. Tetapi sebenarnya apabila orang Barat berhubungan dengan Dunia Ketiga, mereka telah jauh lebih maju. Penduduk putih di Afrika Selatan juga jauh di depan penduduk-penduduk tempatan sejak mulanya. Mereka tidak jadi kaya dengan memerak orang tempatan.

Memang benar bahawa orang Amerika dan orang putih lain makan terlalu banyak. Tetapi kita patut

memberi hati juga, bahawa purata keluaran seorang di Amerika jauh lebih tinggi daripada di India, yang cukup membiayai semua perbelanjaan mereka. Bahkan cukup untuk menghantarkan bantuan kepada negara lain.

Orang putih tidak menyebabkan Dunia Ketiga menjadi miskin. Sebaliknya merekalah harapan tunggal bagi penduduk-penduduk sana untuk mengatasi kemiskinan.

Berawas lah anti Amerika propaganda adalah perkakas hantu untuk meruntuhkan sokongan terbesar bagi misi Kristian dan kebebasan agama di seluruh dunia.

Sep 9

“Kecuali seorang dilahirkan dari air dan dari Roh, dia tidak dapat masuk kerajaan Tuhan.” (Yohanes 3:5)

* * *

Yesus tidak kata seorang yang belum dilahirkan semula itu tidak akan berada di dalam kerajaan syurga. Dia kata orang itu tidak dapat masuk. Bahan logam tidak dapat masuk ke dalam sepohon tumbuhan kecuali logam itu dihisap oleh tumbuhan itu. Sepohon tumbuhan tidak dapat menjadi binatang kecuali binatang itu makannya. Seekor binatang tidak dapat menjadi sebahagian kita kecuali dimakan kita.

Dan kita manusia pun tidak dapat menjadi anak Tuhan melalui apa-apa perbuatan diri kita. Pembezaan di antara seorang anak Tuhan dengan anak manusia adalah jauh lebih besar, daripada seorang manusia dengan seekor monyet, sebab orang dan monyet kedua-duanya makhluk, manakala seorang anak Tuhan mempunyai sifat Tuhan. Manusia tidak dapat menjadi pewaris kerajaan Tuhan dengan usaha sendiri. Mereka saja diterima(dihisap) ke dalam kasih Tuhan itu.

Orang itu kena mati dulu - mati kepada dunia, kepada undang-undang dunia dan kepada dosa. Dia

mesti berhenti menjadi “saya.” Yesus kata kita mesti menafikan diri kita (Lukas 9:23). Seorang Kristian sudah mati sebelum dia mati. Dia telah dihisap ke dalam Tuhan, dan jadi seorang anak Tuhan.

Mati agar dapat hidup. Seorang yang telah mati tidak sedar dengan suara manusia di kelilingnya, dan tidak berminat pun.

Kita masih-lah manusia selepas kelahiran baru dan terus hidup di dalam dunia ini, tetapi Anak Tuhan itu ada bilik suci-Nya di dalam hati kita. Kita telah mati kepada perasaan, godaan, perusahan dunia ini. Jika seorang anak Tuhan masih berminat dengan perkara dulunya, dia pun serupa sebuah mayat busuk yang terus tinggal di dalam rumah.

Jangan memberi kepentingan yang tidak perlu kepada segala perkara lain di dalam agama. Yang penting adalah lahir semula.

Sep 10

“Saya akan beri rahmat kepada sesiapa saja yang saya berhati, dan saya akan sayang sesiapa yang saya sayang.”(Roma 9:15)

* * *

Seorang pesakit dibawa berjumpa seorang pakar psikiatri. Kegilaannya termasuk percaya bahawa dirinya sebuah mayat. Pakar itu yakin dapat merawatinya dengan mudah, saja tunjukkan bahawa mayat tidak akan berdarah, sedangkan pesakit itu akan berdarah bila ditikam.

Pakar itu pun membawa pesakit itu ke bilik mayat untuk menyaksikan pembedahan mayat. Jadi pesakit itu pun faham mayat tidak berdarah. Kemudian pakar itu pun memotong jari pesakit itu dengan pisau pensel. Darah keluar. Pesakit itu pun jerit, “Saya telah salah! Mayat berdarah!”

Kadang-kadang kita bersedih sebab ramai yang kita saksikan Kristus tidak menerima berita baik itu. Kita tidak patut selalu menyalahkan diri kita.

Ada sejenis kejahilan yang boleh dibetulkan, dan ada pula yang tidak dapat dibetulkan. Balasan manusia

sentiasa tidak berakal. Bahasan yang kuat sekali jarang berjaya menukar pandangan seorang sebab keadaan kelahiran dan pelajarannya, atau sebab bangsa atau agama asal orang itu. Prasangka biasa lebih kuat daripada fakta.

Tugas kita adalah menyaksi untuk Kristus dan berdoa. Ada orang akan terima kesaksian kita, menjadikan apa yang telah ditentukan untuk mereka sebelum ciptaan dunia. Bagi kejahilan yang dapat dibetulkan, kita boleh membantu dengan contoh yang baik dan pertuturan. Bagi kejahilan yang tidak dapat dibetulkan, kita kena meninggalkan kepada Tuhan yang kasih dan jujur itu. Jangan meruntuhkan keamanan dirimu dengan celaan yang tidak adil.

Sep 11

“Kamu tidak patut membunuh.” (Keluaran 20:13)

* * *

Abraham Lincoln adalah orang pertama yang membeli sepucuk pistol untuk keselamatan dirinya. Tetapi dia ditembak mati.

Senapang mesin adalah direka oleh seorang Amerika R.J. Gatling. Dia harap dengan membolehkan seorang askar melaksanakan tugas seratus, tentera dapat dikurangkan. Tetapi kini tentera mesti bertambah.

Hiram Maxim membuat sejenis mesingan yang jauh lebih baik, selepas dia menerima nasihat di Eropah, “Buangkan kimia dan elektrik mu. Jika kamu nak jadi kaya, cipta-lah sejenis alat untuk orang Eropah membunuh satu sama lain dengan lebih mudah.” Dia pun beruntung banyak duit. Bukan saja orang Eropah membunuh satu sama lain, tetapi juga orang Afrika, Asia, Australia dan Amerika.

Pada zaman pertengahan, orang berperang dengan kesatria(*askar berkuda*). Ada yang kata di Perang Saudara Amerika, perang penyodok telah menggantikan perang kesatria. Selepas bom atom dijatuhkan di kota-

kota Jepun, orang yang mati tidak perlu penyodok pun, sebab mayat-mayat telah hilang.

Einstein kata dia tidak tahu apa senjata akan digunakan pada Perang Dunia Ketiga, tetapi Perang Dunia Keempat mesti akan dilawan dengan batu dan tongkat kayu oleh orang purba.

Penyelesaian adalah mudah. Inilah firman Tuhan: “Janganlah bunuh.” Tuhan tidak melarang kamu dibunuh, saja melarang kamu membunuh. Pengetahuan akan hidup kekal melepaskan kita daripada ketakutan. Anak-anak Tuhan sanggup menjadi baik. Sedangkan dunia ini bertanding membuat senjata, kita berlari dalam pertandingan lain, iaitu kepada Yesus (Ibrani 12:1,2).

Apabila dunia mengumpulkan senjata-senjata kemusnahan, biarlah kita bertambah perbuatan kasih dan rahmat.

Sep 12

“Perjanjian saya dengannya, adalah hidup dan keamanan.” (Maleakhi 2:5)

* * *

Orang Kristian berdamai. Kenapa mereka hendak membuang masa mereka untuk melawan seteru-seteru mereka? Keamanan adalah salah satu cara untuk umur panjang. Hidup lebih panjang adalah lebih baik daripada mengalahkan seteru-seteru mu. Nampaklah orang Yahudi. Untuk dua ribu tahun mereka tidak mempunyai sepasukan tentera, mereka saja hidup lebih panjang daripada musuh-musuh mereka. Tetapi sejak mereka dapat tentera, mereka selalu kesusahan.

Orang Kristian berdamai. Mereka mengira banyak sebab untuk bersuka-cita, dan sedang membuat demikian, mereka pun lupakan segala kenakalan yang dirancang menentang mereka.

Apabila hujan dan banjir datang, mereka pun masuk ke dalam bahtera. Jika kamu tidak cukup bijaksana untuk melarikan diri daripada sesuatu hujan lebah, sekaki payung tiada guna. Kamu akan basah dan akan dapat demam selesema juga.

Orang Kristian hidup tenteram, tanpa risau. Jika Yesus adalah kepala jemaah, Dia patut dapat hak tunggal untuk sakit kepala.

Seorang wartawan tanya seorang wanita tua pada hari jadinya, “Apakah rahsianya untuk hidup sampai 105?” Wanita itu jawab, “Dengan terus bernafas.” Yesus bernafas kepada rasul-rasulnya dan berkata, “Terimalah Roh Kudus”(Yohanes 20:22).

Itulah nafas yang menyampaikan Roh Kudus. Ada juga nafas yang lain. “Saulus masih menafaskan ancaman dan pembunuhan...”(Rasul 9:1). Tetapi nafas iman yang sunyi akan memanjangkan hidup mu.

Sep 13

“Bagi saya, inilah hal yang sangat kecil jika dihakimi kamu atau sesiapa orang.” (1 Korintus 4:3)

* * *

Apabila Napoleon Bonaparte mengumumkan dirinya sebagai maharaja Perancis, kerajaan England tidak mempedulikan itu. Mereka terus memanggilnya seorang jeneral saja. Napoleon berkata kepada seorang rakannya, “Mereka boleh panggil saya sesuka-hati mereka. Tetapi itu tidak akan menukarkan keadaan sejati saya.”

Bagi ramai orang, mereka asyik mencari kepujian orang dan takut dikatakan buruk. Jadi mereka sentiasa cuba mendengar apa yang dikatakan orang. Mereka telah hilang peluang yang tunggal untuk menjadi diri mereka di nyawa yang satu ini.

Kamu tidak dapat mengelakkan diri daripada disalah-fahamkan. Musa, orang ketuhanan itu, pun dikata buruk oleh Miriam, kakak tirinya dan juga seorang nabi wanita. Setiap anak Tuhan juga mudah saja dikatakan buruk oleh manusia, yang biasa bercela tanpa berfikir.

Bahkan dosa dan kebiasaan buruk kamu, apabila mengaku kepada Tuhan, tidak akan menghalangkan kamu daripada menjadi seorang yang dipanggil Tuhan untuk membuat baik.

Francis Bacon dua kali ditahan polis sebab hutang. Sebagai peguam negara, dia telah menyiksa seorang paderi tua, Peacham, untuk memaksanya mengaku pengkhianatan dalam khutbahnya, yang Peacham tidak lakukan. Kemudian Bacon sendiri mengaku dirinya telah ambil rasuah. Akhirnya dia berpusing, dan menjadi salah seorang intelektual yang agung sekali di dunia. Dia bersara dan menulis *Novum Organum* dan buku-buku lain, yang menjadikannya masyhur untuk beberapa kurun, yang mengajar orang bagaimana untuk memerintah.

Jadilah dirimu - makhluk Tuhan yang dihantar ke dunia ini untuk satu tujuan. Jangan membiarkan kata-kata orang lain atau dosa dulu dirimu menyesakkan mu.

Sep 14

“DombaNya... tidak akan mengikut orang asing, melainkan akan melarikan diri daripada mereka.”(Yohanes 10:4,5)

* * *

Pada tengah kurun ketujuh belas, Yahudi sedunia beramok dengan gembira. Dari Sepanyol ke Rusia ada berita bahawa Mesiah telah muncul. Namanya Sabbatai Zvi.

Orang kaya lepaskan harta-harta untuk orang miskin. Ada Yahudi bergelut di atas salji dengan batu berat di atas bahu, atau mencemeti diri sendiri sehingga berdarah sebab dosa, supaya dapat dikira layak untuk bertemu dengan Mesiah, yang akan memimpin mereka ke Tanah Suci.

Sabbatai Zvi telah bertitah supaya segala kesedihan kehilangan di Zion. Dia akan menaklukkannya semula. Seorang gadis Kristian Yahudi yang dibesarkan di sebuah biara perempuan di Poland, yang selalu mimpi menjadi isteri Mesiah, pun dijadikan isteri Sabbatai.

Sultan Turkey pun menyuruh Sabbatai dibawa ke depannya. “Jika kamu adalah rasul Tuhan, kamu mesti dapat membuktikan itu, dan kita semua pun

menghormati kamu. Biarlah pemanah-pemanah saya memanah kamu, jika kamu tidak mati, kami pun mengaku kamulah Mesiah. Atau, kamu ada pilihan untuk memeluk agama kita.”

Sabbatai tidak bergoyang. Dia terus memakai serban putih Turkey dan menerima agama Mohammed. Dia berkata kepada Sultan, “Saya bukan Mesiah. Saya sajalah rakyat baginda yang rendah.”

Orang Yahudi tidak percaya pada Yesus. Mereka telah percaya pada Sabbatai Zvi. Semua orang pun mudah percaya penipu-penipu dan bukan Kebenaran sejati yang terjemah dalam tubuh manusia. Di setiap kurun pun ada orang yang berjaya mengawal imaginasi berjuta-juta orang sebagai Juru-selamat. Akhirnya semua pun didapati menipu.

Apabila dinafikan oleh penguasa-penguasa, Yesus membiarkan DiriNya dimusnahkan anak-anak panah. Nampaklah, Dia hidup semula, dan memberi hidup kepada semua.

Sep 15

“Hal ini saya tulis kepada kamu, supaya kamu tidak berdosa.” (1 Yohanes 2:1)

* * *

Seorang Kristian tidak patut berdosa. “Sesiapa yang tinggal di dalam-Nya tidak akan berdosa”(1 Yohanes 3:6). Mungkin ada keadaan yang luar biasa, yang akan menyebabkan seorang Kristian berdosa, tetapi dia tidak patut menjadi sedih. “Jika ada orang berdosa, kita ada seorang pembela bersama dengan Bapa” (1 Yohanes 2:1). Dan selepas kamu jatuh, kamu akan lebih bijaksana lain kali.

Penyiksaan tidak akan runtuhkan gereja, masa tidak akan mengurangkan tenaganya, tetapi ahli-ahlinya terus berdosa akan menggoncangkan kestabilannya. Dosa tidak patut menjadi rancangan hidup bagi Kristian.

Kita tidak sempurna, tetapi kita patut cuba dapat berkata bahawa perbuatan hidup kita, seperti kata Sir Walter Scott dengan karangannya: “Saya mungkinlah pengarang yang berhasil banyak sekali pada masa saya, dan tenanglah hatiku apabila saya tidak pernah meruntuhkan iman sesiapa pun, atau merosakkan

prinsip sesiapa pun, dan saya telah menulis apa yang tidak membawa sesalan pada hujung hidup saya.”

Memang dosa kita dapat diampunkan, tetapi bahagia bukan di dalam dosa yang diampunkan. Yang bahagia adalah perbuatan baik yang tentu akan membawa pembalasan, walaupun itu kadang-kadang lambat. Salah sejenis balasan yang serta-merta adalah mengetahui bahawa kamu telah lakukan itu.

Terimalah balasan kecil ini, dan bukan sesal hati untuk dosa yang telah diampuni. Nasihat Alkitab ialah: “Jangan berdosa.”

Tuhan kata, “Anakku, dengarlah hikmat aku, berhatilah terhadap kefahaman aku”(Amsal 5:1). Kemudian kamu pun ada cahaya hidup.

Sep 16

“Jika ada di antara kamu kekurangan hikmat, biarlah dia minta Tuhan, yang memberi kepada semua dengan lumayan.” (Yakubus 1:5)

* * *

Adakah kita tahu akan jiran kita binatang-binatang? Pada bulan Desember 1975, surat khabar Rusia *Sovietskaia* mencetakkan beberapa kejadian yang aneh. Seekor kucing sedang melintas sesuatu jalan raya, tidak sedar bahawa sebuah kereta sedang datang dengan laju. Jikalau seekor anjing tidak menghentikannya, tentu ia akan terlanggar mati.

Di dekat bandar Livingstone di Afrika Selatan ada seorang membela seekor anjing. Ada seekor burung gagak selalu datang melawat mereka, dan sentiasa ambil makanan dari tangan orang itu. Pada suatu hari, anjing itu hilang dan tidak dapat di jumpai mana-mana pun. Pada masa yang sama, burung gagak itu menjadi kuat makan. Selepas ia dapat sekeping daging, ia akan terbang jauh dan kembali minta lebih. Selepas seminggu orang itu ambil keputusan untuk mengetahui yang mana burung itu terbang. Dia pun mendapati

anjingnya, yang di dalam sebuah perangkap. Ia dapat makanan daripada burung gagak itu.

Seorang jurutera Kaherah, Mahmud Vally, telah dibawa arus laut ke tengah laut sedangkan ia menaiki sebuah tilam melambung. Dia tentu akan hilang jikalau tiada sekumpulan ikan lumba-lumba menolak tilamnya sepanjang hari melalui banyak km ke pantai lagi.

Cimpanzi akan membungkus beberapa keping daun untuk menjadi sebuah cawan, apabila mereka hendak minum.

Tidakkah Tuhan yang memberi hikmat kepada haiwan(bukan saja naluri), juga memberi hikmat kepada ketua makhluknya di atas bumi?

Tuhan telah kata, “Hai anakku, perhatikanlah hikmat ku, arahkanlah telingamu kepada kepandaian yang ku ajarkan” (Amsal 5:1).

Sep 17

“Apa saja kamu minta dalam doamu, percaya itu, dan kamu pun akan dapat”(Matius 21:22).

* * *

Ayat itu rupanya begitu bercanggah dengan pengalaman kita. Tidak seorang pun yang dapat daripada Tuhan setiap perkara yang dimintanya.

Saya percaya kebanyakan kita telah silap faham ayat Yesus ini. Kita biasa minta bukan saja apa yang kita ingin bila kita berdoa. Kita minta juga apa yang kita telah ingin sebelum kita berdoa. Kita tiada perjanjian untuk mendapat itu.

Jika doa adalah betul-betul berdiri di depan Tuhan yang maha kuasa, bersujud kepada-Nya, dan bertutur dengan-Nya; jika itulah melupakan dirimu di dalam pelukan-Nya, segala keinginan yang kamu ada sebelum saat itu akan lenyap. Saja kasih yang tertinggal - kepada Tuhan dan kepada keselamatan rakan-rakan-mu untuk selama-lamanya. Doa itu adalah doa pemujaan. Tuhan tidak akan sekali-kalinya menolak semangat pemujaan kepada sesiapa yang memintanya.

St Catherine kata pada hujung usia-nya, “Tuhan, kamu tahu selama tiga puluh lima tahun ini saya tidak

minta apa-apa untuk diriku.” Apa saja yang kamu minta dalam sikap ini akan diizinkan dan ditunaikan. Apa pun, tanpa kecuali.

Pengantin perempuan di dalam Kidung Agung itu kata, “Saya sakit sebab kasih” (5:8). Dia tidak minta apa-apa ubat atau penyembuhan keajaiban. Martha dan Maria menghantar berita kepada Yesus bahawa Lazarus telah sakit. Mereka tidak minta-Nya datang untuk meletakkan tangannya di atas saudara mereka. Di peringkat iman tertinggi, semua keinginan pun telah tamat, kecuali keinginan untuk bersatu dengan-Nya. Keinginan ini akan ditunaikan.

Jika Tuhan akan memberi apa yang kita minta *sebelum* kita berdoa, yang disebut kita dalam doa, akibatnya akan jadi dahsyat. Shakespeare telah menulis:

“Kita, yang tidak mengetahui diri kita, sentiasa minta hal-hal yang akan mengharamkan diri kita, yang maha kuasa itu enggan memberi untuk kebaikan kita. Jadi kita beruntung dengan permintaan kita ditolak.”

Sep 18

“Dengan bogel aku datang dari rahim ibu, dan dengan bogel aku akan kembali.”(Ayub 1:21)

* * *

Kejadian di bawah ini datang dari Soviet Union.

Di Ukraine, daging kekurangan, orang berbaris sepanjang malam di depan kedai daging. Pada masa pagi, pengarah Kedai Negara keluar dan kata, “Hari ini saja ada daging babi, dan itu pun terhad. Orang Yahudi pulanglah. Tiada untuk mereka.” Orang Yahudi pun meninggal.

Selepas sejam, dia keluar semula dan kata, “Kami baru dapat tahu, jumlah daging bagi kami akan dikurangkan. Saja orang yang bekerja akan dapat. Pesara sila balik.” Jadi kumpulan itu pun tinggal.

Dua jam kemudian datang lagi pengumuman: “Saja sedikit daging. Saja untuk ahli-ahli parti. Semua yang lain boleh pulang.”

Seratus orang Komunis pun terus menunggu, basah kerana hujan telah turun. Selepas satu jam, pengarah itu memberitahu mereka, “Kami baru dapat panggilan telefon. Hari ini tiada daging.”

Seorang Komunis pun menyeru, “Sekali lagi Yahudi kotor yang beruntung! Mereka yang pulang dulu.”

Cerita itu bermakna dalam. Akhirnya kita semua akan kosong tangan. Kini kita berbaris di dunia ini. Bila kita meninggal, kita tidak akan bawa sepucuk jarum juga. Semua harta kita tertinggal. Yang beruntung adalah yang menafikan harta-hartanya terlebih dahulu.

Orang Kristian tahu bahawa setiap perkara di bawah matahari adalah sia-sia. Kita datang ke dunia ini bogel, dan akan kembali bogel. Kristian telah mati sebelum mereka mati. Mereka menafikan apa yang menipu setiap orang sekarang. Mereka telah kembali rumah asalnya awal sekali, dan membelanja masa mereka di rumah syurgawi, di dalam kerajaan Roh.

Sep 19

“Membebaskan mereka yang seumur hidup diperhamba, kerana takut akan kematian.” (Ibrani 2:15, Bahasa Malaysia)

“Membebaskan mereka yang seumur hidupnya berada dalam perhambaan oleh kerana takutnya kepada maut.”(Ibrani 2:15, Indo)

“Membebaskan mereka yang tertakluk kepada belenggunya seumur hidup kerana takut mati.” (Ibrani 2:15, Borneo)

* * *

Di ramai rumah Jepun kamu akan nampak sesuatu perkataan, yang diletakkan di tempat yang elok sekali “Shinzo arau”(*Bersihkan hatimu.*)

Sebuah kisah yang kata seorang wanita bernama Kishagotami berkata kepada Juruselamat itu, “Anak kecil saya telah mati. Saya tidak dapat melepaskannya. Saya telah minta setiap orang, tetapi tidak jadi. Mereka suruh saya cari Kamu, mereka kata Kamu saja berkuasa memulihkan orang mati. Saya tidak sanggup hidup tanpa anak saya.”

Yesus jawab, “Baik, saya akan hidupkan anakmu, tapi saya perlu sedikit garam. Bawalah.” Wanita itu

terus lari ke rumah pertama minta garam, tetapi Yesus jerit di belakangnya, “Kishagotami, garam itu mesti dari rumah yang tiada orang mati.” Keadaan itu rupanya senang.

Dia pun minta garam daripada keluarga pertama. Mereka sudi melayaninya, tetapi apabila ditanya, mereka kata bapa mereka baru mati. Wanita itu pun lari ke rumah kedua. Isteri keluarga itu telah meninggal dunia. Di rumah ketiga seorang budak telah mati. Barulah wanita itu ilham, apa yang Yesus hendak mengajarnya.

Dia pun pulang kepada Yesus dan kata, “Saya syukur Tuan mengajar saya bahawa tiada sebuah keluarga yang tiada kematian. Belilah anakku dan aku *hidup kekal*.”

Kerinduan nyawa bumi ini, ketakutan akan kematian, akan mengurungkan kita di bawah Si Jahat itu. Terimalah kematianmu dan kematian si-kasihmu sebagai hal yang biasa dan yang sepatutnya, dan carilah kebangkitan yang diberi Tuhan Yesus.

Sep 20

“Mereka menyerahkan Yesus kerana iri hati.”
(Matius 27:18)

* * *

Champollion adalah seorang murid sekolah yang agak lemah, kecuali dalam bahasa.

Pada umur sebelas tahun, dia telah tahu bahasa Ibrani, Arab, Syria, Kaldia, Parsi, dan Koptik. Segala mata pelajaran lain di sekolah tidak diminatinya. Pada umur tujuh belas dia telah menjadi ahli Akademi, masyhur sebab bukunya *Mesir di bawah Firaun-Firaun*. Pada umur dua puluh, dia telah menjadi seorang profesor di sebuah universiti.

Cita-cita agungnya adalah untuk menterjemah (memecahkan kod) tanda-tanda purba Mesir. Apabila dia berjaya, dia lari ke dalam rumah seorang rakannya dengan menjerit: “Aku telah mendapati!” tetapi dia terus jatuh pingsan apabila kawan itu kata, “Kau orang yang kedua. Alexander Lenoir telah mencetakkan sejenis risalah akan huruf-huruf Mesir itu.” Kemudian dia mendapati itu tidak jadi masalah, sebab buku Lenoir itu tulisan gurau saja. Tetapi niat Champollion telah dinyatakan. Mungkin dia sendiri pun ingin bahawa dia

bekerja untuk keuntungan sains. Sebenarnya bukan. Dia lebih mementingkan nama dirinya. Dia tidak gembira apabila lain orang membawa sumbangan. Semua sumbangan mesti di bawah namanya.

Champollion sendiri pun menjadi mangsa iri hati kemudian. Bahkan kawan-kawan sekerjanya memasukkannya ke penjara sebab tidak sanggup nampak dia dapat nama besar.

Sebab-sebab Yesus dihukum adalah rumit. Salah satu ialah cemburu. Kristus tahu bagaimana berkhotbah, yang tiada seorang lain tahu. Dia melakukan mukjizat. Dia dikasihi, sedangkan orang lain saja dihormati. Dia berani menjadi Mesiah, walau pun dia tidak mempunyai ijazah kedoktoran ketuhanan pun.

Di dalam hati setiap, kita pun ada kecenderungan untuk beriri hati. Orang yang cemburu tidak akan menerima kerajaan syurga.

Sep 21

“Aku berlari terus ke arah tujuanku.”(Filipi 3:14)

* * *

Ada sekali saya dengar kesaksian seorang wanita tua Norway, yang berumur tujuh puluh lebih, sedangkan dia menceritakan bagaimana dia menerima Kristus pada umurnya empat belas tahun.

Dia telah dengar sebuah khutbah daripada seorang pendeta, yang kata Penghakiman Tuhan Terakhir di atas takhta putihnya. Di belakang Tuhan ada sebuah langsir. Di depan-Nya ada sebaris orang yang dihakimi. Tuhan membuat satu tanda dengan tangan Nya, dan daripada belakang langsir itu pun muncul makhluk-makhluk yang cantik tak terkata, bersinar dengan cemerlang. Setiap makhluk itu pun berdiri di depan setiap orang yang dihakimi. Dan lelaki-lelaki dan wanita-wanita manusia itu pun tanya Tuhan, “Siapakah makhluk yang dahsyat dan cemerlang itu?”

Tuhan pun jawab, “Itulah setiap kamu jika kamu mendengar kataku dulu.”

Manusia-manusia itu pun tahu apa yang mereka telah hilang. Mereka semua malu dan melarikan diri ke

dalam neraka, tidak sanggup nampak apa yang mereka pernah menolak dulu.

Ilustrasi itu membawa wanita itu kepada Kristus. Saya dengar itu empat puluh tahun dulu. Saya selalu gunakannya di dalam khutbah, dan ramai datang kepada Juru-selamat. Khutbah pendeta itu masih berhasil seratus tahun selepas kematiannya.

Adanya satu “aku” yang hidup di dunia sekarang, dan satu “aku” yang ideal (yang sempurna), yang di dalam impian Tuhan bagiku. Saya boleh hidup seperti kini, atau saya boleh berlari ke arah yang sempurna itu, yang ditakdirkan bagiku.

Biarlah kita jangan jadi malu pada hari itu.

Sep 22

“Sebagaimana satu pelanggaran membawa hukuman bagi semua manusia, maka satu perbuatan benar memberi hidup dan kebenaran kepada semua orang.”(Roma 5:18)

* * *

Seorang doktor menunjukkan seorang pesakit seponon pokok sycamore yang telah mati. Dia mengisahkan bagaimana pokok itu dibunuh oleh seekor cacing kecil.

“Dua tahun dulu, pokok itu masih sihat. Pada suatu hari saya nampak seekor cacing sedang cuba membuat lubang di atas kulit pokok itu. Cacing itu panjangnya tiga inci saja. Seorang ahli ahli sains semula jadi minta saya supaya jangan bunuh cacing itu. Dia ingin tahu berapa lamanya untuk cacing itu merosakkan pokok itu. Saya pun bersetuju dan biarkan cacing itu buat lubang ke dalam pokok itu. Ia berjaya menggali lubang dengan cepat. Tidak lama pokok itu pun bermula jatuh daun -- lebih awal daripada sangga kita. Setahun kemudian pokok itu pun mati. Cacing itu telah masuk ke dalam hati pokok itu.”

Adam dan Hawa, setelah berdosa satu kesalahan, pun hilang Firdaus. Iaitu Firdaus bagi mereka dan bagi keturunan-keturunan mereka. Musa dikecualikan dari Tanah Janji sebab satu dosa. Ramai di masukkan penjara seumur hidup sebab satu jenayah.

Begitu juga dengan perbuatan jujur. Satu jasa Kristus di atas salib telah memberi keselamatan kepada semua orang yang percaya pada-Nya.

Jangan anggap sebagai yang tidak penting sesuatu dosa yang masih mengganggu kamu.

Letakkan imanmu kepada satu jasa Yesus Kristus.

Sep 23

“Firman menjadi tubuh dan tinggal di antara kita, penuh dengan rahmat dan kebenaran.”(Yohanes 1:14)

* * *

Seorang India Amerika baru sampai rumah seorang Kristian yang elok di San Francisco. Dia bertolak dari kampungnya di kawasan tempahan. Masa dia tiba, dia mendapati semua hadirin sedang berbahas akan rahmat dan undang-undang dengan bersungguh-sungguh. Orang India itu dengar berhati-hati apa yang dibahas mereka. Akhirnya dia dapat ilham, dan minta untuk memberi pendapatnya.

“Apabila saya berada di stesen kereta api,” katanya, “iaitu sebuah stesen yang hodoh dan tua. Saya nampak sebuah tanda yang tertulis, ‘Jangan meludah.’ Jadi saya pun meludah. Kemudian saya pun sampai ke rumah cantik ini. Permaidani, tirai, perabot, semua pun tidak pernah saya nampak. Saya cuba tengok ada tidak tanda yang melarangkan saya meludah. Tiada. Saya pun tidak meludah. Stesen itu menunjukkan saya undang-undang, rumah ini menunjukkan saya rahmat.”

Tiada undang-undang, termasuk undang Tuhan, yang boleh memberi orang hidup (Galatia 3:21). Tetapi

apa yang tidak dapat dicapai dengan undang, telah dijadikan Tuhan dengan menghantarkan Anak-Nya dalam tubuh.

Bagaimana dapat sesuatu tanda “*Jangan lakukan ini atau itu,*” menghentikan orang daripada berdosa sedangkan manusia semua pun pendosa dari dalam batinnya? Bahkan undang Tuhan pun tidak berkesan. Larangan itu saja menguatkan semangat orang untuk berdosa.

Stesen kereta api itu hodoh, dan tiada apa-apa yang menarik di dalamnya. Jadi saya pun menghiburkan diriku dengan meludah, sebab itulah yang dilarang. Tetapi Kristus memberi saya duduk di tempat syurgawi bersama-Nya. Saya ada di dalam persahabatan orang-orang salih, dan berjumpa saja contoh-contoh kasih dan keelokan. Tiada orang melarangkan saya meludah. Tetapi kenapa saya hendak meludah?

Sep 24

“Tetapi Timotius, hendaklah engkau tetap berpegang kepada ajaran benar yang sudah diajarkan kepadamu dan yang engkau percaya dengan sepenuhnya.” (2 Timotius 3:14)

* * *

Ramai mendasarkan ketidakpercayaan mereka di atas tulisan Darwin. Orang yang tunggal yang tidak mendapat keputusan itu, adalah Darwin sendiri. Dia tetap percaya pada Tuhan seterusnya.

Adalah dikatakan bahawa Wanita Hope, seorang atasan British, sentiasa berada di tepi katil Darwin sebelum dia mati. Darwin telah terlantar di atas katil untuk lama dan sentiasa mengaji Alkitab. Wanita Hope tanyanya sesuatu hari apa yang sedang dibacanya.

“Ibrani!” jawab Darwin. “Masih Ibrani. Buku diraja, saya akan panggilnya.” Dia pun menunjuk ke beberapa ayatnya dan memberi pendapatnya.

Hope berkata akan pendapat ramai berkenaan sejarah Penciptaan, dan apa yang mereka fikir dengan bab-bab pertama Buku Kejadian.

Rupanya Darwin amat terganggu. Jarinya bengkok dengan tidak tenang, dan mukanya amat sedih. Kata

Darwin, “Masa itu saya masih muda, pendapat saya pun tidak matang. Saya menyoal dan memberi berbagai-bagai cadangan, kagum akan semua sesuatu. Yang menghairankan saya ialah orang ramai menjadikan pendapat saya sebagai agama. Dan semua orang pun ikut sama.”

Kemudian dia pun henti sebentar dan kata, “Saya ada sebuah rumah musim panas di dalam kebun ini, yang boleh duduk tiga puluh orang,” dia pun tunjukkan melalui tingkapnya. “Saya tahu kamu membaca Alkitab di kampung-kampung. Petang esok bolehkah kamu berkongsi dengan pelayan-pelayan saya di sana, bersama beberapa orang jiran?”

“Apa yang patut saya kata?” tanya Hope.

“Yesus Kristus,” jawabnya, “dan keselamatan-Nya. Bukankah ini tajuk yang baik sekali? Saya harap kamu juga akan bernyanyi beberapa lagu bersama mereka. Jika kamu berjumpa dengan mereka pada pukul 3 petang, tingkap ini akan terbuka, dan kamu pun tahu saya sedang bernyanyi bersama-sama.”

Adakah segala kesalahan patut ditanggung oleh seorang muda yang kurang matang fikirannya? Atau ramai ahli-ahli sains yang menyokong teori yang tidak benar itu, sehingga iman berjuta-juta orang pun runtuh?

Saja apa yang kita pikir di atas katil kematian itu akan kira. Janganlah huru-hara pada usia muda kamu dengan teori-teori yang cemerlang dan popular.

Carilah lorong lama, lorong kebenaran itu.

Sep 25

“Di bawah nama Yesus setiap orang akan bersujud.” (Filipi 2:10)

* * *

Seorang Brahmin muda datang berjumpa dengan mubaligh masyhur E. Stanley Jones dan berkata, “Khutbah encik amat berkesan. Jika encik dapat kata Kristus adalah salah sejenis jalan, lebih orang akan sukanya. Kami sayang Krishna. Ada pula yang kasih Kali. Jika kamu boleh terima itu, seluruh India pun akan dengar kepadamu.”

Godaan ini telah ada sejak permulaan Kristian. Empayar Roma amat bertolak ansur terhadap agama. Mereka akan terima Kristus sebagai salah satu tuhan-tuhan di kuil mereka, bersama dengan Diana, Mars, Apollo, Mithra, dan maharaja-maharaja mereka. Yang menyebabkan penganiayaan Kristian pada kurun-kurun awal adalah mereka mendesak bahawa Kristus saja jalan tunggal, dan semua yang lain pun palsu.

Bagi peribadi saya, saya memang suka ada banyak cara untuk dapat selamat. Tetapi alam semesta ini bukan ciptaan saya. Ada seseorang yang lebih bijaksana telah menciptanya. Saya kena terima itu. Saya tiada pilihan

lain. Saya lebih suka dilahirkan dan dibela di bawah keadaan lain. Tetapi hidup saya telah ditakdirkan tanpa persetujuan saya. Saya tidak dapat mengambil keputusan bagaimana orang boleh diselamatkan. Pencipta alam ini telah tunjukkan satu jalan saja.

Kita tidak dapat bertengkar dengan-Nya. Menerima Yesus Kristus dan kamu akan selamat. Menolak-Nya dan kamu binasa. Tuhan tidak tanya jika kita suka itu. Kita memang suka saja ada syurga. Tetapi neraka pun ada. Amat mudah bagi kamu mengelakkannya.

Sep 26

“Sesiapa yang bertahan sehingga akhir akan diselamatkan.” (Matius 24:13)

* * *

Ada sehari, seorang budak perempuan kecil memberi ibunya banyak pening kepala. Selepas sesuatu kenakalan, ibu itu berkata, “Rebecca, saya terlalu sakit dan letih dengan gurau kamu itu!”

Budak itu jawab dengan ikhlas, “Baik, lebih elok ibu pergi tidur.”

Jawapannya betul. Amsal Cina kata, “Pada hari yang kamu tidak dapat senyum, jangan buka kedai-mu.” Saya akan bertambah, “Apabila kamu tidak dapat senyum lagi, tutuplah kedai.” Kita patut sentiasa baik dan lemah lembut, tetapi kita tidak dapat begitu dua puluh empat jam sehari. Kadang-kadang kita akan sampai hujung tali. Itulah masa untuk kita tidur atau rehat, sekurang-kurangnya jangan bercakap atau menulis lagi.

Kita semua ada keinginan yang amat sangat. Seorang suka menjadi kakak, berpakaian elok, seorang jutawan, tetapi juga nak jadi seorang zuhud; kita hendak jadi seorang wira, tetapi juga nak jadi seorang

pendamai; kita nak dapat segala seronok dunia, tetapi juga nak jadi seorang salih. “Tubuh bernafsu tentang Roh, dan Roh tentang nafsu” (Galatia 5:17). Di dalam tubuh dan di dalam roh, terdapat berbagai-bagai kecenderungan yang sedang menggoda kita. Kita tidak dapat berdosa dua jenayah yang bertentangan, menjadi kedekut dan juga boros. Kita pun tidak dapat dua jenis kesalehan yang berlainan: seorang Joan dari Arc dan seorang damai. “Inilah yang bertentangan satu sama yang lain, supaya kamu tidak dapat melakukan hal-hal yang kamu ingin.”

William James kata kamu mesti mengaji semua pilihan dengan teliti sebelum mengambil keputusan untuk yang terbaik.

Jika kamu telah pilih menjadi seorang ibu, jadilah ibu sampai akhirnya, jangan melepaskannya, jangan menjadi sakit atau letih dengan anakmu atau saudara seiman-mu.

Sep 27

“Hati yang gembira membuat muka berseri-seri.”
(Amsal 15:13)

* * *

Dua budak lelaki kecil yang tidak pernah masuk gereja, sedang mencuri tengok melalui sebuah tingkap apa yang sedang dijalankan, sedangkan satu perhimpunan doa dijalankan. Rupanya pertemuan itu amat bosan.

Seorang budak tanya yang lain itu, “Apakah mereka sedang buat?”

Budak yang lain itu jawab, “Saya pun tak tahu, tetapi apa pun, mereka tentu tidak bersuka dengan itu.”

Di sebelah lain, seorang Hindu tanya seorang Kristian, “Apakah minyak yang kamu gunakan, sehingga mukamu bercahaya?”

Kristian itu jawab, “Tiada apa pun.”

Hindu itu mendesak, “Ya, kamu Kristian mesti ada. Muka-muka kamu sekalian selalu bersinar.”

Agama Kristian ada banyak corak. Pilihlah yang gembira. Orang Kristian di-selamat dengan sesuatu perbuatan, iaitu apa yang dilakukan Kristus untuk kita di Bukit Tengkorak. Semoga agama kita pun menjadi

agama perbuatan, seperti Dorcas: “seorang wanita... dipenuhi perbuatan baik dan kebajikan”(Rasul 9:36). Tiada apa-apa minyak yang lebih berkesan daripada hati baik yang tidak tercemar. Iaitu mengetahui bahawa balasan kamu kepada jasa Kristus telah memenuhi hidupmu dengan perbuatan baik.

Agama yang dipunyai seseorang kurang penting daripada seorang yang mempunyai agama. Acara-acara agama pun kurang penting daripada seorang yang menyerahkan jiwanya ke dalam acara itu. Tiada agama atau acara akan menjadikan kamu bersuka-hati, jika batinmu tidak semua sekali taruk ke dalamnya. “*Kamu harus berbelas kasihan, baik hati, rendah hati, lemah lembut, dan bersabar. Hendaklah kamu saling bersabar dan saling mengampuni*” (Kolose 3:12,13). Hati kamu pun jadi bebas, dan muka-mu pun cemerlang.

Sep 28

“Dia masih jauh dari rumah apabila bapanya nampak dia. Dengan penuh kasihan, bapanya lari menemui dia, memeluk dan menciumnya.” (Lukas 15:20)

* * *

Di sebuah desa ada seorang wanita miskin hidup bersama anak perempuan tunggalnya. Wanita itu mengambil keputusan menghantar anaknya ke dalam kota sebagai pembantu rumah, harap dengan gajinya, mereka dapat membeli sebidang tanah. Gadis itu pun bekerja di sebuah keluarga yang kaya. Dia cantik dan pandai. Tidak lama kemudian dia pun tahu bahawa tidak bekerja boleh beruntung lebih daripada bekerja. Dalam masa yang pendek, gadis itu telah mempunyai sebuah kereta, jubah bulu, dan permata. Tetapi dia telah lupa jiwanya dan ibunya. Dengan pantas, sepuluh tahun telah dibuangkan di dalam pesta dan gurau.

Pada suatu malam dia berasa sesal. “Bagaimana boleh saya lupa Emak?” Dia tanya dirinya. Dengan segera dia memandu balik kampung. Selepas tengah malam baru dia sampai, dia nampak pintu gerbang masih terbuka. Dia pasti emaknya telah sakit, dan

doktor sudah sampai. Melalui halaman, dia nampak lampu bernyalala di bilik ibunya.

Apabila kakinya memijak ambang pintu, suara ibunya pun kedengaran, “Jane, adakah kamu?”

“Ya,” jawabnya. “Kenapa pintu gerbang buka begitu lewat, mak?”

“Sejak kamu tinggal sepuluh tahun dulu, ia tak pernah ditutup.”

Anak itu tanya lagi, “Kenapa lampu bilik mak masih terpasang?”

Ibunya jawab, “Sebab sejak kamu tiada di rumah, saya tak pernah padamkan nya. Hati emakmu tunggu mu.”

Begitu juga pengalaman mu, jika selepas tersesat di dalam dosa untuk bertahun-tahun, kamu rela kembali ke rumah syurga, kamu akan mendapati pintu terbuka dan lampu pasang. Tuhan masih tunggu kamu.

Sep 29

Di dalam kasih tiada ketakutan.” (1 Yohanes 4:18)

* * *

Seorang mubaligh ke Indonesia kata bahawa orang tempatan tidak lagi takut selepas mereka percaya Yesus. Dulu mereka akan terkejut apabila terdengar kokok sejenis burung di dalam hutan. Mereka akan patah balik jika mereka sedang berjalan, sebab percaya burung itu ada kuasa Iblis. Jadi mereka teruskan jalan, mereka akan dapat kemalangan.

Mereka juga takut jika terjumpa seekor ular sedangkan mereka menyediakan sebidang tanah untuk menanam padi. Mereka kena mengorbankan seekor babi, beras, duit, ayam, atau apa saja yang diminta dukun. Jika mereka tidak dapat menyerahkan itu kepada Iblis, mereka kena tinggalkan tanah itu, tidak kira berapa suburnya.

Ketakutan kegagalan hasil tanaman akan mengiringi mereka jika ada haiwan mati terbakar di dalam api sedangkan mereka membakar tanah itu untuk menanam padi. Korban dikenakan.

Jika mereka takut kehilangan anak yang sakit, mereka akan membuat sesuatu jimat. Iaitu sekeping

kayu nipis, dengan sebuah lubang di depannya. Di dalam lubang itu tersimpan se-biji batu kecil sebagai jiwa budak itu, dan ditutupi tepat dengan penutup. Di atas kayu itu terhakis seekor burung merpati sebagai penjaga daripada roh jahat.

Kita orang moden tiada ketakutan-ketakutan itu, tetapi kita takut kerugian perniagaan, menganggur, peperangan dan lain-lain.

Perkataan “jangan takut” muncul 366 kali di dalam Alkitab, satu untuk sehari di dalam setahun, termasuk tahun yang panjang. Jika kita kasih Tuhan, kita adalah selamat di dalam ribut hidup seperti di atas firdaus, sebab semua sesuatu bekerja untuk kebaikan kita (Roma 8:28). Setiap hari di dalam kalendar telah dimasuki. Jangan takut.

Sep 30

“Barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun ia sudah mati.” (Yohanes 11:25, bahasa Indonesia)

* * *

Perindustrian Jerman yang agung, Krupp, mencipta senjata-senjata peperangan. Dia membekalkan banyak negara dengan senjata yang boleh membunuh berjuta-juta orang. Tetapi dia sendiri takut mati. Penulis biografinya kata bahawa dia melarang sesiapa yang menyebut kematian di rumahnya. Apabila seorang saudara mati di rumahnya, dia melarikan diri dari rumah itu. Dia menceraikan isterinya apabila isterinya mengejeknya atas hal ini.

Apabila dia sakit untuk kali terakhir, dia menawarkan sejuta Markah Jerman untuk seorang doktor jika nyawanya dapat dipanjangkan sepuluh tahun. Tetapi ini tidak berjaya.

Betapa bezanya sifat seorang Kristian.

Saya berkenalan dengan seorang kanak-kanak, yang bapanya penjaga kubur. Saya tanya jika dia takut berjalan balik pada masa malam, dia jawab, “Tidak,

sebab rumah saya ada di hujungnya.” Kita pun, rumah kita adalah di hujung jalan sedangkan kita mati.

Kita bersimpati dengan mereka yang cuba mencipta masyarakat yang lebih baik, di mana orang hidup lebih kaya, lebih bebas, dan lebih gembira. Jika tujuan ini tercapai, siapa yang rela mati? Orang gembira mati lebih susah daripada orang miskin. Penduduk-penduduk yang gembira di Utopia juga akan mati.

Setiap pesta yang tidak dapat memberi kamu masa muda yang kekal tanpa masa tua, atau hidup yang sepanjang-panjangnya tanpa kematian, menipu saja. Sesuatu kehidupan yang kaya dengan kematian di hujung, serupa jamuan untuk seorang yang akan digantung.

Yesus telah mengatasi kematian. Dia telah bangkit dari kubur.

Dia memberi hidup kekal. Dialah harapan tunggal kita.

Oktober 1

“Carilah hal-hal di atas.”(Kolose 3:1)

* * *

Seorang Kristian meletakkan sebuah tanda “Linquenda” di depan pintunya, iaitu bahasa Latin, “*Saya akan tinggalkan rumah ini.*”

Adalah baik bagi kita ingat, sesuatu hari kita akan tinggalkan perniagaan kita, buku-buku, kekasih-kekasih, dan tubuh kita.

Seorang pengemis mengetuk pintu gerbang seorang kaya, dan minta tinggal satu malam.

Orang kaya itu jerit, “Saya tidak boleh memberi kamu masuk. Ini bukan sebuah hotel.”

Pengemis itu jawab, “Maaf, saya pun tidak akan ganggu tuan lagi. Saya akan cari di tempat lain. Rumah tuan memang mengagumkan aku sebab begitu elok. Bolehkah saya tanya siapa yang mendirikannya?”

Orang kaya itu kini lebih tenang sebab tahu dirinya tak akan dikacau. Dia pun jawab, “Bapa saya yang dirikan.” “Cantik betul. Adakah bapa tuan masih hidup?”

“Tidak. Bapa telah meninggal dunia. Saya warisnya.”

“Tuan ada anak-anak? Siapa akan waris itu selepas tuan?”

“Anak sulung saya. Dia baru kahwin. Selepas saya dia akan tinggal di sini.”

Pengemis itu pun kata, “Baiknya, rumah ini memang seperti sangkaan pertama saya. Ia sebuah hotel. Inilah kali pertama saya nampak pemilik hotel begitu marah bila ada orang minta bilik!”

Semua rumah kita pun hotel. Saya tidak tahu sebelum saya masuk, siapa-nya penghuni rumah itu yang saya sedang duduk dan menulis buku ini. Saya pun tidak tahu selepas saya pergi, siapa yang akan tinggal di sini. *Linquenda* -- kita semua pun akan meninggal itu.

Yesus datang untuk menjemput kita ke suatu rumah abadi, ke Firdaus-Nya. Lepaskan fikiranmu dan kerinduanmu daripada apa yang sementara. Kamu kena meninggalkan rumahmu satu hari.

Oktober 2

“Yesus kata, Biarlah anak-anak kecil datang kepada Saya, jangan larang mereka.” (Matius 19:14)

* * *

Sebelum menghabiskan ayat itu “Biarlah anak-anak kecil datang *kepada Aku*,” Yesus kena kata, “Biarlah anak-anak kecil datang...” Mereka kena dapat dilahirkan sebelum datang kepada Yesus.

Soalan ini sedang dibahas teruk hari ini, patut atau tidak embrio dapat hak untuk hidup. Adakah seorang manusia yang baru di-hamil dapat hak untuk dilahirkan, atau bolehkah hak ini diabaikan dengan pil perancang kehamilan? Pengguguran kandungan dan perancang kelahiran mendasarkan hujah mereka di atas lebih penduduk, kemiskinan, dan banyak penderitaan.

Saya percaya masalahnya bukan di dalam hak embrio. Saya akan tanya adakah bom nuklear, kelaparan, kemiskinan dapat hak untuk wujud. Kita perlu ada sejenis pemberontakan untuk ini. Saya saja menentangi pemberontak-pemberontak yang cuba membunuh dan dibunuh jika perlu, tetapi yang tidak ada apa-apa idea untuk menukarkan masyarakat.

Amerika Syarikat adalah salah satu negara yang terkaya di dunia. Ia mempunyai peratus tertinggi penduduk yang pergi ke gereja, tetapi perkadaran keluaran negara kasar yang masuk untuk pembantuan kewangan lebih rendah daripada negara-negara bebas yang lain, mengikut Bank Dunia.

Kita tahu resepi untuk pemberontakan yang berjaya: kasih yang sempurna. Ketetapan keputusan pengganaspengganas untuk meneruskan perbuatan jahat mereka adalah satu-satu unsur yang kekurangan bagi orang yang senjatanya ialah kasih. Saja dengan keputusan yang sekuat ini, baru dapat risiko peperangan nuklear dapat dielakkan, dan juga kelaparan berserta kemiskinan yang teruk. Jadi, kenapa anak-anak tidak dapat datang ke dunia ini supaya pergi kepada Yesus?

Oktober 3

“Yesus membuat cemeti daripada tali.” (Yohanes 2:15)

* * *

Paulus berkata kepada Elymas, seorang bomoh, “*Kamu anak iblis! Kamu musuh segala yang baik!*” Lalu dia mengutuk-nya jadi buta (Rasul 13:10, 11). Paul akan berdosa jika dia berlembut kepada seteru kebenaran.

Luther menulis kepada seorang duke yang menentangi Firman Tuhan: “*Keldai segala keldai, anjing yang menjilat darah, mulut berdusta, sosej tebal, anak iblis.*” Di sepucuk surat kemudian, dia menunjukkan kehairanan bahawa dia boleh menulis begitu lembut. Dia kata: “*Seorang Kristian adalah seorang yang tak benci sesiapa pun, melainkan mengasihi setiap orang. Tetapi seorang pengkhutbah mesti boleh makan garam, berani kata segala kebenaran, sebab begitulah Firman Tuhan. Ia menyakitkan sedunia, ia memerah tekak pemerintah-pemerintah dan raja-raja; ia guruh dan berkilat dan menyerang gunung-gunung... Bagi diriku, saya tidak*

ingin berkata kasar tentang sesiapa pun, tetapi bagi musuh Firman Tuhan, kamu tidak patut beramah.”

Kristian mesti berani tentang kejahatan di gereja dan di dunia. Mereka mesti berlawan untuk keadilan di dalam masyarakat, untuk keamanan dan kemajuan. *“kerajaan syurga menderita keganasan”* (Matius 11:12).

Orang Kristian tidak membiarkan diri bergaduh akan hal-hal nipis. Dia tidak bertengkar dengan isterinya atau jirannya, tetapi apabila dia kena berlawan dengan kejahatan yang telah masuk ke dalam gereja, dia mesti ada gambaran Yesus dengan cemeti di tangannya. Dia mesti menyepat tanpa sesal. Yesus tidak sekali-sekali minta maaf kepada peniaga-peniaga yang dihalaukan. Kebencian kepada dosa tidak dapat disebut dengan kata-kata yang bermaruah, sama seperti kasih tidak dapat menjadi dingin dan rasmi. Kepada dosa tidak dapat sopan. Kasih pendosa dan bangkitkannya dengan menggoncangkan-nya tanpa sopan akan dosanya.

Oktober 4

(Orang Israel) keturunan bapa-bapa leluhur, yang menurunkan Mesiah sebagai manusia, yang di atas segala sesuatu, Allah yang harus dipuji selamanya.”(Roma 9:5)

* * *

Di sebuah penjara Soviet, seorang banduan Kristian, A. Petrov, menulis sebuah puisi *Jika Aku seorang Yahudi*. Di sini adalah sebahagiannya.

Jika saya seorang Yahudi, saya tidak akan panggil diri saya apa-apa nama lain.

Kita semua bersaudara. Kita ada Paris dan Roma dan Washington atau kota-kota lain,

Tetapi Israel adalah unik.

Israel adalah Kain dan juga Abel, dialah pelayan dan tuan.

Daripada Israel datanglah kebebasan dan kebenaran dan dosa yang terhebat dan sesal yang dalam sekali.

Israel adalah permulaan dan kehujungan -- satu keajaiban -- daripada sanalah datangnya keselamatan untuk semua.

Jika saya seorang Yahudi! Di samping itu, itulah yang patut setiap orang menjadi, tidak hakim atau berdusta akan sesiapa pun.

Membawa kehormatan kepada tanah air kita dan negara kita.

Orang Yahudi adalah garam, perasaan, intipati benda-benda.

Ingatlah, kamu sekalian adalah keturunan orang seperti Daud. Tuhan Yesus pun datang daripada kamu.

Jangan jimatkan tenagamu. Di dalam bergelut, penggodaan dan ribut. Pada hari kemenangan dan hari kepiluan.

Menjadi layak bagi orang-orang masyhur dulu, ingatlah kamu seorang Yahudi.

Semoga saya seorang Yahudi.

Adakah itu sesuatu yang khas untuk menjadi seorang Yahudi, seorang daripada bangsa yang terpilih, dan ada ibu kotanya bernama sama dengan kota syurga, Jerusalem? Kita patut bersyukur Tuhan bahawa “Seorang dikira Yahudi bukanlah berasaskan keadaan lahiriah... melainkan keadaan batiniah.” (Roma 2:28)

Oktober 5

“Kita pun wajib menyerahkan nyawa kita untuk saudara-saudara kita.” (1 Yohanes 3:16)

* * *

Di Boston, ada sebuah patung telah didirikan untuk menghormati Mary Dyer, seorang Quaker yang dua kali dipenjarakan, dua kali dibuang negeri, dan akhirnya digantung untuk imannya.

Ini terjadi pada kurun ketujuh belas. Massachusetts sedang diperintah oleh orang Puritan. Mereka begitu suci sehingga tidak dapat mengizinkan Kristian-Kristian yang percaya pada cahaya dalam, dan berhubungan terus dengan Tuhan, tanpa perantaraan paderi atau acara keagamaan. Jadi sejenis undang telah diluluskan, setiap pemuja Kristian berkumpul Quaker yang datang ke daerah mereka akan dicemeti dengan kuat, dipenjarakan, dan kena membuat kerja keras di dalam penjara.” Ada seorang, walaupun bukan Quaker sendiri, telah mempertahankan seorang Quaker daripada serangan Puritan, telah dicemeti dan dibuang negeri. Sesiapa Quaker yang berjaya mengubah orang lain menjadi Quaker, akan dibuang negeri, dan jika dia kembali, dia akan digantung.

Mary Dyer datang dari Pulau Rhode ke Boston untuk melawat beberapa Quaker yang berada di penjara. Dia pun dirotan dan dibuang negeri dengan ancaman kematian jika kembali lagi. Tiga bulan kemudian dia pun kembali, untuk membekali saudara-saudarinya yang terkurung. Bersama dua rakan seiman-nya, mereka dihukum mati bergantung. Dia telah naik tangga, dan memasukkan kepalanya ke dalam jerat gantungan. Pada saat terakhir dia pun diberi keampunan, saja dibuang negeri.

Dia kembali lagi. Dia tahu dia ada saudara-saudari di dalam penjara. Dia di cemeti di depan ramai, dan lidahnya ditikam dengan besi panas.

Apabila di atas mahkamah, dia kata, “Jika kamu tidak tukarkan undang-undang yang tidak adil, selepas saya mati, Tuhan Yesus akan menghantar penyaksi-penyaksi lain untuk kebenaran. Jiwa saya tidak dikira apa-apa berbanding dengan kebebasan kebenaran.”

Ada beribu-ribu saudara dan saudari kita yang sedang terkurung di beberapa negara oleh sebab iman mereka. Kita patutnya sediakan untuk menyerahkan jiwa kita untuk mereka.

Oktober 6

“Dia kena melalui Samaria.” (Yohanes 4:4)

* * *

Apabila kebanyakan orang Yahudi dibawa ke Babel selepas negara mereka terjatuh, orang yang tinggal di Samaria berkahwin dengan bangsa-bangsa luar yang dibawa oleh penakluk-penakluk Babel, dan percaya pada agama campuran di antara Yahudi dan bangsa luar. Apabila orang Yahudi kembali daripada penawanan, mereka pun memandang rendah kepada rakyat ini, yang dinamakan orang Samaria.

Kebencian antara Yahudi dan Samaritan begitu tinggi, sehingga mereka tidak akan memberi segelas air satu sama lain. Buku Talmud mengajar bahawa makan roti daripada seorang Samaritan adalah dosa yang sehebat seperti makan babi. Mereka (orang Samaria) tidak dapat hidup kekal. Mereka sama seperti iblis.

Ibu kota Samaria namanya Shechem. Orang Yahudi panggilnya “Sichar,” iaitu “pemabuk,” seolah-olah tiada pemabuk di antara diri mereka.

Orang Yahudi mengelakkan melalui Samaria. Yesus, walaupun seorang Yahudi, bertujuan melalui Samaria. Dia berdiri di sebelah orang-orang yang

dibenci dan dihina agamanya. Di Jericho, Dia memilih Zaccheus, seorang pemungut cukai, sebagai tujuan lawatan-Nya. Walaupun pemungut cukai dianggap sebagai pengkhianat bangsa.

Kita merugikan diri kita apabila kita membenci atau menghina seseorang. Dengan demikian, kita telah menolak Yesus ke sebelahnya.

Jangan dengar hujah-hujah yang memberi kamu alasan untuk menghinakan seseorang. Yesus adalah kawan pendosa. Jadilah kawan mereka juga.

Oktober 7

“Tuan, jangan susahkan diri-Mu.” (Lukas 7:6)

* * *

Keadaan dunia ini akan jadi lebih mudah difahami, jika kita tahu dunia ini dicipta oleh sesuatu Tuhan yang sedih. Ia dicipta selepas kejatuhan seorang ketua malaikat yang dikasihi, Lucifer, yang juga menarik bersamanya satu pertiga malaikat-malaikat untuk berontak tentang Tuhan.

Kita akan faham perhubungan antara Tuhan dengan dunia dengan lebih baik, jika kita akan fikir bahawa kita ada sesuatu Tuhan yang letih dan bermasalah. Tuhan berkata melalui Yesaya, “Bulan sabitmu dan Perayaan-perayaan bulan barumu dan pertemuan-pertemuanmu yang tetap, Aku benci melihatnya” (Yesaya 1:14). Yesaya juga menulis, “Belum cukupkah kamu melelahkan orang, sehingga kamu melelahkan Allahku juga?”

Kita selalu minta Tuhan memberi kita seronok, dan selamatkan kita daripada masalah. Itu adalah baik, tapi kadang-kala adalah baik juga membalas yang sama kepada-Nya?

St Therese dari Lisieux menghairankan seorang rahib perempuan muda yang mengadu kesulitannya kepada seorang rakannya. Therese menasihatinya jangan buat begitu lagi, jangan bebankan hati orang lain. Rahib perempuan itu jawab, “Puan betul. Bermula hari ini saya saja akan memberitahu Yesus kesulitan diri saya.”

“Oh, jangan, jangan ganggu-Nya,” Therese jawab. “Bukankah Dia telah ada masalah yang cukup banyak? Simpanlah kesedihanmu untuk dirimu. Berilah Dia rehat.”

Therese sendiri ada satu kebiasaan. Tiap-tiap pagi dia akan letakkan salibnya di atas bantalnya dan kata sama Yesus, “Kau rehat sekarang. Saya akan kerja untuk Kau.”

Tuhan telah selamatkan kita. Biarlah kita juga selamatkan-Nya daripada lebih kesedihan dan keletihan.

Oktober 8

“Biarlah semua... kata jahat, dihapuskan dari antara kamu sekalian.” (Efesus 4:31)

“Segala kepahitan, kegeraman, kemarahan, pertikaian dan fitnah hendaklah dibuang dari antara kamu.”(Efesus 4:31, Alkitab Indonesia)

* * *

De mortuis nihil nise bene -- “Jangan kata apa-apa tentang orang mati kecuali yang bagus.” Inilah pendapat salah. Kebenaran dan keadilan dan keperluan untuk belajar daripada kejahatan orang, memaksa kita membongkar dosa mereka. Kata amsal tersebut muncul dari masa apabila orang takut jiwa orang mati akan mengambil dendam.

Saya akan kata, lebih baik mengambil keputusan jangan berkata jahat akan orang hidup. Alkitab memberi arahan yang tetap bagaimana buat dengan seorang yang bersalah. Yang pertama, kamu kena kasihi orang itu walaupun dia bersalah. Saja orang yang kasih dibenarkan untuk menyalahkan dan memberi teguran. Yang kedua, kamu mesti memberitahunya apa yang kamu nampak salah di dalamnya. Jika dia enggan dengar nasihatmu, bawalah orang lain untuk

memujuknya. Dia enggan semula, barulah memberitahu gerejanya. Bagi kesalahan yang terbuka, kadang-kala kamu terpaksa menunjukkan secara terbuka, tetapi jangan sekali-sekali menjadi orang pencela atau pemfitnah.

Fitnah adalah dosa lama. Sejak kemunculan manusia ia pun ada. Iblis adalah “*penuduh saudara-saudara*”(Wahyu 12:10). Dia menuduh kita sebelum kita berdosa, dia minta supaya kita tidak diciptakan.

Yesus dibunuh sebab di-fitnah. Ada dusta yang tersebar menentang-Nya bahawa Dia seorang Samaria, bahawa Dia ada syaitan, bahawa Dia melanggar undang-undang, dan menghujat tentang Tuhan. Kristian patut mengelakkan dari dosa itu, jangan sekali-kalinya dengar fitnah-fitnah.

Oktober 9

“Tuhan telah memilik yang bodoh di dunia.” (1 Kor 1:27)

* * *

Ramai orang telah melalui kemurungan, neurosis, dan psikosis. Ada telah melalui masa duduk di rumah sakit jiwa. Apabila mereka kembali ke hidup biasa, mereka rasa diri sendiri telah *berjenama*. Mereka tahu bahawa diri mereka pernah jadi *Mental kes* dan rasa semua orang dikelilingi mereka mungkin tidak memberi perhatian kepada pendapat mereka sebab itu.

Saya boleh kata sebagai seorang yang pernah hidup di antara orang yang mengalami kegilaan akibat seksaan dan ubat jiwa di dalam penjara Komunis. Tiada apa-apa yang perlu kita sedih oleh sebab pengalaman dulu, bahkan untuk “mental kes” yang sebetul-betulnya. Terimalah keadaanmu dengan tenang jika itulah pengalaman-mu, atau beri ketenangan kepada orang lain yang demikian.

Kini Lukisan Adolf Wolfli dipamerkan di seluruh Eropah. Banyak buku dan pengajian telah ditulis akan lukisannya, sebab Wolfli bukan saja seorang pelukis

yang mencapai kemasyhuran, tetapi juga seorang pengarang dan komposer muzik.

Bapa Adolf telah mati sebab mabuk arak, sedangkan anaknya masih berumur tujuh. Emaknya mati tidak lama kemudian. Pada umur sepuluh, Adolf kena mencari rezeki untuk dirinya. Pada umur tiga puluh dia telah dimasukkan sebuah hospital sebab gila, selepas dia cuba merogol seorang perempuan berusia tiga. Wolfli tinggal di dalam rumah sakit jiwa itu selama tiga puluh lima tahun, dan mati di sana pada 1930. Dia tidak pernah masuk sekolah. Tidak siapa mengajarnya melukis atau mewarna. Dia tiada peluang untuk belajar sendiri, kecuali beberapa buku di dalam perpustakaan rumah sakit itu, dan beberapa keping nota muzik di sana.

Jika seorang biasa, dengan menggunakan kurnia semula jadi dari Tuhan, boleh mengatasi skizofrenia dan menjadi berguna, bahkan ahli masyarakat yang luar biasa, lebih-lebih lagi akan dicapai oleh mereka yang mempunyai Roh Kudus di dalamnya.

Jika kamu pernah atau masih seorang yang *akal kurang betul*, mungkin itulah Tuhan yang sedang menyusahkan-mu (Rut 1:20, 21). Ayub telah menunjukkan bahawa Tuhan yang mengambil boleh membalas kamu lagi dengan tujuh kali ganda. Kegilaan bukan saja sesuatu beban, ia boleh jadi faedah juga.

Oktober 10

“Mereka menyanyikan sebuah nyanyian pujian.”
(Matius 26:30)

* * *

Berhati dengan lagu yang kamu dengar. Muzik rock boleh bawa maut. Wahyu Tuhan bukan saja mengandungi huruf. Alkitab Ibrani juga mengandungi tanda-tanda muzik. Itu bukan untuk dibaca, melainkan di-zikir mengikut melodi yang tertentu. Perkataan yang sama mungkin ada makna berlainan apabila dinyanyikan secara lain. Saja dengan melodinya, Alkitab mengandungi wahyu Tuhan yang sempurna.

Ada juga muzik yang jahat, yang bernafsu, dan yang merosakkan akhlak. Orang yang perkasa seperti Cervantes, Goethe dan Tolstoy semua kagum dengan keabadian sesetengah muzik. Itulah muzik yang merosakkan keluarga-keluarga sekarang. Jika dua keturunan mendengar muzik yang bertentangan, kefahaman di antara mereka pun tiada kemungkinan. Dan bukan semua muzik klasik adalah baik. Tolstoy percaya tidak ada orang yang mendengar Kreutzer Sonata (ditulis Beethoven) dapat menahan cadangan erotiknya. Mereka akan dosa jika berpeluang.

Amat sedih mendengar muzik elok di dalam Othello(dikarang Verdi) apabila orang Moor itu tercekik Desdemona. Kamu dengar muzik Strauss yang menarik apabila Salome tarian bogel dan minta kepala Yohanes Pembaptis diberikannya. Kebanyakan rancangan opera mungkin ditulis ahli Mafia (penghisap dadah.) Jenayah sedang disembarkan di pentas, jenayah disertai muzik syurgawi.

Orang dengar muzik Beethoven *Passion According to St Matthew* dan berbisik satu sama lain, sedangkan Yesus disebut, “Betapa eloknya melodi itu.”

Banyak dosa telah dikekalkan di dalam jiwa kita secara ini. Jadi, Kristian berawas akan penipuan-penipuan muzik.

Yesus nyanyi semasa ke Getsemani. Nyanyilah lagu-Nya. Saja dengarlah muzik yang disukai Tuhan.

Oktober 11

“Ambil dan makan, inilah tubuh saya.” (Matthew 26:26)

* * *

Pada masa Perang Dunia Kedua, dua juta orang Armenian dijadikan syahid untuk agama dan bangsa mereka oleh orang Turkey.

Di *Der es Zor*, ada sekumpulan orang Armenian berdiri di depan sepasukan askar menembak. Salah seorang Armenian, Mavy, berkata kepada askar-askar itu, “Adalah tertulis di dalam buku suci Quran, bahawa kamu tidak patut membunuh seseorang tanpa memberinya masa untuk sembahyang kepada Tuhannya.” Dan Mavy dapat kebenaran untuk sembahyang dulu.

Dia memberi sebuah khutbah pendek daripada Wahyu 2:10: “*Jangan takut akan apa yang kamu akan menderitanya... beriman sehingga mati, dan saya akan memberi kamu mahkota hidup.*” Mereka nyanyi bersama dan menerima jamuan Terakhir. Mereka tiada roti, jadi menggunakan pasir panas sebagai roti. Kemudian mereka pun ditembak. Yang tidak mati dengan segera membasahkan jari sendiri dengan darah

diri masing-masing, sedangkan Mavy yang hampir mati kata, *“Inilah darah Saya yang dikurniakan bagi mu.”*

Kristus adalah seorang dengan dua sifat: manusia dan Tuhan. Dia juga ada dua tubuh. Satu tubuh sebagai seorang tukang kayu Yahudi, yang telah di-bawa ke syurga selepas mati. Yang satu lain ialah jemaah-Nya. Apabila masa perjamuan Terakhir, ucapan ini di-sebut: *“Makanlah, inilah tubuh saya,”* ia bermakna kedua-dua tubuh itu. Yesus menderita dan berdarah 2,000 tahun dulu di Palestin di dalam tubuh terhadapnya. Tetapi inilah Dia juga yang menderita setiap kali ada orang dilukai atau dibunuh oleh sebab-Nya. Jadi banduan-banduan Armenian itu makan Jamuan Terakhir dengan darah sendiri, iaitu darah-Nya

Kamu pun ahli tubuh-Nya. Bertindaklah serupa-Nya.

Oktober 12

“Hai bodoh! Malam ini juga engkau mesti menyerahkan nyawamu!” (Lukas 12:20)

* * *

Kita masih ada berapa tahun untuk hidup?

Seorang raja memberi badut-nya sebatang baton Marshall dan berkata, “*Saya mencalonkan kamu sebagai ketua orang bodoh. Jika kamu dapat jumpa seorang yang lebih bodoh daripada kamu, berilah dia tongkat ini.*”

Selepas beberapa tahun, raja itu telah hampir mati. Badut itu tanyanya, “Baginda tahu tidak ke mana baginda yang akan pergi?”

“Tidak,” jawab raja itu. “Saya saja tahu bahawa saya akan mati.”

“Jadi ada hal yang *mesti* untuk seorang raja juga. Adakah baginda telah simpan untuk dirimu kekayaan di dunia yang baginda akan pergi itu?”

“Saya tidak sekali-sekali fikir akan itu.”

“Baginda tahu bahawa baginda akan mati, dan baginda tidak menyediakan untuk itu? Baginda tidak membuat peruntukan di syurga? Baginda tidak mengelakkan neraka?”

“Saya tak pernah ambil masa untuk berenung hal-hal itu.”

Badut itu pun ambil tongkat Marshall dari dalam lengan bajunya, dan mengembalikan kepada raja. “*Kini saya mencalonkan baginda sebagai ketua orang bodoh.*”

Ingatlah kamu akan mati, dan kamu tidak akan tahu bila itu akan jadi.

Oktober 13

“Kami tidak berusaha untuk mendapat pujian daripada sesiapa pun, baik dari kamu mahupun orang lain.” (1 Tesalonika 2:6)

* * *

Seorang Kristian sepatutnya mesti rendah hati dan berlemah lembut. Tiap-tiap kali bila dipukul di muka sebelah kanan, dia akan memusing dan menyerahkan muka lain. Kain lukis tidak sekali-sekali akan bertengkar dengan pelukis. Pelukis bebas untuk melukis sesukanya. Mungkin itu gambar seorang pengemis atau seorang raja. Orang Kristian menerima apa-apa pun keadaan hidup sebagai kurnia Tuhan. Jika Kristian itu hidup berjaya, dia tidak membangga. Bolehkan sebatang berus membangga sebab sebuah gambar yang elok, yang dicapai dengannya? Saja pelukis itu layak dipuji. Begitu juga perhubungan kita dengan Kristus.

Kristus adalah rendah hati, seperti Paulus, walaupun kerendahan mereka ada sejenis corak yang khas, yang sukar difahami. Yesus kena berkata: “*Saya tidak mencari kepujian diriku*”(Yohanes 8:50), dan juga, “*Aku ini lemah lembut dan rendah hati*” (Matius 11:29). Paulus juga kena menegaskan kepada orang

bahawa dia tidak mencari kepujian manusia. Biasanya seorang yang rendah hati tidak akan menunjukkan kerendahan hatinya. Saja apabila dia telah disalah faham ramai sebagai seorang yang amat sombong, barulah kena ia menerangkan.

Seorang Kristian adalah rendah hati di dalam perkara dirinya, tetapi dia tetap tahu bahawa dia mempunyai berita Tuhan. Ini yang dia menegaskan dengan segala kuasanya, sedia untuk mempertahankannya menentangi sesiapa pun. Bahkan menjadi berat kepada orang lain, atau dianggap orang sebagai seorang yang sombong, yang sentiasa ingin *Aku tahu lebih*. Seorang rasul Kristus mungkin jadi berat (1 Tesalonika 2:6). Paul adalah demikian apabila dia menulis bahawa dia tidak mencari kepujian orang.

Tahulah bagaimana menggunakan kuasa di dalam pelayanan Tuhan.

Oktober 14

“Kasihilah musuhmu.” (Lukas 6: 35)

* * *

Di sinilah kisah-kisah benar dari Romania, yang menunjuk bagaimana Kristian-Kristian mengikut pengajaran Yesus.

B. pernah menjadi pendakwa raya kerajaan. Dia telah kehilangan rahmat parti komunis dan dipenjarakan oleh rakan-rakan dulunya. Ada sekali sedangkan dia dipindahkan dari sebuah penjara ke sebuah lombong, di mana banduan diberi lebih makanan sebab kena bekerja keras. Di gerbang penjara itu dia ditemui seorang yang tidak dikenalnya, yang memberinya makanan dengan serta-merta. Orang itu duduk dekatnya sedangkan dia makan. Dia pun tanya orang itu berapakah tahun yang dia telah dihukum. Jawapannya adalah dua puluh tahun.

“Untuk apa?”

“Untuk memberi makanan kepada seorang paderi yang sedang dicari polis.”

“Siapa yang memberi kamu hukuman itu untuk perbuatan yang baik itu?”

“Kamulah pendakwa raya untuk perbicaraan saya. Kamu tidak mengenali saya, tetapi saya kenal kamu.

Saya seorang Kristian. Kristus telah mengajar kita membalas kejahatan dengan kebaikan. Saya ingin memberi kamu faham bahawa baiknya untuk memberi makan kepada yang lapar.”

Bapa Dr Munteanu adalah seorang paderi Ortodoks di Romania, yang terbunuh sebab jawatannya sebagai paderi. Doktor itu sendiri juga dimasukkan penjara. Di dalam kurungan, dia bertemu dengan pembunuh bapanya. Apabila pembunuh itu jatuh sakit, Munteanu bukan saja memberinya rawatan perubatan, bahkan juga makanan dirinya.

Seorang Kristian Tsotsea telah dijatuhkan hukuman selama dua puluh tahun. Selepas itu, hakim itu juga dimasukkan penjara dan bersakit teruk. Kesakitannya menjijikkan. Tahi dan kencingnya kena dicuci dengan berterusan di bawah keadaan penjara, tanpa air yang mengalir, kapas, atau lembaran. Tsotsea, mangsa itu, kasih musuhnya dan pedulikan-nya seperti seorang saudara sehingga hakim itu mati, berdamai dengan Tuhan dan diampuni.

Oktober 15

“Pertimbangkan sendiri mana yang benar di sisi Allah: Taat kepada tuan-tuan atau taat kepada Allah?”(Rasul 4:19)

* * *

Eksperimen psikologi di Universiti Yale menunjukkan betapa teruknya orang biasa akan mengikut arahan dengan buta, bahkan sampai darjat menyeksa orang lain.

Sebuah mesin kejutan dan tiga orang diperlukan dalam eksperimen ini. Penguji adalah tanda kuasa. Seorang pelakon, yang dijadikan sebagai seorang murid, berpakat sulit dengan penguji itu. Orang ketiga - tajuk ujian - diberitahu bahawa dia sedang mengajar murid itu.

Mesin kejutan itu rupanya sah. Ia ada butang yang dilabelkan dari lima belas sampai ke empat ratus volt dengan jawatan “kejutan ringan,” “kejutan kuat,” “Bahaya: kejutan teruk.” Dan butang terakhir bertanda “XXX.” Mesin itu palsu; ia tidak memberi apa-apa kejutan kepada pelakon/murid itu.

Orang yang ditugaskan sebagai cikgu itu akan mengajar “murid” itu beberapa perkara, kemudian

mengujinya. Jika “murid” itu memberi jawapan salah, cikgu itu kena memberinya kejutan, mula-mula ringan, kemudian bertambah kuat. Pelakon itu jerit, berseru, kata jantungnya sakit, dan jatuh pingsan. “Cikgu” itu fikir semua itu benar.

Penguji itu akan memberi arahan kepada “cikgu” supaya memberi kejutan kuat, dan bercadang teruskan pelajaran, jangan hirau kesakitan muridnya.

Dua pertiga orang yang diuji di Yale itu mengikut arahan penguji. Mereka tidak hirau akan kesakitan “murid” mereka. Mereka telah dapat arahan, dan kena menyempurnakannya. Di Jerman, 85 % orang mengikut arahan.

Orang Kristian saja mengikut arahan penguasa jika arahan itu tidak menentangi undang kasih Tuhan. Untuk pendapat yang bersendirian ini, Kristian dibenci oleh pemimpin-pemimpin penguasa kebinatangan. Kita tidak patut menyerah.

Oktober 16

“Sarai berkata kepada Abram, ‘... tidurlah dengan hambaku ini.’” (Kejadian 16:2)

* * *

Berkenaan ayat tersebut, Talmud berkata bahawa Abram menyerahkan kepada suara kuasa yang diberikan Sarai kepadanya, untuk mengambil pelayan gadis sebagai gundik.

Perkataan “mendengar suara” boleh diterangkan dalam Ibrani dalam tiga corak: *shamoa bekol*, *shamoa el kol*, dan *shamoa lekol*. Di corak ketiga, *Lekol* biasa digunakan saja apabila seorang kena mengikut apa yang diarahkan kepadanya. Buku ulasan Yahudi yang lain, Midrash, merujuk Kejadian 3:17, di mana Tuhan berkata kepada Adam, “Kamu telah dengar kepada suara isteri kamu,” menerangkan bahawa Hawa juga telah mengambil sikap mendominasi kepada suaminya, dan telah menekan kehendak nya. Jadi Adam pun makan buah larangan itu. Ulasan itu berdasarkan fakta bahawa perkataan ini diguna ialah *shamoa lekol* di kedua-kedua kejadian.

Kamu boleh dapati bahawa seseorang cuba menggoda kamu berdosa dengan cara dia berkata, sebagai seseorang yang berkuasa.

Tuhan Yesus berkata, “Para penguasa bangsa yang tidak mengenal Allah menindas rakyat...tetapi jika seorang antara kamu hendak menjadi orang besar, dia harus melayani orang lain”(Matius 20:25,26).

Seorang pelayan minta kamu secara rendah hati; dia tidak sekali-sekali memberi perintah. Kamu dengar suara itu sebab kasih, atau kamu mendapati nasihat itu berhikmat, bukan sebab kamu takut dia. Kekasihmu akan memberi kamu kebebasan untuk memilih.

Orang Kristian tidak patut menyerahkan kepada zalim yang besar, ataupun kepada zalim-zalim kecil yang cuba perintah kita setiap hari.

Oktober 17

“Semua telah berdosa.” (Roma 3:23)

* * *

Seorang yang tidak percaya Tuhan mengejek agama Kristian. Salah satu hujahnya ialah perangai buruk sesetengah orang Kristian. Jawapan bagi mereka ialah, “Pernahkah kamu dengar orang berasa hairan dengan keburukan akhlak orang kufur?”

Orang kufur itu jawab, “Tidak”

“Baik, itulah bezanya.” jawab Kristian itu.

Agama Kristian mengajar akhlak yang tinggi sekali bagi hidup harian. Kristus sendiri adalah contoh hidup kita. Bagi manusia, hidup berdosa adalah kebiasaan, tidak kira berapa keras kita cuba, sentiasa ada pembezaan di antara prinsip yang kita sebut dengan pencapaian kita.

Ateisme tiada prinsip kelakuan. Marx menulis di dalam *Manifesto Komunis* bahawa dia ingin pemansuhan bukan saja semua agama, tetapi juga semua akhlak. Dan bila tiada akhlak, seseorang pun tiada apa-apa ketidakselarasan.

Bagi kita itulah sejenis kehormatan diejek dalam hal ini. Kita berasa sedih dengan dosa kita. Fakta

bahawa walaupun kita memanjat keras, kita masih jauh daripada tujuan kita, menunjukkan bahawa kita adalah manusia yang bersedia untuk tujuan yang tertinggi.

Berserta-lah sama kita. Jika kita telah menjadi kumpulan mendaki yang lebih besar, mungkin kita akan dapat berjaya dengan lebih cemerlang.

Oktober 18

“Mengelakkan percakapan yang tidak berguna dan perdebatan yang sia-sia, yang disebut orang sebagai “pengetahuan”(1 Timotius 6:20).

* * *

Jangan membiarkan sains mengacau imanmu. Sains yang tidak mengaku kejadian mukjizat bukan sains.

Di dalam fizik, ada sejenis undang-undang Charles. Mengikut undang ini, isipadu sejenis gas di bawah tekanan yang tetap adalah seimbang dengan suhunya. Apabila suhu gas itu turun, isipadu-nya pun turun $1/273$ untuk setiap darjah Celcius. Bila sampai suhu -273 darjah Celcius, gas itu sepatutnya jadi kosong. Tetapi ini tidak sekali-sekali-nya jadi. Sebab sebelum suhu menjadi -273 darjah, satu kejadian berlainan telah berlaku. Para penyiasat telah mendapati bahawa semasa belon naik angkasa, suhu tetap turun, dan isipadu pun turun berikutan, sehingga sampai 40,000 kaki tinggi, suhu selepas sana tidak turun lagi. Ia sentiasa berada di -67 darjah Fahrenheit.

Ahli sains juga mesti terima bahawa pada 40,000 kaki tinggi, ada sesuatu mukjizat telah berlaku, dan undang semula jadi Charles telah dilanggar, atau dia

kena menggunakan undang yang lain, yang masih belum dikenali, telah mengganggu undang Charles di sana.

Di dalam kes pertama, dia mengaku mukjizat telah terjadi. Mukjizat kebangkitan Yesus juga demikian. Jika ahli sains itu memilih yang kedua, iaitu ada undang yang masih belum diketahui, jadi kejadian ajaib di dalam Alkitab juga boleh terjadi di bawah undang-undang belum kenali itu.

Percayalah Alkitab. Tiada sains dapat menafikannya.

Oktober 19

“Kamu seperti kepulan asap, yang kelihatan sebentar sahaja lalu lenyap.” (Yakobus 4:14)

* * *

Apabila kamu rasa penting, apabila kamu sedang berjalan dalam ego, apabila kamu percaya dirimu adalah pusat dunia dan tidak dapat digantikan, masukkanlah jarimu ke dalam se-mangkuk air. Apabila kamu tariknya keluar dan nampak jika ada lubang yang tertinggal, kamu pun tahu betapa kepentinganmu. Air itu tidak memberi apa-apa tanda bahawa jari kamu pernah ada di sana.

Saya pernah berkenal dengan Kristian-Kristian yang penting di dalam gereja. Mereka dimasukkan penjara di bawah perintah kejam. Apabila mereka keluar penjara, mereka mendapati gereja itu berjalan dengan lancar tanpa mereka juga. Ada juga yang jadi lebih baik sebab orang muda dapat peluang untuk dilatih menjadi pemimpin.

Yesus, Anak Tuhan, terbaring di dalam kubur. Planet-planet terus berputar. Bunga-bunga berkembang dan kanak-kanak bermain. Yesus meninggalkan dunia sebentar, untuk menggalakkan kita membuat serupa,

untuk merasa kurang penting sedikit. Kemudian Dia bangkit semula, dan mendapat kuasa yang semua sekali baru.

Orang salih adalah salih sebab mereka tidak menganggap diri sendiri sebagai penting sekali. Dengan mengetahui bahawa dia boleh pergi tanpa apa-apa kerugian kepada gerejanya, Basil yang Agung boleh menjawab kepada penyeksanya Modest: “Saya tidak takut dibuang negeri, sebab seluruh bumi adalah kepunyaan Tuhan. Kamu tidak dapat merampas apa-apa harta daripada saya. Saya tiada apa-apa pun. Mati adalah keuntungan bagiku, sebab ini akan menyatukan saya dengan Kristus, yang saya hidup dan kerja baginya.”

Dengan menganggap diri mereka sebagai tidak penting, orang-orang salih menjadi penting.

Oktober 20

“Aku menggesa kamu supaya mengikut teladanku.”(1 Korintus 4:16)

* * *

Pada suatu petang seorang bapa pergi minum arak. Tidak lama kemudian anak lelaki kecilnya pun bersamanya. “Bagaimana kamu dapat cari saya?” tanya bapa itu.

Anak itu jawab, “Saya saja mengikut tapak bapa di atas salji.”

Epal tidak jatuh jauh daripada dahannya. Orang yang hidup bersama kita akan mengikut tapak kita. Ke manakah tapak kita?

Saya pernah berdiri di depan pintu sebuah penjara di mana seorang banduan yang telah dihukum seumur hidup. Dia sedang diikat rantai di atas tangan dan kaki, sebab dia dianggap sebagai yang amat bahaya. Sebuah van polis membawa sekumpulan banduan baru berhenti di pintu depan. Salah seorang banduan adalah anak sipembunuh itu. Anak itu juga diikat tangan dan kaki, pembunuh juga. Bapa dan anak bertemu.

Anak itu mengangkat tangan yang terikat-nya, tunjukkan kepada bapanya dan tanya, “Untuk ini kamu bawa saya ke dunia?”

Banduan tua itu bermerah muka dan merendahkan kepalanya. Dia tidak menjawab sepatah kata pun.

Ke arah manakah tapak kaki kita sedang menuju?

Kita fikir akan tapak Ibrahim. Selepas beribu-ribu tahun, agama Yahudi, Kristian, dan Islam masih berjalan di atasnya. Angin dan banjir tidak dapat padamkannya. Paulus berjalan di atas tapak Kristus yang berlumuran darah sebab mengorbankan diri. Untuk dua ribu tahun orang Kristian dapat mengikut contohnya.

Berawas dengan tapak dirimu. Kamu bukan orang tunggal saja yang berjalan di atas.

Oktober 21

“Timotius, jagalah baik-baik apa yang telah dipercayakan kepadamu.”(1 Timotius 6:20)

* * *

Salah sejenis kerugian besar selepas Reformasi gereja adalah kelupaan ajaran elok dan contoh-contoh orang salih dulu.

Mereka orang rendah hati. Apabila pertenggaran bermula pada Majlis Ekumenikal oleh sebab beliau menjadi biskop Konstantinopel, John Chrysostom berkata, “Saya tidak melebihi nabi Yunus. Buangkanlah saya ke dalam laut. Saja henti kacauan ini.” Jadi dia pun menarik diri daripada jawatan biskop, dan memberi ahli kariahnya nasihat terakhir dengan 1 Timothy 6:20.

Dia sedia meninggalkan setiap benda, tetapi dia tidak mengundur seinci pun dalam hal kebenaran. Dia tinggalkan kita dengan ajaran ini: “Orang Kristian boleh berbeza dengan berharmoni... Tetapi apabila kita disuruh melakukan yang tidak jujur, atau kekerasan dengan pedang, kita mesti menolak ikut, walaupun itu titah raja (dan saya berani kata, bukan saja arahan pemimpin duniawi, tetapi juga arahan pemimpin gereja.) Kita tidak patut ada perhubungan dengan yang

jahat. Kita tidak patut menyentuh yang najis. Yang dahsyat sekali bagi seorang hamba Tuhan adalah takut manusia lebih daripada Tuhan, sebab ketakutan inilah yang menjadikan kita pengkhianat keimanan dan kebenaran.”

John Chrysostom seorang pengkhotbah, walaupun bukan dalam erti hari ini -- iaitu seorang yang memberi ucapan dua puluh minit seminggu sekali. Dia hari-hari pun panggil orang bertaubat. Dia tidak melindungi penonton-penontonnya. Dia menentangi pakaian yang malu, kemewahan, dan kerinduan pendeta-pendeta akan kuasa dan pembahagian jemaah Kristian. Dia kata, “Yang marahkan Tuhan amat sekali ialah pertengkaran. Walaupun kita kerja terbaik, tetapi merosakkan perpaduan, kita akan dihukum seolah-olah kita telah membelah tubuh Yesus ke dalam beberapa bahagian.”

Oktober 22

“Hiduplah di dalam kasih.” (Efesus 5:2)

* * *

Pada 1969, jemaah Kristian di Kenya menghadapi kesulitan. Mereka telah menolak ambil sumpah kafir suku Kikuyu. Ramai ditikam pedang dan mati sebab itu. Yang lain dipukul sampai mati. Ini telah terjadi kepada seorang saudara, yang isterinya juga dipukul, dan yang sedang dirawat di hospital. Dia telah dibawa dari hospital ke tempat pengebumian suaminya, yang dikunjungi seribu orang, antaranya ada yang membenci si mati itu.

Isteri cedera itu berdiri dekat kubur suaminya. Kristian-Kristian menyanyikan pujian Kristian. Kemudian janda itu pun berucap. Ucapannya telah disiarkan hari keesokan di surat khabar.

“Sebelum kita tamatkan acara pengebumian ini, saya ingin memberitahu kamu sekalian apa yang dikatakan suami saya sebelum dia mati. Dia minta saya memberitahu semua pembunuhnya, bahawa dia sedang ke syurga sambil mengasihi mereka, termasuk yang memukulnya. Dia telah maafkan mereka semua, sebab Yesus kasihi mereka. Saya, jandanya, juga memberitahu

kamu sekalian di depan suami yang mati ini, bahawa saya tidak benci sesiapa yang membunuhnya. Saya telah maaf mereka, sebab Kristus mati untuk mereka juga.”

Inilah keampunan Kristian. Jadikan itu tepat, tuliskan semua orang yang pernah merugikan kamu. Kemudian menulis di atas dengan huruf agung, “Yesus Kasih Mereka.” Kemudian bakarkan senarai itu dan maafkan semua yang pernah haramkan kamu. Ingatlah berapa orang yang kamu pernah haramkan. Menyimpan dendam bukanlah tingkah laku Kristian.

Oktober 23

“Tetapi mutu kerja setiap orang akan kelihatan.” (1 Korintus 3:13)

* * *

Einstein, yang mendapati undang terakhir di dalam fizik, yang mendapat namanya menjadi nama untuk alam semesta itu, berkata pada hujung nyawanya: “Jika saya dapat tahu terlebih dahulu, saya akan menjadi seorang tukang paip.” Sebab dia tidak tahu bagaimana-nya orang jahat akan menggunakan sains-nya. Pengetahuannya telah diguna untuk membuat bom atom.

Betapa bezanya dengan Paulus. Kata akhirnya ialah: “*Sekarang hadiah kemenangan menantikan aku.*” (2 Timotius 4:8)

Seperti Einstein, Paulus juga mendapati sesuatu rahsia: orang yang bukan Yahudi juga dipanggil masuk ke dalam kerajaan Tuhan, dan telah diberi kuasa yang sama sebagai bangsa terpilih, Yahudi. Dia dapat juga rahsia-rahsia lain daripada Tuhan. Semua itu beruntung kepada manusia. Dia tidak sesal memberitahu itu kepada semua orang.

Oleh sebab perusahaan ahli sains yang tidak mencari pimpinan Tuhan berkena berapa-nya pengetahuan patut diberitahukan manusia, hari ini jumlah radio-aktiviti dunia adalah 35 kali tinggi daripada permulaan kurun ini(Nota). Ahli sains mungkin boleh memaki agama, tetapi soalan sekarang adalah, bolehkah manusia hidup dengan sains tanpa Tuhan? Kini udara, sungai-sungai, dan laut semua tercemar kerana sains moden.

Oleh sebab aktiviti setiap Kristian yang menyaksikan Tuhannya, ramai orang dapat melepaskan hidup sementara dan dapat masuk ke dalam hidup kekal.

Akankah kamu sesal hati pada hujung nyawamu dengan apa yang dilakukan kamu ini, atau dapat ketenangan bahawa kamu akan ditukarkan serupa Kristus dengan melayani-Nya sekarang?

Oktober 24

“Alangkah malangnya kamu, guru Taurat dan orang Farisi!” (Matius 23:13)

* * *

Tuhan Yesus menegur Farisi, dan dia menyuruh kita berawas akan kepura-puraan. Tetapi Dia tidak menyuruh kita mengelakkan hidup bersama mereka.

Ramai Kristian telah meninggalkan gereja, kata terlalu orang yang berpura-pura di dalamnya. Perniagaan juga dipenuhi kepura-puraan, tetapi tiada orang henti beruntung sebab itu. Perhubungan antara lelaki dan perempuan, antara keturunan, antara negara-negara semua dipenuhi kepura-puraan. Tetapi orang masih terjatuh ke dalam cinta, hidup bersama anak-anak atau ibu-bapa. Negara-negara wujud bersama-sama. Berapa orang terus tidak berkahwin sebab perkahwinan dipenuhi kepura-puraan?

Satu tempat tentu dipenuhi kepura-puraan. Iaitu neraka. Jika kamu pergi ke gereja, kamu saja bersama orang yang kepuraan untuk dua jam, tetapi di neraka, untuk kekekalan.

Jika kamu bosan dengan kepuraan, kamu patut ambil keputusan ke syurga, yang satu-satu tempat dipenuhi kebenaran.

Di luar gereja tiada keselamatan, walaupun di dalamnya ada banyak kegagalan. Seorang yang mempunyai Tuhan sebagai Bapa, mesti ada gereja sebagai ibunya. Seorang anak yang mengasihi tidak akan meninggalkan ibunya sebab ibunya telah jatuh sakit. Seorang Kristian tidak akan tinggalkan gereja sebab gereja bersalah. Gereja adalah penjaga Firman Tuhan dan acara-acaranya. Di dalam gereja, perjamuan orang salih pun dicapai.

Berkenaan kepura-puraan, lebih baik jangan nampak kesalahan saudara kita. Biarlah kita melepaskan dulu kayu di dalam mata diri kita dulu.

Oktober 25

“Kebaikannya berlangsung selama-lamanya.”
(Mazmur 103:17)

* * *

Huruf pertama Ibrani adalah א (aleph). Iaitu seorang yang menunjuk kepada syurga dan bumi, untuk menunjukkan bahawa dunia di bawah ini adalah bayang kepada dunia di atas.

George Cantor, ahli matematik agung yang mati kegilaan, pernah memberi tanda aleph di dalam matematik sebagai tanda transfin(transfinite).

Apanya transfin? Melukis sebatang garisan di atas kertas, panjangnya sepuluh inci. Semua orang pun tahu jumlah titik di dalam garisan ini adalah tidak terhingga. Cantor kata, “Bukannya.” Dia pun potongkan garisan itu kepada sepuluh keratan. Setiap keratan pun mempunyai titik yang tidak terhingga(iaitu tidak dapat dikira.) Jadi nombor titik di garisan panjang dulu itu tentu lebih besar daripada tidak terhingga. Iaitu beberapa tidak terhingga yang terkumpul. Inilah transfin. Saja dengan ini kita dapat erti perkataan Alkitab, “Daripada abadi ke abadi.” Adanya banyak abadi.

Nombor aleph adalah huruf yang sama dengan mana-mana sebahagiannya.

Jumlah titik di garis pertama itu adalah sama banyak dengan nombor titik di dalam setiap sesinya, sebab sesi-sesi itu boleh dibahagikan juga. Mana-mana sebahagian adalah sama dengan seluruhnya. Seorang tukang kayu Yahudi berkata kepada seorang rasul, “Dia yang nampak saya telah nampak Bapa” (Yohanes 14:9). Iaitu yang disebut Kristus sebagai “semua di dalam semua.” Dia adalah di dalam setiap jiwa yang percaya.

Kristian pertama kata, “*Apabila kamu nampak seorang saudara, kamu telah nampak Tuhan.*” Luther menulis, “*Kristian adalah Kristus.*” Tuhan Yesus mengajar setiap kali kamu berbaik kepada yang lapar dan menderita, kamu telah melayani-Nya.

Rupanya ini tidak masuk akal, tetapi Inilah kebenaran, dan telah menjadi hal biasa dalam matematik.

Oktober 26

“Hai maut, di manakah kemenanganmu?” (1 Korintus 15:55)

* * *

Ada sesuatu cerita Kristian yang lama, yang disimpan untuk yang terpilih saja. Mereka saja dengar itu daripada seorang manusia atau seorang malaikat, saja pada masa penderitaan yang teruk sekali.

Seorang pemuja telah mencari wahyu seumur hidup dari alam semesta, dalam muka manusia, dan dari dalam hati sendirinya. Dia mencari maknanya nama Jehovah. Apabila dia dekat tua, dia telah dihukum mati oleh sebab imannya dan dibawa untuk dimakan seekor harimau bintang.

Sedang menunggu di dalam arena sarkas, dia memerhati dari rangka besi-nya binatang liar yang akan makannya. Dia pandang titik-titik kulitnya, dan berasa kagum. Corak susunan kulit binatang itu menerangkan kepadanya maksud nama Tuhan yang dia telah cari untuk berpuluh tahun. Dengan serta merta dia faham kenapa dia telah dihukum mati yang kejam ini. Sebab inilah cara yang tunggal untuk memenuhi kerinduannya.

Tuhan memberinya pertemuan ini dengan harimau bintang yang membawa rahsia itu.

Syahid itu pun faham, bahawa kematian ini bukan mati.

Kita semua pun akan ditelan mati dengan sesuatu cara. Soalannya ialah, “Apa yang kamu mencari di dalam hidup?” Jika kamu telah mencari sesuatu yang betul, kematian akan tunjuk kamu rahsianya. Dan itu sajalah satu tudung yang kamu dapat masuk ke dalam hadirin Tuhan. Ini bukan saja untuk kematian, tetapi juga untuk setiap penderitaan yang hebat. Carilah di dalamnya nama Tuhan.

Oktober 27

“Sejak itu, Yesus mula berkata dengan terus-terang kepada pengikut-pengikutNya...bahawa Dia akan dibunuh.”(Matius 16:21)

* * *

Setiap tentera pun ada pasukan istimewanya: Parsi Abadi, Amerika Topi Hijau, Jerman SS, Soviet Gvardia. Juruterbang Kamikaze Jepun adalah yang termasyhur sekali. Mereka telah ada acara kematian sedangkan hidup. Selepas mereka masuk kokpit kapal terbang, pintu itu akan dimeteraikan dari luar. Mereka pun akan terbang ke arah kapal seteru dengan mautan bom yang penuh. Dengan itu mereka pun dapat menenggelamkan kapal musuh dengan jiwa dirinya.

Adalah serupa Yesus telah memasukkan dirinya ke dalam sebuah kokpit kapal terbang Kamikaze. Dia tahu diriNya akan mati di atas salib untuk pendosa.

Kita juga membawa nyawa kita sebagai korban hidup kepada Tuhan (Roma 12:1). Pembaptisan kita adalah acara pengebumian kita. Kita dikebumikan bersama Kristus. Saja orang yang melalui pengalaman ini akan dikira sebagai elit gereja, sebab telah

mengambil bahagian dalam penderitaan Kristus, mereka juga tahu kuasa kebangkitan-Nya.

Pada tahun 1955, seorang Profesor Singleton menunjuk di persidangan di Geneva, bahawa sesetengah bunga carnation di dalam kawasan radioaktif dekat reaktor nuklear di Brookhaven. Dulu bunga itu putih, kini menjadi ungu-merah, sejenis spesis yang tidak dikenali dulu. Setiap sel telah diubahsuai dan pokok bunga itu akan terus hidup dalam corak baru ini.

Begitu juga orang baru yang dibangkitkan bersama Yesus, seorang askar pertahanan untuk kerajaan Tuhan.

Oktober 28

“Yang hidup sekarang ini bukanlah aku, tetapi Kristus yang hidup dalam diriku.” (Galatia 2:20)

* * *

Tuhan telah memberi kita satu hadiah agung: menjadi sebagai diri kita.

Pribadi bukan sebahagian alam semesta. Alam semesta ini adalah sebahagian segala sesuatu yang di-erti oleh pribadi kita. Ini adalah sebab alam ini, tenaga, dan semua jisim bahan yang wujud adalah tajuk untuk fikiran. Tetapi pribadi bukan sesuatu tajuk. Ia selalu adalah subjek.

Yesus berkata, “Saya adalah jalan itu, kebenaran dan kehidupan” (Yohanes 14:6). Sesuatu “saya,” subjek ketuhanan, telah sebut kata-kata ini. Berdasar kata-kata ini, kita telah menegaskan selama dua ribu tahun bahawa Dia adalah jalan itu, kebenaran dan kehidupan itu. Ini telah salah. Apabila kita merendahkan Dia menjadi satu “Dia,” Kristus telah dijadikan sesuatu objek dalam fikiran kita. Sesuatu objek tidak dapat menjadi kebenaran. Yesus tidak mahu menjadi satu “Dia.” Yesus selalulah satu “Saya.” Yesus hidup dengan sepenuhnya sebagai satu “Saya” di dalam setiap

pengikutnya. Pemujanya adalah satu “saya” juga - yang sama dengan “Saya” Yesus. Mata yang digunakan Yesus untuk tengok saya, dan mata diri saya itu adalah mata yang sama.

Seorang pemuda mengetuk pintu kekasihnya lewat malam dan minta masuk. “Siapa itu?” tanya gadis itu.

Pemuda itu jawab, “Inilah saya.”

Gadis itu membalas di dalam, “Bilik saya kecil dan katil pun sempit, tiada tempat untuk kamu. Pergilah.”

Pemuda itu pun meninggal, tidak faham kenapa dia ditolak. Dia tahu gadis itu cintanya betul-betul. Selepas gembala di dunia ini beberapa tahun, dia dapat ilham. Satu malam dia ketuk pintu itu lagi.

Gadis itu tanya, “Siapa itu?”

Dia jawab, “Inilah kamu.”

Pintu itu terbuka. Dia dengar perkataan ini, “Selama beberapa tahun saya telah tunggu kamu.”

Apabila kita sampai pintu gerbang syurga, kita mestilah menjadi umat yang bebas -- bebas daripada menjadi salah satu objek di dunia ini. Kita mesti menjadi diri kita, satu “saya,” tetapi “saya” ini mesti telah menjadi “Saya”Nya, satu gambar Yesus yang kecil. Kita mesti dapat berkata di pintu itu kepada Yesus, “Inilah Kamu.” Dan pintu itu akan dibuka untuk kita.

Oktober 29

“Sehingga kamu tidak dapat melakukan apa yang kamu inginkan.” (Galatia 5:17)

* * *

Seorang askar membuat cadangan agung bagaimana dia akan melawan dan menaklukkan seterunya, tetapi sedangkan dia cuba meluruskan senapangnya, dia mendapatinya terlalu berat. Sebab sedangkan membuat cadangan, dia lupa mencari tahu apa dirinya. Dia memang askar -- askar kertas.

Ramai di antara kita membuat cadangan besar untuk seumur hidup melayani Tuhan dan manusia, tetapi gagal. Kita telah lupa bahawa kita dilahirkan dalam dosa dan dijadikan dalam kesalahan, bahkan usaha terbaik kita pun seperti kain kotor; dan di dalam kita ada kuasa yang melemahkan kita, sehingga kita tidak sanggup meneruskan cadangan elok. Kita sentiasa menjadi perkakas jahat dan nafsu-nafsu. Kita adalah askar kertas. Sebelum melakukan hal-hal yang benar, kita mesti menjadi soldadu yang berdarah dan berdaging.

Mukjizat itu telah dijadikan Yesus. Dia telah memberi kita hidup baru. Dia menyuruh kita makan dagingnya dan minum darahnya.

Dia memberi kita mengambil bahagian sifat ketuhanan-Nya. Kita dapat hidup baru, dan kekuatan rahmatNya.

Dia telah menukarkan askar kertas menjadi yang benar, barulah kita dapat melawan musuh.

Oktober 30

“Dia ... telah dibersihkan semua sekali.” (Yohanes 13:10)

* * *

Seorang tukang besi ada seorang anak yang menghancurkan hatinya. Setiap kali anak itu melakukan sesuatu kesalahan, bapa itu akan mengetuk sebatang paku ke atas pintu besar. Selepas beberapa tahun, pintu itu dipenuhi paku. Anaknya dengar hal itu di luar negeri. Dia berasa amat sedih dan minta maaf daripada bapanya. Jadi paku pertama pun dilepaskan dari pintu itu. Kemudian anak itu kembali kepada Tuhan, dan berita bermula datang akan perbuatan baik anak itu. Setiap kali bapanya dengarnya, sebatang paku akan dilepaskan.

Pada suatu hari anak itu kembali sebagai seorang yang jujur, ya, serupa orang salih. Dia telah menjadi kegemaran kepada bapanya. Paku terakhir pun dilepaskan. Bapa itu menunjuk anaknya pintu itu.

Anaknya kata, “Ya, semua paku terlepas, tetapi lubang-lubang masih ada.”

Bapa itu dengan gembira memberitahu anaknya bahawa ada seorang di atas yang dapat tutupkan lubang-

lubang itu. Perkataan Ibrani untuk “korban bagi dosa” adalah *asham* (אָשָׁם) , tetapi *asham* juga bermaksud “pengembalian.” Di Yesaya 53:10 tertulis Yesus memberi nyawanya sebagai *asham*, jadi bukan saja menanggung dosa kita, tetapi juga menghilangkan dosa kita. Iaitu seolah-olah kita tidak pernah berdosa (Tiada lubang pun di atas pintu.)

Oktober 31

“Aku datang untuk menyatakan kandungan Kitab Kebenaran kepada engkau.”(Daniel 10:21)

* * *

Malaikat itu memberitahu Daniel akan sebuah buku kebenaran dan mengutip daripadanya hal-hal yang tiada di dalam Alkitab nabi itu. Kitab kita adalah terjemah ke dalam bahasa manusia akan kebenaran Tuhan yang tidak dapat disifatkan. Setiap pengkhotbah Indonesia yang benar akan mengangkat Alkitab-nya(iaitu sebuah buku Indonesia yang terjemah daripada Ibrani dan Yunani) dan kata, “Inilah buku Tuhan.” Tetapi kitab Ibrani dan Yunani sendiri jugalah satu terjemahan daripada kekayaan Tuhan yang tidak dapat diterangkan kepada bahasa manusia yang rendah dan kasar.

Menghargai Alkitab, tetapi jangan berhenti di sini. Yesus berkata, “Saya masih ada ramai perkara untuk berkata kepadamu, tetapi kamu tidak dapat menanggung sekarang” (Yohanes 16:12). Kenapa kita tidak dapat menjadi orang yang sanggup menerima semua perkara, dan dengar daripada mulut-Nya hal-hal yang rahsia? Apabila terpaksa menerangkan semula perkara-perkara yang mudah kepada pemuja Ibrani, Paulus mengadu

bahawa dia tiada masa lagi untuk menerangkan kerohanian cerita-cerita Gideon, Yefta, dan lain-lain.(baca Ibrani 11:32). Jika kita tidak kembali seperti kanak-kanak kepada hal-hal rendah, kita mungkin dapat belajar penerangan yang tidak dikatakan di dalam Ibrani 2,000 tahun dulu. Yudas berkata apabila dia ingin menulis akan sesuatu tajuk mustahak, berkenaan keselamatan kita yang sama itu, dia kena menukar tajuknya dan memberi amaran akan beberapa guru palsu di dalam gereja(Yudas 3). Jika kita boleh mengusirkan orang-orang jahat itu, kita pun dapat belajar apa yang dimaksudkan Yudas.

Pergi daripada Alkitab kepada kebenaran yang di sebut Kitab. Di syurga ada sebuah buku kebenaran.

November 1

“Mengapakah orang bangsa asing ini sahaja yang kembali untuk bersyukur kepada Allah?” (Lukas 17:18)

* * *

Ada sekali Tuhan menjemput semua jenis kebajikan datang kenduri. Mereka menyalam dan memeluk satu sama lain. Semua rakan karib, kecuali dua yang berdiri jauh satu sama lain. Tuhan tanya mereka, “Kamu dua tidak berkenalan kah?”

Mereka jawab, “Kami tidak pernah jumpa dulu pun.” Nama kedua-dua ialah “Kemurahan hati” dan “Kesyukuran.”

Ada sesuatu cerita akan seorang hamba Roma, Androcles, yang telah melarikan diri daripada tuannya yang kejam. Dia melindungi diri di dalam salah sebuah gua di gurun Libya. Ada sekali dia nampak seorang singa menderita sebab kena sebatang duri. Androcles pun mencabut duri itu dan merawat lukanya. Selepas itu, mereka dua pun menjadi kawan rapat.

Pada akhirnya, tuannya mendapati hamba itu dan membawanya terikat ke Roma, dan mengikut kebiasaan, akan melemparkannya kepada seekor binatang liar di sarkas. Jadi berlaku begitu, singa yang

dilepaskan kepada dia adalah singa yang sama, yang pernah dirawatinya dulu. Singa itu mengenal rakannya dan tidak menelannya, sebaliknya duduk berdiam di depan kakinya. Androcles menerangkan kejadian ini dan dapat diampunkan.

Lebih mudah mendapati kesyukuran di antara binatang daripada di antara manusia. Sepatah amsal Turkey kata, “Jika kamu telah memberkati seseorang, mengelakkannya seperti seekor anjing meracau. Dia akan gigit kamu.” Di dalam amsal ini mengandung pengalaman berkurun-kurun. Kita semua mengadu bahawa orang lain kekurangan kesyukuran kepada kita. Bagaimana dengan orang yang pernah tolong kita, tetapi yang kita telah lupakan? Cuba buat satu senarai nama-nama itu.

Mula-mula, syukurlah Tuhan untuk ciptaan-Nya. Bersyukurlah Kristus untuk keselamatan-Nya. Dan syukurlah Roh Kudus untuk pimpin-nya. Syukurlah ibu-bapa, guru-guru, doktor-doktor, pembuat roti, tukang jahit, petani-petani. Dalam erti kata lain, syukurlah kepada semua yang bekerja untuk kita dan kepada semua yang bongkok ke bawah untuk menolong kita bila kita ditimpa kesusahan.

November 2

“Sebahagian orang bijaksana itu akan jatuh, untuk pengujian, penyaringan dan pemurnian.”(Daniel 11:35)

* * *

Kebanyakan orang menyebut perkataan Inggeris “disappointment(hilang harapan)” dengan salah. Ejaan yang betul ialah “*His appointment(pertemuan-Nya)*.” Apabila sesuatu rancangan telah gagal semua sekali, itulah waktunya kita nampaknya berjaya dengan cemerlang. Pada hari Jumaat yang baik, harapan dunia Yesus menyeru, “Tuhanku, Tuhanku, kenapa Kau telah meninggalkan Aku?” Rupanya semua telah kalah. Inilah penyediaan bagi Kebangkitan Agung.

Lincoln adalah seorang peniaga yang muflis -- dan bermula kerjayanya sebagai salah seorang negarawan yang teragung. Ramai pertunangan dan perkahwinan telah disembuhkan apabila mereka telah hilang harapan. Ramai orang yang hampir mati kesakitan, tetapi selepas itu mereka hidup dengan sihat untuk banyak tahun. Saya pernah berdekatan maut banyak kali. Ada Kristian yang terjatuh ke dalam dosa hebat, kemudian menjadi orang salih yang agung. Rupanya kerjaya Petrus sebagai seorang rasul telah tamat dengan malu apabila dia

menafikan tuannya pada malam Yesus dikhianati. Tiada harapan baginya sebagai ketua yang perkasa di antara kalangan Kristian. Tetapi selepas diampuni Yesus, dia kembali dan hidup berhasil, bahkan mati syahid.

Pada 1759, Paul of the Cross menulis, “Di dalam renungan yang dalam sekali, saya telah menyediakan kematian dirimu.” Tetapi dia kena menukar fikirannya sebab masih ada beberapa bandar belum dapat dengar Injil. Jadi saleh yang hampir mati ini teruskan pelayanannya selama enam belas tahun lagi.

Dia menulis, “Hal-hal yang malang, apabila diterima kita dengan hati yang sudi daripada tangan Tuhan, membolehkan kita berlari di atas lorong arahan-Nya. Di samping ini, menerima kejadian-kejadian ini melayani kita sebagai cara yang berkesan untuk mendapat rahmat Tuhan, termasuk rahmat sementara.”

Hargai putus-harap-mu. Kecewa-kecewa itu akan dijadikan *pertemuan-Nya*.

November 3

“Arak... yang menghiburkan hati orang.” (Mazmur 104:15)

* * *

“Allah memandang semua yang sudah diadikannya dan Dia sangat berpuas hati” (Kejadian 1:31). Arak baik juga, seperti segala kenikmatan manusia. Dosa telah membawa kesedihan, tetapi masa untuk gelak dan menari masih ada (Pengkhutbah 3:4).

Memang Kristus mengajar kita bahawa nyawa ini sajalah ruang depan kepada hidup abadi. Tetapi di sebuah rumah yang tersusun, ruang depan juga elok.

Dengan menukar air menjadi arak di Kana, Yesus menunjukkan kita bahawa sesuatu agama yang difahami baik tidak mengelakkan kegemaran duniawi, jika hiburan itu tidak mengandungi kejahatan di dalamnya, dan tidak mengambil lebih masa dan tenaga bagi seseorang.

Dengan had-had ini, seorang Kristian tidak salah hidup gembira. Kristian meninggalkan dosa, bukan hal-hal yang menjadikan hidup gembira.

Ramai orang saja tahu hidup tanpa Tuhan, atau Tuhan tanpa hidup. Yesus memecahkan kitaran ganas ini. Dia memberi kita hidup gembira bersama Tuhan.

Kegemaran di dalam kanak-kanak yang sihat adalah contoh terbaik yang kita nampak di dalam Yesus. Bukan seksaan seorang zuhud. Hidup zuhud mungkin lah panggilan seseorang daripada Tuhan, tetapi bukan untuk setiap Kristian.

Jika kamu pernah ke Kana, adakah kamu bersetuju dengan perbuatan Yesus? Atau kamu lebih suka Dia memberi khutbah menegur semua hadirin yang ingin berhibur di dalam jamuan perkahwinan itu?

November 4

“Hal itu datang dan lepas.” (Matius 11:1)

* * *

Adalah dikatakan, ada sekali Raja Daud memanggil seorang tukang emas dan kata, “Buatlah sebentuk cincin untuk saya, yang boleh memberi saya gembira sedangkan saya sedih, dan menjadikan saya sedih sedangkan saya gembira. Kamu ada dua hari untuk kerja ini. Jika kamu dapat buat, kamu akan dibalas baik. Jika tidak, kepala kamu akan berada di kakimu.”

Tukang emas itu amat pilu. Dia tahu nyawanya telah tamat. Siapa dapat buat cincin itu?

Apabila dia melalui ruang depan istana, Sulaiman yang kecil itu sedang bermain. Kanak itu nampak kesedihan tukang itu dan tanya sebabnya. Tukang itu pun memberitahu kehendak raja yang bodoh itu.

Kanak itu gelak dan kata, “Buatlah sebentuk cincin timah dengan tulisan ini, ‘*Gam ze iavoh*’ -- (maksud Ibrani: ‘Ini akan lepas.’) Bila raja sedih, dia baca ayat ini, dia pun faham kegelapan itu akan lepas, dan dia pun dapat tenang. Bila dia beriang hati, cincin itu akan mengingatkannya bahawa kesukaannya tidak akan tahan lama.”

Tukang itu membuat cincin itu dan dapat balasan lumayan.

Salah satu kemolekan alkitab ialah ayat ini muncul begitu rapat: “*Ia datang dan lepas.*” (di dalam versi Inggeris, KJV.) Apa yang mengganggu kamu hari ini akan terlepas. Jangan begitu sedih dengan kesusahan hari ini. Apa yang menyedihkan kamu lima tahun dulu, pada November 4? Kamu tidak dapat ingat pun. Jadi kesedihan hari ini juga akan dilupakan. Dan apabila kamu gembira, jangan lupa bahawa kamu belum sampai syurga lagi. Segala kesukaan di dunia ini adalah sementara.

Orang Kristian mencari rumah abadi, di mana segala air mata akan disapukan.

November 5

“Kasihilah Tuhan, Allahmu dengan segenap hatimu.” (Matius 22:37)

* * *

Tradisi Muslim ada satu cerita berkenaan Tuan kita Yesus:

Pada suatu hari Yesus nampak sekumpulan orang berdiri dengan rupa yang sedih pada muka mereka. Dia tanya apanya masalah mereka. Mereka jawab bahawa mereka terdengar akan sesuatu tempat yang dahsyat, dan takut akan sampai ke sana.

Kemudian Dia nampak lagi sekumpulan lain, juga bersedih. Bila ditanya kenapa, mereka kata bahawa mereka telah dengar akan syurga. Mereka semua takut akan terlepas itu.

Kemudian Dia bertemu sekumpulan orang yang riang gembira. Mereka kata bahawa mereka telah mendapati kebenaran dan gembira sebab itu.

Yesus, diberkati namanya, pun berkata, “Orang ini telah melepaskan neraka dan tentu dapat masuk syurga.”

Tuhan janji balasan bagi yang jujur, dan hukuman untuk yang jahat, tetapi motivasi untuk perbuatan

Kristian adalah kasih kepada Tuhan dan ingin mendapat kebenaran. Jika pengikut-pengikut Yesus mendapati jalan mereka akan membawa mereka ke neraka, dan jika syaitan memberi kita tawaran syurga yang cemerlang, kita masih akan mengikut Kristus di atas jalan salibnya. Kita tidak melayani Dia untuk mendapat syurga, melainkan sebab kita kasih-Nya.

Madame de Guyon berdoa, *“Tuhan, segala hadiah yang Kamu ingin beri saya di dunia yang akan datang, berilah kepada rakan-rakan-ku. Segala yang Kamu ingin memberi saya di dunia ini, berilah seteru-seteru saya. Bagi saya, berilah Diri-Mu.”*

November 6

Dia masuk ke dalam sebuah perahu.” (Matius 8:23)

* * *

Seorang maharaja Timur duduk di anjung istananya dan memandang dengan seronok hati kapal-kapal yang melalui dekat pantai laut. Setiap kapal pun menunjukkan kemakmuran di bawah pemerintahannya.

Dia tanya seorang iman yang berdiri di sisinya, “Berapakah kapal yang masuk keluar pelabuhan kita setiap tahun dalam anggaran-mu?” Iman itu jawab, “Empat.” Maharaja itu jadi murka. “Berani-kah kamu kata itu?!” jerit raja itu. “Saya nampak sekurang-kurang seratus kapal di depan saya sekarang!?”

Iman itu mengulang, “Seperti yang saya kata, empat saja. Kapal pertama namanya *‘Mencari pengembaraan,’* yang kedua, *‘Mencari keseronokan,’* yang ketiga, *‘Mencari kemasyhuran,’* dan yang keempat, *‘Mencari kekayaan.’* Inilah nama benar semua kapal, tidak kira apa inskripsi di depan kapalnya. Inilah kuasa yang memandu orang.”

Di atas tasik Gennesaret ada sebuah perahu sedang belayar. Yesus telah naik perahu itu. Kapal kecil itu ada

nama yang lain: *“Mengorbankan diri untuk kemuliaan Tuhan.”*

Inilah kapal yang istimewa. Di Markus 4:37-39, kita diberitahu ada sekali Yesus menegur ribut kencang, dan angin pun berhenti. Tetapi petang itu sebenarnya ada sesuatu mukjizat yang lebih besar. Masa itu ombak telah masuk ke dalam kapal, “sehingga ia dipenuhi air”(ayat 37). Sebuah kapal akan tenggelam bila dipenuhi air -- tetapi kapal Yesus berkecuali. Ia terus berlayar ke depan sedang tiada angin bertiup layarnya; ia terus mara apabila pendayung-nya jadi malas dan tidak mendayung lagi. Gereja terus maju walaupun ia dipenuhi ajaran sesak, perpecahan, dan dosa yang menjadikannya diejek orang. Ia maju menentangi undang-undang hidrodinamik. Ia adalah kapal tunggal yang terus terapung dan belayar walaupun telah dipenuhi air, sebab Yesus di atas.

Pilihlah kapal yang betul untuk membuat pelayaranmu.

November 7

“Jika sesiapa di dalam Kristus, dialah ciptaan baru.”
(2 Korintus 5:17)

* * *

Hari ini adalah hari Pemberontakan Komunis di Rusia, fakta yang penting sekali di dalam sejarah politik kurun ke dua puluhan. Apakah yang dibawanya kepada jiwa manusia?

Di sesuatu perhimpunan di Moscow, pensyarah menunjukkan segelas air kepada penonton-penonton yang terpaksa datang mendengar. Dia mencampur sejenis serbuk ke dalamnya. Air itu pun menjadi arak yang berwarna ungu. Katanya: “Yesus di Kana ada serbuk ini terlindung di dalam lengan bajunya. Pada masa itu orang kurang pengetahuan, jadi semua percaya Yesus telah melakukan sesuatu mukjizat. Tetapi saya boleh buat lebih daripada Yesus. Saya sanggup menukar arak kembali jadi air juga.” Lagi sejenis serbuk pun ditambahkan ke dalam air itu, dan air kembali jadi jernih, seperti air biasa.

Seorang Kristian berdiri dan kata, “Rakan pensyarah, kau memang mengejutkan kami dengan

mukjizat kau. Bolehkah kami minta satu hal: Bolehkah tuan minum sedikit arak kamu ini?”

“Maaf,” jawabnya, “serbuk itu ada racun.”

Kristian itu pun kata, “Inilah bezanya di antara kamu orang Komunis dengan Yesus. Yesus telah memberi kita arak yang menghiburkan kami selama 2,000 tahun. Kamu juga menukar air jadi arak, tetapi arak tuan meracuni kami dengan ketakutan dan kebencian.”

Sesuatu pemberontakan yang tidak mengubah hati orang, tidak akan membawa kesan baik yang kekal kepada manusia. Kita perlu dilahirkan semula. Inilah pemberontakan yang menukarkan manusia menjadi makhluk baru di dalam Kristus Yesus.

November 8

“Apabila kamu berdoa, katalah...” (Lukas 11:2)

* * *

Biarlah kita berdoa seperti Jemaah Kristian pada kurun-kurun awal, yang ditulis oleh Eusebius:

O Tuhan, berilah saya jangan menjadi musuh sesiapa, melainkan jadi rakan semua orang, yang kekal dan tidak meninggalkan.

Supaya saya tidak mencipta apa-apa kejahatan menentangi sesiapa, Dan jika kejahatan terjatuh kepada saya, semoga saya dapat di-selamatkan daripada mengharamkan orang yang ingin jahat kepada saya. Semoga saya dapat kasih, mencari dan mendapat kebaikan saja,

Semoga saya ingin kebaikan semua orang, dan tidak jemu sesiapa.

Semoga saya tidak tunggu sesiapa untuk menegur saya, bila saya telah melakukan atau berkata apa-apa kesilapan. Biarlah saya dapat membetulkan diri saya sehingga jadi lebih baik.

Semoga saya tidak mendapat kejayaan yang akan mengharamkan diri saya atau seteru saya.

Semoga saya mendamaikan rakan-rakan yang marah satu sama lain. Semoga saya dapat menolong dengan sedaya upaya orang yang perlukan bantuan saya.

Semoga saya tidak meninggalkan seorang kawan dalam bahaya.

Semoga saya menghormati diri saya.

Dan untuk ini, semoga saya dapat menamatkan semua cenderung (impuls) yang akan menjadikan saya bangga;

Semoga saya tidak sekali-sekali kata siapa jahat dan siapa yang telah melakukan jahat, melainkan mencari orang yang baik dan mengikut langkah mereka.

November 9

“Bahagialah orang yang membawa damai.” (Matius 5:9)

* * *

Adalah dikatakan pada kurun pertama, rahib Avva Pahone di gurun Thebaid telah pindah ke lurah sebab telah berusia. Bilik meditasi-nya di bukit itu diberikan Avva George. Tetapi tidak lama kemudian dia pun bersesal, sebab beratus-ratus pelawat mengunjungi Avva George untuk mendengar Firman Tuhan.

Dipenuhi iri hati, Pahone menghantar seorang muridnya kepada Avva George, menyuruhnya meninggalkan bilik itu dengan segera. Murid itu pun pergi memberitahu Avva George, “Baba Pahone hantar saya dengan ucapan aman dan minta doamu, sebab dia menghargai doamu amat sangat.”

Apabila murid itu kembali, Pahone tanyanya, “Adakah kamu beritahunya apa yang saya suruh?”

Jawab pengikut itu, “Saya telah memberitahunya apa yang dilayati-nya.”

Avva George terus tinggal sana dan pemuja-pemuja terus datang. Pahone kali kedua hantarkan pengikut itu. “Beritahu orang yang pura-pura baik ini supaya

tinggalkan bilik saya tanpa kelambatan, jika tidak saya akan halau dengan kayu.”

Pengikut itu pun cepat-cepat pergi dan memberitahu Avva George, “Bapa Pahone sayang kamu amat sangat. Dia minta saya supaya kamu tahu bahawa dia tidak berhenti doa untuk kamu siang dan malam.”

Selepas kembali, pengikut itu melaporkan kepada tuannya, “Saya telah beritahunya segala yang diperlukan.” Demikian juga kali ketiga.

Sebab Avva George terus tinggal sana, Pahone pun mendaki bukit dengan sebatang kayu. Pengikutnya, yang berjalan lebih cepat, telah sampai Avva George melalui lorong lain, “Saya tidak dapat menghentikan tuanku. Walaupun beliau telah tua, beliau masih mahu naik bukit untuk mendapat berkat tuan.”

George pun keluar untuk menyambut Pahone. Dia berlutut di depan orang tua itu dan kata, “Amat terima kasih sebab begitu banyak ucapan sayang yang tuan telah menghantar melalui pengikutmu. Saya tak layak dapat itu, dan kini tuan sendiri pun naik bukit untuk memberkati saya pula!”

Pahone pun faham pengikutnya telah memenuhi tugasnya. Dia memeluk George dan kembali ke pondoknya, lalu berkata kepada muridnya, “Sampai hari ini sayalah guru kamu. Kini kamu kena mengajar saya, sebab kamu tahu lebih akan mengasih.”

November 10

“Di tengah taman itu tumbuh juga pokok yang memberi hidup.” (Kejadian 2:9)

* * *

Setiap pokok pun pokok yang memberi hidup. Yang pertama, sebab ia adalah tempat semula jadi bagi burung-burung. Apa yang dikatakan Tuhan tersebut jugalah benar untuk setiap pokok: “Sehingga burung datang membuat sarang pada cabangnya” (Matius 13:32).

Pokok bukan saja untuk burung. Luak-luak membuat lubang di antara akar-akarnya. Beratus-ratus jenis tumbuhan, serangga, dan binatang mencari makanan dan tempat perlindungan di bawah dahan-dahannya, dan kekasih mendapat tempat yang sesuai untuk menikmati satu sama lain.

Lebih daripada 200 jenis serangga hidup di atas sepohon pokok oak. Banyak tebuan dan pepijat makan di dalam bunga-bunganya, kumbang makan kulit pokok, ulat bulu makan daunnya. Tupai dan tikus kayu juga duduk di sana. Burung hantu makan tikus dan bersarang di dalam lubang pokok oak yang tua.

Lagi pun ada bunga ivy, misletoe, lumut, alga, lichen, dan pakis. Hampir mati, pokok oak pun akan dimakan kulat.

Pokok oak menerima setiap dan segala makhluk itu. Kekasih dengan sudi menerima satu sama lain di bawah teduhan-nya. Pokok juga menjadi tempat di mana orang bertemu dengan malaikat. Abraham jumpa malaikat sedangkan dia berehat di bawah sepohon pokok oak. Seorang pemuja adalah seperti sepohon pokok yang ditanam di tepi sungai-sungai(Mazmur 1:2). Mereka bukan saja ada nyawa di dalam diri sendiri, bahkan juga memberi peluang hidup kepada beratus-ratus orang lain. Merekalah pokok hidup untuk banyak makhluk.

Apabila hampir mati, sepohon pokok memberi kayunya untuk dijadikan sebuah salib, bagi keselamatan manusia. Pokok itu terus melayani kita walaupun ia sudah mati.

Biarlah kita menjadi pokok di taman Tuhan.

November 11

“Ramai... akan mengkhianati satu sama lain.”
(Matius 24:10)

* * *

Salah satu kejadian tersedih di jemaah Kristian di Cina di bawah fahaman Komunis, adalah Revolusi Kebudayaan, apabila kawan-kawan dan ahli-ahli keluarga menentangi satu sama yang lain, setiap orang saja hendak menyelamatkan diri sendiri. Sesuatu persidangan “Kristian” pada 1951, dihadiri 152 pemimpin Protestan, meminta hukuman mati bagi biskop Methodist Chen dan pengkhotbah Ku Jen-en. Parti Komunis lebih rahmat daripada saudara-saudara. Mereka memberi biskop itu lima tahun penjara saja. Tiada orang tahu apa jadinya dengan Ku. Mungkin mati di penjara.

Paderi Kristian Lu Chih-Wei telah diserang di dalam perhimpunan awam oleh anak perempuannya: *“Saya menuduh bapa saya, sebab ia membutuhkan saya, menyebabkan saya kehilangan berpendirian dengan rakyat.”* Bapanya menangis. Gadis itu terus, “Kau jangan ingin air mata palsu kau itu boleh rasuah hati baik saya!”

Kristian yang baik, beribu-ribu jumlahnya, telah menafikan kekasih-kekasih mereka. Saudara Sun, editor *Peladang Kristian*, telah diberi tekanan mental begitu hebat sehingga dia membunuh diri. Saja beberapa orang yang dapat menahan, termasuk Watchman Nee dan Wang Min-Tao.

Ketahanan kamu supaya tidak menjadi pengkhianat bergantung kepada hidupan Kristian kamu dahulu. Selepas penukaran Saulus dari Tarsus, Tuhan Yesus menunjukkan diri kepada Ananias, mengajarnya bagaimana untuk memimpin penukar baru itu: “Saya akan menunjukkannya betapa banyak yang dia mesti menderita untuk nama saya” (Rasul 9:16).

Setiap jemaah Kristian yang tidak mengajar ahli-ahlinya sains keagamaan yang penting, *penderitaan*, belum sempurnakan tugasnya. Berilah dirimu kesulitan. Belajar untuk menderita dan tidak menyerah.

Mungkin masa akan datang, apabila kamu perlukan pengetahuan ini.

November 12

“Tuhan ... berkata kepada Abram, ‘Berjalan di depan Saya dan jadilah tanpa kesalahan.’ (Kejadian 17:1)

* * *

Satu cerita kata syaitan berjalan bersama kawannya di sepanjang jalan. Mereka nampak seorang di sebelah jalan itu membongkok dan mengutip sesuatu. Syaitan berkata kepada rakannya, “Orang itu telah dapat sekeping kebenaran.” “Malang betul bagi mu!” kata rakannya.

“Oh tidak,” jawab syaitan. “Saya akan memberinya satu cadangan untuk mendirikan sebuah pertubuhan untuk menyebarkan pendapat itu. Jadi kebenaran itu pun ditawarkan.”

Kita tidak dapat mengelakkan pertubuhan. Jika Yesus hanya memberi ajarannya dan mati dan bangkit semula tanpa meninggalkan sesuatu jemaah, hari ini tidak akan ada pengikut-pengikut Kristus. Kita mempunyai Kitab yang disediakan gereja. Gereja itu menjamin keaslian Kitab itu, menerangkan bahagian yang sulit, menyimpan pengalaman Kristian yang

kaya sejak lama, dan memberi kita pembaptisan dan perjamuan suci.

Kita memang harap dapat nampak setiap orang menjadi gergasi rohani seperti Abraham, yang keluar bersendirian dan berjalan di depan Tuhan, tanpa seorang pun yang percaya tindakannya kecuali keluarganya. Tetapi harapan ini tiada kemungkinan. Ia seperti berharap setiap orang purba di hutan Amazon menjadi orang moden yang bijaksana. Orang biasa perlu gereja sebagai corak hidup mereka.

Tetapi kita juga mesti berawas bahawa institusi bukan saja boleh menyampaikan kebenaran, ia juga boleh memutar-belitkan-nya. Sebab institusi adalah dipimpin oleh manusia bersifat kekurangan. Tiada apa-apa boleh menggantikan perhubungan peribadi kita dengan Tuhan, dan mendapati kerajaan-Nya di dalam hati kita.

Jadi ikhlas kepada institusi dan mengadakan perjalanan peribadimu dengan Tuhan.

November 13

“Taatilah mereka yang memerintah kamu...sebab merekalah yang menjaga jiwamu.” (Ibrani 13:17)

* * *

Jangan menjadi pengacau Zion, seorang yang mencari kesalahan paderi, dan sedia untuk melepaskan sesebuah jemaah atau membawa pecahan.

Setiap pendeta, bahkan seorang yang memimpin sebuah gereja seperti gereja Laodecea, yang Kristus telah dijadikan seperti pengemis di depan pintu, adalah se-biji bintang di dalam tangan kanan Yesus (Wahyu 2:1). Saja Yesus dan beberapa orang yang dipilihnya, dapat menegur dan membuang pendeta-pendeta yang telah sesat. Kita mudah tersilap dan mencabut gandum bersama-sama semak berduri. Kita boleh menipu diri kita, dan percaya bahawa kita sedang melayani Tuhan apabila kita menghalau seorang suci daripada mimbar atau menjadikan hidupnya pahit dengan kritikan terus-menerus.

Seorang pendeta tidak dapat mencapai apa-apa kebaikan di dalam jemaah-nya sebab terlalu banyak gosip menentangi-nya. Dia pun meninggalkan jawatannya. Selepas itu, orang ramai sedar akan

pengajarannya dulu, dan bertaubat. Harganya tidak dikenali jemaah-nya sedangkan dia ada di sana. Ketua Jemaah yang bencinya teramat sekali berasa sesal dan pergi berjumpanya. Isteri pendeta itu menerimanya dengan kata ini, *“Dia sedang pada saat mati. Jangan masuk. Muka engkau akan menambah kepiluannya.”* Betapa dahsyatnya muka seseorang Kristian akan memberi keperitan kepada seorang saleh!

Tetapi ketua itu masih masuk. Pendeta yang sedang mati itu saja dapat buka matanya sekali dan kata, *“ ‘Jangan sentuh yang diurapi saya, dan jangan buat haram kepada nabi-Ku.’ Saya seorang pendosa. Segala yang dilakukan kamu adalah betul. Jangan bimbang, kamu akan bertemu orang lain. Ingatlah kata ini. Orang yang kamu mendapati salah itu mungkinlah yang diurapi Tuhan. ‘Jangan sentuh yang diurapi aku, dan jangan membuat haram kepada nabi-Ku.’”* Dengan itu dia meninggal.

Tiada seorang pendeta yang sempurna, termasuk ajarannya dan kehidupannya. Tetapi mereka masih patut dihormati. Seorang pendeta yang tidak dikasihi, tidak dapat melayani jemaah-nya dengan baik.

November 14

Kamu akan di-selamat, kamu dan sekeluarga-mu.”
(Rasul 16:31)

* * *

Ada orang-orang saleh yang diberi keistimewaan, yang iman mereka dapat diuji dengan keras, dan dapat menunjukkan kejujuran sampai derajat tertinggi.

Pada kurun keenam-belas, Antonio Herrezuelo dari Sepanyol telah dihukum mati oleh Siasatan Agama sebab kepercayaan evangelis-nya. Seorang bernama Julian Hernandez pernah menyeludup Kitab-Kitab Sepanyol ke dalam negara dirinya, terlindung di dalam tuang wain. Penyeludup telah dijalankan di dalam gereja Kristus sejak masa purba. Apabila ditangkap, Julian disiksa dengan kejam selama tiga tahun, tetapi tidak menyerahkan nama sesiapa pun yang telah menerima Alkitab melaluinya. Salah seorang yang mendapat kitab itu ialah Antonio. Dia bertaubat dan mengikut Kristus.

Apabila dibawa ke tiang api, Antonio amat sedih di dalam batinnya sebab isterinya, yang juga seorang pemuja, telah ditarik balik sebab takut mati. Hakim yang baik hati itu pun tukarkan hukuman matinya

menjadi kurungan seumur hidup. Demikian juga, jika Antonio saja mengucap sepatah kata, dia pun akan diberi hidup dan dapat harapan sehari akan diampuni, lalu bertemu dengan isterinya.

Tetapi dia tahu satu harapan yang lebih elok: janji Tuhan yang diberikan semua pemuja, bahawa mereka dan keluarga mereka akan diselamatkan. Dia terus menasihati isterinya untuk bertaubat sehingga mulutnya ditutup dengan kain. Dia percaya Firman Tuhan, yang berkesan dalam menyelamatkan pendosa, berkuasa juga membawa pulang seorang saleh yang tersesat.

Dia mati. Isterinya dipenjarakan. Tetapi wanita itu tidak dapat tenang. Pergelutan di dalam hati itu terus selama lapan tahun. Akhirnya dia pun berpusing. Dia juga dibakar mati, berjumpa dengan suaminya di syurga.

Percayalah pada perjanjian Tuhan untuk setiap ahli keluargamu.

November 15

“Aku tidak pernah melalaikan tugas untuk menjelaskan segala kehendak Allah kepada kamu.”
(Rasul 20:27)

* * *

Seorang penjual Alkitab ditolak dengan keras sedangkan dia cuba menjual sebuah Alkitab kepada seorang wanita. Penjual itu pun memberi se-naskah Perjanjian Baru kepada wanita itu dengan percuma.

Suami wanita itu mengejek, “Kita telah kahwin,” dia berkata, “jadi sebarang harta isteri ku, adalah kepunyaan saya juga.” Dia pun mengambil sebilah kapak dan memotong buku Perjanjian itu ke dalam dua.

Selepas beberapa minggu dia minta isterinya, “Manakah kamu simpan setengah buku itu? Saya perlukannya. Yang setengah saya itu berkata akan seorang anak boros yang kembali kepada bapanya. Saya hairan apa jadinya. Cerita itu berterus di buku kamu itu.”

Dia bukan orang yang tunggal, yang memecahkan Alkitab ke dalam dua. Yesus datang penuh dengan kebenaran dan rahmat. Ada pengkhotbah saja kata akan kebenaran, dan yang lain saja kata rahmat.

Alkitab selalu menyatukan maaf dosa dengan taubat.

Jangan potongkan Alkitab.

Jangan berhenti dengan fakta bahawa Yesus mati untuk dosa kita. Ia juga tertulis bahawa kita patut mati untuk orang lain. "...menyerahkan tubuh kita sebagai korban hidup" (Roma 12:1).

November 16

“...mereka yang telah mengetahui kebenaran” (2 Yohanes 1).

* * *

Bagaimana dapat seorang mendapati kebenaran? Adakah kita kelayakan dalam rohani dan fikiran untuk mencarinya? Bolehkah kita mengenalinya apabila kita berjumpa dengannya?

Kita adalah kecil. Bolehkah seorang menangkap matahari dengan jaring rama-rama? Atau simpan lautan dengan mangkuk? Hantarkan seorang kanak-kanak tadika ke pustakaan besar, dan suruhnya mencari buku Dante *Divine Comedy*. Bolehkah budak itu mengenalinya?

Untuk mencari kebenaran, saya mesti ada pengertian tetap apanya kebenaran. Untuk mengetahui yang mana pengertian kebenaran adalah benar, untuk mengetahui yang mana penegasan yang mengumumkan diri sebagai kebenaran di dalam agama, politik, akhlak, dan lain-lain, adalah sejatinya, saya mesti kena tahu dulu, apa tandanya kebenaran yang benar. Sesiapa yang tidak tahu kebenaran dulu, tiada mungkin dapat kebenaran.

Kita ada di dalam sebuah kitaran ganas. Kebenaran tidak dapat di cari. Sejarah fikiran manusia adalah kubur penegasan-penegasan yang dianggap orang masa itu sebagai kebenaran, dan yang kemudian didapati salah.

Kebenaran itu berlainan daripada diri saya. Jika sesuatu kebenaran yang boleh diambil atau tidak diambil saya, ia bukan kebenaran. Kebenaran saja boleh sebagai satu “Saya.” Jadi kata Yesus, “Akulah ... kebenaran”(Yohanes 14:6).

Perintah kebenaran di dalam seseorang tidak akan menjadi perintah seorang lain, atau sesuatu benda lain.

Kebenaran adalah menjadi seorang serupa Kristus. Yang lebih seorang serupa Kristus, yang lebih kebenaran tinggal di dalam orang itu. Kebenaran yang tidak perlu dicari saya. Ia adalah perangai saya. Tiada lain jawapan untuk kebenaran.

Tuhan tidak memimpin kita menjadi seseorang lain, melainkan menyamakan Diri-Nya serta saya.

November 17

“Janganlah kecantikan kamu bergantung pada lahiriah(hiasan rambut, barang kemas, pakaian mahal-mahal).” (1 Petrus 3:3)

* * *

Perpetua dilemparkan ke dalam penjara bawah tanah. Dia dapat melepaskan diri dengan menafikan Jerusalem. Bapa tuanya memintanya buat begitu.

Dia pun tanya bapanya, “Bapa, kamu nampak kendi kecil itu kah?”

“Ya,” jawabnya.

“Bolehkah saya panggilnya nama lain selain daripada kendi atau tong?”

“Tidak.” Jawab bapa.

Perpetua pun kata, “Saya pun tidak dapat memanggil diri saya apa-apa nama lain kecuali Kristian.”

Dia terus tabah apabila bapanya minta dia kesian rambut uban-nya, jangan membawa ejekan orang kepada usia tuanya sebab mempunyai seorang anak perempuan yang terkurung. Bapanya juga mengingatnya akan masa kecilnya. Tetapi Perpetua

tidak boleh digoncangkan, sebab dia tidak dapat menjadi sesuatu yang lain daripada Kristian.

Bapanya yang bukan Kristian itu dipukul dengan kayu di depannya, anak-anaknya dirampas. Tetapi dia tinggal seperti diri sendiri.

Apabila dia dilemparkan kepada binatang liar, bajunya terkoyak. Dia cepat-cepat melindungi pahanya. Dia lebih ingat akan bogel-nya daripada kesakitan yang menunggunya. Itulah kelakuan terakhirnya sebelum mati syahid.

Orang Kristian, jadilah apa yang kamu ini. Kamu tidak dapat menjadi apa-apa lain.

November 18

“Biarlah dia menafikan diri, dan mengangkat salibnya, dan mengikut Aku.”(Lukas 9:23)

* * *

Seorang Kristian tidak mungkin terlalu cermat dengan acara awam yang dikunjunginya, atau rancangan televisyen, atau buku yang dibacanya. Tertullian, seorang guru Kristian yang agung pada kurun ketiga, menceritakan seorang wanita Kristian yang dirasuk hantu selepas pergi ke satu persembahan yang tidak senonoh. Sedangkan acara mengusir dijalankan, apabila roh kotor itu ditegur sebab berani mengusik seorang pemuja, roh itu jawab dengan tetap, “Saya tidak salah, sebab saya mendapatinya di dalam kawasan saya.”

Saya mengaku bahawa di dalam banyak wayang gambar ada peristiwa yang bagus dan tidak bersalah, bahkan kadang-kadang ada hal yang amat mulia. Penerangannya mudah. Tiada orang akan mencampur racun dengan hempedu. Bahan yang jahat itu selalu dicampuri dengan kemanisan dan makanan istimewa.

Kegemaran Kristian, jamuan akad nikah kita, masih belum datang. Kita tidak huru-hara untuk mendapati

segala kesenangan hidup. Kita saja mengambil bahagian di dalam hiburan dunia ini sebanyak seperti orang-orang dunia datang ke dalam ibadah kita.

Tuhan Yesus telah kata, “Dunia ini akan gembira, dan kamu akan sedih” (Yohanes 16:20). Biarlah kita menangis sebab kejahatan, sedangkan dunia ini bersukacita, agar pada hari dunia ini bertemu azabnya, kita dapat gembira.

Tiada orang boleh dapat kesenangan dua hidup itu. Jangan mengimbas suratkhbar tiap-tiap hari untuk mencari hiburan, melainkan mengangkat salib-mu hari-hari dan mengikut-Nya.

November 19

“Pengantin lelaki itu datang, dan mereka yang sedia pun masuk berserta-nya ke dalam perkahwinan itu.”
(Matius 25:10)

* * *

Kita yang hidup empat ratus tahun selepas reformasi itu, sukar faham fikiran Kristian pada masa Kurun-Kurun Pertengahan itu.

Pada kurun ketiga belas, tiada orang akan berlawan dengan kata-kata yang ditulis seorang rahib pada masa itu: “Semua telah ditakdirkan masuk ke dalam keluarga Kristus, apabila mereka membuat guna darah juru-selamat mereka dan susu anak dara, ibu mereka. Ya, iaitu darah yang menggalakkan syahid-syahid dan meringankan kesakitan mereka, dan susu anak dara itu yang memaniskan cawan pahit kita dengan mengurangkan murka Tuhan.”

Semua orang hampir tidak tahu akan Alkitab. Kitab memberitahu kita akan darah Kristus yang membersihkan dosa. Tetapi kuasa menyelamatkan susu Maria saja khayalan manusia.

Pada masa itu orang juga suka memuja saleh-saleh perempuan yang kurang masyhur. Mungkin mereka

telah terlampau dalam hal ini, walaupun ramai saleh itu memang orang baik.

Wartburg, tempat khutbah Luther, adalah juga tempat St Elizabeth dibesarkan(di Hungary). Beliau selalu berdoa di sana. Dia telah mendirikan sebuah hospital, yang masih boleh dinampak daripada Istananya, supaya dapat diingini kesulitan manusia, walaupun dia seorang ratu.

Kata terakhirnya ialah, *“Masa telah sampai, apabila Tuhan bertitah supaya rakannya dipanggil ke jamuan perkahwinan. Pengantin Lelaki sedang mencari isterinya. Sunyi, sunyi.”*

Itulah hari 19, November.

November 20

“Kelakuan kamu akan menyebabkan mereka(suami seseorang) percaya (pada Kristus)” (1 Petrus 3:1)

* * *

Pada suatu hari, Rabbi Meir telah pergi ke rumah ibadat.

Sedangkan dia di sana, dua anak kecilnya memanjat se pohon pokok, terjatuh dan mati. Isterinya Beruria mengangkat mayat-mayat itu ke bilik atas, meliputi mereka dengan sekeping kain, dan turun bawah untuk menyediakan makanan bagi suaminya.

Apabila suami balik rumah, dia sebut doanya dan duduk dekat meja, serta tanya akan budak-budak itu. Isterinya jawab, “Baiklah, mereka itu budak. Apa yang kamu harap akan mereka?”

Setelah suami habis makan, isterinya pun kata, “Saya kena tanya kamu satu soalan. Seorang jiran pernah memberi saya se pasang permata telinga untuk menyimpang baginya, sebab suaminya seorang pemabuk, dan mungkin akan menjual itu. Kini suaminya telah mati, dan dia minta saya memulangkan permata itu. Saya pun sayang itu. Apabila kamu tiada di rumah, saya selalu memakai itu di depan cermin.

Permata-permata itu memang kerinduan saya. Kini mestikah saya pulangkan?”

Rabbi itu jawab, “Saya ingin kamu patut pulangkan, dan mengucap terima kasih sebab memberi kamu peluang untuk menyimpan begitu lama.”

Isterinya pun jawab, “Marilah sama saya. Saya ingin menunjukkan betapa cantiknya harta karun itu.”

Dia pun membawa suaminya ke atas, menarik kain tutup dan kata, “Inilah permata itu. Kita telah menikmati mereka begitu lama. Biarlah kita memulangkan kepada Si-punya mereka dengan bersyukur.”

Rabbi itu jawab, “Berbahagialah seorang suami yang dapat isteri yang bijaksana. Tuhan telah beri, dan Tuhan ambil balik. Pujilah nama Tuhan.” Biarlah kita juga mengambil kehilangan kita serupa ini.

November 21

“Tuhan mengasihi orang yang memberi dengan senang hati.”(2 Korintus 9:7)

* * *

Seorang Kristian memberitahu saudara seiman-nya, “Saya meletakkan duit yang saya akan memberi ke gereja setiap Ahad. Duit itu saya akan simpan dengan khas. Jika saya tidak dapat pergi, saya pun minta isteri bawa untuk saya, atau tinggal untuk minggu depan bersama duit minggu depan itu. Bagaimana dengan kamu?”

Saudara itu jawab, “Sebelum pergi gereja, saya berlutut dengan keluarga di rumah dan bersyukur Tuhan untuk segala keistimewaan untuk hidup di sebuah negara yang bebas, di mana saya boleh pergi ke rumah ibadat Tuhan. Saya bersyukur sebab memberi saya seorang pendeta, dan bersyukur untuk jasa misi di dalam jemaah kita, dan untuk semua hal-hal. Kemudian saya baru mengambil keputusan berapa untuk bawa ke atas mazbah.”

Selepas beberapa masa, dua Kristian itu bertemu lagi. Yang pertama itu berkata, “Saya telah cuba cara kamu. Luar biasanya! Selepas berdoa dan bersyukur

Tuhan sebelum memberi, saya selalu mendapati bahawa jumlah yang disimpan saya itu terlalu kecil, sebab sedari betapa besarnya kebaikan yang telah diterima saya. Dan dengan memberi lebih, berkat yang saya dapat pun lebih. Saya pun jadi jauh lebih gembira.”

Adakah kamu memberi secara rawak, atau di bawah pimpinan Tuhan?

November 22

“Saya datang untuk memenuhi undang-undang.”
(Matius 5:17)

* * *

Shun Shauk, ketua Persatuan Alkitab Jepun dulu, kata cerita ini.

Pada hujung Perang Dunia Kedua, askar-askar Amerika mendapat sambutan hangat di *Shinmanbuke*, sebuah kampung di pulau Okinawa. Rumah-rumah dan jalan-jalan di kampung itu bersih, tidak serupa apa-apa yang dinampak di tempat lain, dan penduduk-penduduk sana rupanya lebih gembira

Pembezaan itu datang sebab tiga puluh tahun dulu, seorang mubaligh Amerika telah melalui kampung itu. Dia tidak dapat tinggal lama. Jadi dia pun meninggalkan sebuah Alkitab kepada mereka.

Dua saudara, Shosei dan Mogon, mula hidup mengikut buku itu, walaupun mereka tiada perhubungan dengan Kristian-Kristian di mana-mana pun. Mereka mendapati Juru-selamat melalui buku itu dan memenuhi ajaran-Nya. Mereka menyaksi kepada orang lain. Jadi salah seorang saudara menjadi ketua kampung itu, yang

lain gurunya. Alkitab itu dibaca hari-hari di dalam sekolah. Kampung itu diuruskan mengikut Alkitab.

Pendeta tentera Amerika itu dapat nampak Alkitab yang berusia tiga puluh tahun itu telah digunakan baik, dan telah menukarkan hidup kampung ini.

Adakah Alkitab kamu tinggal saja di atas rangka buku? Adakah ia telah tukarkan hidupmu? Adakah kamu telah mengambil keputusan untuk belajar hari-hari daripadanya? Adakah kamu membawa ajarannya ke dalam sekolahmu, kilang-mu, dan masyarakat-mu?

Jika kamu belum gunakan Alkitab dengan bijaksana sampai kini, belajarlah daripada dua saudara itu.

November 23

“Hari ini, jika kamu dengar suara-Nya: ‘Jangan keraskan hatimu.’” (Mazmur 95:7,8)

* * *

Seorang pemuda berkata kepada ibunya, “Saya tidak dapat menerima Alkitab. Ia mengandung begitu banyak hal yang tidak masuk akal.”

Emak itu jawab, “Apabila kamu di depan peperangan, kamu menulis kepada saya: ‘Surat ibu menyatakan situasi yang saya tidak faham. Mungkin itu sebab saya telah tiga tahun tidak tinggal di rumah. Saya akan faham jika saya kembali rumah.’”

Berapa di dalam Alkitab tidak difahami kita, menunjuk berapa jauhnya kita berada dari rumah syurgawi kita, yang fikirannya disebut di dalam Alkitab. Pulanglah rumah ibu bapa dan kamu akan faham.

Buat itu segera.

Apabila Raja kejam Yunani Archacus sedang ke satu perjamuan, seorang menghulukan sepucuk surat kepadanya dengan kata, “Ini amat penting.”

Raja jawab, “Hal yang penting kita akan tinggalkan esok.”

Tidak lama kemudian dia pun ditikam mati sedangkan mabuk minum arak. Darahnya membasahkan surat awasan itu.

Kuasa jahat cuba menjauhkan kita daripada Bapa syurgawi kita, supaya dapat mengaburkan fikiran kita di dunia ini, yang akan mengakibatkan maut abadi di dunia akan datang.

Dengarlah amaran. Kembalilah.

November 24

“Tuan, ajarlah kita berdoa.” (Lukas 11:1)

* * *

Apabila saya seorang Kristian muda, saya diajar jika kamu pergi ke satu perhimpunan berdoa untuk hujan pada masa kemarau, kamu kena membawa sekaki payung. Inilah tanda iman.

Kemudian saya baca di Talmud, bahawa imam besar Yahudi, apabila dia masuk ke bilik teramat kudus setahun sekali, selalu menghujung doanya dengan kata ini, “Tuhan, jangan dengar doa seorang pengembara.”

Setiap pengembara atau penumpang pun ingin dapat cuaca baik pada hari dia melancong. Bagaimana dunia ini akan jadi, jika Tuhan akan memberi atau tidak memberi hujan, mengikut tindakan kita bawa atau tidak bawa payung?

Saya akan suka seorang pendeta yang, bila diminta doa untuk hujan, jawab, “Tidak jika angin bertiup dalam arahan ini.”

Tuhan kita kata, “Angin bertiup sesuka hatinya.” Di dalam alam ada undang-undang objektif. Berdoa menentangi ramalan cuaca sebab ia tidak menyesuaikan

rancangan-mu, adalah salah seperti berdoa supaya dua tambah dua tidak jadi empat.

Doa agung Kristian ialah, "*Tujuan Kamu dijadikan.*" Elijah dapat berdoa untuk hujan. Yesus dapat menegur ribut. Kamu nak jadi serupa mereka? Dalam darjat kamu itu tidak dapat. Kamu kena menjadi seorang perkasa di dalam rohani, tahu tujuan Tuhan akan cuaca dulu. Kamu kena tahu perkara-perkara yang tidak dikenali ahli-ahli cuaca.

November 25

“Saya telah memuliakan nama-Mu kepada orang-orang yang Kamu telah kurniakan saya.”(Yohanes 17:6)

* * *

Apabila rahib Paulinus berada di mahkamah Edwin, raja Northumbria, pada tahun Masihi 627, dia cuba memujuk raja itu menerima agama Kristian. Raja itu masih ganggu, sehingga seorang wiranya berucap:

“Hidup manusia kini di atas dunia, Raja, rupanya seekor burung layang-layang yang terbang dengan pantas melalui mahkamah ini. Sedangkan ribut salji di luar, dan raja mengadakan jamuan bersama-sama orang-orang penting baginda, dan api membakar kuat di dapur dinding. Burung itu masuk dari sesuatu tingkap, dan keluar melalui tingkap lain. Tak tahu dia dari mana, dan ke mana pun. Ia datang dari salji di luar, menikmati cuaca baik di sini untuk semasa singkap, dan keluar ke dalam salji semula lagi. Hidup manusia juga, muncul untuk sebentar. Apa yang dulunya dan apa yang kemudian, kita semua tidak tahu. Jadi jika ajaran baru ini memberitahu kita sesuatu yang lebih tetap, rupanya layak untuk mengikut.”

Ajaran baru itu, ajaran Kristus, telah jawab soalan ini. Yesus menunjukkan kita nama Bapa (Yohanes 17:6). Pengetahuan nama ini membuka semua pintu untuk jiwa seseorang di sini dan di dalam abadi. Melalui segala sastera purba berbagai-bagai bangsa, semua percaya apabila nama tulen sesuatu benda telah diketahui, kuasa yang bergantung di dalam benda itu pun dapat dikawal. Fikiran itu benar. Apabila kita tahu formula kimia benda itu, iaitu nama sejatinya, kita pun boleh menggunakannya.

Melalui Yesus kita tahu nama Tuhan sejati adalah kasih. Inilah kasih yang akan menyelesaikan rahsia dunia ini.

November 26

“Adanya sunyi.” (Ayub 4:16)

* * *

Seorang murid pergi bertemu seorang saleh yang masyhur lalu tanya, “Tuan, ajarlah saya akan Tuhan.”

Orang saleh itu berdiam.

Murid itu tanya lagi, “Tuan, ajarlah saya berkenaan Tuhan.” Saleh itu diam.

Apabila murid itu tanya kali ketiga, saleh itu jawab, “*Saya telah ajar kau akan Tuhan. Saya bersunyi.*”

Menyifatkan Tuhan dengan perkataan adalah seperti menangkap ombak dengan jala ikan. Perkataan manusia timbul akibat keperluan manusia untuk memahami satu sama lain dalam memburu, berusaha, perhubungan dan sebagainya. Kita tidak dapat hidup tanpa perkataan. Tetapi kita mesti mengawasi, apabila kita menggunakan perkataan manusia untuk ketuhanan, dan memanggil Tuhan “Tuan, Bapa, Kasih,” perkataan-perkataan itu akan membawa maksud-maksud lain yang tidak betul. Seorang tuan boleh jadi sangat kejam. Luther selalu berasa susah untuk memanggil Tuhan sebagai “Bapa,” sebab ayahnya sangat keras dan degil. Kasih? Seorang ibu kasih anaknya, jadi dia pun

cemburu anak jiran yang lebih cerdas. Adakah kasih Tuhan pun begitu?

Apabila Livingstone ingin menerangkan bahawa Tuhan adalah kasih kepada orang-orang asli yang kejam, dia tidak dapat berjaya, sebab bahasa mereka tiada perkataan untuk "*kasih*." Dia mendapati mereka suka sekali daging lengan seseorang selepas dibakar. Mereka panggil itu '*unboy*.' Dia pun memberi khutbahnya yang masyhur, bahawa Tuhan adalah "*unboy*" yang sedap sekali. Ramai mengkritiknya sebab ini. Tetapi apa yang dilakukannya sama dengan rasul Yohanes buat sebelumnya, memanggil Tuhan sebagai "*kasih*."

Kasih adalah perasaan manusia. Adakah sesiapa percaya Tuhan ini sesuatu perasaan? Oleh sebab inilah perasaan tertinggi yang manusia fahami, Yohanes pun menggunakannya untuk Tuhan, seperti apa yang dilakukan Livingstone dengan "*unboy*."

Apanya Tuhan sejatinya, kamu akan tahu apabila kamu berdiam.

November 27

“Tuhan suka... menunjukkan saya berkenalan Anak-Nya.” (Galatia 1:15,16)

* * *

Apa yang boleh seorang buat untuk mendapati Anak Tuhan di dalam dirinya? Bagaimana dapat dia mengenali rupa Tuhan yang dia telah dicipta mengikutnya, dan yang telah tercemar sebab dosa? Tiada cara.

Seorang pelakon mengambil peranan Othello. Mungkin dia tidak pernah berpeluang menjadi cemburu dan tidak biasa dengan perasaan ini. Dia saja cuba berlakon sesuatu peranan yang jauh beza daripada sifat semula jadi-nya: dia bukan seorang lelaki yang mudah menjadi iri hati. Permainan itu tidak akan sekali-sekali-nya mengubahkannya. Bila-bila pun pelakon itu boleh menjadi dirinya semula.

Setiap kita pun adalah kita sendiri. Kemudian barulah seorang yang bermain dengan dosa, seorang pendosa yang telah menjadi keras hati, seorang pendosa yang sedang bertaubat. Tiada peranan ini dapat menukarkan apa yang saya sejatinya. Itulah “saya” sejati yang mengambil keputusan menjadi mana-mana peranan untuk dimainkan.

Segala penukaran itu bermula apabila Othello yang dimainkan saya itu tidak lagi mementingkan peranan yang dimainkannya itu. Dia tahu bahawa dirinya sebenarnya tidak peduli akan Desdemona yang palsu itu, dan tidak pernah pun membunuhnya - semua itu sebuah lakonan. Semua ini akan lenyap.

Adalah di-tulis dalam perumpamaan anak boros, apabila dia mengambil keputusan kembali kepada bapanya, dia "*kembali kepada dirinya*"(Lukas 15:17). Setiap kembali kepada Tuhan adalah kembali kepada dirimu.

November 28

“Meratap bersama mereka yang meratap.” (Roma 12:15)

* * *

Seorang Kristian telah ditikam dengan teruk. Penjenayah itu telah ditangkap dan dibawa polis bertemu dengan mangsanya di hospital. Polis memberi jaminan kepada Kristian itu, “Orang ini akan dapat hukuman yang sepatutnya. Dia akan masuk penjara.”

Kristian itu jawab, “*Betapa mulianya bagi saya dapat jumpa-nya sekarang. Yesus kata melawat setiap orang yang di dalam penjara adalah melawat-Nya.*” Kristian itu bertunduk kepada penjenayah itu dan mati.

Tunduklah kepada setiap orang yang menderita, walaupun dia derita sebab telah haramkan kamu. Yesus, orang yang kecewa itu, bersimpati dengan orang yang menderita.

Adalah ditulis di dalam Talmud, “*Apabila seorang jahat menyiksa seorang baik, Tuhan ada di sebelah yang disiksa itu. Jika seorang jahat seksa seorang jahat yang lain, Tuhan berada di sebelah yang disiksa itu. Jika seorang baik menyiksa seorang yang jahat, masih-lah Tuhan ada di sebelas yang disiksa itu.*”

Selalu bersebelah dengan orang lapar, walaupun mereka lapar sebab malas kerja. Bersebelah dengan orang dahaga, walaupun ini sebab mereka telah mengabaikan usaha untuk menggali sebuah perigi. Bersebelah dengan orang bogel, walaupun mereka bogel disebabkan main judi. Bersebelah orang sakit, walaupun mereka sakit sebab main dengan dosa. Bersebelah dengan orang yang dimasukkan penjara, walaupun sebab mereka jenayah. Saja berawas supaya jangan memberi mereka lebih daripada mangsa-mangsa mereka, yang juga menderita dengan buta.

November 29

“Jualkan-lah segala kepunyaanmu dan memberi sedekah.” (Lukas 12:33)

* * *

Orang kaya di dalam perumpamaan Yesus itu berpakaian ungu, yang mengikut Wahyu 19, menunjukkan kebenaran orang salih. Orang itu ada kebenaran di luar, tetapi dia tidak dapat dianggap sebagai seorang yang benar, sebab dia tidak berperasaan kepada orang miskin.

Semua Kristian di negara perindustrian juga bahaya dengan dosa yang sama itu. Negara membangun mendapat saja lima belas peratus harga pisang yang dijual kepada negara kaya. Corak penjajah bahawa negara miskin membekalkan bahan mental murah dan makanan tropika untuk negara industrial yang kaya masih diteruskan. Di antara 1963 dan 1971, Sri Lanka hilang 45 juta dolar dalam eksport teh kepada Inggeris saja sebab keturunan harga, dua kali lebih daripada banduan Inggeris

Di dalam negara-negara yang kurang maju, juga ada banyak ketidakadilan sosial. Yang terkaya di dalam penduduk-penduduk itu mendapat 40% jumlah

pendapat, sedangkan yang termiskin saja dapat 12% jumlah itu.

Kristian-Kristian patut menahan diri dalam penggunaan. Hal biasa bagi seseorang Kristian ialah, jangan melebihi penggunaan purata rakyat negaranya. Segala melebihi ini adalah kemewahan.

Ambrose menulis, *“Jika saudaramu kelaparan sedangkan kamu ada kemungkinan untuk menolongnya, kamulah seorang pencuri; jika dia mati lapar, kamu seorang pembunuh.”*

November 30

“Untuk itu(anak-anak kecil) datanglah kerajaan syurga.”(Matius 19:14)

* * *

Salah satu masa tersedih untuk seseorang ibu bapa ialah apabila dia mendapati anaknya cacat. Bagi mereka saya mengisahkan cerita benar di bawah ini, yang dikutip daripada buku Fritz Rienecker, *Yang Terbaik Masih Datang*.

Di dalam sebuah rumah cacat kanak-kanak, Katerin telah dibela selama dua puluh tahun. Budak ini bingung semua sekali, tidak pernah sebut sepatah kata pun, saja tahu makan. Dia akan memandang dinding dengan sunyi, atau membuat gerakan yang tidak harmoni. Hidupnya saja makan, minum, dan tidur. Rupanya dia langsung tidak dapat mengambil bahagian dalam segala yang berlaku di-sekeliling-nya. Kemudian satu kakinya kena dipotong. Pekerja-pekerja rumah cacat semua harap Katerin tidak payah menderita lagi, dan berharap Tuhan akan membawanya pulang awal.

Ada sehari, doktor memanggil pengarah rumah cacat supaya datang cepat. Katerin akan mati. Apabila kedua-kedua mereka masuk bilik itu, mereka tidak dapat percaya mata mereka. Katerin sedang menyanyi lagu-lagu Kristian yang pernah didengarnya, yang sesuai sekali bagi orang dekat mati. Dia mengulang-ulangkan sebuah lagu Jerman, *“Di manakah dapat jiwa mencari tanah-air-nya, tempat rehat-nya?”* Dia nyanyi dengan muka yang ubah untuk setengah jam, kemudian meninggal dunia dengan tenang.

Jadi itu sajalah rupanya dia tidak faham apa yang terjadi di sekitarnya. Daripada pandangan perubatan, kes ini mustahil. Tuhan telah menaiki tudung untuk menggalakkan ibu bapa dengan anak-anak cacat. Tuhan tidak kesilapan. Dia yang mempedulikan burung pipit itu telah memastikan ada tempat di syurga untuk budak-budak yang bercacat mental.

Desember 1

“Tuhan Allah membentuk manusia itu dari debu tanah.” (Kejadian 2:7, Indonesia)

* * *

Manusia bukan dibentuk daripada tanah biasa. Dia dibentuk daripada tanah yang subur sekali. Perkataan Ibrani yang digunakan ialah *adamah* (אדמה), iaitu tanah yang elok sekali. Tanah firdaus di katakan *adamah* dalam Kejadian 2:9. Di bumi ada juga tanah gurun atau tanah batu. Tuhan gunakan tanah yang terbaik, yang menghasilkan pokok firdaus, bahkan *pokok nyawa*, untuk membentuk manusia. Potensi manusia amat besar.

Kemudian Tuhan menghembuskan “nafas hidup” ke dalam hidungnya. Bahasa Ibrani tiada perkataan tunggal untuk hidup. Orang Yahudi menggunakan חייהם (*haiim*), maksudnya hidup-hidup. Jika kamu hendak menulis sebuah buku Ibrani yang kata manusia saja ada sekali hidup, kamu tidak akan berjaya, sebab bahasa itu tiada perkataan tunggal untuk “hidup”. Tuhan telah memberi manusia hidup-hidup: hidup jasmani dan hidup rohani, hidup di dunia ini dan hidup selepas ini.

Manusia mestilah luar biasa, sebab Tuhan telah kata bahawa manusia itu saja sedikit rendah daripada malaikat(Mazmur 8:5): “Kamu telah membuatnya sedikit rendah daripada Tuhan (אלהים -- *elohim.*)”

Mengikut saiz badan, manusia sajalah setitik debu di dalam alam semula jadi ini, tetapi siapa dapat mengatakan keagungannya? Blaise Pascal menulis, “*Sedikit nafas, setitik air, pun boleh membunuh seorang. Tetapi walaupun alam semesta ini dapat memusnahkan manusia, manusia masih lebih agung daripada alam ini, sebab manusia tahu dia akan mati, sedangkan alam ini tidak tahu bahawa ia telah membunuh orang itu.*”

Ingatlah keagungan dirimu dan bersyukurlah Pencipta yang memberikan itu kepadamu.

Desember 2

“Keriangannya aku dapat tinggal di dalam kamu.”
(Yohanes 15:11)

* * *

Adalah dikatakan bahawa seorang yang sakit kemurungan melankolik melawat seorang pakar psikiatri, yang mencadangkannya pergi melawati dunia.

Pesakit itu jawab, “Saya telah melancong terus-menerus, tetapi tidak berkesan.”

“Minum sekelas arak bersama kawan-kawan adalah berguna,” kata doktor. Tetapi pesakit itu jawab: “Saya telah menghabiskan berapa tong sam-su, masih sedih.”

Doktor itu dapat satu idea. “Kini ada seorang badut yang luar biasa di dalam kota. Setiap orang yang melawatnya akan gelak saja. Belanja-lah masa senja kamu di sana.”

Pesakit itu jawab, “Sayalah badut itu. Saya menghiburkan setiap orang kecuali diri saya. Dan saya tahu ketawa yang dibawa saya kepada penuntun-penuntun itu tidak akan tahan lama.”

Kesukaan yang diberi dunia ini adalah khayalan, sebab di dalam hati kita, kita tahu semua itu saja

melarikan diri daripada fakta ini: bahawa kita adalah pendosa yang telah dihukum mati. Apabila kita ketawa, di dalam hati baik, kita tahu diri kita pernah membawa sengsara kepada orang lain.

Saja Tuhan dapat memberi gembira yang tulen. Dia telah menunjukkan di dalam kebangkitan Kristus bahawa dia telah mengampuni semua dosa kita. Yesus Tuan kita “telah diserahkan kerana pelanggaran kita dan dibangkitkan kerana pembenaran kita.”(Roma 4:25). Kebangkitan Yesus adalah bukti bahawa kita juga akan bangkit, sebab kita kepunyaan-Nya. Oleh sebab ini, kita terus bergembira di dalam hati walaupun tiada perangsang luar.

Desember 3

“Perbuatan nafsu adalah nyata, iaitu percabulan, kecemaran, nafsu...” (Galatia 5:19).

* * *

Seorang pengkhotbah di-soal di dalam perhimpunan pelajar-pelajar, *“Apakah salahnya dengan seks sebelum berkahwin? Setiap orang pun cuba beberapa jubah sebelum membeli satu. Kenapa saya tidak cuba seks dengan empat atau lima perempuan sebelum kahwin satu?”*

Pengkhotbah itu jawab, “Ada sesuatu kesalahan di dalam fikiran kamu itu. Dengan rukun yang sama, setiap perempuan pun hendak cuba empat atau lima lelaki sebelum memilih satu sebagai suami. Jadi akhirnya kamu saja dapat sehelai jubah lama, bukan baru.”

Seks sebelum berkahwin bukanlah penyediaan untuk perkahwinan. Bolehkah pencurian menjadi penyediaan hidup jujur? Bagaimana dapat perangai seks seseorang, tanpa kasih, menyediakan hidupan yang berdasar pada kekasihannya di antara dua orang?

Kini dosa seks berlimpah. Dosa ini dapat dimaafkan dengan mudah, seperti semua dosa lain. Yesaya kata,

“Dia (Mesiah) ditikam oleh sebab pemberontakan kita, dia diremukkan oleh sebab kejahatan kita”(53:5) - yaitu kejahatan segala jenis, termasuk dosa seks. Tetapi selepas diampuni, janganlah kita berterusan dosa itu. Harga untuk hubungan luar nikah itu terlalu tinggi.

Fikir saja akan nasib anak-anak yang lahir tanpa sebuah rumah yang stabil. Fikir akan kesedihan ibu bapamu dan akan ibu bapa perempuan itu.

Untuk mengelakkan dosa seks, laksanakan kebersihan rohani. Berhati-hati dengan bacaan-mu, buku-buku dan majalah-majalah, dan juga rancangan TV dan video. Memenuhi hari-hari-mu sampai penuh dengan melayani Tuhan dan manusia.

Desember 4

“Kita adalah anggota tubuh-Nya.”(Efesus 5:30)

* * *

Sebab kita adalah anggota tubuh-Nya, kita mesti ambil bahagian dalam meneruskan misi-Nya hari ini.

Beberapa tahun dulu, seorang lelaki muda yang giat sukan menimpa kemalangan menyelam yang menjadikannya lumpuh dari leher ke bawah. Otaknya memberi isyarat kepada anggota-anggota tubuh-nya supaya ambil bahagian dalam sukan-sukan yang lebih mencabarkan, tetapi lengan dan kakinya lembik saja.

Bahkan yang lebih menyedihkan ialah Kristus kini berdiri di tepi manusia. Otak-Nya memberi isyarat kepada anggota-anggota-Nya untuk menunjukkan kasih sayang, tetapi anggota-anggota-Nya lembik sebab takut, atau sebab hati yang malas.

Pada masa dulu Dia menyembuhkan orang lembik. Kini Dia sendiri bersakit lembik, tubuh-Nya, iaitu gereja, telah jadi lumpuh.

Marilah kita memenuhi arahan-Nya tanpa kelambatan. Kitalah anggota-anggota tubuh-Nya.

Desember 5

“Malahan segala sesuatu kuanggap rugi, kerana pengenalan akan Kristus Yesus.”(Filipi 3:8)

* * *

Kamu akan mendapati dengan mudah berapa tulen-nya seorang sebagai Kristian, apabila dia kehilangan duit, nama, kesihatan, dan sebagainya. Dia patut menganggap semua itu sebagai sampah. Siapa yang akan marah apabila kehilangan sampahnya, yang menjadikan semua sesuatu dikelilinginya busuk?

Yang sedihnya, kata-kata Alkitab yang benar kepada Paulus ini sajalah kata hiasan bagi kita. Bahkan gereja-gereja pun cuba mengumpul sampah. Memang ada percubaan untuk mengatasi hal ini, tetapi semua gagal. Francis dari Assisi dan Joachim dari Fiore, pengasas mazhab-mazhab Kristian yang bertujuan menjadikan kemiskinan sebagai rukun terutama, semua letak jawatan pimpinan setelah nampak diri mereka sudah gagal.

Duit, cinta akan nama, lampiran kepada makhluk adalah pesaing hebat dengan Tuhan. Bagi kebanyakan orang, Tuhan gagal dalam pertandingan ini.

Seorang putera membanggakan diri kepada rakan-rakannya betapa mewahnya. Seorang pendeta yang berhadir pun tanya, “Yang mulia, bolehkah tuan menerima jarum ini dan memulangkan saya apabila kita bertemu di dalam abadi?”

Putera itu jawab, “Apa itu! Saya tidak dapat bawa apa-apa pun bila mati!”

“Betulnya,” kata pendeta itu. “Kita membangga apa yang tidak dipunyai kita, dan yang mungkin hilang hari ini juga. Kita telah lupa mengumpulkan apa yang abadi.”

Ada sesuatu inskripsi telah dijumpai di India: “Yesus, pujilah nama-Nya, pernah berkata, ‘Dunia ini adalah sebuah jambatan. Melaluinya, tetapi jangan mendirikan sebuah rumah di atasnya.’”

Matilah kepada dunia ini sebelum kamu mati. Mengambil semua barang sebagai sampah, supaya kamu dapat Kristus.

Desember 6

“Kerana kasih Allah telah dicurahkan di dalam hati kita.” (Roma 5:5, Bahasa Indonesia)

* * *

Apabila Yesus berjalan di jalan Nazareth -- demikianlah kata satu cerita Muslim -- orang ramai mengejek-Nya. Dia meneruskan jalan-Nya dengan sunyi, berdoa dengan lantang setiap orang yang menghina-Nya.

Bila ditanya bagaimana Dia dapat lakukan itu, jawab-Nya, “Saya saja memberi mereka apa yang saya ada.”

Pecahkan se-botol susu. Tiada cuka akan tertumpah, sebab botol itu tidak mengandungi cuka. Bagaimana dapat perkataan benci dan pendendam keluar daripada hati seorang Kristian? Orang Kristian tidak payah memilih. Dia bukan mengasih sebab Kristus bertitah begitu. Jika dia ingin membenci, dia pun tidak dapat lakukan, sebab hatinya tiada kebencian. Dia telah menjadi makhluk yang baru.

Pengikut-pengikut pertama tanya Tuan Yesus, “ ‘Rabbi, di manakah Kamu tinggal?’ Yesus pun

menjawab, ‘Mari lihat.’ Dan mereka pun tinggal bersama-Nya hari itu””(Yohanes 1:38,39).

Yesus tidak mungkin membawa mereka ke suatu rumah di atas bumi. Dia tiada rumah. Tempat tinggal-Nya adalah di mana kasih ada, mungkin itu pondok kecil, atau sebuah istana. Yesus membawa penanya-penanya itu ke beberapa tempat itu.

Mereka pun faham dan menjadi rasul-Nya.

Desember 7

“Di Antiokhia, untuk kali pertama pengikut-pengikut Yesus disebut orang Kristian.”(Rasul 11:26)

* * *

Adalah dikatakan sekumpulan ikan-ikan paus berenang dekat pantai Amerika dan menyoal sesama sendiri apakah mereka itu sebenarnya. Kemudian mereka dengar ada kanak-kanak menjerit, “*Tengok! Ikan paus!*” Dan ikan-ikan paus itu menjadi gembira. Mereka kini tahu nama sendiri, dan mengkhayal bahawa mereka sudah tahu apanya mereka sebenarnya.

Ada orang pemuja, dalam cara sama, telah diberi nama Kristian, dan salah anggap bahawa nama ini menunjukkan kebenaran akan mereka. Sebenarnya bukan. Tuhan Yesus kati, “Jika kamu saling mengasihi, semua orang akan tahu bahawa kamu pengikut-pengikut-Ku”(Yohanes 11:35). Bukan sebab kamu “dipanggil apa-apa nama.”

Di Gunung Alps di Itali, peladang-peladang ada satu kebiasaan meninggalkan pintu rumah terbuka pada malam Krismas, memanaskan dapur, dan sediakan makanan malam di atas meja, supaya keluarga yang dikejar Herodes itu dapat mengambil perlindungan.

Bangsa Ostjak, sejenis suku Mongol di kawasan luar Siberia, iaitu tempat buang negeri di bawah Tsar dan di bawah Bolshevisme, selalu meletakkan makanan di luar pintu apabila mereka tidur, supaya seorang pelarian banduan perlukannya.

Kita adalah apa kita itu, bukan apa yang kita dipanggil. Yesus dan orang-orang salehnya selalu dijadikan orang pelarian di dalam dunia ini. Ada tidak kita menunjukkan kebimbangan kepada yang perlu tolong? Apa yang kita buat itu menunjukkan apa kita itu.

Desember 8

“Tuhan ini baik.” (Mazmur 100:5)

* * *

Salah satu masalah di dalam agama ialah, kenapa begitu banyak penderitaan di antara manusia, jika dunia ini diperintah oleh sesuatu Tuhan yang baik.

Jawapannya mudah. Tuhan ini baik, bukan saja baik kepada orang baik, tetapi juga kepada orang jahat (Lukas 6:35). Saja sesuatu kebaikan yang memeluk setiap orang itu adalah baik. Kebaikan yang ditunjukkan kepada orang jahat biasanya tidak membawa mereka bertukar, saja menggalakkan mereka terus berdosa. Kebaikan Tuhan adalah sabar dan tahan lama, yang biasa digunakan orang jahat untuk melakukan jenayah baru. Tuhan bersabar dengan Hitler dan Stalin, dan menunggu mereka beberapa puluh tahun. Pada masa itu mereka pun membunuh besar-besaran.

Untuk dunia menjadi baik, Tuhan kena berhenti menjadi baik kepada orang jahat. Ada siapa di antara kita berani suruh Tuhan, “*Hentikan bersikap baik kepada orang jahat,*” sedangkan kita tahu diri kita amat jahat?

Di kadar duniawi, di dalam fikiran manusia, tiada penyelesaian untuk masalah kejahatan. Tuhan telah menyediakan peruntukan. Dia bukan saja baik, tetapi juga tahu bagaimana untuk mengambil balasan. Dia menyediakan sehari murka.

Melarikan-lah dirimu daripada kemurkaan Tuhan.

Desember 9

“Henokh berjalan bersama Tuhan.” (Kejadian 5:22)

* * *

Jangan takut mengikut seorang sebab dia ditolak gereja. Ramai orang salih telah dibakar oleh gereja, dan kemudian dihormati sebagai orang saleh. Orang yang menolong saleh bila dia dianiayai gereja, telah melayani Kristus lebih baik daripada orang yang terus percaya pada gereja.

Joan dari Arc telah dibakar gereja. Celestine V mati di dalam penjara. Ramai menyangka dia telah diracun oleh penggantinya, Paus Boniface VIII. St John Salib itu telah dianggap sebagai seorang gila. Huss mati terbakar, dihukum sebagai seorang yang sesat agamanya. Beribu-ribu orang dihukum serupa itu.

Sikap kita terhadap gereja mestilah ambivalen (Mempunyai dua sifat yang bertentangan). Sesiapa ada Tuhan sebagai Bapanya, akan ada gereja sebagai “ibu”nya, dan patut mengikutnya dan mengasihinya. Tetapi seorang ibu boleh menjadi gila juga. Gereja bukan saja sebuah institusi suci; ia juga dibentuk oleh orang-orang yang berdosa hebat, termasuk ketua-ketua gereja. Jadi ketaatan kita kepada

gereja adalah terhad. Pimpinan Roh Kudus dan akal kita akan menunjukkan kamu.

Impian tertinggi bagi setiap Kristian adalah, seperti Henoah, seorang yang berjalan bersama Tuhan. Perhubungan perseorangan dengan Tuhan adalah jaminan menentangi seumur kesalahan.

Desember 10

Musa berkata kepada Tuhan, “O Tuhanku, saya tidak pandai cakap.”(Keluaran 4:10)

* * *

Kenapa Tuhan memilih seorang yang lambat cakap sebagai utusan-Nya? Rabbi Mohliver dari Byalystok menerangkan bahawa jika Dia memilih seorang yang fasih, utusan itu pun akan berbahas dengan Firaun dan penasihat-penasihatnya akan kejahatan sosiologi dan psikologi yang akan timbul sebab pengabdian, akan keelokan agama yang bertuhan esa, dan nilai tingginya tradisi Yahudi daripada nenek-moyang mereka, dan sebagainya.

Utusan itu akan terpicat oleh ucapan sendirinya. Lebih dan lebih dialog akan diadakan, seperti dialog-dialog yang tidak berkesudahan dan tidak berfaedah berkenaan pembezaan di antara agama-agama. Dan orang Yahudi akan tinggal sebagai abdi.

Sebab Musa teragak-gagak dan saja dapat mengucap beberapa perkataan dengan kesusahan, dia saja dapat berkata kepada Firaun. “*Biarlah umat saya pergi.*” Tuhan memerlukan orang serupa ini pada masa sekarang.

Rupanya seluruh Alkitab pun ditulis oleh orang-orang yang ada kesulitan untuk berkata. Mereka selalu memilih kata yang mudah.

Di Yohanes 3:16, ayat terpenting di dalam Alkitab, ada dua puluh perkataan dengan satu suku kata, dan enam perkataan yang lain. Saya tidak pernah baca apa-apa buku lain yang serupa ini.

Bukanlah kefasihan sesebuah buku yang penting, melainkan sesuatu yang membawa kita ke dalam kebenaran.

Desember 11

“Tuhan telah berfirman ... melalui nabi-nabi dengan berbagai-bagai cara...” (Ibrani 1:1)

* * *

Pemuja-pemuja Buddha di Jepun ada sesuatu kisah berkenaan seorang raja yang bernama Amida, yang telah sampai darjat sebagai seorang Buddha, tetapi enggan masuk ke dalam Nirvana kecuali semua makhluk pun dapat dimasuki. Mereka percaya bahawa orang yang tidak dapat sampai darjat Buddha sebab terlalu banyak dosa dan khuatir, akan dapat sampai-nya melalui pengorbanan raja ini. Caranya ialah dengan berzikir, “*Namu Amida Buddha Butsu*”(Saya sepenuh-penuh percaya dalam Amida Buddha).

Tuhan yang memberi banyak negara-negara ilham melalui kisah-kisah serupa ini, telah menunaikan harapan ini di dalam Yesus. Maksud Yesus dalam Ibrani ialah “*keselamatan.*” Alkitab memastikan kita bahawa sesiapa yang panggil nama-Nya akan diselamatkan. Tuhan tahu kita dilahirkan di dalam dosa, dan kita tidak berkemungkinan untuk menyelamatkan diri kita. Pengorbanan yang disiapkan di Bukit Tengkorak akan menyelamatkan pendosa-pendosa, jika mereka

memanggil Dia, sebab panggilan hati kita itu adalah diilhamkan oleh kasih-Nya. Jangan harap apa-apa sahut apabila kamu panggil-Nya. Panggilanmu adalah sahut-Nya.

Sesuatu konsert bukan ada dua perkara - seorang pemain piano dan sebuah piano. Ia saja satu, seorang pemain piano yang memainkan pianonya. Jadi di dalam kelakuan iman, bukan ada dua pihak -- pendosa yang menyeru dan Tuhan yang mengasih. *Kasihnya* menyebabkan kamu *mint*a. Inilah tanda bahawa kamu telah diterima. Percaya ini dan kamu akan hidup.

Berdoa juga untuk pemuja-pemuja Buddha, agar mereka tahu nama tunggal yang akan selamat.

Desember 12

“Hendaklah kamu murah hati, sama seperti Bapamu adalah murah hati.” (Lukas 6:36)

* * *

Seorang Kristian Jepun, Endo Shisaku, memberitahu akan seorang mubaligh, Rodriga, pada masa penganiayaan hebat pada kurun kelapan belas. Apabila ditangkap, dia menderita seksaan dengan tekun dan tidak mengabaikan imannya. Tetapi di dalam hatinya dia hairan mengapa Tuhan berdiam saja, dan tidak menjawab doanya. Dia minta Yesus sekurang-kurangnya meringankan sakitnya, tetapi tiada kesan.

Pada suatu hari dia menghadapi ujian besar. Dia diberi dua pilihan: beberapa puluh Kristian akan dibunuh di depan matanya, atau dapat dibebaskan. Mereka tidak perlu menafikan kepercayaan diri untuk dibebaskan, saja Rodriga kena menafikan imannya secara umum dengan memijak gambar Yesus. Kerana kasih akan saudara-saudarinya, Rodriga memilih pilihan kedua. Apabila dia lakukan itu, dia dengar untuk pertama kali kata Yesus, memuji-nya sebab buat demikian. Inilah perangai Yesus untuk melepaskan orang lain dengan menanggung kesulitan sendirinya.

Apabila Pilatus memberi tawaran untuk melepaskan salah seorang banduan, Yesus atau Barabbas, Yesus ingin memberi Barabbas peluang hidup. Tidakkah Dia lebih sudi supaya gambar-Nya dipijak, supaya pemuja-pemuja-Nya tidak dibunuh?

Di dalam hati, Rodrigo masih seorang Kristian. Akhirnya dia berjaya membawa orang yang mengkhianati-nya itu bertaubat.

Penyelesaian Alkitab itu mudah. Menerima segala sesuatu tanpa menafikan Tuhan Yesus. Di-sebelah lain, hidup ini rumit, yang tidak mudah membuat keputusan.

Biarlah kita ingat dalam doa pemimpin-pemimpin gereja rasmi di negara-negara Komunis, yang dipanggil pengkhianat-pengkhianat sebab mereka bekerjasama dengan kerajaan kufur. Ramai di antara mereka melakukan ini dengan tujuan menyelamatkan gereja dan ahli-ahli mereka. Tuhan faham akan itu dan mengasihi mereka. Biarlah kita pun serupa.

Desember 13

“Saling mengasihi dengan kasih yang sama dan mempunyai fikiran serta tujuan yang sama.” (Filipi 2:2)

* * *

Perkataan Yunani untuk *aman*, (*eirene*,) bermaksud etymologically, “*berkata semula satu sama lain*.” Sanak saudara tidak bersefahaman sebab mereka tidak berkata. Mereka saja membuat suara sedangkan bertemu, percaya itulah perbincangan. Mereka menukarkan ungkapan wajah dan berasa telah memahami satu sama lain. Kita adalah orang asing, bahkan dengan keluarga sendiri dan dengan rakan-rakan. Kita hidup bersama untuk beberapa kurun tanpa membantu satu sama lain, atau perkongsian pendapat-pendapat dan tujuan-tujuan. Kita mempergunakan satu sama lain, setiap orang untuk faedah dirinya. Kita tidak mengasihi dan tidak dikasihi. Kita bersendirian. Manusia tidak tahu jalan keamanan.

Kita perlu “menunaikan” satu sama lain. Inilah terjemahan terus daripada perkataan Ibrani “*ledaber*” (berkata). Kata dasar untuk itu ialah “*davar*,” yang bukan saja bermaksud “*perkataan*,” tetapi juga “*benda, kebenaran, sebab*.” seorang Yahudi bukan saja berkata, tetapi juga *menunaikan* perkataannya.

Untuk “*tahu*,” orang Yahudi menggunakan satu perkataan yang bermaksud juga persetubuhan seks. Di dalam Yunani juga, *gnosis* membawa dua erti ini. Kamu saja dapat tahu melalui persatuan rapat, melalui peluh kasihan di mana dua menjadi satu. Kamu bukan saja berkomunikasi melalui perkataan, tetapi juga dalam kehangatan persahabatan hati yang berapi. Tiada kemungkinan pertengkaran di dalam masa itu.

Pengantin perempuan di dalam Kidung Agung itu berdoa, “*ciumlah aku dengan bibirmu*”(1:2). Tiada orang dapat bergaduh sedangkan bibirnya telah ditutupi ciuman.

Carilah perhubungan sejati bersama saudara dan saudarimu, dan juga rakan-rakan. “*Kasihi satu sama lain, seperti saya mengasihimu*”(Yohanes 15:12), kata Yesus. Dia sebagai Anak Tuhan, telah menjadi *tunai* bagi kita sebagai seorang manusia.

Desember 14

“Sehingga alam semesta dipenuhi dengan kehadiran-Nya.”(Efesus 4:10)

* * *

Armelle Nicolas adalah seorang wanita peladang yang buta huruf, yang tinggal di Perancis pada kurun ketujuh belas. Dia kata, *“Tuhan telah hantar saya ke dunia ini dengan satu tujuan, iaitu mengasihi-Nya. Dengan rahmatNya, saya mengasihi-Nya begitu banyak sehingga tidak dapat meneruskan di dalam corak fana. Inilah masanya saya pergi kepada-Nya, agar dapat mengasihi-Nya sebagai seorang saleh di syurga.”*

Dia telah sampai darjat tinggi kekasihannya ini melalui terus berada di depan Tuhan.

Dia mengambil makanan yang dihina orang lain, gembira sebab dapat meninggalkan yang bagus untuk orang lain. Apabila dia sediakan makanan untuk puannya, dia fikir akan Yesus sediakan makanan untuk jiwanya. Jika dia nampak seekor anjing mengikut tuannya dengan ikhlas, dia pun mengambil keputusan membuat sama. Bila dia nampak domba-domba berdiam di padang, sudi dipotong bulu dan disembelih, dia pun ingat bahawa Yesus Domba Tuhan yang

disembelih, yang bersikap serupa. Bila dia nampak ayam betina mengumpulkan anak-anak ayam di bawah sayapnya, dia pun ingat dirinya seekor anak ayam di bawah sayap Yesus. Bila dia kagum akan kecantikan bunga-bunga, dia pun ingat akan kata Tuhan berkenaan Diri-Nya: “Sayalah bunga mawar di Sharon, bunga bakung di lurah-lurah” (Kidung Agung 2:1). Ikan-ikan yang berenang di dalam laut mengajarnya berenang di dalam kasih Tuhan.

Segala sesuatu mengajarnya akan kebenaran syurgawi. Jadi dia pun menjadi seorang saleh yang jauh di-depan.

Desember 15

“Janganlah terlalu baik.”(Pengkhotbah 7:16)

* * *

Petrus mengalir beberapa titik air mata sebab telah menafikan Yesus. Apabila dia jumpa Yesus yang terbangkit itu, dia tidak meminta maaf pun. Di sebaliknya, penyesalan hati Yudas amat berlainan. Dia mengaku salah kepada imam-imam bahawa dia telah mengkhianati orang yang tidak salah. Petrus tidak kembali kepada pelayan gadis itu(yang pernah tunjukkannya sebagai seorang pengikut Yesus), untuk mengaku salah. Manakala Yudas kembalikan semua duit pengkhianatan-nya. Bukan ramai yang akan lakukan begitu!

Yang tidak masuk akal ialah, Petrus mendapat rahmat dan dijadikan ketul rasul-rasul. Sedangkan Yudas tidak dapat rahmat dan membunuh diri.

Inilah yang biasa jadinya dengan orang yang terlalu jujur, yang bertaubat dengan melampau, yang cuba bekerja budi dan bukan bergantung saja pada pengorbanan Kristus.

Di Buku Imamat, perkataan Ibrani untuk dosa sesama manusia adalah *asham*, tetapi pengembalian

seseorang pencuri kepada mangsanya juga dipanggil *asham*. Yesus dipanggil *asham* di dalam nubuatan di Yesaya 53. Dia bukan saja menjadi korban bagi dosa kita, tetapi juga dijadikan pengembalian untuk kejahatan kita. Untuk setiap jiwa yang kita bunuh, Dia memberi nyawa baru. Untuk setiap air mata yang kita menyebabkan mangsa menangis, Dia memberi se-biji mutiara sebagai gantian. Jangan menggali terlalu dalam akan dosa-dosa kamu dulu -- bahkan untuk mendapat pelajaran pun jangan -- kalau kamu tidak dapat lakukan itu dengan tenang. Jangan membuat jalan kesucian itu terlalu susah.

Judas cuba itu dan gagal. Petrus tidak fikir banyak akan dosa sendiri dan berjaya. Dia pernah menangis, kemudian bila dia jumpa Yesus yang terbangkit, dia pun nampak dirinya masih dianggap Yesus sebagai kawan, dia pun kelegaan. Semua kegagalan dulu tidak lagi jadi masalah.

Desember 16

“Lebih baik bagi orang itu jika dia tidak pernah dilahirkan.” (Matius 26:24)

* * *

Adakah itu lebih baik jika saya tidak dilahirkan?

Jika jiwa telah wujud sebelum kita dilahirkan, dan jika saya dapat tahu apa yang akan berlaku selepas saya masuk dunia ini, dan segala penderitaan yang saya akan membawa. Jika saya tahu segala sengsara yang akan dijadikan hidup saya, dan kemungkinan masuk neraka untuk abadi. Jika saya ada pilihan, saya akan pilih supaya jangan dilahirkan. Yesus berkata akan Yudas, “Lebih baiknya untuk orang itu jika dia tidak dilahirkan.” Dapatkah Yudas mempunyai peluang untuk memilih?

Kita adalah kepunyaan seorang Tuan yang kuasanya tiada had. Dia tidak perlu nasihat sesiapa pun. Kita dilahirkan tanpa diberi peluang untuk membincang dengan Pencipta kita. Kita hidup sesuatu kehidupan yang panjangnya tidak ditentukan kita. Bahkan bila salah seorang di antara kita berniat untuk membunuh diri, orang itu pun tidak dapat kuasa untuk mengawal dirinya. Dan kita akan dihakimi, tak kira kita suka atau

tidak. Jadi lebih baik untuk kita menyediakan diri kita bertemu Tuhan kita, dan bukan bertengkar dengan-Nya.

Untuk menyediakan keabadian diri kita, saja memerlukan satu perkara. Iaitu mendapat nyawa abadi melalui percaya pada darah Kristus. Yesus berkata di depan Yudas, “*Inilah darah saya yang dicurahkan bagimu.*” Yudas boleh dapat bahagian juga dalam perjanjian ini. Yesus tidak berasa malu memanggil pendosa-pendosa sebagai *saudaraNya*. Dia tidak rasa malu memanggil Yudas sebagai saudara juga. Dia sudah memanggilnya “*rakan.*”

Apabila kamu fikir bahawa hidup kita di atas bumi ini seolah-olah halaman depan ke hidup kekal di Firdaus, jadi untuk kita dilahirkan di dalam dunia ini pun menjadi “pilihan” kita yang betul. Dengan wujud di atas bumi ini, saya ada dua pilihan. Saya boleh memilih dilahirkan dalam rohani. Saya saja perlu kata “Ya” untuk ini, dan saya pun masuk ke dalam hidup-Nya, dan menjadi salah seorang terpilih-Nya.

Desember 17

“Tetapi Tuhan amat suka meremukkan-nya dengan kesakitan.”(Yesaya 53:10)

* * *

Therese dari Lisieux sedang berdoa petang di depan seorang saudari yang sakit jiwa. Pesakit itu selalu mengeluarkan suara aneh, seperti bunyi gosok dua kerang. Bunyi kecil ini memang menyusahkan Therese, tetapi dia tidak menegur pengacau ini, bahkan tidak memandang ke arahnya juga. Therese dapat arahan dari atas, supaya jangan mengganggu saudari itu dan jangan mempermalukan-nya. Tetapi dia memang tidak dapat meneruskan doanya. Dia mula berpeluh, tetapi doanya tidak dapat sambungkan.

Kemudian Therese dapat ilham. Bukankah itu lebih elok untuk dia menyukai bunyi itu? Dia pun memerhatikan bunyi itu seolah-olah itulah muzik yang murni sekali, dan doanya pun mengandungi sembah muzik istimewa ini kepada Tuhan.

Adalah salah untuk kita mengelakkan kesusahan dengan harapan yang kosong, atau dengan bertengkar dengan orang yang membuat kacau. Jangan menahan kesedihan saja, tetapi kasihilah kacau-bilau itu.

Apabila Tuhan memberi Abraham titah supaya Abraham mengorbankan anaknya, Dia juga memberi Abraham gembira tambahan dengan tiga hari perjalanan, supaya Abraham dapat menikmati untuk masa yang panjang dalam menyerahkan yang kekasihnya kepada Tuhan. Dia boleh meletakkan kayu api itu di atas seekor keldai, tetapi Ishak lebih suka mengangkat kayu itu sendiri ke atas bukit. Korban yang besar patut ditanggung, bukan saja dengan sabar, tetapi juga dengan gembira.

Bapa syurgawi Sendiri pun, bukan saja memberi Anak-Nya mati di atas salib untuk dosa sedunia, tetapi juga "*amat suka meremukannya.*" Kamu pun demikian kepada setiap orang yang mengacau kamu, dan kamu pun akan jadi gembira.

Desember 18

“Setiap orang yang mengakui Aku di depan manusia, Aku juga akan mengakuinya di depan Bapa-Ku yang di syurga.”(Matius 10:32)

* * *

Di Kemboja, sesuatu perhimpunan doa sedang dijalankan di sebuah gereja. Askar-askar Komunis tiba-tiba mengepungnya. Ada yang masuk, mengambil gambar Yesus dari atas dinding, letakkannya di depan pintu dan memberi arahan, “Setiap orang akan keluar gereja ini, dan mesti memijak gambar itu dan menafikan Yesus. Jika tidak, dia akan ditembak mati.”

Apakah yang anda akan buat? Ada yang memberi alasan. Seorang Kristian ada kekasihnya, yang akan berkahwin tidak lama lagi. Yang satu lain ada seorang bapa tua yang perlu dijaganya. Yang ketiga ada anak-anak kecil di rumah. Mereka semua faham Yesus ini amat penyayang dan berfahaman. Dia tahu mereka sedang dipaksa. Jadi mereka pun meludah dan menyelamatkan diri.

Kemudian datangnya giliran seorang gadis berumur enam belas. Dia tidak membuat alasan. Dengan senapang-senapang menunjuk kepadanya, dia berlutut

dan mencium gambar itu, menggelapkan ludah dari muka gambar itu. Dia mengasihi Yesus. Dia pun mati di atas gambar pengantin lelakinya.

Jiwa seperti gadis ini adalah senyuman manusia. Yesus menyebut Dirinya sebagai “bunga mawar Sharon, bunga bakung di lurah-lurah”(Kidung Agung 2:1). Dia harap jiwa-jiwa yang dipunyai-Nya ada hati yang bersih seperti bunga bakung. Dia menghargai kesucian ini.

Kambing biri-biri yang sihat dan cantik datang dari membela domba-domba yang betul jenisnya. Yesus menyuruh Petrus, “Membela domba-domba saya.” Biarlah kita mengajar pemuda-pemudi kita contoh-contoh elok yang rela kasih sampai mati.

Desember 19

“Tanpa penumpahan darah tidak ada pengampunan.” (Ibrani 9:22)

* * *

Orang Yahudi yang beragama kuat sedang menghadapi kesulitan. Undang Musa kata, dosa dapat diampuni melalui pertumpahan darah mangsa-mangsa yang tidak bersalah. Tetapi selepas bait suci di musnahkan, acara agama Yahudi pun tiada lagi pertumpahan darah. Rabbi mengajar bahawa membaca sebahagian buku Imamat akan pengorbanan binatang akan diterima Tuhan seperti korban itu telah diserahkan, dan darah sudah ditumpahkan.

Seorang Kristian masuk ke dalam kedai seorang Yahudi, dan memberitahu tuan kedai itu akan Yesus, bahawa dia patut menerima Yesus sebab pengorbanan Yahudi sudah tamat. Yahudi itu jawab, “Kau telah salah. Kami membaca Alkitab saja, dan itu akan dikira darah kambing telah diserahkan.”

Kristian itu jawab, “Baiklah, lain kali baru bincang. Kini saya kena beli barang dulu.” Dia pun memilih sepuluh helai baju, beberapa kasut, tali leher, dan lain-lain barang. Kemudian dia minta dapat senarai

beliannya, dan terus membaca setiap benda bersama harga masing-masing, dan jumlah 200 dollar. Dia pun berkata salam, ambil barang-barang dan pergi.

Yahudi itu kejar di belakangnya dan jerit, “Tuan, kamu telah lupa bayar!”

Kristian itu jawab, “Bukankah saya telah baca senarai itu?”

“Ya, tapi belum bayar duit.”

Kristian itu pun kata, “Saya sedang mengikut nasihat rabbi-rabbi kamu, membaca serupa membayar!”

Bukan saja orang Yahudi yang silap dalam hal ini. Ramai Kristian juga berzikir Doa Yesus dan rasa itu bermaksud mereka sudah dapat Tuhan sebagai Bapa, dan memanggil Yesus sebagai Juru-selamat bermakna telah diselamatkan-Nya.

Carilah kebenaran. Jangan berpuas hati dengan acara luar.

Desember 20

(Yesus kata,) “Kasihlah musuh-musuhmu.” (Matius 5:44)

* * *

Lima kurun sebelum Yesus, Sophocles berkata di Antigone, “Saya di sini bukan untuk membenci, melainkan untuk kasih.” Perjanjian Lama juga mengajar kasih kepada jiran. Yesus menunjukkan bahawa kasih yang sejati, mesti termasuk seteru-seteru juga.

Ilse Blumenthal-Weiss, seorang wanita Yahudi yang suaminya dibunuh dengan hawa racun dan anaknya juga terbunuh, adalah di dalam kem tahanan. Dia menulis sebuah syair yang kata, “Saya tidak dapat benci. Mereka pukul saya. Mereka memijak saya. Saya tidak dapat benci. Mereka membuang batu di atas saya. Saya tidak dapat benci. Saya saja dapat menangis dengan pilu.”

Inilah kecapaian manusia yang tinggi -- tidak membenci. Tuhan memberi lebih: kuasa untuk kasihi musuh-musuh.

Kasih kepada musuh tidak bermakna mengelakkan pertempuran dengan kejahatan. Yesus berlawan menentang peniaga-peniaga di dalam Bait Tuhan dan

menentangi orang Farisi. Yesus tidak bermakna bahawa kita harus menyanjung seteru-seteru, atau memeluk mereka. Dia tidak memeluk leher Kayafas, dan tidak pula menyerahkan Diri-Nya sebagai sekutu dalam perbuatan jahatnya.

Kasih kepada musuh bermakna memahaminya lebih baik daripada dia tahu akan dirinya. Kebenciannya telah membutakan-nya. Kamu boleh nampak dengan fikiran yang tidak berat sebelah akan kedudukannya. Untuk mengasih musuh bermaksud untuk mempertahankan diri, kamu tidak akan menggunakan caranya. Untuk mengasihinya seperti Yesus ertinya mengangkat dosanya sebagai dosa dirimu. Menanggung dosanya dengan melakukan kebajikan kepadanya dan kepada mangsa-mangsanya.

Dengan contoh Kristus di depan kita, kita dapat melakukan ini dengan kuasa Roh Kudus.

Desember 21

“Kita berbangga dalam kesulitan.” (Roma 5:3)

* * *

Therese dari Lisieux sedang bantu mencuci di dalam biara perempuan-nya. Seorang saudari di depannya terpercik air kotor ke atas mukanya setiap kali dia mengambil sekeping kain basah dari langkan.

Balasan Therese pertama adalah melangkah ke belakang dan menggelapkan muka dirinya, sebagai satu tanda bahawa saudari itu telah membuat salah. Tetapi dengan segera fikiran ini datang kepadanya, “Kau bodoh jika tidak mengambil mutiara yang datang percuma.” Jadi dia pun melepaskan kemarahannya. Sebaliknya dia menyukai air kotor itu. Pada akhirnya dia begitu suka itu, sehingga kembali khas untuk mendapat “celup” seronok itu.

Yesaya telah nubuat akan sengsara yang teruk sekali untuk Yesus. Biasanya kita akan mengelak membaca apa-apa yang teruk berkenaan diri kita. Tetapi buku Yesaya adalah buku yang di sukai sekali Yesus. Inilah satu-satu pengarang yang dipuji Yesus --
“Betulnya Yesaya nubuat tentang kamu” (Matius 15:7).
Menerimalah kejahatan yang sedang mengacaukan

kamu, pandanglah kesulitan tetap pada mukanya. Dan kesulitan itu tidak akan menakutkan kamu lagi.

Seorang Kristian Soviet ditanya, “Bagaimana dapat kamu menanggung seksaan?” Dia jawab, “Sejak saya bertaubat, hari-hari pun saya fikir akan kena seksa, saya tahu itulah takdir saya, sama seperti orang yang berenung akan seks. Jadi apabila saya melalui keseksaan, kesakitan itu pun tidak jadi masalah.”

Sesiapa yang memeluk kaki Yesus yang tersalib, memeluk juga salibnya. Sesiapa yang ingin mengikut Yesus secara rapat, akan memikul salib-Nya bersama-sama. Terima-lah salib dengan sukacita. Ini akan menjadi sumber berkat mu.

Sedang Abraham bersedia untuk memberi korban tertinggi kepada Tuhan, dia pun dapat berkat bahawa anak yang patut mati itu akan membawa bahagia kepada semua negara, dan keturunan anak itu akan menjadi seperti bintang-bintang di syurga dan pasir di laut (Kejadian 22:17).

Desember 22

“Maut itu telah menjalar kepada semua orang.”
(Roma 5:12)

* * *

Di gereja St Lawrence di Nuremberg ada sebuah patung yang dipanggil “Wanita Dunia.” Dia ditunjukkan sebagai seorang yang berwajah kacak dan dihiasi dengan permata-permata. Inilah pandangannya dari sebelah. Dari sebelah lain, kamu akan nampak rangka tulang bersama-sama ular bisa yang merayap.

St Francis de Sales menasihati seorang Kristian wanita, iaitu seorang berdarjat di mahkamah diraja Perancis, yang terpaksa mengambil bahagian dalam jamuan dengan memakai mahal-mahal, supaya dia melepaskan diri daripada kesombongan dunia. Caranya ialah merenung beberapa masa di depan cermin, dan mengkhayal dirinya sebagai sebuah rangka tulang dan se-biji tengkorak.

Mungkin ini bukan fikiran yang menyenangkan, tetapi tiada apa-apa yang lebih tetap daripada maut kita. Bilik mayat adalah perniagaan yang tetap sekali. Seorang memang bodoh jika dia cuba melarikan diri daripada fikir akan mati.

Yesus tahu bahawa Dia akan mati, tetapi Dia dapat menafikan maut. Dia kata, “Runtuhkan-lah bait ini, dan aku akan menaikannya” (Yohanes 2:19). Paulus juga dapat menafikan maut: “Jika khemah kita di bumi ini dibongkar, Allah telah menyediakan suatu tempat kediaman di syurga”(2 Korintus 5:1).

Dan mudah saja untuk mendapat hidup yang kekal. Yesus berkata di Yohanes 5:24, “Sesungguhnya barangsiapa mendengar perkataan-Ku dan percaya kepada Dia yang mengutus Aku, ia mempunyai hidup yang kekal.”

Percaya pada Tuhan Yesus sekarang dan kamu akan dapat pasti bahawa maut bukanlah kehujungan-mu. Ia akan dijadikan pintu ke dalam hidup yang cemerlang.

Desember 23

“Yesus Kristus mengambil rupa seorang hamba...”
(Filipi 2:7)

* * *

“Belas kasihan” bermakna: menderita bersama saudara-saudari. Orang kaya dan orang atasan, dan juga orang kelas sederhana, mesti belajar bagaimana dunia itu rupanya bila dipandang dari bawah. Kita selalu berkenduri pada hari Natal tanpa mengerti maknanya.

Yesus datang ke bumi untuk mengalami apa rupanya apabila syurga mengecewakan. Dia lapar dan syurga tidak turunkan manna. Dia tidur di kandang kuda walaupun dia bukan seekor kuda atau keldai. Dia disalibkan dan orang lain asyik bermain judi. Dia menyeru kepada Tuhan tanpa mendapat sahutan-Nya.

Bolehkah orang kelas sederhana dan kelas atasan cuba pengalaman yang sama itu? Mengapa mereka tidak berasa lapar beberapa minggu, seperti saudara-saudari mereka di Mali atau di Bangladesh?

Yesus kata seorang pencuri pun dapat masuk syurga, tetapi ada orang melarangkan seorang hitam masuk ke halaman seorang kaya. Seorang pencuri boleh bermain dengan malaikat-malaikat, tetapi anak-anak

seorang miskin tidak boleh bermain dengan anak-anak yang kaya. Anjing boleh tidur di atas sofa bersama puan manusianya, tetapi hamba yang bekerja sepanjang hari di halaman dan penolong dapur yang berdiri sepanjang hari di dapur tidak dibenarkan duduk.

Saya tahu ada banyak hujah yang menentangi sikap ramah terhadap orang miskin, yang kata sikap ramah tidak baik kepada si-miskin. Tetapi soalan bukan apanya hujah orang kaya dan sederhana itu, melainkan apanya pandangan dari bawah, iaitu daripada 60% manusia yang sedang mati lapar atau yang kekurangan zat makan itu.

Yesus mengajar kita jangan memberi kepada orang miskin dari jarak yang selamat, melainkan menerima mereka ke dalam rumah kita apabila kita ada jamuan (Lukas 14:13). Dia telah panggil kamu, seorang pendosa yang jahat, ke dalam syurga-Nya.

Desember 24

“Kerana kamu aku menderita sakit bersalin lagi, sampai rupa Kristus menjadi nyata di dalam kamu.”
(Galatia 4:19)

* * *

Yesus tentu bukan di-lahir pada 25 Desember. Pada bulan Desember, kawasan berdekatan Jerusalem amat dingin pada masa malam. Pada bulan-bulan itu, biasanya gembala tidak menjaga kambing di ladang pada waktu malam.

Alkitab tidak memberitahu kita apanya hari-bulan apabila Yesus menjadi manusia. 25 Desember adalah hari cuti untuk Empayar Roma menghormati matahari. Orang Kristian mengambil peluang ini untuk merayakan kelahiran Yesus -- sebab pihak berkuasa akan lebih susah untuk mengesan mereka. Mereka bersuka-ria bukan saja untuk kejadian Yesus kepada manusia jasmani, tetapi juga sebab Tuhan Yesus telah dilahirkan ke dalam hati mereka.

Yesus dilahirkan di dalam sebuah kandang kuda dan diletakkan di dalam sebuah palungan. Adalah salah bagi gembala-gembala, yang mempunyai pondok sendirinya, meninggalkan Raja yang baru dilahirkan ini

terus tinggal di dalam palungan itu. Orang bijaksana juga, mungkin mereka sudah sewa hotel yang elok. Mereka juga boleh bawa bayi Yesus sama ibu bapa ke sana. Tempat Yesus tentu tidak patut di palungan kuda. Lebih bukan di atas salib. Dan syurga pun bukan tempat kesukaan-Nya. Tempat yang dirindui-Nya ialah hati kita. Inilah tempat yang Dia ingin tinggal.

Masa Dia lahir di dalam hati saya, saya pun menjadi Maria bagi-Nya. Inilah hari Natal yang sejati. Yesus kata Dia ingin dapat seorang ibu bagi Diri-Nya.

“Sesiapa yang melakukan kehendak Bapa-Ku di syurga itu, adalah ... ibu saya”(Matius 12:50).

Merayakan hari Natal dalam maksud ini.

Desember 25

“Bagi kita seorang anak telah dilahirkan.” (Yesaya 9:6)

* * *

Di dalam bahasa Ibrani, nubuat akan kedatangan Juru-selamat ini meneruskan sebegitu: “*Untuk kita seorang Anak telah diberikan; kerajaan akan di atas bahunya; dan nama-Nya akan dipanggil Aneh, Penasihat, Tuhan perkasa (El Ghibor)...*”

Memang itu keputusan perkasa untuk meninggalkan syurga dan dunia malaikat, dan dilahirkan di dalam sebuah kandang kuda, sentiasa berada di dalam bahaya kematian sejak masa kecil, untuk memberi keselamatan kepada bangsa manusia yang tidak semestinya akan kesyukuran. Tuan kita tahu akhirnya kebaikan akan berjaya sebab korban-Nya, jadi Dia pun melakukan ini.

Hari natal adalah peringatan kelahiran Tuhan perkasa ini.

Tanda utama pengikutnya adalah keberanian. Kecetakan dan suam-suam kuku bukanlah agama Kristian.

Seorang pengkhotbah yang bapanya seorang kaki botol dan emaknya seorang pemuja yang jujur, telah

diajar emaknya sejak kecil dengan sesuatu latihan istimewa. Dia disuruh meletakkan gelas-gelas arak, kad-kad permainan, dadu, majalah-majalah seks, beberapa duit kertas, dan gambar dirinya di atas lantai, dan kemudian memijak semua itu, sambil jerit, “Tidak! Tidak!” Kemudian mengulang lagi, “Tidak, Tidak!” kemudian dia pun berkata sesama dirinya, “Saya seorang kepunyaan Tuhan yang perkasa. Saya akan terus berkata ‘Tidak’ terhadap segala penggodaan dosa.”

Marilah kita mengingati kelahiran Yesus dengan meninggalkan hidup seronok dan mengambil keputusan yang telah diambil oleh semua wira sedunia: “*Menang atau musnah, tetapi tidak sekali-sekali melepaskan sasaran kita.*”

Desember 26

“Jika sesiapa hendak mengikut Aku, biarlah dia menafikan diri.” (Matius 16:24)

* * *

Seorang budak lelaki yang berumur dua belas tahun ditanya apa cita-citanya. Dia menjawab, “Seorang pengkhotbah ke Afrika.”

“Kenapa?”

“Sebab saya boleh memburu singa di sana.”

Ramai di antara kita juga ada sikap ini. Kita ingin menjadi Kristian baik. Kenapa? Sebab dapat masuk syurga, dan ada peluang mendapat sesuatu tempat yang lebih elok di sana.

Tujuan betul bagi kita menjadi seorang Kristian yang baik, adalah untuk memikul sebatang kayu salib yang lebih berat bagi Kristus. Orang yang dilahirkan semula akan berhasrat menjadi seorang Kristian yang lebih baik, supaya pada masa dia mengalami kesedihan, soalan yang ditanyanya bukanlah “*Bagaimana dapat saya melepaskan diri?*” Melainkan “*Bagaimana dapat kerajaan syurga dimulihkan dalam situasi baru ini?*”

Kemalangan kita bukan sia-sia. Semua itu dicadangkan oleh Tuhan yang mengasih. Kapal yang

dinaiki pengikut-pengikut itu menimpa ribut di laut (Matius 8:23-27). Tuhan Yesus ingin mengajar mereka bagaimana mengendalikan sesuatu ribut. Mereka akan menimpa banyak ribut kelak.

Dia akan bangun pada masa kamu akan tenggelam. Sampai masa itu, menerima-lah cabaran dengan sunyi dan terus bekerja dengan berani. Untuk inilah kamu dipanggil menjadi Kristian, bukan untuk menikmati di syurga.

Mubaligh-mubaligh yang dihantar ke Afrika bukan untuk memburu singa.

Desember 27

“Kamu akan jadi saksi Aku... sampai hujung bumi.”(Rasul 1:8)

* * *

Paus Gregory yang *Agung* mendapat sebutan agung itu, walaupun dia berbadan kecil, sebab satu perkhidmatannya. Dia lah yang memulakan misi kepada orang Anglo-Saxons.

Orang Anglo-Saxons yang dijadikan Kristian itu pun menjadi berkat kepada seluruh dunia. Boniface, seorang Inggeris, membawa Berita Baik kepada Jerman. Willibrord, juga Inggeris, menukarkan orang Flemish; Patrick mendapat orang Ireland untuk Kristus. Empayar British memberi peluang untuk membawa agama Kristian ke Asia, Afrika dan Australia.

Anglo-Saxons membawa iman Injil ke Amerika Syarikat. Bahkan sekarang, 60% segala mubaligh dan 80% semua kewangan misi datang dari Amerika Syarikat.

Untuk memastikan agama Kristian hidup di dunia Anglo-Saxon adalah mustahak sekali. Mubaligh-mubaligh mesti sampai ke pantai yang jauh sekali, tetapi janganlah kita lupa bahawa agama Kristian

sedang layu di dunia Anglo-Saxon. Saja 3 % penduduk di pulau-pulau British masih pergi ke gereja. Di Amerika, tujuh dari sepuluh orang pemuda tidak sekali-sekali-nya masuk gereja. 70% penduduknya tiada perhubungan dengan gereja.

Marilah kita berdoa untuk dunia Anglo-Saxon.

Desember 28

“Aku harus ikut sujud menyembah dalam kuil Rimon... semoga Tuhan mengampuni hambamu dalam hal itu.” Maka katalah Elisa kepadanya: “Pergilah dengan selamat”(2 Raja-raja 5:18,19)

* * *

Ada satu kisah yang kata, Musa terdengar doa seorang budak gembala, *“Tuhan, jika Kau menunjukkan diri kepada saya, saya akan memberi-Mu bulu kambing, susu, dan daging dengan percuma. Jika Kamu ada kambing biri-biri, saya akan membawa mereka ke padang, tanpa apa-apa upah. Saya akan menyikat rambut-Mu, cuci jubah-Mu, dan mencium tangan-Mu.”*

Musa terkejut dengar itu dan jerit menghentikan budak itu, sebab doanya terlalu teruk! Itulah hujatan!

Kemudian Tuhan muncul kepada Musa dan menegurnya. Tuhan kata bahawa Dia lebih suka doa mudah budak itu daripada doa rumit tokoh-tokoh agama yang berasa diri mereka tahu semua.

Bercermat hati untuk mengendalikan pandangan sesetengah orang yang salah dan kebudakan itu. Bagi seseorang yang saja pergi ke gereja, yang tidak sekali-

sekali-nya menyaksi untuk Kristus, pergi ke gereja mungkin-lah semuanya hidup agamanya. Jangan mengambil sebagai satu kejahatan sesuatu kepercayaan yang menyeleweng. Mungkin itulah transit seseorang di antara duniawi dengan pengetahuan Tuhan. Orang itu meraba-raba di dalam kegelapan, tetapi dia mungkin sedang menyentuh benda yang betul. Berilah nasihat yang bagus kepadanya, janganlah memadamkan cahaya yang kecil yang dipegangnya.

Sebagai satu prinsip, berilah sedikit saja nasihat dalam hal agama. Tanyalah dirimu, berapa nasihat yang kamu sudi ambil daripada orang lain. Itulah jumlah nya yang kamu patut memberi kepada orang lain.

Desember 29

“Untuk hal ini saya sudah tiga kali berseru kepada Tuhan, supaya utusan Iblis itu mundur daripadaku. Tetapi jawab Tuhan kepadaku: ‘Cukuplah kasih Ku bagimu.’” (2 Korintus 12:8,9)

* * *

Dua hari tinggal untuk tahun ini. Kita ingat akan ramai berkat yang kita terima pada tahun ini, tetapi juga banyak hasrat hati dan doa yang tidak dapat jawapan.

Seorang saleh yang terkenal sebab doa-doa-nya untuk orang lain sentiasa terjadi. Ada orang pun tanyanya, “*Jadi kenapa tuan tidak berdoa untuk dirimu sendiri?*” Saleh ini buta.

Dia jawab, “*Lebih elok menyerahkan kepada tujuan Tuhan, daripada mendapat kesenangan untuk diri kita, seperti dapat nampak.*”

Bersyukurlah untuk doa yang tercapai, dan juga untuk doa yang ditolak. Tuhan tahu apa yang kamu perlu.

Doa yang tidak dijawab itu adalah doa-doa yang diucapkan dalam kejahilan, tidak tahu haram yang akan dibawanya. Pada suatu masa kelak kamu akan bersyukur Tuhan sebab tidak menunaikannya.

Monica sedih sebab doanya untuk anaknya Augustine tidak dijawab. Dia pernah doa supaya anaknya tinggal bersamanya. Anak itu hidup jahat, suka dengar segala jenis ajaran syaitan, dan meninggalkan ibunya.

Augustine pergi ke Milan, di sana dia jumpa biskop Ambrose. Selepas itu dia bertaubat dan menjadi salah seorang guru Kristian yang teragung.

Desember 30

“Yesus telah menjadi miskin, supaya dengan kemiskinan-Nya, kamu dapat jadi kaya.”(2 Korintus 8:9)

* * *

Fikir balik tahun ini, kita ingat banyak dosa kita. Itu ada banyak sebabnya. Salah satu mungkin sebab kita tiada guru rohani yang betul.

Berawas akan guru-guru agama yang ada banyak pengikutnya. Ada kemungkinan mereka bersalah. Jika mereka mengucapkan kebenaran dengan sepenuhnya, pengikut-pengikut mereka akan jadi kurang.

Yesus ada beribu-ribu pengikut apabila Dia menambah roti atau menyembuhkan orang. Tetapi bila Dia mengajar, ramai pun meninggalkan-Nya. Mereka menganggap ajaran-Nya sebagai gila.

Adakah orang ramai berkumpul kepada guru kamu? Akan-kah kamu mengikutnya jika dia mengajar kemiskinan dan hidup papa untuk mengikut kata Tuan Yesus, “Bahagialah kamu yang miskin” (Lukas 6:20)?

Ada orang memberi duit kepada seorang saleh. Tetapi saleh itu enggan terima, katanya, “Saya telah ada yang cukup untuk hari ini.”

“Duit yang kamu ada itu tidak cukup untuk lama,” orang lain kata. “Ambillah ini dan kamu pun boleh guna masa depan.”

Saleh itu jawab, “*Jamin saya bahawa saya akan hidup lebih panjang daripada beberapa siling yang saya ada itu, dan saya pun akan menerima duit kamu.*”

Carilah guru yang memberitahu kamu jangan bimbang untuk banyak perkara yang kamu kekurangan, melainkan berpuas hati dengan beberapa benda yang kamu ada. Yesus, walaupun kaya, telah menjadi miskin kerana kamu.

Perkataan “*ada*” tidak wujud di dalam Ibrani. Saja Tuhanlah si-punya segala sesuatu. Kamu boleh mempunyai Pemilik itu. Carilah seorang guru yang akan ajar kamu bukan saja berpuas hati dengan apa yang kamu ada, tetapi juga bagaimana-nya untuk bersuka-ria dalam mempunyai Tuhan.

Desember 31

“Ajarlah kami menghitung hari-hari kami, supaya kami dapat hati yang bijaksana.”(Mazmur 90:12)

* * *

Tahun ini telah lepas. Biarlah segala kesusahan, dosa, dan pergaduhan pada tahun ini terlepas bersama-sama. Untuk dosa kita, ada keampunan di dalam darah Kristus. Untuk kesusahan, tahun baru itu akan membawa kesulitan dirinya, tak payah tambah pula kerisauan tahun lepas. Dan pergaduhan-pergaduhan dulu itu tidak lagi penting sekarang.

Sepasang pemuda-pemudi sudah berkahwin sebab cinta. Mereka duduk di atas sebuah meja dan memeluk sama-sama. Tiba-tiba perempuan itu terkejut. “*Kau nampak tak?*” jeritnya. “*Seekor tikus telah lari ke dalam lubang sana di kanan itu.*”

Lelaki itu pun menenangkannya. “Jangan takut. Saya pun nampak. Benda kecil. Ia tidak akan haramkan kamu. Saya nampaknya lari ke dalam lubang kiri itu.”

Perempuan itu mendesak bahawa lubang kanan-lah yang tikus itu masuk. Lelaki itu menggunakan kuasanya sebagai suami, menegaskan bahawa dia yang betul; mesti di lubang kiri. Mereka pun bercerai sebab itu.

Selepas beberapa tahun, rakan-rakan berjaya membawa aman di antara pasangan itu. Mereka berkahwin lagi. Mereka duduk di atas meja yang sama, di bilik yang sama. Perempuan itu kata, “*Betapa bodohnya kita bergaduh sebab seekor tikus yang lari ke dalam lubang kanan itu.*”

Lelaki itu jerit, “Kamu mau bermula lagi?” Mereka bercerai lagi. Kali ini untuk selama-lamanya. Bukankah kita pun selalu bergaduh serupa itu?

Kini satu tahun telah lepas. Kita sudah setahun lebih dekat untuk bertemu dengan Tuhan. Adakah segala kerisauan dan pertengkaran kita tahun ini, betul-betul penting pada hari kiamat?

Biarlah kita memeriksa apa yang telah terlalai pada tahun lepas ini, dan memulakan tahun depan itu dengan keyakinan. Di tahun baru ini kita mempunyai Tuhan, Juru-selamat, Roh Kudus, dan malaikat-malaikat yang melindungi. Kita boleh bertenang.

(Untuk sebarang pembetulan atau soalan, sila Whatsapp 016-5608439. Terima kasih.)